

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh : 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

**Masa : 9.30 Pagi**

**Tempat : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.**

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Tim. Ketua Menteri I/Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35	YB. Datuk Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A  
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Setiausaha:**

Ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha:**

Doa.

**Setiausaha:**

Soalan lisan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan dalam sesi soalan lisan. Dipersilakan Kebun Bunga.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya soalan no. 49.

49. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan keselamatan kanak-kanak dapat diperketatkan dari segi: -
- (a) Penguatkuasaan agar kes penculikan di negeri kita dapat dielakkan?
  - (b) Penderaan oleh ibu bapa dan penjaga?
  - (c) Pelajar-pelajar yang dibuli semasa dan selepas waktu persekolahan?

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih kepada YB. Kebun Bunga kerana prihatin atas isu-isu yang dihadapi oleh kanak-kanak. Pelbagai langkah di ambil oleh Kerajaan Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memastikan keselamatan kanak-kanak sentiasa terkawal melalui langkah-langkah di bawah:

- (a) Tindakan penguatkuasaan undang-undang dijalankan agar kes penculikan Pulau Pinang dapat dielakkan dengan langkah-langkah iaitu :
  - (i) Membuat siasatan berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 361 Kanun Keseksaan dan berkenaan dengan penculikan dengan tebusan. Kes disiasat di bawah seksyen 3 Akta Penculikan 1961.

- (ii) Bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan pihak sekolah dalam menjalankan program. Mengajar kanak-kanak bagaimana untuk menjaga keselamatan diri dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah melalui sesi tayangan video ceramah dan aktiviti interaksi bersama-sama kanak-kanak.
- (iii) Mengadakan program ID Kid di sekolah rendah dan juga pra sekolah. Melalui program ini ibu bapa dapat membekalkan maklumat terkini anak mereka dengan cepat kepada pihak polis sekiranya anak mereka hilang.
- (iv) Mengadakan kempen *Lollipop* di kawasan sibuk seperti di Pesta Pulau Pinang dengan tujuan memberi kesedaran kepada ibu bapa supaya sentiasa mengawasi keselamatan dan pergerakan anak-anak mereka di tempat-tempat awam dan orang ramai.

Soalan b.

Langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan kanak-kanak terpelihara daripada penderaan oleh ibu bapa dan penjaga adalah:

- (i) Bekerjasama dengan Pejabat Pembangunan Wanita, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Hospital Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia dan NGO-NGO setempat dalam mengadakan ceramah kesedaran dan pameran mengenai program anti-jenayah dan penderaan kepada masyarakat.
- (ii) Mengadakan sesi ceramah Akta Keganasan Rumah Tangga dan Akta Kanak-Kanak.
- (iii) Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kanak-kanak yang berusia di bawah 18 tahun yang didera dan diabaikan akan diberi perlindungan pemeliharaan dan pemulihan mengikut Akta Peraturan mengikut Peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001. Turut diadakan adalah program provokasi dan kempen kesedaran kepada masyarakat untuk membantu mangsa penderaan melalui talian kasih 15999.

Untuk soalan C. Pelajar-pelajar yang dibuli semasa dan selepas waktu persekolahan. Dalam memastikan keselamatan pelajar-pelajar sekolah yang terlibat dengan kes buli, PDRM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan kempen anti-jenayah di kalangan remaja. Di pihak JKM pula, JKM akan bertindak memberi perlindungan dan pemulihan dengan mengguna pakai peruntukan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Soalan tambahan. Terima kasih kepada jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya adalah penjenayah yang *targeting* kanak-kanak di seluruh dunia termasuk Malaysia untuk *objective* penculikan ataupun memperdaya atau memperalatkan kanak-kanak itu sekarang sudah menambah *skill* teknik mereka dengan cara melalui internet. Adakah Kerajaan Pulau Pinang dan memang soalan ini kepada Kerajaan Persekutuan juga. Adakah cara atau taktik ataupun proaktif *method* (dengan izin) dari segi kerajaan cuba menyelesaikan ataupun cuba menghentikan operasi penjenayah internet terhadap kanak-kanak. Di luar negara termasuk Eropah dan Amerika, kerajaan mereka sudah bermula dengan internet pemantauan dari pihak berkuasanya termasuk polis dan internet polis. Adakah Kerajaan Pulau Pinang menuju ataupun *moving forward* ...(dengan izin) dengan memantau dan mengambil tindakan di dalam perkara ini. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih kepada YB. Kebun Bunga. Memang melalui internet ramai kanak-kanak disasarkan. Memang betul juga diadakan di negara lain ada program untuk menyedari ibu bapa dan kanak-kanak supaya berhati-hati dengan unsur-unsur seperti ini. Jadi, saya rasa di Pulau Pinang memang ada *Women's Centre For Change* yang mereka menjadi NGO yang memang ada *monitor* ataupun memberikan kesedaran tentang jenayah seperti ini *online* media jenayah *online* media khasnya terhadap kanak-kanak perempuan. jadi, saya harap pelbagai pihak akan bekerjasama dalam isu ini dan mungkin kita boleh memulakan satu kempen untuk memulakan aktiviti ini. Terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya, mempersilakan Ahli Kawasan Bukit Tengah.

### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Soalan saya soalan no. 50.

50. Mengapakah DUN Pulau Pinang hanya bermesyuarat dua kali dalam setahun, iaitu bilangan mesyuarat yang minimum yang disyaratkan dalam Perlembagaan Negeri bagi mengelakkan DUN daripada terubur? Atas prinsip ketelusan adakan Kerajaan Negeri bercadang DUN Pulau Pinang bermesyuarat lebih daripada dua kali dalam setahun pada tahun seterusnya?

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih atas soalan yang telah di tanya. Merujuk Perkara 19 Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan Peraturan 6 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri menyatakan Dewan undangan Negeri dalam bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan. Oleh yang demikian, pelaksanaan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang adalah mematuhi perlembagaan negeri serta peraturan yang dinyatakan tersebut.

Dalam tempoh masa bersidang DUN Negeri Pulau Pinang adalah tidak kurang daripada enam (6) hari bagi satu sidang dan tempoh ini membolehkan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan DUN di bentang dan perbahasan yang melibatkan semua ADUN. Malah dalam sidang DUN Pulau Pinang adalah merupakan antara persidangan yang agak panjang berbanding dengan Dewan Undangan Negeri-Negeri yang lain. Walau pun DUN hanya bersidang dua (2) kali setahun pada ketika ini tetapi ianya didapati mencukupi dan membolehkan kesemua ADUN-ADUN untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia menambah sidang DUN sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Soalan tambahan. Terima kasih. Sebenarnya ini adalah jawapan *standard* yang saya sudah jangka kerana itu saya hendak menunjukkan bahawa pada pendapat saya dan juga mengikut *benchmark* CPA, apa yang disebut adalah ia perlu mengadakan mesyuarat secara *regular* ....(dengan izin). Bagi saya walau pun setahun dua (2) kali ia cuma bermaksud kita buat pembukaan buat penutup tapi di tengah-tengah apa kandungannya? Kalau dari segi kita hendak *check and balance* ...(dengan izin) pentadbiran kerajaan sepatutnya sekurang-kurangnya di tengah tahun ada sekurang-kurangnya ada satu (1) sesi lagi untuk kita buat pemeriksaan terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri. Walaupun kita banding kata DUN negeri pun kita bersidang lebih hari kalau kita banding Selangor dia sidang tiga (3) kali setahun.

Jadi, saya berharap dan soalan saya berkenaan dengan jawapan yang diberi oleh Pantai Jerejak akan mengadakan sidang. Soalan saya apa yang dimaksudkan itu sekiranya perlu? Itu sahaja.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat merujuk kepada *Commonwealth Parliamentary Association* (CPA) walau pun ia di sebut tetapi apa yang kita lakukan ini adalah paling minimum menepati peraturan yang telah kita pegang dan saya telah nyatakan tadi sekiranya ada keperluan untuk menambah lagi boleh dicadangkan dan boleh diusulkan. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan bahas.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Soalan tambahan. Memang saya tertarik cadangan daripada Bukit Tengah di mana sidang Dewan DUN memang saya ahli baru tetapi selepas dua (2) tahun sejak saya dilantik oleh rakyat di DUN Jawi saya berpendapat bahawa dua (2) kali memang kurang. Pandangan saya, saya memang bersetuju dengan cadangan daripada Bukit Tengah. Soalan saya bukan saja ikut keperluan kerana kalau kita ada tiga (3) sesi maka saya berpendapat bahawa kerja-kerja kita akan diringkaskan dan juga sesi-sesi bermesyuarat tidak payah sampai lewat malam pukul 11.00. Soalan saya adakah cadangan ini boleh di bawa masuk dalam jawatankuasa EXCO untuk berbincang ataupun dibincang dalam jawatankuasa yang ditubuh di DUN? Terima kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih soalan tersebut. Sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi apa yang kita buat selama ini *we make the minimum*...(dengan izin) sekiranya ada cadangan boleh diajukan dan boleh dipertimbangkan untuk menambahkan lagi sesi-sesi perbincangan seperti ini. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Soalan tambahan, soalan tambahan. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Mengenai sesi tambahan di dalam Dewan yang mulia ini, bagi *backbenchers* juga berasa kadang-kadang proses demokrasi untuk menyuarakan suara rakyat di Dewan mungkin terjejas mungkin dengan sengajanya tetapi kerana sesi yang kurang. Memang ada yang akan mempertikaikan dan mengatakan *backbenchers* masih boleh berbincang dalam satu (1) tahun 365 hari tetapi isu yang penting pada peringkat yang akhirnya kena dijawab ataupun diselesaikan ataupun dipastikan oleh Dewan. Jadi, cadangan untuk ada sesi yang lebih daripada dua (2), minimum, adalah amat baik kepada Pulau Pinang.

Soalan saya, soalan YB. Bukit Tengah dan juga YB. Jawi sudah menyatakan bahawa meminta Dewan menambah sesi. Soalan saya adalah adakah Kerajaan Pulau Pinang akan kembali kepada kita dengan satu (1) jawapan? Adakah pada sesi yang akan datang kita akan buat satu (1) keputusan. Kita akan tambahkan sesi dengan jawapan kepada Dewan dan ke semua ADUN-ADUN dan sekiranya kita akan tambahkan sesi dan bila masa yang akan di peringkat ataupun *the period of time. How long is the sesi?* Terima kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih kepada soalan tambahan tersebut. Soalannya, bila kita nak adakan? Dia nak kena ada cadangan dulu baru kita boleh bagi. Sebenarnya saya juga merujuk kepada soalan lisan yang telah disebut pada soalan no.25 di mana CPA juga telah dinyatakan iaitu ada a,b,c,d,f tentang *recommended benchmark* dalam CPA yang telah dinyatakan sebelum ini dan telah dijawab secara lisan oleh Exco juga. Jadi, sekiranya ada permintaan, permohonan, maka pendetailan bila dan bagaimana kita boleh mengambil kira cadangan tersebut. Terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila, Yang Berhormat Seri Delima.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisavara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dato' Speaker, soalan saya adalah soalan 51.

51. (a) Adakah keadaan jerebu yang melanda Pulau Pinang ini menyebabkan apa-apa peningkatan kepada pesakit asma?
- (b) Apakah tahap kesiapsagaan hospital-hospital kerajaan dan swasta di Pulau Pinang menangani keadaan ini dan semua masalah-masalah kesihatan yang disebabkan oleh masalah jerebu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Menjawab soalan YB. Seri Delima. Terdapat tiga (3) jenis penyakit jerebu yang dikenal pasti oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang iaitu *Upper Respiratory Tract Infection* (URTI), *Asthma* dan *Conjunctivitis*. Data diperolehi daripada tiga (3) Klinik Kesihatan Sentinel yang berdekatan dengan Stesen Pemantauan Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mendapati keadaan jerebu yang tidak sihat iaitu indeks melebihi 100 menambah bilangan penyakit akibat jerebu terutama sekali URTI dan Asma. Walau bagaimanapun, tiada maklumat tentang peningkatan pesakit. Semua hospital kerajaan di Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil tindakan dan langkah-langkah mempertingkatkan kesiapsiagaan hospital iaitu *hospital preparedness* termasuk dari segi bekalan *Personal Protection Equipment (PPE)* dan juga ubat-ubatan. Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan Semakan 2014 *National Haze Action Plan Revise 2014 ...* (dengan izin) yang telah diedarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menjadi rujukan utama dalam menangani masalah jerebu ini. Pihak Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS), Jabatan Kesihatan Negeri juga turut memaklumkan agar semua hospital swasta termasuk klinik swasta di Pulau Pinang mengambil langkah-langkah yang sama.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisavara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya bagi YB. Batu Uban dulu.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Saya nak tahu, pastikan apa yang di dalam itu soalan-soalan URTI. Apa itu URTI, apa itu PPE, apa itu, YB. Batu Maung, *do you know what all this means? Do you have an understanding of what is this...*(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

YB. Batu Uban, ini adalah soalan-soalan dan jawapan dalam DUN. Ini bukan satu *medical* seminar. Saya harap kalau YB. Batu Uban.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

*So aggressive.*

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*No it is not, because* ini soalan yang ditanya dengan kesan jerebu. Kalau Yang Berhormat Batu Uban nak bincang tentang URTI dan seterusnya, itu adalah satu dalam *medical field* yang boleh kita bincang. Ini adalah tentang soalan Yang Berhormat Seri Delima tentang apakah *effect* jerebu so ini jawapan saya pada Yang Berhormat Batu Uban.



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisavara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Batu Maung yang telah memberi penjelasan. Sebelum soalan saya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada EXCO-EXCO yang berkenaan yang telah dari semasa ke semasa telah membekalkan cukup bekalan *face mask* kepada kami kesemua barisan *backbenchers* untuk dibekalkan kepada kawasan tertentu dan diedar kepada penduduk di kawasan kami semasa pasca jerebu meruncing baru-baru ini.

Soalan saya, pada masa yang sama, saya juga ingin mengetahui pada masa akan datang adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengadakan satu *Standard Operating Procedure (SOP)* menjelang bulan Jun, Julai atau pun daripada bulan lima (5) tiap-tiap tahun, di mana kita mengetahui masalah jerebu ini selalunya bermula. Di mana saya fikir di tiap-tiap KADUN, di Pusat Khidmat, wajib dan wajar bagi Kerajaan Negeri membekalkan *face mask* kerana kita lihat masalahnya adalah semua *chemist ...* (dengan izin) ataupun tempat-tempat pengedaran, penjualan dadah yang dilesenkan selalu meningkatkan harga satu (1) *face mask*. Lebih kurang sehingga ada aduan mengatakan lebih kurang RM1.50 untuk satu (1) dan pesakit-pesakit yang mengidap asma ataupun resdung (dengan izin) *sinus* mendapati bahawa tidak ada cukup bekalan. Jadi soalan saya pertama adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengimplimentasikan satu (1) *Standard Operating Procedure* menjelang bulan Lima (5), bulan enam (6), kita pastikan bahawa kita bekalkan kepada semua pusat khidmat. Bukan sahaja di kawasan-kawasan di mana *backbenchers* nya adalah daripada Kerajaan Negeri tetapi juga untuk kawasan-kawasan daripada seberang. Walaupun ia adalah dari kawasan pihak pembangkang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Jawapan soalan yang dibangkitkan oleh YB. Seri Delima, saya rasa ini soalan yang *valid* apa yang berlangsung daripada soalan yang asal. Soalan yang asal berbunyi, apakah keadaan jerebu yang melanda Pulau Pinang ini menyebabkan peningkatan kepada pesakit asma. Soalan yang kedua adalah apakah tahap kesiapsiagaan hospital-hospital kerajaan dan swasta untuk menangani keadaan ini dan semua masalah-masalah kesihatan yang disebabkan oleh masalah jerebu. Jawapan kepada YB. Seri Delima, memang saya rasa sudah sampai kepada satu (1) keadaan di mana masalah jerebu ini bagi kita lihat, kita tidak nampak penyelesaian di masa terdekat. *We don't see any solutions in the near future ....* (dengan izin). Oleh yang demikian, saya rasa memang cadangan YB. Seri Delima itu bagus yang kita sudah pun ada setakat ini tapi kita akan memperkemas, mempertingkatkan, serupa dengan banjir. Kita kena jaga dan mempertingkatkan. Siap sedia untuk kita menghadapi jerebu pada tahun hadapan dan *we have got to have this SOP*, Dato' Yang di-Pertua. Dan juga kita kena siapkan *the supplies and so on*, dan bukan hanya menunggu masa jerebu baru kita *take actions*. *We must be prepared* dan Pulau Pinang mesti mendahului dalam usaha ini.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Saya ini bukanlah seorang doktor tapi saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Seri Delima yang dia katakan tadi asma, adalah resdung. Jadi, mungkin ada doktor dalam ini kata asma itu bukan resdung. Asma itu lelah. Tak sama. Balik kepada menghadapi masalah jerebu ini, bukan sahaja penduduk di kawasan *backbenchers* menghadapi masalah ini, seluruh rakyat Pulau Pinang termasuklah kita dalam ini. Jadi, saya nak tanya, soalan saya, adakah pengamalannya, katanya Kerajaan Pulau Pinang tak mengamalkan sistem anak emas, anak tiri tapi kenapa kawasan Barisan Nasional tidak dibekalkan? Atau pun mungkin dibekalkan kepada sesiapa yang kita tak tahu untuk kita edarkan. Kawasan *backbenchers* sahaja yang dapat. Boleh YB. Batu Maung beri penjelasan?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Soalan YB. Telok Ayer Tawar, Pulau Pinang sejak tahun 2008 tidak ada anak tiri. Semua anak emas sahaja. Termasuk Telok Ayer Tawar. Sebab itu kita telah melantik wakil-wakil kita di setiap DUN untuk kita salurkan usaha-usaha kita ini. Jawapan kepada YB. Telok Ayer Tawar, ya kita memang bekalkan apa-apa sahaja keperluan bukan sahaja untuk jerebu, bila-bila masa sahaja melalui kita punya wakil-wakil di setiap DUN. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila, Yang Berhormat Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan 52.

52. Sila nyatakan dengan teliti jumlah sumbangan FA Penang daripada Kerajaan Negeri termasuk PBA dan PDC pada tahun 2014 dan 2015.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kota. Bagi tahun 2014, jumlah sumbangan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ialah RM4.0 juta. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) turut memberi RM4.0 juta kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP). Manakala bagi tahun 2015, hanya PBAPP yang menyumbang RM8.0 juta kepada FAP. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada PBAPP dan PDC kerana banyak menyumbang kepada pembangunan sukan bola sepak di Pulau Pinang dan FAP pun membalas sumbangan ini dengan prestasi yang cemerlang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh YB. Padang Lalang. Soalan tambahan, sebagai penaja utama untuk Penang FA, adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu (1) mekanisme untuk *monitor* atau mencadang Penang FA supaya

dapat memurahkan akademik dari umur 6 sampai 12 dan selepas itu 12 sampai umur yang dapat menghadiri Pertandingan Presiden Cup kerana di Pulau Pinang, FAP memberi peranan yang sangat penting atas bidang bola sepak kerana semua budak-budak yang mewakili Negeri Pulau Pinang kenalah dipilih melalui FAP. Jadi, nak dapatkan satu (1) jawapan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya rasa YB. Pengkalan Kota perlu ada lebih keyakinan terhadap Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri memang gunakan wang itu sangat berhati-hati. Memang Y.A.B. Ketua Menteri kalau dia beri wang pun dia hendak ada *return* punya. Jadi, FAP dia ada di bawah FAP, ada 15 Akademi Bola Sepak di dalam negeri ini. Memang mereka yang menguruskan semua pembangunan atlet bola sepak. Terima kasih.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

YB. Berapit dulu.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kook Foi):**

Saya memberi tahniah kepada Kerajaan Negeri dan syabas kerana PBA menyalurkan RM4 juta kepada satu sukan iaitu FAP Bola Sepak. Saya mahu bertanya selain daripada itu kerajaan adakah menyalurkan peruntukan yang munasabah atau cukup untuk sukan-sukan lain dan menjaga pelapis-pelapis yang akan datang untuk memberi lagi banyak atlet yang baru kepada Negeri Pulau Pinang. Saya harap Kerajaan Negeri mementingkan latihan kepada anak-anak muda yang baru menceburi di dalam sukan dan kita akan dapat lagi banyak *star in the sport* like Ng Si Liang, Abby Chia atau Goh Jin Wei. Saya harap Kerajaan Negeri mengambil kepentingan untuk melatih lagi banyak pelapis-pelapis di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih kepada YB. Berapit yang sungguh prihatin terhadap atlet-atlet. YB. Dato' Speaker, Pulau Pinang merupakan *power house for sport athlete for Malaysia*. Dan ini sudah diiktiraf oleh semua, yang mereka yang terlibat dalam sukan. Jadi, ini menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang mempunyai *alarm* untuk membangunkan atlet-atlet yang cemerlang seperti yang tadi yang dikatakan oleh YB. Berapit, kita ada Goh Jin Wei 15 tahun, tetapi sudah menjadi juara dunia badminton, *single woman*. Dia memang di *identified* pada masa YB. Berapit menjadi EXCO. Kita memberi dia juga sedikit sumbangan untuk menjadikan hari ini dia ada prestasi hari ini. Jadi, tadi saya tidak katakan bahawa PBA juga memberi RM50,000 kepada MSN dan sekiranya di minta saya rasa Kerajaan Negeri akan menimbang juga sekiranya kita perlukan lebih banyak dana. Tetapi sekarang dana adalah cukup. Untuk tahun-tahun yang akan datang, saya rasa mungkin kita akan memerlukan lebih banyak dana dan saya yakin Kerajaan Negeri akan memberi melalui *channel, channel* atau PBA atau PDC atau *channel* yang lain. Jadi, saya terima kasih kepada semua kerana prihatin kepada pembangunan sukan di dalam Negeri Pulau Pinang dan saya rasa kita boleh tambah baik lagi. Terima kasih.

**Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:**

Soalan dari YB. Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih. Sebelum soalan tambahan, saya ingin nak betulkan YB. Padang Lalang *the concern doesn't mean there is not confident*. Saya memang bukan, saya hanya bertanya sahaja. Bukannya tak ada yakin kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh YB. Padang Lalang dan saya nak minta bolehkan YB. Padang Lalang memberikan satu (1) senarai apakah akademi yang ada, 15 akademi yang ada dan apakah fungsi mereka. Tapi tak perlu secara lisan. Bolehkah jawab selepas ini secara bertulis. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Boleh. Memang itu jawapan telah disediakan tapi tak ada di sini sekarang. Memang saya akan bagi apabila saya gulung. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan seterusnya. YB. Berapit.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kook Foi):**

Soalan saya soalan no. 53.

53. Adakah pelaksanaan projek Cleaner Greener Penang telah mencapai matlamatnya sejak dilaksanakan pada tahun 2010?
- (a) Sejak Majlis Perbandaran Seberang Perai mengambil alih kerja pembersihan daripada kontraktor swasta dan melantik pekerja sendiri melaksanakan kerja pembuangan sisa pepejal domestik, masih ramai mengadu kerja ini tidak dibuat mengikut jadual. Adakah prestasi Majlis Perbandaran Seberang Perai dan tahap kebersihan masyarakat sudah mencapai matlamat projek Cleaner Greener Penang?
  - (b) Berapakah peruntukan tahunan yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri untuk Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi pembelian peralatan/jentera/penambahan kakitangan? Berapakah jumlah kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang menjalankan kerja pembersihan serta pembuangan sisa pepejal domestik sebelum dan selepas MPSP mengambil alih kerja pembersihan dari kontraktor swasta? Sila nyatakan dengan teliti.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Selamat pagi YB. Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kerana boleh menjawab soalan 53 yang dikemukakan oleh YB. Berapit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini,

dasar *Cleaner, Greener, Penang* telah Y.A.B. Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang pada 22 Mei 2010. Dasar ini disusuli dengan program dan aktiviti yang membawa kepada perubahan menyeluruh penduduk tempatan terhadap kebersihan awam dan juga alam sekitar yang hijau.

Matlamat *Cleaner, Greener, Penang* ialah untuk meningkatkan kualiti ruang awam dan mewujudkan komuniti yang sihat, mampan dan *inclusive*. Setelah lima tahun pelaksanaan dasar ini, Negeri Pulau Pinang telah mencapai matlamat hasil dari langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri khususnya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan juga agensi-agensi yang lain. Antaranya matlamat yang dicapai dalam tempoh ini dari segi kadar kitar semula, MBPP berjaya meningkatkan kadar kitar semula dari 13.39% pada tahun 2008 kepada 24.81% pada tahun 2015. Manakala, MPSP berjaya meningkatkan kadar kitar semula daripada 21.97% pada tahun 2008 kepada 39.66% pada tahun 2015. dari angka puratanya, bagi seluruh Negeri Pulau Pinang kadarnya adalah 32%. Boleh dikatakan dari prestasi ini MPSP khususnya dan Negeri Pulau Pinang amnya telah menjadi PBT dan negeri yang paling berjaya dari segi mencapai kadar kitar semula. Bagi MPSP 39% ini mendekati piawaian antarabangsa.

Keduanya, peningkatan jumlah tanaman pokok di mana sejumlah 238,180 batang pokok telah ditanam dari tahun 2008 hingga 2015 di seluruh Negeri Pulau Pinang. Angka ini masih belum dapat mencapai sasaran YB. Tanjong Bunga untuk menanam satu (1) juta pokok. Tetapi dengan lebih banyak tahun dan usaha yang gigih, saya percaya matlamat menanam satu (1) juta pokok di Negeri Pulau Pinang dapat dicapai. Mungkin bukan dalam satu dua (2) tahun lagi, mungkin memerlukan lima (5) atau lapan (8) tahun sehingga sepuluh tahun. Yang pentingnya matlamat untuk melibatkan masyarakat dalam program-program ini. Kita amat bersyukur di Negeri Pulau Pinang ada jaringan penduduk dan masyarakat tempatan, NGO yang amat prihatin dan sememangnya bekerjasama dengan PBT dalam menjayakan usaha-usaha ini dan membawa perubahan sikap dan nilai terhadap penjagaan alam sekitar. Seterusnya, MPSP mengambil alih, sejak ianya mengambil alih kerja pembersihan dari kontraktor swasta dan melantik pekerja sendiri bagi melaksanakan kerja-kerja pengutipan sisa domestik, prestasi MPSP adalah lebih baik. Ini terbukti berdasarkan kajian dalam Majlis Dialog Bajet Tahun 2014 di mana terdapat 41% daripada masyarakat memohon supaya MPSP memberi penekanan terhadap aspek kebersihan. Manakala, bagi bajet tahun 2016 iaitu sesi dialog yang diadakan pada tahun ini, hanya 26% sahaja memohon aspek kebersihan diberi keutamaan. Maksudnya mungkin ada penambahbaikan jadi tumpuan masyarakat diberikan kepada aspek-aspek yang lain.

Kedua, aduan tentang kutipan sampah juga semakin berkurangan sedikit dalam tempoh 2014 terdapat 1,277 aduan berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun ini 1,042 iaitu penurunan dengan kadar 18%. Mungkin ini satu kadar yang perlu diusahakan lagi supaya semakin kurang aduan tentang kutipan sampah dan kita pun perlu menerima hakikat sampah cuma boleh dikutip sekali sehari atau pun sekali dalam dua (2) atau tiga (3) hari. Jadi, selepas kutipan itu kita tidak jaminkan bahawa orang awam tidak membuang sampah merata-rata.

MPSP juga telah memasang GPS kepada 114 buah kenderaan pembersihan bagi tujuan pemantauan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kutipan sampah. Bagi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat, MPSP telah memperbanyakkan program

pendidikan seperti pameran, ceramah, dialog dan edaran risalah kepada masyarakat. MPSP bekerjasama dengan penduduk bagi program gotong-royong dengan membekalkan tenaga kerja, peralatan, kenderaan dan tong sampah. Bilangan aktiviti gotong-royong yang dilaksanakan bagi tahun 2014 adalah 447 dan bagi tahun ini sehingga Oktober diadakan 470 aktiviti. Tetapi, di samping itu saya pun ambil kesempatan menyeru masyarakat tempatan untuk mengambil bahagian dengan baiknya dan bukan membiarkan pekerja-pekerja Majlis Perbandaran yang melakukan semasa gotong-royong diadakan. Peruntukan yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri kepada MPSP bagi tujuan pembelian peralatan dan jentera melalui pinjaman bagi menyokong MPSP melaksanakan 100% kerja pembersihan adalah seperti berikut.

Ada empat (4) kali pinjaman diberi.

Pertama pembiayaan peralatan jentera dan lain-lain kemudahan, RM10.0 juta.  
Pinjaman;

Kedua, RM20.0 juta juga untuk tujuan yang sama.

Pinjaman yang ketiga pembiayaan pembelian kenderaan yang baru RM5.0 juta dan pinjaman keempat pembiayaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melibatkan *capital investment* terhadap jentera RM20.59 juta. Jumlah keseluruhan pinjaman adalah RM55.59 juta dan kakitangan MPSP yang terlibat dalam kerja pembersihan dan pembuangan sisa pepejal domestik sebelum pengambil alihan adalah 470 dan meningkat kepada 2,796 selepas pengambilan dibuat. Sekian.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan dari YB. Berapit.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kook Foi):**

Soalan tambahan saya ialah selepas MPSP mengambil alih kerja pembersihan di Seberang Perai dengan peruntukan yang begitu banyak daripada Kerajaan Negeri, tetapi sudah setahun lebih yang saya dapat daripada surat khabar iaitu pekerja pembersihan ada 2,600 lebih pekerja. Tetapi prestasi mereka sampai hari ini di KADUN saya masih terdapat *complain* kerana kerja itu tidak diurus dengan baik. Kalau tak salah saya iaitu pada 2012 kita pernah menolak e-Idaman untuk mengambil alih kerja-kerja pembersihan negeri dan sekarang saya nampak prestasi mereka amat memuaskan di Negeri Kedah *especially* di Sungai Petani tempat saya duduk. Sebab dah sistematik. Tapi di MPSP belum nampak ada kemajuan dan saya harap MPSP yang bertanggungjawab di atas ni mempercepatkan pekerja sistematik untuk membersihkan Bandar Bukit Mertajam, bukan dengan kerja *ad hoc* bukan panggil *special squad* untuk membersihkan *complain* daripada rakyat atau *complain* daripada Yang Berhormat tetapi skop kerja, SOP yang tertentu untuk membersihkan. Adakah skop kerja di MPSP itu dilaksanakan dengan betul dan bukan hanya memberi alasan kepada kita tak cukup kakitangan, tak cukup jentera kah belum siap sedia, itu tidak begitu memuaskan. ...(gangguan) sudah tanya tadi. Dan saya harap ini adalah rayuan saya sebab bila kita jalan di Bukit Mertajam, Pekan Bukit Mertajam kita tak nampak apa-apa perbezaan dari 2008 sampai hari ini, terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Kenyataan sedemikian tidak akan melemahkan semangat Kerajaan Negeri dan MPSP untuk memastikan kita mencapai matlamat untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang lebih bersih dan lebih hijau. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya berkaitan dengan kutipan sampah semasa hari perayaan khususnya semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, Raya Cina, Raya Deepavali dan seterusnya. Apa yang berlaku di Kuala Muda selepas atau pun semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri yang lalu, dan saya rasa gambar di mana kita boleh nampak atau pun dipaparkan dalam akhbar menunjukkan bahawa sampah berselerak. Terima kasih YB. Seri Delima, sampah berselerak dan tidak dikutip sewaktu itu dan saya sendiri pergi melawat kawasan tersebut selepas mendapat aduan daripada penduduk-penduduk di situ dan saya dapati yang pertama tong sampah pada ketika itu dah pecah. Yang kedua, bagi saya tong sampah di situ tak mencukupi disebabkan penduduk di Kuala Muda ramai dan semasa hari perayaan seperti yang saya katakan tadi Hari Raya Aidilfitri maka banyaklah sampah yang akan dibuang, itu menimbulkan bukan saja sampah berselerak tapi bau yang kurang enak.

Jadi persoalan saya berkaitan dengan itu kekerapannya berapa kali sampah dikutip semasa hari perayaan bagi saya pada masa tersebut adalah amat kritikal berbanding masa biasa. Yang kedua berkaitan dengan tong sampah, saya dapati tong sampah diganti sekarang adalah dalam jenis plastik berbanding dengan tong sampah yang dulu, besi. Besi lebih tahan daripada plastik walaupun kita tahu plastik lebih murah daripada besi. Yang kedua saya dapati tong sampah itu kecil, berbanding dulu, saya rasa setengah kawasan seperti di Kuala Muda, di mana penduduknya ramai jadi perlu letakkan lebih daripada sedia ada ataupun...(gangguan) tong sampah yang besar, jadi saya nak tahu apakah langkah yang akan diambil oleh MPSP dalam menangani masalah yang dihadapi, sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan ahli dari Penaga, Ahli YB. Penaga, membangkitkan satu kelemahan kutipan semasa perayaan, memang itu satu isu sebab jumlah sisa-sisa atau sampah yang perlu dibuang dan kutip adalah lebih berbanding masa-masa biasa. Dalam kejadian di Penaga memang MPSP menambahkan perkhidmatan itu, walaupun mengikut SOP memang kutipan sudah dibuat, tetapi sampah dibuang selepas kutipan SOP memang ikut tetapi saya terangkan tadi setelah dikutip, kita tak jamin penduduk tidak buang lagi, jadi itu memang satu perjuangan di pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani isu memastikan alam sekitar sentiasa bersih dan hijau.

Memang ada pandangan-pandangan yang berlainan sama ada tong-tong sampah perlu disediakan lebih banyak atau pun disifarkan pada suatu hari apabila dasar pengasingan dilaksanakan dengan berkesan sudah ada mencapai perubahan sikap yang baik dan kita bukan saja menjadi negara dunia pertama tetapi dari segi pemantauan, penyelenggaraan kita ada budaya untuk menjaga alam sekitar itu, tapi itu memerlukan masa mungkin satu generasi. Kalau generasi ni kita tak dapat mencapai kita mengharapkan apa yang kita lakukan khususnya dari segi kempen-kempen kesedaran diperingkat sekolah yang banyak dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Penang Green Council, Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN, JPS mungkin JKR dan lain-lain agensi akan dapat membentuk satu generasi baru yang memang mencintai alam dan dapat menangani isu-isu seperti membuang sampah dengan tabiat secara merata tempat. jadi Kerajaan Negeri sudah putuskan 1 Jun tahun depan kita akan melaksanakan dasar pengasingan sisa di peringkat pentadbiran memang persiapan dibuat apabila ianya dilaksanakan kita dapat *buy in* daripada masyarakat tempatan dan orang awam supaya kita sama-sama mengurangkan sisa yang perlu dilupuskan dan juga menjaga alam sekitar memikul tanggungjawab bersama untuk menjaga alam sekitar.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Komtar, dah habis.....(gangguan). Nanti buat soalan.

#### **Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya soalan 54.

54. Apakah tindakan/cara pencegahan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri apabila kes demam kepialu ataupun *typhoid* yang boleh mengancam nyawa menular di seluruh Malaysia?

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih Yang Berhormat, soalan 54 daripada YB. Komtar, tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani demam kepialu atau *typhoid* adalah pertama tindakan kawalan terdiri daripada pengajaran kes, siasatan kes, daripada makanan, minuman dan persekitaran, dan pesakit yang dikenal pasti akan diberi rawatan segera. Menjalankan kawalan persekitaran, iaitu penutupan iaitu premis makanan terlibat yang tidak memenuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 melalui operasi bersepadu oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Ketiga mempertingkatkan pemeriksaan premis makanan dan keselamatan makanan di kawasan wabak. Keempat usahasama di Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan memastikan semua pengendalian makanan dapat suntikan *typhoid*. Kelima memberi pendidikan kesihatan kepada rakyat, untuk memastikan tahap kebersihan yang baik dalam penyediaan makanan yang mereka sepatutnya memilih premis usahawan yang bersih sahaja untuk dikunjungi.



**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Soalan tambahan, adalakah suntikan yang diberikan di pihak MPSP dan MBPP kena kos atau kena bayar atau tak ada. Kedua masalah status karies yang berkenaan ada kuman dalam badan dan apabila dia buang najis atau apa-apa dia mesti *contaminate* tempat yang dia buang najis adakah langkah-langkah yang diambil untuk kawalkan masalah macam ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Batu Uban, suntikan-suntikan *typhoid* yang diberikan oleh MPSP dan MBPP itu dikenakan minima kos untuk suntikan *typhoid* itu sebahagian daripada proses pengambilan lesen mereka untuk berniaga. Selain daripada itu pengendalian makanan juga diwajibkan untuk mendapatkan suntikan *typhoid*. Dan tentang masalah tadi saya kurang jelas, soalan kedua.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Masalah karies status yang masalah besar sekali karies status, karies status bermakna sudah kena sakit kepala atau *typhoid* belum diberi rawat sempurna, *so he is risk* apabila ia guna tandas dan tandas di *contaminate* dengan najis. Orang yang gunakan tandas itu boleh kena jangkitan *typhoid* so apakah kawalan yang kena diambil tersebut.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Untuk karies ini, saya tak pasti sama ada kita ada spesifik pemantauan untuk mereka makna kalau mereka dan guna tandas. Tapi saya ingat *part of our* kempen saya rasa itu langkah yang paling utama ialah memastikan *hygiene* kebersihan masyarakat umum di jaga terutama melibatkan makanan sebelum makan kena basuh tangan, lepas tu baca bismillah baru makan. Tandas pun saya rasa MBPP juga saya ingat Yang Berhormat Chow pun dah berapa kali terima jemputan untuk perasmian *World Toilet Day* untuk mengingatkan kita tentang pentingnya kebersihan tandas termasuk di tandas awam sebab itu perkara ini kita bangkitkan kita dan kita *create* atau cipta kesedaran ini di kalangan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dewan semua kes *typhoid* di Pulau Pinang tidaklah *outbreak*, saya yakin YB. Komtar bangkit soalan ini kerana berlaku *outbreak* wabak baru-baru ini di Kuala Lumpur, bahkan banyak soalan daripada wartawan menanyakan adakah *outbreak* di Pulau Pinang setakat sekarang tiada, jadi kita harap dapat dikekalkan, *spot riding case* adalah, satu (1), dua (2) kes ada, tapi itu *isolated* bukan *outbreak* yang berlaku di Kuala Lumpur. Sebab itu kempen kebersihan *part of hygiene* cara kita mengendalikan makanan dan cara bagaimana individu menjaga kebersihan mereka sebelum *consume any food*, atau mengambil mana-mana makanan.

Bahkan baru-baru ini juga, kita lancarkan satu program *the success story of air tebu*, yang mana kita lancarkan satu program kepada semua pengusaha-pengusaha air tebu di negeri Pulau Pinang, kita bagi satu konsep baru di mana bagaimana nak simpan tebu, bagaimana nak *handle* air tebu, pakai *glove*, dan kita bagi inisiatif ini kita bagi

insentif kepada mereka. Jadi *trial* program tiga (3) bulan, dan kita lihat kalau ini berjaya kita akan perluaskan lagi pada semua kepada semua peniaga-peniaga air tebu di Pulau Pinang ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan, terima kasih YB. Seberang Jaya di atas penjelasan yang diberikan saya bukan seorang doktor tapi saya difahamkan bahawa cara merebaknya *typhoid* ini adalah *mode of transmission* adalah air ataupun melalui ketul-ketul ais dan di Pulau Pinang umum mengetahui banyak kilang-kilang yang menyediakan dan membekalkan ketul-ketul ais, saya tidak mahu menyebut mana-mana syarikat tertentu umum juga mengetahui bahawa tidak ada sebarang pemantauan ataupun penyeliaan dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke atas kilang-kilang memproses ais ini semua gerai-gerai makanan kedai nasi kandar ataupun restoran, semuanya menerima pembekalan daripada syarikat ais yang membekalkan ketulan ais dan ais kepada restoran-restoran tersebut. Soalan saya bagaimanakah Pihak Berkuasa Tempatan akan memantau menyenggara memastikan bahawa bekas-bekas yang digunakan di semua kilang-kilang ini bukan saja bekas bekas prosesnya dan juga pekerja pekerja di kilang-kilang ini umumnya kita mengetahui bahawa warganegara asing malahan bila masalah *typhoid* bermula di Kuala Lumpur ada satu gambar *viral* tapi bukan daripada Malaysia dengan seorang warganegara Bangladesh duduk bertelanjang di atas satu (1) ketul air di *viral* kan dan bukan daripada Malaysia, tetapi berbalik kepada soalan saya, macam mana kita ingin memastikan kebersihan, kesihatan terjamin di kilang-kilang ini bila mereka memproses dan membekalkan ais kepada semua restoran dan tempat-tempat makanan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih YB. Seri Delima, saya yakin YB. Seri Delima juga maklum bahawa di Pulau Pinang seperti saya sebut tadi, kita tidak ada *outbreak typhoid* ini menunjukkan bahawa pemantauan itu berjalan secara terus menerus, terutamanya oleh pihak PBT bersama dengan Unit Keselamatan Makanan di bawah Jabatan Kesihatan Negeri. Unit tadi kalau saya boleh sebut, mereka ini sangat digeruni peniaga-peniaga kita dan juga mereka yang terlibat dalam proses-proses pemakanan itu, sebab itu banyak kempen *safety food*, mengenai *safety food*, keselamatan makanan ini turut diikempenkan di Pulau Pinang ini adalah daripada *farm to folk* bermakna daripada ladang pun kita nak gerakan supaya makanan ini benar-benar selamat, sebab itu kita *introduce*, galakan usahawan-usahawan kita pertanian kita terlibat juga dalam mendapatkan sijil *my gap* dalam organik daripada situ sehinggalah ke atas meja makan kita hendak pastikan sama ada keselamatan makanan ini berlaku. Sebab itu di Pulau Pinang banyak operasi-operasi dijalankan dan banyak hebahan media dibuat bila berlaku, saya ingat banyak kedai-kedai roti kena tutup, kedai nasi kandar kena tutup, bahkan ramai juga telefon saya minta buka balik kerana mereka kata, dulu mereka sokong Yang Berhormat, kita minta Yang Berhormat buka balik. Saya jawab mudah, nak buka boleh, bagi bersih dulu baru buka, sebab ini tidak ada kompromi. Saya rasa kita kena setuju soal keselamatan makanan, soal keselamatan umum dan awam ini kita tidak boleh kompromi dan kita perlu ikut kepada peraturan *guideline* atau *standard* yang telah ditetapkan. Terima kasih YB. Seri Delima.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Telok Ayer Tawar.

## **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Dato' Speaker soalan saya nombor 55.

55. Berapakah peruntukan yang disediakan kepada Majlis Belia Negeri untuk tahun 2013, 2014 dan 2015 dan sila nyatakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Majlis Belia Negeri yang ditaja/dibantu oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

## **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

YB. Telok Ayer Tawar, jawapannya ialah. Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Belia Negeri pada tahun 2013, 2014 dan 2015 ialah sebanyak RM300,000 bagi setiap tahun. Bagi tahun 2014, peruntukan Kerajaan Negeri akan disalurkan berdasarkan permohonan program yang lengkap daripada Majlis Belia Negeri. Jadi untuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan kerana agak banyak jadi akan diberikan secara bertulis. Terima kasih.

## **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya mendapat rungutan daripada Majlis Belia dan juga Persatuan-persatuan Belia yang selama ini mendapat bantuan peruntukan daripada Kerajaan Negeri, tetapi untuk tahun ini sudah diberhentikan dan disalurkan mengikut permohonan atas program. Sebenarnya peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini digunakan untuk pelbagai tujuan. Antaranya ialah untuk menyelenggara bangunan atau pun pejabat Majlis Belia dan juga untuk program-program belia dan membantu 26 persatuan belia yang di bawah naungan Majlis Belia Negeri, jadi walau pun peruntukan disalurkan mengikut permohonan oleh persatuan adalah diharapkan penyaluran ini dapat disamaratakan. Saya nampak memang elok kalau ada program baru itu diberi peruntukan, tetapi sekurang-kurangnya atas permohonan Majlis Belia Negeri untuk membantu dari segi pengurusan dan penyelenggaraan boleh juga dan diharapkan diberi peruntukan untuk membantu mereka.

## **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih daripada YB. Telok Ayer Tawar, rungutan itu saya pun dengar kerana di disebarkan ke dalam surat khabar juga, tetapi kita memerlukan *check and balance*, sekiranya mereka dapat memohon dengan teliti apakah kegunaan permohonan ini. Jadi semua permohonan itu akan dipertimbangkan. Jadi yang tak sama adalah untuk tahun ini ialah tidak ada lagi disalurkan secara *cash* RM300,000 kerana untuk saya pun, MMK saya Belia dan Sukan dan belia di sini pada tahun 2014, 2015 saya pun dapat RM460,000 saja, tapi macam mana kita boleh bagi *cash grand* kepada MBN RM300,000, jadi inilah ada sedikit perubahan, sedikit perubahan, bukan tidak beri. Selepas kita beri RM300,000 ini, sekiranya individu persatuan memohon lagi, saya pun beri kepadanya, bagi geran kepadanya, sekiranya projek itu saya rasa agak baik. Jadi tak ada, memang semua sama, ada bagi bantuan kepada mana-mana persatuan, sekiranya projek dia adalah baik saya akan memberi pertimbangan.

Untuk MBN ada ramai di kalangan antaranya di sini pun ada rungutan, ada komplain umpunya Seri Delima dia menyoalkan saya tengok ini buku laporan MBN, kalau orang yang tidak tahu persatuan ini akan menganggap ini persatuan Barisan Nasional kerana semua di dalamnya ialah gambar pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Jadi saya rasa kita sama-sama pernah menjadi pemimpin parti politik dan kita faham-fahamlah macam mana hendak gunakan peruntukan ini. Jadi saya harap Yang Berhormat kita faham. Kita perlu bertanggungjawab kepada penyokong-penyokong kami juga. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Soalan tambahan...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima Kasih YB. Dato' Speaker, tadi YB. Padang Lalang mengatakan Laporan Tahunan MBN menunjukkan banyak gambar-gambar pemimpin peranakan Negeri Pulau Pinang. Adakah ini kerana, oleh sebab peruntukan yang tidak dapat, mereka banyak bergantung dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang menyalurkan banyak bantuan kepada MBN dan belia-belia di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chog Eng):**

Kalau bukan, tapi sebelum itu. Itulah saya dapat laporan, minta mereka bawa laporan dan mereka bawa Laporan 2013, 2012 dan 2014 belumlah. Tetapi tahun 2014 saya memang sedar bahawa kerana saya hanya dijemput untuk sekali, untuk aktiviti mereka. Dan aktiviti itu pun saya di bawah peruntukan saya sendiri diberi RM10,000 untuk larian *unity*, itu saja yang satu, saya pernah dijemput dan tidak pernah dimaklumkan juga apakah aktiviti-aktiviti yang mereka langsungkan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Soalan saya ialah...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih YB. Padang Lalang di atas penjelasan yang diberikan, sebelum soalan saya. Saya ingin tanya sama ada pemberian geran ini kepada Majlis Belia Negeri disalahgunakan dan tidak mencapai sasaran. Pertamanya ia diniatkan saya faham untuk diberikan bagi manfaat belia bagi tujuan sukan dan program-program yang memberi manfaat. Dalam buku-buku laporan yang diterbitkan kita lihat majlis-majlis itu digunakan untuk mengdoktrinasikan belia-belia ini dengan kehadiran pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional.

Soalan saya adakah benar bahawa semua peruntukan-peruntukan kewangan ini selalunya tidak mencapai sasaran, tidak memberi manfaat kepada belia tetapi disalahgunakan oleh parti-parti politik itu UMNO khususnya untuk mempengaruhi belia dan mendoktrinasikan belia di kalangan belia-belia di Pulau Pinang. Terima kasih dan sebab itu pemberian geran ini sekarang perlu dihalusi dengan teliti, terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chog Eng):**

Terima kasih YB. Seri Delima. Kita lihat ada sedikit pertimbangan daripada laporan akaun tetapi kita masih menelitinya dengan lebih mendalam, tengok mungkin ada apa-apa yang belum diberi peruntukan, tetapi bagi saya ialah bantuan daripada Kerajaan kepada persatuan-persatuan belia ialah untuk memberi peluang, untuk mereka menjadi pemimpin yang lebih mantap dan untuk menjadi pemimpin-pemimpin yang lebih mantap pemimpinnya harus membuat segala yang mereka mesti *hand on* tetapi untuk MBN mereka hanya membuat secara kumpulan iaitu MBN mereka menggunakan dana ini, tetapi sudah ada menyewa satu (1) pejabat dan ia mengupah pekerja dan semua aktiviti-aktiviti ini langsung dengan bantuannya pekerja-pekerja ini atau staf-stafnya, setiausaha dan stafnya. Jadi dia tidak mencapai tujuan untuk *empowering youth leaders*, jadi saya rasa lebih baik individu persatuan dia mesti, Ahli Jawatankuasanya dia mesti turut mengendalikan aktiviti turun padang. Itulah caranya untuk mempelajari bagaimana menjadikan seorang pemimpin. Jadi saya rasa cara MBN dia bukan tak boleh, caranya tidak dapat memperkasakan ataupun dia tidak dapat memanfaatkan pemimpin-pemimpin yang baru, *the new and upcoming leader*.

Jadi tujuan saya untuk meneliti dengan lebih mendalam, lebih prihatin dalam memberi sumbangan adalah dengan niat yang baik, supaya lebih banyak persatuan-persatuan yang betul-betul ingin jalankan aktiviti barulah mereka dapat sumbangan. Sekian, terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Jawi.

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Soalan nombor 56, soalan saya.

56. Sila senaraikan jalan-jalan baru yang dibuka dan dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 hingga 2015.

- (a) Terdapat berapa projek pembinaan jalan yang telah disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2008 hingga 2015.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Dato' Yang di-Pertua terima kasih daripada YB. Jawi, beliau bertanya mengenai jalan baharu yang dibuka dibina oleh Kerajaan Negeri dan juga Pusat.

Dato' Yang di-Pertua. Sebanyak tiga (3) buah jalan baharu telah dibuka dan dibina oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 sehingga tahun 2015. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah pun membina jalan baharu yang menyambungkan Jalan Bagan 29 dengan Jalan Siram di Daerah Seberang Perai Utara. Pada tahun 2011 pula, Kerajaan Negeri telah membina jalan baharu yang menghubungkan Jalan Mak Mandin dengan Jalan Bunga Tanjung 7, juga di Daerah Seberang Perai Utara dan jalan ini kemudiannya dinamakan Jalan P. Patto. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri sedang membina jalan penyambung di antara Jalan Bunga Hinai dan Jalan Kaca Piring di sekitar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Hun Bin di Tanjung Bungah. Lain-lain projek Kerajaan Negeri adalah melibatkan projek penyelenggaraan dan menaik taraf Jalan Negeri sedia ada seperti Jalan Song Ban Seng, Jalan Raja Uda, Jalan Sungai Udang dan lain-lain dan ada banyak lagi jalan-jalan bersekala kecil.

Manakala, bagi projek Kerajaan Persekutuan pula, satu projek jalan baru disiapkan pada tahun 2010 iaitu Projek Pembinaan Jalan Sungai Lokan Ke Permatang Tok Bidan, di Seberang Perai Utara. Terdapat 11 buah projek lain yang telah disiapkan dalam tempoh 2008 hingga 2015 dan ianya lebih kepada projek-projek menaik taraf jalan sedia ada. Sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Dato' Yang di-Pertua soalan saya soalan 57.

57. Sila nyatakan jumlah pelaburan asing yang diterima oleh Kerajaan Negeri mengikut pada tahun 2014 serta nyatakan nama pelabur-pelabur asing itu?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas soalan tersebut. Jumlah pelaburan asing yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014 seperti yang diumumkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, MIDA adalah sebanyak RM5,113,554.291. Antara pelabur-pelabur asing yang telah membuat pengumuman tentang pelaburan pada tahun berkenaan adalah Agilent, Bose, Flextronics, Haemonetics, Hewlett-Packard, Robert Bosch Power Tools dan SanDisk Storage.terima kasih.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Dijangkakan bahawa tahun 2016 ekonomi global akan menjadi lebih teruk lagi dan dengan pelbagai-pelbagai imej Malaysia yang tak begitu baik, contohnya skandal 1MDB di antarabangsa adakah ini akan menjejaskan minat pelabur asing ke Malaysia dan juga Pulau Pinang?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Dengan keadaan ekonomi yang berada tahun ini dan dijangka pada tahun hadapan akan ada sedikit kesan bukan tidak ada tetapi dengan jumlah pelaburan yang ada untuk setakat ini pada bulan JUN ataupun *midterm* ....(dengan izin) 2015 kita telah mendapat tambahan sebanyak RM4.6 billion dia akan dapat diteruskan untuk Negeri Pulau Pinang dan juga daripada apa yang telah diumumkan pada tahun lepas dia akan menggunakan bajet tersebut untuk menguruskan apa yang telah dirancang pada tahun lepas. Jadi jawapan saya dia ada sedikit menjejaskan tetapi tidak akan nampak penurunan yang begitu mendadak. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan. Terima kasih di atas penjelasan YB. Pantai Jerejak. Saya bukan seorang pakar ekonomi tapi telah baca laporan-laporan dalam banyak *magazine* ....(dengan izin) majalah yang memetik ataupun menggunakan istilah *global investor confident* ke atas krisis yang berlaku di Malaysia terutamanya dengan kegagalan Bank Negara melaksanakan tugas tanggungjawab di dalam masalah ataupun skandal 1MDB di mana banyak sangat wang yang telah dimasukkan dan dikeluarkan dan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada keyakinan pelabur-pelabur asing.

Soalan saya adakah Pulau Pinang mempunyai apa-apa kawalan ke atas perkara ini dan jikalau ada syarikat-syarikat yang menutup kilang-kilang mereka di sini dan ingin keluar ke tempat lain untuk meneruskan perniagaan mereka bolehkah Kerajaan Negeri disalahkan bagi perkara tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas soalan tersebut. Sememangnya keadaan ekonomi memang ada kesan di atas apa yang berlaku pada hari ini terutamanya Pulau Pinang ini dia tidak boleh lari daripada apa yang telah dikawal diperingkat Negara sebab itu ekonomi kita tidak *stand alone* tapi kita masih memerlukan daripada keadaan yang dirancang diperingkat Kementerian sendiri jadi sememangnya isu-isu yang ada pada hari ini 1MDB, isu tentang jatuhnya mata wang khususnya Malaysia yang begitu besar jika dibandingkan dengan Negara lain sememangnya ada kesan jadi sebab itu jawapan saya adalah memang ada kesan tetapi dalam bentuk pengawalan biasanya syarikat multi nasional ini dia melihat kepada untung rugi prestasi pelaporan mereka jadi kalau ada kesan secara langsung adakah kemungkinan juga mereka akan mengambil keputusan untuk menutup mungkin sebahagian daripada syarikat mereka pergi ke tempat lain. Jadi saya harap ini sememang perlu ada di sana pihak persekutuan untuk memastikan kestabilan ekonomi *the bigger role is from* Kerajaan Persekutuan juga. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya SGST yang keluar daripada Pulau Pinang pergi kepada Johor mereka sudah hilang keyakinan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu Yang Berhormat nak *relate* maksudnya begitu? Kalau yang keluar mereka ada sensitiviti pada 1MDB dan sebagainya dan sekarang mereka pindah *operation* pergi Negeri ke Negeri mereka tidak *confident* kepada Negeri Pulau Pinang itu Yang Berhormat cara begitu konsep begitu ker? Tolong perjelaskan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat daripada Telok Bahang mungkin tahu dalam untung rugi daripada syarikat multi nasional ini...(gangguan)

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Soalan saya senang saja. Pindah daripada Pulau Pinang pergi ke Johor adakah ada masalah Kerajaan Negeri dia pilih, begitu maksud Yang Berhormat? Soalan saya SGST pergi ke Johor sekarang, *confirm*. So macam mana? Dia hilang *confident* kat Negeri Pulau Pinang. Ini soalan spesifik saya. Saya nak tau adakah dia hilang confident kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, jawab *Yes or No*.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Bagi peluang saya jawab dulu. Ini adalah keputusan bagi pihak syarikat tersebut jadi kalau kesan dariapda pasaran ini kita lihat contoh dia kalau kejatuhan ringgit daripada awal tahun kalau dalam perancangan mereka adalah...(gangguan)

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Telok Bahang, sesi soalan lisan bukan perbahasan. Jawab bagi habis okey.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Dia akan membawa kesan kerana walaupun sama ada di Johor ataupun di sini maka dia akan keluar juga kerana dalam pengiraan mereka, pada peringkat awal perancangan mereka adalah kalau satu 1USD dengan RM3.40 contohnya, apabila setelah sembilan ataupun lapan bulan maka mereka akan dapati bahawa kos untuk barangan mereka kos untuk pengawal maka mereka akan juga terkesan kepada negeri sama ada Pulau Pinang ataupun Negeri-negeri mana sekali pun. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Dia tak jawab soalan saya, sebab itu saya suka Y.A.B. Ketua Menteri jawab. Selalu Ketua Menteri jawab *steady* sikit.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Dato' Speaker soalan 58 soalan saya.

58. Bencana banjir kilat di Paya Terubung :

- (a) Sila nyatakan punca banjir kilat di Paya Terubung yang telah berlaku pada 12 September 2015.
- (b) Senaraikan jumlah mangsa dan rumah yang terlibat semasa banjir kilat berkenaan beserta jumlah bantuan yang diberikan.



- (c) Apakah Kerajaan Negeri telah melakukan sebarang tindakan bagi menangani masalah banjir tersebut?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada YB. Bertam. Saya akan cuba memberi jawapan yang *steady*, iaitu berhubung dengan banjir kilat yang telah berlaku di Paya Terubong iaitu pada 12 September adalah disebabkan oleh hakisan tanah runtuh di kawasan hulu projek pembangunan yang terbengkalai selama ini iaitu projek Majestic Height iaitu yang diambil oleh PID Land baru-baru. Ia berpunca akibat hujan lebat dan hakisan tanah yang berlaku di atas lot 6621 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Mengikut rekod data hujan JPS di kolam Sungai Dondang, curahan hujan pada hari berkenaan ialah sebanyak 130mm yang ditakrifkan oleh JPS sebagai kemungkinan berlaku banjir kilat sekiranya curahan hujan melebihi 60 mm bagi tempoh 2-4 jam. Limpahan tanah telah memenuhi sistem saliran sedia ada yang menyebabkan air larian permukaan melimpah di jalan Paya Terubong. Selain itu pihak pemaju yang berdekatan Eco Terrace Development Sdn. Bhd. dan PLB Land Sdn. Bhd. gagal menyediakan sistem saliran dan takungan sementara mengikut plan kawalan kelodak pada masa kejadian itu.

Mengikut rekod JPS, 10 buah rumah terlibat di dalam kejadian banjir lumpur tersebut. Namun, hasil tinjauan Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut, mendapati tiada kerosakkan harta benda atau mangsa yang terjejas memandangkan banjir kilat tersebut hanya berlaku di atas laluan atau permukaan jalan yang terletak di kawasan luar rumah penduduk-penduduk.

Kerajaan Negeri melalui MBPP telah mengeluarkan notis menghentikan kacau ganggu dihapuskan kepada tuan tanah iaitu PLB Land pada 1 Oktober supaya tuan tanah dapat mengambil tindakan segera untuk memastikan masalah hakisan dapat diatasi sepenuhnya. Pada hari kejadian MBPP juga telah memaklumkan kejadian pada PID Land dan Eco Terraces supaya mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku. Kedua-dua pemaju telah melaksanakan kerja-kerja mitigasi dengan mencuci kolam endapan dan menutup cerun-cerun yang terdedah kepada hakisan. Pihak pemaju juga telah mencuci sisa mendapan tanah dan pasir pada masa yang sama pemaju turut merancang pembinaan tambahan kolam endapan sementara parit tanah sementara, parit *cut off* dan penggunaan bag pasir untuk mengawal aliran air di kawasan tapak. Pihak pemaju juga melaksanakan kerja-kerja pembersihan lumpur dengan segera pada hari kejadian itu disamping berjanji untuk memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan setiap hari dan makluman tambahan kepada Dewan Yang Mulia kebanyakan kerja-kerja yang disyaratkan oleh MBPP sudah pun atau dekat siap 100%.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Soalan tambahan. Walau pun kejadian banjir tersebut adalah banjir kilat, tetapi kita nampak *the scale* sangat besar dan membimbangkan cuma saya nak dapatkan kepastian makluman daripada Exco sama ada kejadian banjir di kawasan tersebut adakah ini pertama kali atau pernah berlaku sebelum itu dan soalan kedua saya sama ada siapakah yang bertanggungjawab sebenarnya untuk menyelenggara kolam-kolam endapan ini? Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Dalam tahun yang lepas juga pernah berlaku satu kejadian banjir kilat akibat dari limpahan air dari tapak Majestic Height sumber utama juga dari Majestic Height kita perlu sedar bahawa projek Majestic Height ini telah terbengkalai melebihi 10 tahun dan keadaan memang tak diurus dengan sebaiknya sehingga PLB Land telah berjaya untuk mendapat projek ini daripada Silver Ship yang dilantik jadi dalam peringkat ini mungkin dalam peringkat awalan apabila mereka mengambil alih projek ini kerja-kerja penyelenggaraan terhadap sistem saliran yang ada mungkin masih tidak mencukupi dan ekoran dari kejadian ini maka atas arahan MBPP kolam-kolam endapan yang baru pun sudah dibina tambahan dua saya rasa dan memang tanggungjawab terletak kepada pemaju untuk menyelenggara melainkannya ianya diserahkan apabila siap dengan syarat untuk diserahkan kepada JPS maka tanggungjawab terletak kepada agensi yang menerima serahan kolam-kolam itu.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat sudah satu jam tiga puluh minit untuk soalan lisan telah tamat.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan di letak atas meja ahli-ahli yang bertanya pada tengah hari ini ketika Dewan Undangan Negeri berhenti rehat dan akan di masukkan dalam penyata rasmi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, selaras dengan Peraturan-peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 19 November 2015 hari Khamis dilanjutkan sehingga jam 11.00 malam.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul dibawah Peraturan-peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 19 November 2015 hari Khamis sehingga jam 11.00 malam.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan "Ya". Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, katakan "Tidak".

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan sedang dalam sesi penggulungan dan saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, sebenarnya sebelum saya mula mungkin saya nak cadangkan kepada Dato' Speaker supaya ada itu meja baca seperti di mahkamah supaya saya tak perlu ambil beg mahkamah saya keluar. Kerana kalau ini di bawah sini, susah untuk baca. So, di mahkamah kita ada meja membaca mungkin di setiap row kita ada satu. Apabila giliran sampai, boleh pinjam. Betul Dato' Penasihat Undang-undang?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Peraturan mesyuarat kata tak boleh baca cuma boleh rujuk.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Tahu, tapi nak rujuk pun, macam itu. Sama juga meja merujuk.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Meja merujuk boleh dipertimbangkan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya *actually* sebenarnya tak suka membaca dan sebenarnya saya tak siapkan ucapan bertulis tapi sejak kebelakangan ini saya buat sedemikian kerana selalu selepas penggulungan, pemberita akan datang tanya saya mana saya punya ucapan. Saya tak ada ucapan, jadi saya terpaksa *repeat* ia berkali-kali kepada banyak pemberita. So, sekarang saya senang sahaja lepas ini bagi dia orang habis cerita.

So, Dato' Speaker terima kasih dan izinkan saya memberi ucapan gulungan saya terhadap hujah-hujah bernas yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang saya kasihi. Kerusi saya telah dikatakan sebagai kerusi panas, oleh rakan saya YB. Telok Ayer Tawar. Ya, itu betul, dan saya telah pun memohon bantuannya untuk mendinginkannya di mana dalam ucapan saya ini, saya akan beri beberapa cadangan bagaimana ini boleh dibuat. Harus diperingati Dato' Speaker, sekiranya kerusi ini tidak didingini, bukan sahaja saya sahaja yang akan terus berasa panas tetapi mereka yang layak mendapat rumah akan malangnya tidak mendapat rumah.

Saya terus kepada beberapa perkara yang telah disentuh oleh rakan-rakan saya, di mana terlebih dahulu saya merujuk kepada YB. Pulau Tikus yang telah menyentuh tentang tunggakan kutipan sewa dan *charged* penyelenggaraan di projek-projek perumahan awam dan mencadangkan agar sekurang-kurangnya dua (2) pegawai kebajikan ditempatkan di setiap projek untuk menanggapi isu ini. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, tunggakan sewa dan *charged* penyelenggaraan setakat Oktober 2015 adalah RM15,201,818.89, RM15.2 million ...(dengan izin) Dato' Speaker. Pada waktu kini sememangnya ada seorang penyelia kompleks di setiap projek perumahan awam. Perbincangan sememangnya diadakan dengan penduduk-penduduk yang mempunyai tunggakan dan kaedah penyelesaian seperti bayaran ansuran dan sebagainya juga dicadangkan. Tindakan penguatkuasaan juga diambil terhadap mereka yang benar-benar tidak menunjukkan keikhlasan untuk menyelesaikan tunggakan. Namun demikian cadangan YB. Pulau Tikus, untuk menempatkan pegawai kebajikan di projek-projek perumahan kita akan ambil kira. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Mohon penjelasan. Terima kasih. Maksud saya pada hari tu agar pekerja sosial tersebut juga boleh memainkan peranan mungkin menghubungkan belia-belia di perumahan tersebut dengan latihan vokasional yang diberi oleh pihak kerajaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain dengan menanggapi masalah sosial disitu, mungkin pendapatan keluarga-keluarga boleh meningkat dan keupayaan mereka untuk membiayai fi penyelenggaraan bulanan juga boleh meningkat. Sama juga dengan penjagaan kawasan persekitaran mereka, jika mereka adalah lebih gembira psikologi lebih baik maka kawasan persekitaran mereka juga akan dijaga dengan lebih baik. Terima kasih kerana diberi peluang.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Pulau Tikus atas cadangan idea tersebut yang mana pihak saya akan ambil kira. Terima kasih. Seterusnya YB. Dato' Speaker, YB. Paya Terubong ada sebut tentang satu projek perumahan di kawasan beliau di mana dikatakan ia adalah berdensiti tinggi dan akan membawa masalah sosial. Ingin saya nyatakan bahawasanya Dato' Speaker walaupun densiti yang lebih tinggi diberikan kepada pemaju yang terlibat yang membangunkan Skim Perumahan Kos Sederhana Rendah, Mampu Milik dan Sederhana di situ. Namun demikian, semua keperluan teknikal termasuk syarat bahawasanya kawasan pembangunan tersebut perlu di bawah 76 meter dan kajian impak lalu lintas *or traffic impact assessment* DIA ....(dengan izin) perlu dipatuhi dan sememangnya telah pun dipatuhi. Untuk projek yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Terubong, untuk maklumat Yang Berhormat penduduk-penduduk blok kos sederhana rendah, mampu milik dan kos sederhana yang dicadangkan dibina pemaju dikehendaki memastikan agar *traffic* dari projeknya tidak menggunakan jalan yang sedia ada di taman perumahan kejiranan tersebut.

YB. Dato Speaker, YB. Tanjong Bunga juga telah membangkitkan isu tentang bilangan lif di dalam sesuatu bangunan. Walau pun beliau tiada di sini, saya ambil kesempatan untuk sentuh isu ini. Rujukan dibuat kepada projek Perumahan Mampu Milik di Tanjong Bunga *in fact is a good question because* apabila ditanya soalan ini saya buat semakan dan *my answer will surprised many year* ...(dengan izin). Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cuma undang-undang kecil bangunan seragam yang menyentuh

tentang keperluan lif di mana menurut *section 243 subsection 1* bahagian 7, undang-undang tersebut diperuntukkan bahawa sekiranya sesebuah bangunan itu melebihi 18.5 meter, maka adalah dikehendaki sekurang-kurangnya satu (1) lif bomba dipasang. Keperluan bomba pula adalah agar lif bomba dapat sampai ke tingkat lobi di dalam tempoh 60 saat setelah alat penggera bomba dicituskan. Tiada undang-undang lain, *this is the only* undang-undang *that be found and that will also is simulation to lift* bomba and even Pihak Berkuasa Tempatan apabila saya semak tak ada garis panduan berkenaan lif. Pemasangan lif di dalam sesebuah bangunan, saya mendapati di dalam sesuatu pembangunan tersebut, pemaju akan mempunyai perunding iaitu jurutera mekanikal dan elektrik yang akan menasihatkan reka bentuk bangunan dan secara lazimnya, Dato' Speaker akan mengambil kira nombor unit dalam sesuatu bangunan. Untuk memutuskan bilangan nombor lif, saiz dan kelajuannya dan kebiasaanya saya dimaklumkan masa menunggu yang ditetapkan ialah tidak melebihi 90 saat. *The waiting inter world period.*

Untuk kes Pangsapuri Mampu Milik di Tanjong Bunga ini, dengan adanya tiga kabin lif penumpang dan satu kabin lif bomba iaitu empat (4) lif disetiap dua (2) blok yang mempunyai masa menunggu 72.3 saat iaitu kelajuan lif pada 240 meter per minit dengan muatan 80% kapasiti kabin yang dapat memuatkan 15 orang. Ini dikatakan adalah merupakan masa menunggu yang boleh diterima Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussein Shah):**

Yang Berhormat, daripada apa Yang Berhormat berkata itu sungguh mengerikan. Saya nak tanya Yang Berhormat, berapakah kes kematian mengenai lif ini. Dan sekiranya di Pulau Pinang dan sekiranya ada kes kematian siapakah yang perlu bertanggungjawab dan adakah statistik itu?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat Telok Bahang, saya tiada mempunyai statistik tentang kes kematian, tapi.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussein Shah):**

Saya dimaklumkan, Seri Bayu tak salah saya dua (2) kes. Jatuh dia buka pintu lif, dia *step in then the platform never come yet* dan jatuh ke bawah, patah *neck immediate*. So, saya nak kita *collect* data ini dan kita kena cari satu garis panduan supaya kita boleh bawa orang yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

YB. Telok Bahang *accident* itu bukan isu yang dibangkitkan Tanjong Bunga. *I think that issue that was raise by Tanjong Bunga ...*(dengan izin) Dato Speaker *is, how do you determine ...*(dengan izin) *how many lifts should be place in an any particular statifight scheme ...*(dengan izin) so sepertimana saya nyatakan, *just only* satu undang-undang kecil tersebut dan itu pun buat rujukan pada lif bomba. So, sepertimana YB. Telok Bahang kata ini mungkin kita perlu kaji sama ada perlu atau tidak *and I check with architect*, Persatuan Arkitek Malaysia ini berlaku di seluruh negara bukan di Penang *and* sekarang di Malaysia kita lihat kepada betapa tingginya bangunan dan tak ada garis panduan. *So this is something fact that we should look into, but where the this particular*

*case is concern*, saya dimaklumkan *the issue is the waiting period*. Kalau ada terlalu ramai penghuni dan terlalu dan tiada banyak lif yang dapat menampung penghuni itu, maka mereka *waiting period* terlalu lama. *So, that is the bottom line* yang diambil kira oleh *the mechanical and electrical engineers who are the consultants* kepada *developer-developer* ini Dato' Speaker.

Jadi saya teruskan kepada isu yang selanjutnya yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Sungai Pinang. YB. Sungai Pinang telah menyentuh tentang Tabung Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam ataupun RIBI, yang baru-baru ini ditubuhkan selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bertarikh 9 haribulan September 2015. Ini satu sejarah Dato Speaker, kerana sebelum ini kita ada kutipan sumbangan daripada pemaju-pemaju yang tidak menyediakan tapak-tapak RIBI di pembangunan mereka. Tapi kutipan ini tiada tujuannya, jadi setelah kajian dibuat Majlis Mesyuarat Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan satu tabung di mana tabung ini adalah satu *amalgamation* sumbangan kewangan RIBI di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang digabungkan sepertimana saya nyatakan di mana jumlah keseluruhannya Dato Speaker, setakat 31 Mac 2015 ialah RM5,622,989.50 sahaja. Dan permohonan daripada RIBI, kepada akaun ini boleh dibuat untuk tujuan penyelenggaraan ataupun pembinaan RIBI dengan had setiap permohonan sebanyak RM20,000. Akaun Amanah untuk tujuan ini Dato Speaker, telah ditubuhkan dan mesyuarat RIBI yang pertama telah pun diadakan pada 19 Oktober 2015 di mana setakat ini dua permohonan telah pun diluluskan dan saya alu-alukan YB. Sungai Pinang kerana ada banyak RIBI di situ untuk menasihatkan mereka tentang akaun baru ini yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dato Speaker, seterusnya saya sentuh sedikit kepada status pendaftaran dan pembekalan Rumah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Mampu Milik di Pulau Pinang. Rakan saya Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, telah menyentuh tentang isu status pendaftaran dan pembekalan Rumah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Mampu milik di Pulau Pinang, namun demikian rujukan yang dibuat oleh beliau adalah bukan begitu tepat. Sebenarnya status untuk permohonan untuk Perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Mampu Milik adalah seperti berikut. Jumlah permohonan atau pun permintaan sehingga September 2015 mengikut harga rumah adalah seperti berikut iaitu untuk rumah berharga RM42,000 iaitu kos rendah, 26,313 permohonan, rumah berharga RM72,500 iaitu rumah kos sederhana rendah, 25,294 permohonan. Bagi rumah mampu milik RM200,000, 4,282 permohonan. Bagi rumah mampu milik RM300,000, 3,205 permohonan dan bagi rumah mampu milik RM400,000, 1,374 permohonan.

Manakala YB. Dato' Speaker, jumlah Perumahan Kos Rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta sejak tahun 2008 sehingga 2015, ialah 8,092 unit untuk kos rendah. Jumlah perumahan untuk kos sederhana rendah yang dibina dalam tempoh ini ialah 8,107 unit. Manakala Perumahan Kos Rendah yang diluluskan untuk dibina dalam tempoh ini ialah 3,796 unit dan Kos Sederhana Rendah yang diluluskan untuk dibina dalam tempoh ini 5,246 unit. Jadi inilah secara keseluruhan, bukan sahaja projek-projek Kerajaan Negeri yang dirujuk oleh rakan-rakan saya daripada Telok Ayer Tawar dan secara keseluruhan mesti dilihat kerana walau pun pihak swasta membina rumah kos rendah atau kos sederhana rendah, ini adalah syarat daripada Kerajaan Negeri. Jadi ianya hasil daripada polisi Kerajaan Negeri. *That is important to take note,*

(dengan izin). Saya hendak bandingkan angka yang saya katakan tadi, *just as a point of reference* untuk rakan saya dari Telok Ayer Tawar, kita dari 2008 sampai 2015, kos rendah 8,092 unit. *From 2001 to 2007*, kita punya rekod menunjukkan apabila Barisan Nasional memerintah, kos rendah cuma 4,355. *Half* apa yang kita buat. *8,092 versus 4,355 in the same period*. Kos sederhana rendah lagi mengejutkan. Kita 8,107 unit *during the period 2008 to 2015, during our tenure*. *As opposed to* kos sederhana rendah *during 2001 to 2007*, YB. Dato' Speaker, *only 769. Not even 10% of what we've done in the last 7 years*, YB. Dato' Speaker. *So I think this must be put on record* dan untuk maklumat yang mulia ini, dari tahun 2008 sehingga Mei, 2015 sebanyak 7,914 unit rumah kos rendah telah diserahkan kunci, *that's mean hand over of keys actual delivery during the period 2008 to May, 2015, 7,914 for low cost* diserahkan kunci dan pada masa yang sama untuk kos sederhana rendah, *8,016 hand over of keys during this period 2008 to May, 2015*.

Selanjutnya YB. Dato' Speaker, sejak diperkenalkan kategori Perumahan Mampu Milik pada tahun 2014, Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada 12 projek yang dirancang di lima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang yang akan melihat 22,512 unit Rumah Mampu Milik termasuk Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah yang bakal dibina di kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang mulai tahun depan yang mana adalah seperti berikut. Di Telok Kumbar, ada projek berjumlah 694 unit, di mana Kos Sederhana Rendah ialah 346 unit dan Mampu Milik adalah 348 unit. Di Jelutong, di Daerah Timur Laut ada projek dengan 556 unit Kos Sederhana Rendah. Di Pintasan Cecil di Daerah Timur Laut ada satu projek dengan 348 unit Kos Sederhana Rendah. Di SP Cheliah, ada satu projek dengan jumlah unit 2,093 unit yang merangkumi 770 Kos Sederhana Rendah dan 1,323 unit Mampu Milik. Di *Sandyland* di Daerah Timur Laut ada satu projek dengan jumlah 803 unit yang merangkumi 321 unit Kos Sederhana Rendah dan 482 unit Mampu Milik. Di Bandar Cassia di Seberang Perai Selatan, ada beberapa fasa Projek Mampu Milik yang berjumlah 11,800 unit, YB. Dato' Speaker yang merangkumi 3,372 unit Kos Sederhana Rendah dan 8,426 unit Mampu Milik. Di Kampung Jawa di Seberang Perai Utara, ada satu projek dengan 707 unit keseluruhannya yang merangkumi 353 unit Kos Sederhana Rendah dan 354 unit Kos Mampu Milik. Di Ampang Jajar di Seberang Perai Utara ada projek dengan jumlah 1,200 unit merangkumi 600 unit Sederhana Rendah dan 600 unit Mampu Milik. Di Mak Mandin di Seberang Perai Utara, ada satu projek dengan 187 unit Kos Rendah. Di Bukit Mertajam di Seberang Perai Tengah, ada projek dengan jumlah 816 unit yang merangkumi 408 unit Kos Sederhana Rendah dan 408 unit Mampu Milik. Di Juru di Seberang Perai Tengah, ada satu projek dengan 1,600 unit yang merangkumi 800 unit Kos Sederhana Rendah, dan 800 unit Mampu Milik dan di Hujung Batu di Seberang Perai Utara, ada satu projek dengan jumlah 1,708 unit yang merangkumi 600 unit Kos Rendah dan 1,108 unit Mampu Milik.

Mohon maaf kerana saya baca secara terperinci tetapi saya ingat untuk rekod Dewan yang mulia ini, *put the record straight one and for all, let you know exactly* secara terperinci apakah rancangan kita yang bakal kita akan lihat menjelma tidak lama lagi.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Sekejap lagi. *I am coming to the question you asked, your question.* Saya sudah baca minda Penanti. Apa yang dibangkitkan oleh Penanti. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, 12 projek ini adalah yang telah dimuktamadkan perancangannya di peringkat ini dan bakal diperluaskan lagi di masa hadapan. *I think we have made that clear.* Kita bukan berhenti di sini. Ini adalah satu evolusi, kita ada banyak projek lain yang masih dipertimbangkan, yang belum lagi diumumkan. *Still at the planning stage.* Dan malahan seperti mana Penanti dan YB. Berapit telah bertanya tentang Projek Rumah Mampu Milik di Tanah Liat, YB. Dato' Speaker. Untuk maklumat, sememangnya wujud satu Skim Perumahan Mampu Milik yang dicadangkan di Lot 13, 23, 24, 30, 31 dan 40 di Seksyen 2, Bukit Mertajam iaitu di sempadan Penanti dan Tanah Liat yang melibatkan tanah seluas 9.88 ekar yang akan merangkumi 420 unit Kos Sederhana Rendah dengan keluasan 700 kaki persegi, 100 unit Rumah Mampu Milik dengan keluasan 850 kaki persegi dan 252 unit rumah mampu milik dengan keluasan 1,000 kaki persegi.

Namun demikian, YB. Dato' Speaker, akibat wujudnya 85 setinggan di situ maka isu ini perlu ditangani terlebih dahulu. Di samping itu YB. Dato' Speaker, kesukaran untuk mendapat APDL atau pun permit iklan dan lesen pemaju daripada Kerajaan Pusat juga telah diambil kira dan oleh yang demikian setelah pengukuran tanah terperinci iaitu *detail land survey* yang merekodkan semua struktur-struktur di atas tanah dan bancian penduduk siap dilakukan, projek ini telah ditangguh sementara menunggu penyelesaian isu setinggan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan tambahan, yang diumumkan tadi yang di Bukit Mertajam itu di mana sebenarnya?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanah Liat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Bukan Tanah Liat ada satu di Bukit Mertajam. Saya akan bagi *detail* lot. Tadi dalam 12 YB. Dato' Speaker, ada satu di Bukit Mertajam yang akan diteruskan. Tanah Liat ditangguhkan sementara menunggu penempatan semula setinggan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Penjelasan, sedikit sahaja. Terima kasih di atas data yang diberikan itu tadi. Saya cuma hendak satu penjelasan berkenaan dengan bilangan rumah kos 2008 hingga 2015, 8,092. 2001 hingga 2007, 4,300. Adakah rumah yang disiapkan, yang dicapai 8,092 ini *low cost* adakah projek itu projek tahun 2008 sahaja ke atas atau pun daripada 2005, 2006 siap pada tahun 2008 ke atas? Maknanya projek itu daripada tahun yang lalu, disiapkan pada tahun 2008 hingga 2015 atau pun projek itu dilaksanakan 2008 yang data 8,092 ini.



### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Secara kebiasaannya sesuatu projek itu mengambil dalam 36 bulan untuk disiapkan. Jadi itulah jawapan sayalah. Jadi kebanyakannya adalah yang dirancang dan disiapkan dalam 2008 sehingga 2015. Jadi angka-angka yang saya berikan boleh ambil kiralah faktor berapa lama sesuatu projek itu dapat dibangunkan. Tetapi *the lion shared, the majority* sepertimana saya nyatakan kita dapat lihat, kita telah bekalkan lebih banyak Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah berbanding dengan pemerintahan sebelum ini sepertimana angka-angka yang saya nyatakan tadi.

YB. Dato' Speaker, yang penting juga, saya ingin umumkan kepada Dewan yang mulia ini, pihak swasta juga telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan melaksanakan Projek Perumahan Mampu milik 100% di bawah Garis Panduan Rumah Mampu Milik, 100% untuk pihak swasta di mana sehingga sekarang, untuk makluman rakan-rakan saya, mereka telah *commit* 9,047 unit Rumah Mampu Milik yang telah pun secara rasmi dipohon kepada pihak Kerajaan Negeri oleh pihak swasta setakat ini. So kita lihat *respond* yang begitu menggalakkan daripada pihak swasta. YB. Dato' Speaker, berkenaan ini, saya ingin merujuk kepada komen ataupun observevasi yang dibuat oleh YB. Permatang Pasir yang menyatakan bahawa pihak pemaju swasta tidak berminat membina Perumahan Mampu Milik kerana hanya memandangkan keuntungan. Secara lazim saya setuju tetapi kita sudah lihat kepada keadaan tersebut dan kita buat garis panduan 100% mampu milik dengan memberi insentif kepada pemaju-pemaju dan selain daripada ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus mensyaratkan untuk pembangunan biasa, YB. Permatang Pasir, oleh pihak swasta agar komponen Perumahan Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah sebanyak 30% disediakan, dikekalkan dan diteruskan.

*Now ini, I have very announcement to make to this August House*, Dewan yang mulia ini pada hari ini. Saya sudah nyatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus kekalkan dengan rumah Kos Rendah RM42,000 dan rumah Kos Sederhana Rendah RM72,500. Tetapi pada 21 Ogos tahun ini, YB. Dato' Speaker, di Majlis Perumahan Negara, Siri 3, Bilangan 1 yang dianjurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar Kerajaan Tempatan dan Perumahan di Putrajaya yang dihadiri oleh rakan saya, YB. Padang Kota dan disaksikan oleh beliau, KPKT, iaitu Kementerian telah mencadangkan supaya semua dengar, siling harga Rumah Kos Rendah dinaikkan daripada RM42,000 kepada RM65,000. Kerajaan Pusat. Ini serius. Dan siling harga rumah Kos Sederhana Rendah dinaikkan daripada RM72,500 kepada RM100,000. Siapa cakap tidak serupa bikin? Kata kita tidak bina, tidak bekalkan rumah kos rendah, kos sederhana rendah walhal di Kerajaan Pusat ada cadangan nak mansuhkan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah digantikan pula RM65,000 dan RM100,000. Saya mahu semua rakyat Negeri Pulau Pinang dan Negara Malaysia tahu ini rancangan Kerajaan Pusat yang bakal dilaksanakan. Nafi atau tidak? Tak nafi, nafi atau tidak ada cadangan....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kita pun tak pernah dengar.

### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya bagitahu sekarang juga...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ini kita kena *confirm*, kita kena *identify* balik.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Kerajaan Pusat sudah bagi tahu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kita kena *confirm* dulu, kita tak boleh ambil sebiji-biji....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Sehingga rakan di Kerajaan Pusat tak bagitau sama *you*. *You* punya *boss what* di sana.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat ini baru dapat maklumat, kita belum tahu.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*You* mesti tau apa yang dirancangkan oleh Barisan Nasional. *You* dari Barisan Nasional kan? *You* tak tahu pun apa yang sedang berlaku oleh Kerajaan Pusat.... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Datok Keramat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Jangan mari sini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kita tak tahu, itu sembang kedai kopikah, sembang di manakah? Yang Berhormat, benda tak *confirm*, *you* ada *circular* kah?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Walhal nak naikkan RM65,000, RM100,000. Itu serius tahu, serius. I ada minit, apa *circular*? I ada saksi depan ni, tanya Padang Kota, Padang Kota saksi. Apa *circular*?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Telok Bahang sila duduk.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Itu baru cadangan, baru cadangan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Perdana Menteri yang *chair* tau. Perdana Menteri Najib yang *chair* tau. *You* tanya Najib betul atau tidak? ...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Semua yang lain diam. Semua yang lain sila duduk. Datok Keramat okey, sambung.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan Dato' Speaker, terima kasih. YB. Dato' Speaker, kita memang mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri yang merancang begitu banyak perumahan kepada rakyat. Yang mana saya rasa penawaran atau pembinaan rumah untuk rakyat ini perlu kerjasama dan sokongan sektor swasta dan juga agensi-agensi di bawah Kerajaan Pusat. Bercakap tentang harga rumah tadi yang jadi perdebatan hangat di dalam Dewan sebentar tadi, kalau kita ingat dahulu Rumah Kos Rendah ini hanya berharga RM25,000, Rumah Kos Sederhana Rendah hanya berharga RM55,000. Sekarang Rumah Kos Rendah dah menjadi RM42,000 dan Kos Sederhana Rendah RM75,000. Jadi ini adalah proses biasa oleh sebab kenaikan harga dan setelah beberapa tahun. Dengan cadangan ini mungkin ada justifikasinya saya nak menarik perhatian satu saja. Runggutan yang dibuat oleh REDHA, pemaju perumahan bahawa mereka ingin menurut serta dalam membina rumah kos rendah dan sederhana rendah jika Kerajaan Negeri dapat membantu pemaju-pemaju dari segi mengurangkan kos-kos pasti yang mana saya telah sebutkan tadi. Seperti premium, tukar syarat, perlingkungan semula, kos-kos pasti berurusan dengan Pejabat Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk kategori rumah ini sahaja, jadi saya rasa semua pihak perlu membantu rakyat untuk membina dan menyediakan rumah kos-kos rendah dan sederhana di sini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dato' Speaker, saya nak Dewan ini rekodkan bahawasanya UMNO Barisan Nasional pada hari ini setuju dengan cadangan supaya harga dinaikkan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Itu cadangan, Yang Berhormat....(gangguan)

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Bila yang kita kata setuju...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dia kata dari RM25,000 sudah naik RM42,000. Jadi ini sudah biasa. Jadi hari direkodkan semua orang di Penang, Pulau Pinang UMNO nak naikkan harga kos rendah dan sederhana rendah kepada RM65,000 dan RM100,000...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Jangan lah putar belit isu, jangan putar belit isu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya tak bagi, saya tak bagi.....(gangguan). Duduk, duduk saya tak bagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain sila duduk dulu. Semua pun akan direkod kerana ada hansard.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya mahu rekod kuat-kuat. Ini mesti direkod dengan sekeras-kerasnya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Unprecedented, unprecedented going to happen because of UMNO and Barisan Nasional.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Datok Keramat, sambung.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*This is clear, in listed now this morning.* Tadi you kata RM25,000 kepada RM42,000. Jadi biasalah nak naik....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Dinaikan harga rumah daripada RM25,000 kepada RM42,000..(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain sila duduk lah, perkara ini hendak berkelahi sudah lepas.

### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya nak sentuh berkenaan REDHA. Apa yang dikatakan rungutan, *actually* tak ada rungutan. Kategori mampu milik ini memang sudah ada insentif sepertimana saya nyatakan pada YB. Permatang Pasir tadi. Garis panduan mampu milik 100% pihak swasta mungkin Telok Ayer Tawar tak baca lagi. *Infect* saya dok tiap-tiap hari duduk dengan JKP, PERDA *explain* pada dia polisi ni supaya mereka boleh selaras dengan polisi Kerajaan Negeri. Mereka tahu ada insentif sudah ada, *development charges* daripada 15% kita turunkan kepada 5%. Banyak insentif lain, tak ada komponen 30% kos rendah, kos sederhana rendah tahu atau tidak? *Actually is all there*. Kita ada banyak GP - garis Panduan *if Dato'* mahu sila datang ke pejabat saya, saya akan maklum kepada Dato'.

*Actually* apa yang Telok Ayer Tawar baca di dalam surat khabar mungkin tak betul sama sekali. Memang *crystal clear* dia orang tahu kita punya garis panduan. *No issue for this, so this my answer to Telok Ayer Tawar*.

Sebagai jawapan kepada YB. Permatang Berangan yang tanya tadi dengan diwujudkan kategori-kategori mampu milik yang baru ini berbanding dengan Kerajaan Barisan Nasional yang bakal menaikkan harga kos rendah dan kos sederhana rendah kepada RM65,000 dan RM100,000. Negeri Pulau Pinang akan kekalkannya kepada RM42,000 dan RM72,500. Okey-okey...(gangguan).

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sistem mic rosak kerana itulah. Khasnya Seri Delima yang rosakkan. Sila YB. Datok Keramat.

### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh YB. Tanjung Bunga sememangnya di kawasan Batu Feringghi unit-unit kos rendah dan kos sederhana rendah akan dibina. Malahan di peringkat ini ada satu projek Kampung Chettiar di mana pemaju dikehendaki membina 480 unit kos sederhana rendah di mana sebahagiannya adalah unit pampasan dan yang baki untuk diberikan pemohon-pemohon yang layak dan tersenarai. Malahan selain ini untuk projek-projek di mana swasta memilih untuk membina perumahan mampu milik seperti mana saya nyatakan tadi memang kita sudah beri insentif kepada mereka supaya projek itu boleh jadi *vaible* sepertimana di cadangkan oleh Telok Ayer Tawar, sudah ada. Ini adalah sepertimana kata tadi ada polisi densiti tinggi 87 unit se ekar dan juga Garis Panduan Rumah Mampu Milik 100%, Dato' Speaker. Ya, silakan.

### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Datok Keramat. Memang ada projek untuk Kampung Chettiar LMC untuk seluruh penempatan di Kampung Chettiar memerlukan mungkin ke semua unit yang disediakan. Tapi ada kampung-kampung yang lain menghadapi kena pindah seperti Kampung Mutiara harus disediakan satu bank untuk mereka pindah ke sini. Kalau tak ada mereka yang duduk sana berpuluh-puluh tahun kampung sendiri di halau keluar dari Batu Feringghi dan di mana mereka nak cari rezeki? Mereka sekarang cari rezeki di

sana bekerja di hotel-hotel. Sedangkan mereka ada sumber manusia kepada hotel. Banyak hotel yang akan dibina di sana. Jadi tak patutlah, kita kena jaga penduduk-penduduk yang setempat. Janganlah halau keluar dari kampung sendiri.

Malahan pula satu permohonan *iconic* itu seharusnya LMC tetapi ditukar kepada RMM dan pertukaran itu, saya juga bantahkan sekeras-kerasnya. Tetapi biasanya banyak permohonan dirujuk kepada saya untuk alasan, saya memang membantah sekeras-kerasnya permohonan tingkat di lereng bukit terutamanya *the second corridor* dalam Pelan Struktur Pulau Pinang belum dikaji semula dan minta itu dibekukan. Tetapi dalam OSC, walau pun sekeras-keras dibantah tetapi sepenuh-penuh disokong.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Kampung Chettiar 480 unit ada 350 setinggan jadi baki ada 130 akan diberikan kepada mereka yang layak dan di dalam senarai yang saya nyatakan ini. Kampung Mutiara kalau ada sebarang pembangunan Dato' Speaker, seperti mana saya nyatakan pembangunan itu mesti melibatkan juga komponen kos sederhana rendah 30% kita akan pastikan, itu polisi Kerajaan Negeri.

Berkenaan *iconic* yang diganti kepada RMM dari LMC untuk makluman Dato' Speaker, mereka telah membayar sumbangan dan Kerajaan Negeri telah mengambil kira beberapa faktor di dalam menukarkan kepada RMM. Tetapi *let me share*, kongsi di sini apa Telok Ayer Tawar kata tadi, saya setuju kita perlu bekerjasama untuk menjelmakan pembekalan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik di Negeri Pulau Pinang. So apabila saya nyatakan itu bukan saja saya dengan Barisan Nasional juga saya dengan Tanjung Bunga. Tanjung Bunga mesti juga berkongsi apabila kita sekeras-kerasnya membantah ada satu projek PRIMA yang bakal datang di sini dibantah oleh Tanjung Bunga, tah01u atau tidak? Kalau nak bantah terus hentam, maka semua tak boleh jadi. *So we have to look at the overall situation. And infect yours* sekeras-kerasnya bantahan telah pun diterima dan projek PRIMA itu tidak diluluskan. *I just want to let Tanjung Bunga know, I think I will proceed from here*, saya ingin mengatakan kepada Dato' Speaker, bahawasanya YB. Pulau Betong juga telah menyentuh tentang penyediaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah ini dan tanya tentang bayaran sumbangan *in lieu*.

Sebenarnya semua projek mesti ada komponen, projek biasa bukan mampu milik. Mampu milik sepertimana saya katakan *that incentive is no 30% component otherwise it just not valuable. For normal project the 30% project component ....* (dengan izin) masih dikekalkan syarat tersebut. Cuma dalam projek-projek di mana mungkin dipunya *footprint* terlalu kecil atau sebab-sebab lain daripada keseluruhan keluasan dikira densiti tempat yang boleh dibina cuma begitu kecil yang lain *like Tanjung Bunga said* atas cerun kelas tiga atau empat atau pun *above cannot be done. That is when we aloud and consider application for contribution in use off*. Tapi kebiasaanya kita tak akan benarkan. *Infect* saya telah ada banyak *argument* di peringkat Jawatankuasa Perancangan Negeri *when this happen. My stand is at the only at the last result that is the stand of Kerajaan Negeri Pulau Pinang*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Datok Keramat. Saya mahu tahu berapakah jumlah unit yang dimasukkan kategori *inlue* ini dan berapakah yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri. Yang kedua yang sering saya mendapat rungutan adalah caj parking yang agak tinggi. Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh *control* yang dicaj bersama dengan unit itu boleh dikurangkan kerana itu membebankan kadang-kadang sampai RM30,000 satu unit dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

YB. Pulau Betong terima kasih atas soalan yang bagus itu. Kerajaan Negeri untuk projek-projek kos rendah dan kos sederhana rendah melalui Pihak Berkuasa Tempatan mensyaratkan setiap unit datang dengan satu car park tapi ia tidak diakses sekali itu yang difahamkan. Itu yang difahamkan. Jadi *it is one to one but not part the units*. Harga kita kekalkan *RM72,000 and RM42,000 as I say just now. For* mampu milik *it is also one to one, that mean let say your two four hundred become one unit and one car park and that accessorize to the parcel, Dato' Speaker.*

Tapi *car park* seterusnya ada pemaju yang ada lebih tempat letak kenderaan yang dijual, yang itu dijual Kerajaan Negeri menegaskan pendirian kita package mampu milik kita jelas *one to one at the price stated two three or four*. Kalau ada *car park* lebih yang hendak dibeli oleh pembeli itu adalah atas *willing buyer willing seller* tidak ada pemaju yang berhak untuk memaksa sesuatu pembeli untuk membeli dan harga yang ditetapkan itu bukan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tetapi pemaju daripada *case ke case depending on the area the price of the carpark may differ.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Mungkin mereka yang memiliki rumah *medium cost* yang RM200,000.00 hingga RM300,000.00 ini mereka adalah golongan yang saya rasa berpendapatan tinggi RM8,000 sehingga RM9,000 sebulan. Mereka mampu untuk mempunyai dua (2) biji kereta bila mereka ada *apartment* di situ satu *apartment* sudah mencukupi mereka memerlukan yang lebih. Tetapi satu (1) unit satu (1) *carpark* jadi keperluan yang lebih itu menjadi masalah. Kalau boleh ada *guideline* supaya kemampuan itu boleh dibeli oleh pembeli-pembeli rumah. Kalau terlalu tinggi mereka terpaksa membeli itu masalahnya. Satu lagi soal berkenaan jumlah yang telah dikutip daripada individu tadi itu.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Mungkin kita akan pertimbangkan, mungkin kita hendak tetapkan harga *carpark* yang seterusnya yang hendak dibeli tetapi pendirian kita begini Yang Berhormat Pulau Betong kita ada satu polisi ataupun pendirian Kerajaan Negeri di mana kita hendak cuba kurangkan penggunaan kereta. Kita hendak cuba mengalakkan penggunaan *public transport* dan oleh itu pengangkutan awam kita sudah ada satu Pelan Induk Pengangkutan Awam, *Transport Master Plan* (TMP) yang bernilai RM27 bilion di mana pada satu hari nanti kita hendak lihat penduduk rakyat Negeri Pulau Pinang menggunakan pengangkutan awam lebih daripada kereta. Jadi itu satu rasional kita hendak cuba kurangkan *carpark* supaya kita dapat galakkan. Tetapi sampai itu tercapai saya akan ambil kira apa yang dikatakan oleh Ahli Kawasan Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta kalau boleh *this Transport Master Plan* yang dibuat boleh tak kami semua mendapatkan naskah untuk kami dapatkan *some knowledge* apa yang dicadangkan dalam *Transport Master Plan* itu?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Mungkin ini dapat dijawab YB. Padang kota tetapi saya percaya ia masih dalam status rundingan daripada konsultan jadi mungkin belum dimuktamadkan itu mungkin apa yang boleh saya katalah. Saya tidak ada masalah setelah ia dimuktamadkan untuk ia menjadi umum semua dapat lihat rancangan kita.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sebab itu telah dimuktamadkan kerana itu ada *proposal* untuk buat oleh pemaju.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*For the consultant to do the alignment.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*How about the report ? Transport Master Plan report.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Lebih maklumat yang baru masuk nanti dia akan beri pencerahan dan selanjutnya saya balik kepada rumah.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih. Jika Yang Berhormat Perumahan ataupun Bahagian Perumahan boleh *consciously keep in mind the accessibility to the public transport for low cost and low medium cost housing* kerana sekarang terbukti banyak kawasan *low cost* dan *low medium cost housing* yang walau pun bergantung kepada bas susah untuk mereka. Perbincangan tentang implimentasi *Transport Master Plan* buat masa ini saya masih dengar kebanyakan RT sebagainya tidak diletakkan di jalan utama tetapi perumahan adalah dalam sikit so *I hope that Bahagian Perumahan will consciously keep in mind.* Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Ahli Kawasan Pulau Tikus. Sebenarnya dalam perbincangan *Transport Master Plan* ini kita ada satu *Transport Council* yang baru-baru ini ditubuhkan dan dilancarkan oleh Y.A.B Lim Guan Eng dan dalam *Transport Council* itu memang Bahagian Perumahan dan yang penting Jabatan Perancang Bandar dan Desa terlibat dan di mana kita beri input kepada konsortium berkenaan di mana di Negeri Pulau Pinang sudah ada pembangunan di mana dicadangkan dan dirancang di mana akan



ada pembangunan perumahan dan sebagainya supaya dapat tempatkan *main stops* dan sebagainya di kawasan-kawasan tersebut. Memang ini kita ambil kira YB. Pulau Tikus saya teruskan kerana ada banyak lagi sudah suntuk.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Jumlah?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya *off hand* ia adalah dalam RM81 juta berapa unit *converted I will let me semak and get you on the exact figure.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Boleh tak Yang Berhormat jelaskan apa yang digunakan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Tujuan pembangunan perumahan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bukan untuk *low cost* keseluruhannya?.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Pembangunan perumahan oleh kerajaan ialah lazimnya perumahan awam iaitu kos rendah dan kos sederhana rendah dan mampu milik sedang dijalankan oleh Penang Development Corporation. Itu tujuannya jelas saya akan dapatkan *the exact, off hand is about RM81 million.* Saya teruskan YB. Dato' Speaker Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) di Pulau Pinang. Walau pun Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia digubalkan pada tahun 2012, YB. Dato' Speaker untuk membina satu (1) rumah di seluruh negara Malaysia, Pulau Pinang telah dianaktirikan dan dipinggirkan sama sekali di mana tidak ada satu (1) unit rumah mampu milik pun di bawah PRIMA telah sampai di Negeri Pulau Pinang.

Apa yang lebih mengejutkan ialah baru-baru ini di dalam Majlis Perumahan Negara tersebut yang saya sebut tadi 21 Ogos lagi satu perkara yang diumumkan, Dato' Speaker saya nak *report* YB. Dato' Speaker ini penting diumumkan bahawa daripada 153,807 unit PR1MA yang diluluskan oleh anggota Perbadanan PR1MA setakat Julai 2015, Negeri Pulau Pinang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 24,923 unit. Mana ini unit satu (1) pun saya tidak nampak. Pelik Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib boleh cakap *no problem* kita naik kos rendah dan sederhana rendah kita beri Pulau Pinang 25,000 unit tidak ada satu pun kita tidak nampak. Mana dia? Itu RM2.6 bilion selalu sebut saya mahu tanya 24,923 unit *write down to the last number you know.*

*That means there already some plans some more in their pocket they won't let us know. Let us know because we also want PR1MA in Penang.* Apa jadi pun kita mesti buat permohonan rasmi beritahulah *you* JV buat sendiri atau PR1MA beritahu. Mungkin ada

pemaju-pemaju yang datang ke SPC untuk pembangunan mungkin nak JV tetapi kita tidak tahu sama ada itu PR1MA atau tidak. Yang bantah sekeras-kerasnya itu pun bukan PR1MA *private developer* tetapi *private* kalau lulus PR1MA *come and take over the project*. Silakan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih. Saya bukan orang PR1MA tetapi oleh kerana persoalan besar dibangkitkan oleh Exco Perumahan tentang PR1MA berkenaan dengan laporan yang telah dibentangkan di Kuala Lumpur setakat yang kita, maklumat yang diperolehi di sini oleh kerana agensi-agensi Kerajaan Pusat menghadapi banyak masalah kelulusan di Pulau Pinang.

PR1MA terpaksa membeli projek-projek yang telah lulus untuk melaksanakan atau pun membina. Setakat maklumat yang saya ada di sini kalau boleh saya maklum sedikit. Di Bayan Lepas yang mana projek ini telah dilulus untuk syarikat swasta 410 unit, perjanjian dengan pemaju masih sedang dirunding akan dimeterikan. Dua (2) di bandar Gelugor 2,100 unit Permohonan Kebenaran merancang akan dikemukakan. Saya tidak tahu sama ada sudah masuk atau belum. Sungai Pinang, Balik Pulau 9,500 unit masih dalam perancangan dan masih lagi belum dikemukakan. Teluk Kumbar 8,000 sama status, Bertam Kepala Batas bangunan telah siap sedang dalam proses menaik taraf ini sektor swasta. Mukim 4 Permatang Pauh 1,060 unit peringkat perancangan, reka bentuk perjanjian dengan pemaju swasta sedang dirunding. Bandar Gelugor 1,998 peringkat perancangan proses *request for proposal* dan Batu Feringghi pemaju swasta yang akan diberi peringkat perancangan reka bentuk jadi sebenarnya perancangan itu ada mungkin kelulusan akan dimuktamadkan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Maklumat dapat dari mana Yang Berhormat Telok Bahang?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Dari PR1MA lah.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Kebanyakan angka yang disebut tadi. Saya ingat *I know those figures in my mind and my heart because* ianya telah diiklankan setahun dahulu. PR1MA, *all the states in Malaysia including Penang* Kampung Kastam Gelugor, Sungai Pinang Balik Pulau *all there* tetapi inilah pengumuman demi pengumuman dibuat sejak 2013 Mei apabila Datuk Seri Najib datang ke Pulau Pinang pergi ke kawasan Ketua Menteri Air Putih dia kata di atas tanah 1MDB 9,999 unit mampu milik akan dibina, mana? Sampai sekarang mana ada pengumuman demi pengumuman. Jadi apa yang dirujuk tadi adalah rujukan kepada pengumuman. Tiada konkrit rasmi pelaksanaan. Itu yang penting. Laksanakannya kalau pihak swasta telah garis panduan 100% mampu milik di Negeri Pulau Pinang diumumkan tahun dahulu Ogos sampai sekarang telah rasmi 9,000 unit mampu milik mengapa PR1MA tidak boleh berbuat demikian? Kalau ada rancangan *no point* rancangan tanpa dilaksanakan jadi itulah saya minta ini lagi satu perkara mungkin boleh dinginkan kerusi saya yang begitu panas di sini minta PR1MA sampai ke Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan, pernahkah YB. Datok Keramat membuat sebarang mesyuarat dan pertemuan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Pernah buat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Jadi pernah buat tentu Yang Behormat bertanya di mana dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Tulis surat demi surat langsung tiada jawapan. *Let me answer the question, i'm answering your question.* Langsung tiada jawapan. *Then finally I think they also give up receiving so many letters from me.* Dah bosan. Okey, saya datang ke Penang saya berjumpa dengan PR1MA tiga (3), empat (4) bulan yang lalu *if im not mistaken* 4 Ogos yang lalu. *And they were just talking generally apa-apa* syarat dilonggarkan sebelum masuk. *We all agreed all of that.* Dato' Seri SUK sudah tulis surat, EXCO telah setuju dengan apa mereka minta surat telah keluar tapi lepas itu diam. Tidak boleh dengar apa pun jadi hari ini saya mintalah Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar bantu saya dinginkan kerusi panas saya ini.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I got so many more.*

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya kena buat pembetulan bahawa tadi kata ada PR1MA di Tanjong Bunga seharusnya bukan ada permohonan sebenarnya diberi melalui lepas permohonan *private*, jadi ini saya dipersalahkan jadi tidak betul. Tidak kira siapa kalau ada permohonan yang bercanggah dengan alam sekitar di kawasan saya memang saya bantah sekeras-kerasnya kalau PR1MA ada.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya sudah ambil maklum. Terima kasih Ahli Kawasan Tanjong Bunga saya hendak jelaskan di sini permohonan dari pihak swasta PR1MA ada banyak cara untuk buat perumahan di Penang atau di mana di Malaysia. Melalui perbadanannya sendiri melalui *JV or they have another amalgamated development with the private sector, they have this 3 types. This particular case is private is not even the JV* tetapi pemaju jumpa saya dan kata kalau diluluskan PR1MA akan ambil alih projek ini dan ini biasa

sepertimana dinyatakan tadi oleh rakan saya mereka sedang cari projek untuk *take over*. *PR1MA take over for the affordable housing like you said from Telok Ayer Tawar. Very expensive land here not easy to do it.* Tetapi kalau hendak buat minta bantuan daripada saya dan Kerajaan Negeri kita rela bantu. *That particular case the pemaju told me is from PRIMA but unfortunately you have objected* sekeras-kerasnya terhadapnya. So kalau PR1MA kalau lain kali *you* boleh setuju.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Tidak kira siapa bercakap dengan alam sekitar memang saya akan ambil tahu... (gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Okey, okey. Terima kasih. Saya ambil perhatian. Saya teruskan tadi kepada projek-projek Agensi Persekutuan di Pulau Pinang. Saya ingin nyatakan YB. Dato' Speaker bahawa kita dikatakan kononnya rancangan pembekalan perumahan mampu milik oleh Agensi Persekutuan seperti JKP dan PERDA, dengan sengaja tidak diluluskan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini adalah satu kenyataan yang tidak tepat sekali. Dan menyedihkan saya mengapa. Saya bagi tahu. Untuk makluman YB. Dato' Speaker, agensi sejarahnya begini. Agensi persekutuan seperti JKP dan PERDA. Pada asalnya kita akan bina 9,444 unit Rumah Mampu Milik Pulau Pinang. Bagus, kita alu-alukan. Tapi bila disemak, bukan semua mampu milik,. Ada mewah sampai RM1.8 juta di bahagian pulau, RM800,000 di bahagian seberang. Apakah ini mampu milik? Oleh itu kita tidak diluluskan. Kita ada sebab-sebab. Tambahan pula ada di antaranya di mana tanah dia diperolehi melalui pengambilan tanah untuk tujuan awam. Kalau tujuan awam jelas undang-undang mesti Kos Rendah atau Kos Sederhana Rendah. Jadi kita tidak luluskan. Jadi kita ada sebab dan bukan kita berhenti di situ sahaja. Kerana saya percaya mesti pro-aktif. Saya jemput mereka ke pejabat saya. Saya nasihati mereka apakah polisi Kerajaan Negeri berkenaan rumah mampu milik. Apakah harga siling. Apakah size. Apakah spesifikasi. Mereka faham sekarang.

Untuk makluman YB. Dato' Speaker, wakil-wakil JKP telah pun memasukkan semula plan-plan mereka setelah diselaraskan dengan polisi kita dan daripada enam (6) setakat ini dan empat (4) telah diluluskan. Ini hasil kerjasama saya dengan mereka. *And I think Permatang Berangan thank you very much. Thank you.* Kerana memuji usaha itu. *Sometime it is very lonely job out there. We do all this and nobody knows and we just wet all the time...(gangguan).* YB. *Is behind me. Planning lonely out there. Nobody is seems to know and sometime when* Permatang Berangan memuji saya begitu gembira kerana kita usaha macam *not in vain, thank you. Yes* Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):**

Saya memuji ini bukan kerana...(gangguan). Saya tak tarik balik. Saya tak tarik balik puji-pujian saya. Saya puji YB. Datok Keramat kerana sudi berbincang dengan kita. Itu saya tak tarik balik. Sekali saya kata memuji untuk berbincang dengan kita dan menyatakan pelbagai alasan dan sebab mengapa rumah-rumah ni patut dibuat secara mampu milik dan YB. Datok Keramat juga mencadangkan kepada kita untuk buat rumah mampu milik di kawasan yang dikatakan rumah berharga RM1.8 juta dan kita akur dengannya dan kita akan masuk ke plan baru.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Puji sikitlah Ketua Menteri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):**

Terima kasihlah kat Ketua Menteri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Okey, So sebagaimana YB. Permatang Berangan kata saya haraplah perbincangan selanjutnya akan juga terus membawa keputusan-keputusan yang positif. Yang Berhormat Dato' Speaker, Tabung penyelenggaraan 1Malaysia di Pulau Pinang... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan. Pasa projek JKP, saya *just* nak tanya. Di Mengkuang Titi ada Projek Akasia. Dan sebelum ini saya ada memohon kepada Datok Keramat supaya keutamaan diberi kepada mangsa-mangsa banjir untuk ditempatkan di rumah-rumah projek JKP di sebelah kawasan banjir. Jadi apa yang saya diberitahu, mangsa-mangsa banjir di situ dapat rumah. Tapi mereka dapat rumah yang jauh. Jadi saya ada memohon supaya boleh tak Kerajaan, sebab saya tanya JKP tapi dia kata JKP tak boleh buat apa-apa sebab yang buat *balloting* itu dibuat oleh Kerajaan Negeri. Jadi saya nak mohon jika boleh dibuat satu polisi untuk mangsa-mangsa banjir yang teruk seperti di Mengkuang Titi atau pun kawasan lain atau kawasan Kuala Mengkuang ke, bagi *priority* untuk ditempatkan di kawasan yang berdekatan dengan rumah mereka. Seperti juga di Tanah Liat tu yang 85 keluarga tu saya difahamkan yang keluarga-keluarga tu setuju jika rumah PDC dibuat tapi mereka ditempatkan balik di situ. Saya mohon begitu. Jadi sementara waktu, mungkin boleh dibuat penempatan sementara untuk keluarga-keluarga itu. Lagi satu (1) soalan pasal JKP ialah. Adakah projek Lot 8019 dan 8020, 278 Rumah Kos Rendah 2 tingkat di Mukim 9 Jalan Nibong Tebal juga termasuk dalam projek JKP yang telah diluluskan? Dan projek JKP di Padang Ibu yang saya tak ingat keluasan tetapi yang bersebelahan Taman Guar Perahu. Kerja-kerja tanah sedang dibuat. Adakah JKP juga telah menghantar permohonan untuk buat rumah di situ? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Okey. Terima kasih Penanti. Saya akan semak kerana in memerlukan semakan butiran projek-projek yang khusus tersebut dan saya akan maklum balik kepada Penanti. Saya teruskan TP-1Malaysia di Pulau Pinang. Ini ada satu lagi perkara Kerajaan Pusat telah anak tirikan dan pinggirkan rakyat Negeri Pulau Pinang iaitu dari segi penyaluran peruntukan untuk menyelenggarakan projek perumahan kos rendah dan sederhana rendah. Untuk makluman Dato' Speaker, ada tabung yang dikenali sebagai TP-1Malaysia di mana setakat ini ada 144 permohonan yang telah dibuat dari Pulau Pinang namun cuma 24 diluluskan dan 118 masih tertunggak. Melalui Bajet 2016, RM155 juta telah, Bajet Pusat. RM155 juta telah diperuntukan untuk TP-1Malaysia. Maka adalah dipohon oleh rakan-rakan saya di sebelah pembangkang sekalian bantulah kita dapat TP-1Malaysia ini lagi satu cara untuk dinginkan kerusi yang panas. Dan ini amat penting

kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai Tabung HAPPY iaitu *Housing Assistance Programme Of Penang, Yes*, yang akan menampung baki 10% dan 30% yang perlu dibayar oleh penduduk-penduduk kos rendah dan kos sederhana rendah masing-masing. Untuk Tabung HAPPY untuk makluman Dewan yang mulia ini YB. Dato' Speaker, sejumlah RM3 juta telah diperuntukan di bawah Bajet Negeri Pulau Pinang 2016 dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk ini.

Cadangan YB. Bukit Tengah agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyalurkan lebih dana ke dalam Tabung 80/20 berbanding dengan HAPPY atas sebab kelewatan atau keengganan Kerajaan Pusat meluluskan banyak permohonan di bawah TP-1Malaysia akan dipertimbangkan. Namun demikian, di peringkat ini Pihak Berkuasa Tempatan melalui Jabatan Pesuruhanjaya Bangunan akan diminta untuk terus memperingatkan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri ICU, JPM untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan daripada TP-1Malaysia dari Negeri Pulau Pinang. Seperti saya telah sebut memandangkan rakyat Pulau Pinang merupakan antara pembayar cukai yang tertinggi di Malaysia di mana RM6.3 billion telah dibayar pada tahun lalu dan di samping itu Bajet Pusat 2016 telah pun memperuntukkan RM155 juta kepada tabung TP-1 Malaysia untuk tahun depan. Maka di peringkat ini Tabung HAPPY masih perlu dikekalkan. Kerajaan Negeri mungkin dapat mempertimbangkan pemindahan dana tersebut kepada Tabung 80:20 mungkin selepas tengah tahun depan, pertengahan tahun depan dengan mengambil kira dan terpulang kepada beberapa permohonan di bawah TP-1Malaysia Pulau Pinang yang masih tertunggak yang akan diluluskan oleh Kerajaan Pusat. Kalau masih tak ada *movement* YB. Dato' Speaker, *than we will take seriously to consideration what* Bukit Tengah *suggestion. Thank for your suggestion.*

Saya juga merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat rakan saya Pulau Betong untuk semak sama ada persatuan penduduk boleh memohon untuk dana daripada TP-1Malaysia. Setelah semakan dibuat YB. Dato' Speaker, didapati bahawa keutamaan akan diberikan kepada skim perumahan yang telah menubuhkan Badan Pengurusan Bersama atau JMB, Join Management Body atau Perbadanan Pengurusan Management Corporation atau MC dan skim itu mestilah lebih daripada 10 tahun setelah memperolehi sijil layak menduduki OC. Dan projek mestilah harga lebih daripada RM50,000. Jawab kepada soalan YB. Pulau Betong, namun demikian persatuan penduduk yang berdaftar boleh memohon walaupun tidak akan diberi keutamaan. Ia dikatakan. *So actually can be done but they will not be given priority.*

Saya teruskan kepada program Tabung 80:20 Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat Sungai Pinang dan Jawi juga telah menyentuh tentang program Tabung Penyeleggaraan 80:20 Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Pada waktu ini dana ini dibenarkan untuk beberapa kategori penyelenggaraan ketika umpamanya pertukaran atau pembaikan lif, tangki air dan bumbung. Untuk tujuan ini sejumlah RM2.8 juta telah diperuntukkan dalam bajet 2016 di Negeri Pulau Pinang dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk ini. Cadangan yang dibuat oleh kedua-dua Sungai Pinang dan Jawi adalah agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang timbangkan supaya memperluaskan skop dan kategori penyelenggaraan yang dibenarkan.

Antara lain yang dicadangkan agar penyelenggaraan lampu jalan, pengecatan, penurapan jalan tar dan lampu kaki lima dapat dipertimbangkan oleh Jawi. Juga dicadangkan mungkin untuk kategori-kategori yang baru satu formula yang berbeza dilaksanakan Sungai Pinang mungkin 50-50 atau sebagainya. Kepada saya seperti mana saya nyatakan YB. Dato' Speaker, yang lebih penting ialah mengadakan program kesedaran dan pendidikan betapa pentingnya membayar caj penyelenggaraan, bulanan agar kadar kutipannya dapat meningkat agar Badan Pengurusan Bersama, JMB atau Perbadanan Pengurusan, MC sesuatu projek itu dapat menjadi *self sustainable*. Namun demikian, sehingga ini tercapai Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar akan perlunya golongan penduduk projek kos rendah dan sederhana rendah dibantu dan menyahut cadangan Sungai Pinang dan Jawi ini. Saya bersetuju mempertimbangkannya setelah satu kajian terperinci dibuat oleh satu jawatankuasa khas yang akan dipengerusikan saya dan dianggota wakil Jabatan Kewangan Negeri dan wakil-wakil rakyat, MMK Perumahan dan PDC. Ya silakan.

#### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih kepada YB. Datok Keramat bahawa akan mempertimbangkan cadangan kita ini dan saya nak tanya adakah Datok Keramat tahu bahawa, ada satu (1) projek di kawasan Sungai Pinang terdapat diluluskan oleh TP-1Malaysia tetapi saya syabaslah ada kelulusan daripada TP-1Malaysia tetapi kontraktor dilantik kerja-kerja pembaikan dan naik taraf itu, pemantauan daripada siapa adalah satu isu walau pun begitu banyak wang yang telah disalurkan untuk pembaikan dan penaiktarafan tetapi sekarang ada masalah bumbung dan yang ini mereka sekarang penduduk cari balik kepada kita juga. Jadi saya rasa TP-1Malaysia kita alu-alukan semua yang kalau boleh diluluskan untuk permohonan sebanyak 144 di Pulau Pinang tetapi pemantauan daripada mana dan dia ada masalah walau pun baru sahaja dinaik taraf. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang ini bukan satu rungutan yang kali pertama saya dengar. Ada beberapa aduan yang telah dibuat tentang kualiti kerja-kerja yang dilaksanakan di bawah TP-1Malaysia bagi kita *the only thing we can do* di peringkat ini *is* menulis kepada ICU Jabatan Perdana Menteri yang melaksanakan tabung ini untuk mereka pantau dengan baik dan pastikan agar kualiti dan spesifikasi dipatuhi. Ini jawapan saya kepada YB. Sungai Pinang tapi amat menyedihkan kualiti tidak begitu memuaskan.

Saya teruskan, Dato' Speaker. YB. Permatang Pasir dalam hujahnya telah menyentuh tentang kesukaran pemohon rumah kos rendah dan sederhana dan mampu milik mendapat pinjaman bank. YB. Dato' Speaker, ini memang satu realiti di mana sebenarnya rakan saya di sebelah pembangkang boleh bantu dengan mendapat Kerajaan Pusat memperkenalkan melalui Bank Negara Malaysia pakej pinjaman yang mempunyai syarat-syarat yang tidak begitu ketat untuk memohon rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik. Ini juga satu (1) lagi cadangan yang dapat mendinginkan kerusi saya yang begitu panas ini. Saya menganggap mesyuarat yang telah diadakan oleh saya dengan Bank Negara Malaysia sebagai mesyuarat yang baik di mana kita telah berkongsi pengalaman bahagian perumahan di dalam saringan kelayakan pemohon kos rendah, sederhana dan mampu milik dan syarat-syarat tersebut dengan Bank Negara Malaysia dan Bank Negara Malaysia telah berkongsi kriteria-

kriteria diambil kira oleh mereka di dalam memproses pinjaman perumahan. Antara faktor yang telah dibangkitkan oleh Bank Negara Malaysia ialah kadar hutang isi rumah yang tinggi di Malaysia iaitu 89% daripada jumlah keluaran kasar dalam negara KDNK yang menyebabkan Malaysia salah satu negara yang mempunyai hutang isi rumah yang tertinggi di rantau asia dan oleh demikian perlunya pengurusan hutang yang berhemah *prudent debt management*. Juga diambil kira adalah harga perumahan yang telah naik di bandar-bandar utama di Malaysia termasuk Pulau Pinang berbanding dengan pendapatan purata warga Pulau Pinang yang menjadikan harga-harga rumah secara serius tidak mampu dimiliki atau pun *seriously affordable*.

Namun demikian, saya telah memaklumkan kepada pasukan Bank Negara Malaysia bahawasanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai perancangan untuk membekalkan perumahan mampu milik dengan harga terkawal antara RM150,000.00 hingga RM400,000.00 di bahagian Pulau dan antara RM150,000.00 hingga RM250,000.00 di bahagian Seberang Perai di mana melalui rancangan ini sebanyak 35,000 unit Rumah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Rumah Mampu Milik akan dibekalkan di Negeri Pulau Pinang. Juga telah saya bincangkan dan bangkitkan cadangan untuk diperkenalkan semula Skim Tanggungan Faedah Pemaju atau DIBS, *Developer Interests Bearing Scheme* khususnya untuk pembeli rumah mampu milik yang pertama untuk menangani isu ini dan Bank Negara Malaysia juga telah mengalu-alukan. Saya ingin menyatakan Program Skim Pemilikan Bersama (SOS) yang diadakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan menyatakan bahawa ia akan mempertimbangkan pemohon-pemohon skim ini secara berlainan memandangkan ada tanggungan dari pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Maka Dato' Yang di-Pertua, adalah diharapkan melalui perbincangan susulan yang akan diadakan, satu keputusan yang positif dapat dicapai.

Saya teruskan Dato' Yang di-Pertua kepada satu (1) isu yang penting iaitu permit pengiklanan dan lesen pemaju. Selain dianaktirikan dan dipinggirkan oleh Kerajaan Pusat dari segi pembekalan perumahan mampu milik di bawah PR1MA, penyaluran peruntukan penyelenggaraan di bawah TP1M, kadar penolakan permohonan pinjaman oleh pemohon Perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Mampu Milik, Kerajaan Pusat juga telah bertindak secara begitu tidak adil terhadap Pulau Pinang dengan tidak meluluskan permohonan Permit Pengiklanan dan Lesen Pemaju, *Advertising Permit and Developer License (APDL)* di mana ada 47 projek pembangunan perumahan di Pulau Pinang yang tidak diluluskan di peringkat Kementerian.

Seperti mana yang dinyatakan oleh YB. Jawi, antara permohonan-permohonan tersebut termasuk ..(gangguan).

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya terkejut. Saya sedang fokus. Sila teruskan.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Masih banyak lagi *important issues coming, so I am trying to clear as fast as possible*. Seperti mana dinyatakan oleh YB. Jawi di antara permohonan-permohonan tersebut termasuk projek-projek kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik di mana data-data sehingga September 2015 menunjukkan bahawa terdapat sepuluh projek iaitu tiga (3) Projek Rumah Kos Rendah, 339 unit, empat (4) Projek Kos



Sederhana Rendah yang merangkumi 1,167 unit dan tiga (3) Projek Rumah Mampu Milik yang merangkumi 1,682 unit yang masih belum mendapat APDL ini. Sepertimana dinyatakan oleh YB. Jawi ini amat kejam *because this is actually for* mereka yang perlu rumah, kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik tidak diberi APDL, macam mana ni, bagaimana hendak jawab kepada mereka yang perlu rumah ini? Zalim, kejam, saya tidak ada jawapan, mungkin saya hendak jemput rakan-rakan pembangkang saya untuk pergi *roadshow and you explain why, why?. There is no reason* kerana APDL, kelulusannya *is a formality, something that requires two weeks to do*, tidak ada permohonan yang menjangkau masa setahun. Sila dinginkan kerusi panas saya dengan luluskan APDL-APDL yang tertunggak ini.

Dato' Yang di-Pertua, syarat-syarat kelayakan Perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Mampu Milik sepertimana yang dibangkitkan oleh YB. Telok Ayer Tawar. Untuk makluman, syarat-syarat yang dikenakan adalah untuk memastikan agar mereka yang benar-benar perlu dan layak sahaja diberikan Rumah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Mampu Milik. Yang pertama ialah kita hendak pelihara kepentingan rakyat jelata Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu, dan oleh demikian, pemohon perlu menjadi seorang anak kelahiran dan pengundi Pulau Pinang. *That is our priority*. Siling had pendapatan yang dikenakan adalah untuk memastikan bahawa rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik tidak sampai ke tangan mereka yang kaya-raya.

Dasar baru kelayakan pemohon Perumahan Mampu Milik, ini saya akan laporkan kepada Dato' Speaker. Mengambil kira kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi, maka baru-baru ini had siling pendapatan bersih seisi rumah dinaikkan dari RM6,000.00, RM8,000.00 dan RM10,000.00 untuk Perumahan Mampu Milik RM200,000.00, RM300,000.00 dan RM400,000.00 masing-masing kepada RM8,000.00, RM10,000.00 dan RM12,000.00. Namun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akur tentang perlunya memelihara kepentingan mereka yang tidak mempunyai pendapatan lebih dari RM6,000.00. Maka satu kategori Perumahan Mampu Milik baru RM150,000.00 diperkenalkan kepada mereka yang mempunyai pendapatan tidak melebihi RM6,000.00. Maka selain daripada kategori RM200,000.00 yang sudah wujud, kategori baru RM150,000.00 ini menjawab sahutan YB. Tanjong Bunga agar lebih unit-unit RM250,000.00 dibina.

Sebagai menjawab YB. Permatang Berangan, saya ingin tegaskan sekali lagi bahawasanya ini tidak bermaksud Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memansuhkan Rumah Kos Rendah dan Rumah Sederhana Rendah. Maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini mempunyai pelbagai jenis Perumahan Mampu Milik bermula dengan Perumahan Kos Rendah RM42,000.00 dengan had pendapatan RM2,500.00; Kos Sederhana Rendah RM72,500.00 dengan had pendapatan RM3,500.00, Rumah Mampu Milik RM150,000.00 untuk mereka yang tidak melebihi had pendapatan RM6,000.00. Rumah Mampu Milik RM200,000.00 untuk pendapatan yang tidak melebihi RM8,000.00 dan rumah mampu milik RM300,000.00 untuk pendapatan yang tidak melebihi RM10,000.00 dan rumah mampu milik RM400,000.00 untuk mereka yang pendapatan tidak melebihi RM12,000.00.

Untuk makluman rakan-rakan saya di sebelah pembangkang, saya percaya mereka juga sokong polisi baru kita kerana ini telah dinyatakan oleh Dato' Zainal Abidin Othman iaitu Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang melalui satu laporan di dalam *Malaysian Insider* pada 20 Oktober 2015. *So I thank you for supporting the Penang State Government's effort where it is concerned.*

YB. Dato' Yang di-Pertua, Program Kesedaran Perumahan Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB. Telok Ayer Tawar juga mempersoalkan prosedur memohon untuk perumahan di Bahagian Perumahan Negeri Pulau Pinang. Ingin saya nyatakan bahawa pegawai-pegawai di Bahagian Perumahan sememangnya telah melaksanakan tugas mereka dengan sedaya upaya mereka dan saya ucapkan terima kasih kepada mereka atas usaha-usaha mereka tersebut. Saya ingat *we have to give them a round of applause. Thank you.*

Kita cuba sedaya upaya untuk mengurangkan birokrasi sebanyak mana yang boleh. Malahan, selain daripada memudahkan proses permohonan dengan memberi penjelasan kepada pemohon-pemohon, Bahagian Perumahan Negeri juga telah mengadakan *roadshow Mission Home Possible* di mana siri pertama telah bermula pada Ogos 2014, bagi peringkat Parlimen Tanjong dan Jelutong di KOMTAR dan telah berlangsung di semua kawasan Parlimen dan berakhir di Parlimen Batu Kawan di Galeri Penjualan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada April 2015. Siri *Mission Home Possible 2.0* baru dimulakan untuk peringkat daerah pada 14 November 2015 di Gurney Plaza untuk Daerah Timur Laut dan akan diteruskan ke semua daerah di Negeri Pulau Pinang. Selain daripada siri *Mission Home Possible* ini, Bahagian Perumahan juga menjalankan program kesedaran di peringkat DUN masing-masing contohnya yang akan diadakan di kawasan DUN Batu Uban pada 21 November 2015 ini, hari Sabtu yang akan datang.

Dato' Yang di-Pertua, saya teruskan dengan Skim Pemilikan Bersama, *Shared Ownership Scheme* dan Skim Sewa Beli. YB. Jawi telah membangkitkan tentang status Skim Pemilikan Bersama (SOS) dan sewa beli yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Untuk 104 unit di Taman Sungai duri Permai, memandangkan ia adalah satu skim baru, unit perundangan di Bahagian Perumahan telah memuktamadkan perjanjian yang perlu ditandatangani setelah rundingan dibuat dengan semua pihak berkepentingan, *road show* untuk memupuk kesedaran tentang konsep SOS dan pendaftarannya akan diadakan sebelum akhir tahun ini di Pejabat YB. Jawi.

Berkenaan ini, saya berpendapat skim SOS ini sememangnya dapat membantu segolongan besar yang tidak dapat memperolehi pinjaman bank. Malahan skim begini memang dilaksanakan di negara lain, misalnya di Westen Australia, kerajaan di situ mempunyai program *key start*, ...(dengan izin) di mana adalah satu tabung bernilai Dollar Australia 5 bilion di mana pinjaman diberikan kepada pemohon rumah pertama dengan syarat yang lebih longgar berbanding bank komersial. Mungkin AUD5 billion boleh diperuntukkan tabung tersebut, mungkin rakan-rakan saya di sebelah pembangkang boleh cadangkan kita adakan tabung RM2.6 bilion untuk skim begini di Malaysia.

Berkenaan skim sewa beli yang diperkenalkan semula oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Taman Seruling Emas, ia telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Perumahan dan digunakan antara lain untuk merumahan setinggan yang terlibat di Projek

Rancangan Tebatan Banjir (RTB) sungai Pinang Fasa 11. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan mempertimbangkan untuk meluaskan skim sewa beli ini ke projek-projek dan daerah-daerah lain di Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, saya datang ke satu isu yang begitu penting sekarang iaitu pengumuman pengenalan Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar atau pun *Urban Regeneration Committee*. YB. Pengkalan Kota, YB. Batu Uban dan YB. Kebun Bunga telah memohon agar projek-projek penambahbaikan flat-flat di kawasan mereka khususnya terhadap lif-lif dan sebagainya diteruskan, ini memang akan dibuat secara berkala dan tertakluk kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti mana dinyatakan oleh YB. Kebun Bunga tidak dimaklumkan tentang perjumpaan yang diadakan oleh pemaju swasta di Taman Free School dengan cadangan pembangunan semula di situ sepertimana ada dalam surat khabar. Memandangkan Taman Free School adalah sebuah projek perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, maka sebarang cadangan untuk membangunkan semula perlu melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Di dalam apa keadaan jua, *I don't know whether it is coincidence or timing is just so happen*, berkenaan isu penambahbaikan dan pembangunan semula skim-skim perumahan, ingin saya nyatakan bahawa pada 21 Oktober 2015 baru-baru ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju dengan cadangan saya untuk mewujudkan Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar, *Urban Regeneration Committee, (URC), a very very big historical step for the Penang State Government, which I wish to announce in this August House today.*

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terma rujukan untuk Jawatankuasa tersebut adalah untuk merancang dan melaksanakan pembaharuan dan pembangunan semula bagi projek-projek perumahan yang telah lama dan usang, khususnya rancangan-rancangan perumahan awam di bahagian Pulau dan Seberang Perai. Jawatankuasa ini juga akan mengkaji terlebih dahulu impak perundangan dan sebagainya yang mungkin timbul. Terdapat rancangan-rancangan perumahan awam yang telah mencecah usia 40 tahun. Misalnya Rancangan Perumahan Padang Tembak yang disiapkan pada tahun 1969, sebelum saya dilahirkan. Saya sudah 71 tahun, saya pun macam sudah usang. Rancangan Perumahan Taman Tun Sardon yang disiapkan pada tahun 1980, yang berusia 35 tahun, Rancangan Perumahan Taman Free School yang disiapkan pada tahun 1983, berusia 32 tahun dan Rancangan Perumahan Mak Mandin di sebelah Seberang yang didirikan pada tahun 1986. berusia 29 tahun. Kerja-kerja penyelenggaraan dan penaiktarafan yang kerap adalah diperlukan bagi memastikan rancangan-rancangan perumahan tersebut selesa dan sesuai untuk terus dihuni.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2010 sehingga September 2015 untuk rancangan-rancangan perumahan tersebut adalah seperti berikut: Padang Tembak RM10.2 juta. Kalau YB. Kebun Bunga kata kita tidak buat apa-apa, sedih.

#### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Penjelasan. Saya ada kata RM1.0 juta atau RM2.0 juta untuk dua (2) tahun ini. Saya tidak kata tidak ada. Terima kasih. Saya hanya hendak menjelaskan bahawa saya tidak kata Kerajaan Negeri tidak buat kerja.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Saya harap YB Kebun Bunga tidak ambil, semalam dia kata nak ambil tindakan-tindakan tertentu.. saya tidak tahu sama ada itu ugutan atau tidak tetapi tidak perlu buat ugutan, ia tidak akan membawa hasil. *You come and join me in this committee.*

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih. Saya akan *join you in this committee.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Perumahan Padang Tembak RM10.2 juta, Taman Free School RM2.6 juta, Taman Tun Sardon, *your area* RM5.2 juta...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Penjelasan, sikit sahaja. Saya hendak minta kalau boleh Datok Keramat boleh bagi satu (1) peruntukan kerana dulu kita cat semua flat-flat warna hijau dan putih, sekarang kita hendak tukar balik warna oren boleh?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Boleh tetapi guna peruntukan kamu sendiri. Dato' Yang di-Pertua, keseluruhannya empat (4) perumahan awam ini yang sudah usang seperti saya sebut tadi adalah RM21.1 juta. Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Semula Bandar juga bertujuan untuk membuat kajian terperinci serta menyediakan dan melaksanakan cadangan pembaharuan semula terhadap projek-projek perumahan sedemikian. Pembaharuan semula projek-projek perumahan tersebut bukan sahaja akan meningkatkan taraf kehidupan dan keselesaan bagi penghuni-penghuni tempatan malah pada masa yang sama ia dapat meringankan beban Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara kos efektif di dalam perbelanjaan kos penyelenggaraan dan penaiktarafan. Secara keseluruhan, kaedah pembaharuan tersebut akan melibatkan pembinaan blok bangunan baru yang berdekatan dengan projek-projek perumahan sedia ada bagi menempatkan penghuni-penghuni asal mereka di mana blok bangunan asal mereka akan dirobohkan bagi blok pembinaan baru dan proses pembangunan ini akan diteruskan sehingga keseluruhan projek perumahan tersebut di perbaharui dan siap dibangunkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, proses pembaharuan ini akan mengutamakan kepentingan penduduk setempat dan di projek-projek perumahan asal ini. Proses pembaharuan ini akan mengutamakan kepentingan penduduk-penduduk setempat di projek-projek perumahan asal ini dan penempatan semula penduduk yang terlibat dengan projek pembaharuan ini akan diberi keutamaan dan adalah di cadangkan bahawa penduduk-penduduk yang terlibat ini ditawarkan satu (1) unit perumahan yang baru dengan keluasan dan yang lebih besar serta kemudahan yang baru berbanding dengan perumahan-perumahan asal mereka yang wujud sekarang. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melantik saya selaku EXCO Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan untuk mempengerusikan Jawatankuasa URC tersebut. Dan saya akan cadangkan agar Ahli Jawatankuasa Tetap bagi Jawatankuasa URC adalah YB. Padang Kota yang memegang portfolio Kerajaan

Tempatan Pengurusan Lalu lintas dan Tempatan Banjir dan YB. Bagan Jermal yang memegang portfolio Kerja Raya Utiliti Dan Pengangkutan dan juga ahli tetap lain ialah Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang, Unit Perancang Ekonomi Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan ahli-ahli mesyuarat jemputan juga akan melibatkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan yang akan di cadangkan untuk pembaharuan semula tersebut. Ini satu pengumuman yang begitu penting dalam sejarah Negeri Pulau Pinang, Dato' Speaker...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Bahawasa kini kami dengan fokus kepada perumahan tetapi dalam soalan *urban renewal* saya hanya hendak bangkitkan bahawa akses *e-Job*, *asses e-shop* dan sebagainya harus di lihat secara keseluruhan. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih. *Urban renewal* ini bukan satu perkara yang baharu. Mungkin baru di Pulau Pinang tapi di negara di dunia ini banyak negara yang sudah melaksanakan ini, umpamanya *Singapore main once next our neighbour*. Mereka ada rancangan di mana *anything above thirty years* mesti di syartkan secara statut untuk di kaji semula *and we can go to Japan and Hong Kong*, banyak tempat lain kita boleh belajar daripada mereka tapi untuk tujuan *urban regeneration community* ini yang akan khusus pada permulaan. *This is starting point the history of Penang. We will focus on pride on public housing first and we will learn from them we will, I agree with Pulau Tikus from there* kita akan perluaskan kepada aspek-aspek yang lain. Saya akhiri...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sebelum mengakhiri dua (2) perkara. Satu selain daripada kita melihat kepada *urban renewal* saya juga minta supaya *urbanization, rule of urbanization* juga di lihat juga supaya kawasan-kawasan barat daya dan sebagainya tidak terkecuali bangunan kerana keseluruhan Pulau Pinang sudah pun menjadi Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Yang kedua, saya juga melihat kepada kemampuan membayar balik peminjam-peminjam rumah yang berharga RM140,000 hingga RM400,000. Saya mencadangkan dalam borang PN1 pemohon itu kalau boleh masukkan dua (2) nama bagi membolehkan kita membuat *two tier* atau *two generation loans* supaya akan ditawarkan kepada rumah contohnya 300,000 ada dua (2) nama. Bapa dan anak supaya jika digabungkan kemampuan dua-dua bapa dan anak ini maka membolehkan bank mempertimbangkan pinjaman. Ini harus berhubung dengan borang PM1 yang dibuat Kerajaan Negeri.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Pulau Betong. *In fact*, untuk makluman Pulau Betong. Saya gembira untuk mengumumkan ini memang dibincang dalam perbincangan bersama BNM. *This is some of the issue that we have been covered and in fact suggestion from them, from perumahan. We want to muktamadkannya dengan secepat mungkin by the end of the year. This is one of them. In fact, suggested and thank you that suggestion mungkin by January next year* Borang PN1 yang baru akan disiapkan dan dikeluarkan.

Saya ada satu lagi isu untuk mengakhiri ucapan saya iaitu isu yang dibangkitkan oleh rakan saya YB. Pulau Betong yang telah keluar dalam surat khabar The Star, *yesterday*. Iaitu berkenaan pinjaman RM100 juta kepada Perbadanan Pulau Pinang, PDC sepertimana yang dinyatakan dalam Bajet 2016 Pulau Pinang. Pinjaman ini Dato' Speaker adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang pada 30 September 2015 setelah mengambil kira faktor bahawa syarikat pemaju iaitu Tetuan Zubicon Sdn. Bhd., yang telah berjaya membida tender melalui *request for proposal* yang dikeluarkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC, pada 3hb. 2013 untuk projek perumahan mampu milik di SP Chelliah. Pada waktu masa tersebut masih belum menerima kelulusan pengiklanan dan lesen pemaju EPDL. Walaupun telah membuat permohonan kepada Kesejahteraan Bandar dan Negeri Tempatan Perumahan (KPKT), 27 Oktober 2014. *See on 27 October Zubicon that succeeded in the tender for perumahan mampu milik SP Chelliah, submitted application for APDL .....*(dengan izin) Dato' Speaker. Sampai tarikh ada kertas yang dikemukakan *one year later, this is the predicament that you are* ini. Kalau ini tidak diisukan maka itu menjadi faktor dan asas Kerajaan Negeri terpaksa menimbangkannya kerana ini menyebabkan Tetuan Zubicon tidak dapat menjual unit-unit perumahan. *If you don't have APDL you can't sign SNP, You are aware that. That is difficult thing that you face.* Dan ini secara langsung Dato' Speaker menjejaskan aliran tunai. *The bank will not give you the bridging loan if there is no has SNP to sign.* Dan ini secara langsung boleh menyebabkan projek itu *either* tergendala atau terbengkalai. *This is how serious, non issuance APDL is. Can we just finish..*(gangguan).

Memandangkan projek perumahan mampu milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengelakkan daripada tergendala atau terbengkalai projek tersebut. Pada Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan untuk memperuntukkan dana secara pinjaman kepada pemaju Tetuan Zubicon Sendirian Berhad melalui PDC. Untuk membolehkannya meneruskan pembangunan projek mampu milik tersebut melalui konsep bina dan jual, *build and sell*. Di mana melalui kaedah *build and sell* tidak perlu APDL. *You see the effect the impact of not issue APDL. This is the impact. Now* bagi tujuan penyediaan dana berkenaan sejumlah RM230 juta diperlukan. Itu adalah anggaran, *estimate* kos pembangunan SP Chelliah. RM230 million. *A quarter of a billion ringgit* dan ia diperlukan bagi tempoh dua (2) tahun. Jadi bagi memastikan projek mampu milik Kerajaan Negeri tak terjejas Dato' Speaker kita setuju, EXCO setuju untuk mengeluarkan dana ini. *All because you didn't issue the APDL. So RM100 juta, the first change is* untuk 2016 yang nampak kita dalam Bajet 2016 ini. Dan *second batch will be RM130 juta for 2017* dan pada bayaran tersebut perlu di bayar balik oleh pemaju Zubicon kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan faedah 8% setahun. *However Dato' Speaker, every said that* saya ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini. Setelah 30 September apabila kita buat keputusan ini, terdesak untuk buat keputusan seperti ini. *Because they are in the financial constrain of works completed 90% for the* mampu milik *portion and they just cannot move forward. So 30 September* dikemukakan di EXCO dan di bantangkan dalam bajet. Pengemukakan bajet yang pertama kepada EXCO adalah 15 September dan disahkan pada 23 September. Pada 30 September, RM100 Juta diluluskan untuk Zubicon. Jadi oleh yang demikian ia dimasukkan dalam Bajet 2016. *Just let me roll the chronology. However, recently* kita dimaklumkan bahawasanya Zubicon memperoleh lesen pemaju perumahan and unit iklan dan jualan. *On 22 of Oktober, they have received the APDF..*(gangguan).

**Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Itu selepas bajet di bentangkan. Dan selepas keputusan kita pada 30 September. Oleh yang demikian Dato' Speaker wang ringgit malaysia tersebut akan terus disalurkan kepada PDC sebagai satu peruntukkan rizab untuk kotijensi-kotijensi yang timbul untuk pembangunan-pembangunan perumahan seperti yang telah di alami terlebih dahulu oleh Zubicon ini yang telah tidak dapat memperolehi APDL tersebut. Yes, silakan.

**Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Yang Berhormat di atas penjelasan yang diberikan. Umum mengetahui bahawa Menteri yang bertanggungjawab untuk meluluskan APDL ini adalah Menteri Persekutuan khususnya daripada Barisan Nasional dan menteri berkenaan daripada UMNO. Persoalannya bermain di minda rakyat adakah cara tidak meluluskan APDL ini cara UMNO menghukum rakyat Pulau Pinang. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ini telah saya nyatakan. Tindakan tidak meluluskan APDL ini merupakan satu sabotaj kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang dan saya ulangi kerana di APDL ini satu perkara yang diperlukan secara undang-undang di bawah akta pemaju. *I think everyone knows that* ada Akta memaju. Yang menyatakan apa yang perlu di kemukakan untuk sesuatu APDL ini diluluskan dan ini *standard it is standard procedure* semua sijil-sijil dan kalau dapat dikemukakan dan disahkan oleh Kementerian dua (2) minggu. *You do it online with that.* Boleh buat online. Dua minggu lulus tapi saya difahami semua APDL permohonan APDL daripada pemaju daripada Pulau Pinang, Sri Delima sampai ke Kementerian diminta di letakkan di atas meja Menteri sendiri. Dan kalau APDL ini kita pergi ke *website, you can check your status. Is either* lulus or tolak? *Either you* patuhi atau *you* tak patuhi *and* tolak. Untuk *Penang check* tengok *website* K.I.V., Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sungguh kejam.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

K.I.V. Apa sebabnya? Saya sudah kata pada Dato' Rahman Dahlan, *my counter part in Parliament. I not playing with politic when comes to housing* Dato' Speaker ... (dengan izin). Dia telah terbuka-buka menyatakan dalam surat khabar akan disahkan oleh rakan saya dari *News Straits Times, Pandit, tip for tap* Dato' Speaker. Faham apa itu *tip for tap*? Betul. Dia mengangguk Pandit. Ini saksi nombor satu (1) saya. *Tip for tap* apa maksud dia? Dia kata kalau selagi Pulau Pinang tak luluskan projek-projek agensi Persekutuan, saya balik pula pada itu *by end with this. Because of* pertanyaan Seri Delima yang begitu baik, kita kononnya tak luluskan JKP dan PERDA punya projek. Oleh

itu, *tip for tap* dia tidak luluskan APDL. Tapi tak betul. Fakta itu tak betul. Saya telah menyatakan mengapa kita, kita ada sebab. Kita ada sebab dan sebab-sebab itu sedang ditangani dan sudah pun ditangani untuk empat (4) projek JKP, PERDA *on the way*. *Please tell your minister. Please report. Don't play this vindictive for tap political game because* ia melibatkan perumahan untuk orang-orang yang susah. Untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Untuk penyokong-penyokong UMNO juga. Jadi saya kata minta menteri semak dengan segera semua permohonan yang masuk kalau patuhi maka lulus sahaja. Jangan KIV. *Let's not been vindictive in this time. In this game ya, please.*

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih. Berbalik kepada isu pinjaman RM100 juta kepada PDC. Tempoh berapa lamakah yang diberikan kepada PDC untuk mengembalikan duit itu kepada Kerajaan Negeri. Yang kedua, bukankah PDC juga mempunyai tanah yang banyak? Perolehan yang tinggi. Kenapa mesti berikan kepada mereka lagi kalau sebenarnya Zubicon tidak memerlukan *just* berpatah balik kepada Kerajaan Negeri tanpa berikan semula kepada PDC. Sebab mereka juga mampu sebab punya tanah yang banyak dan banyak perolehan. *Unless* Yang Berhormat kata PDC juga duit sehingga hari ini.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Itu memang dipertimbangkan. Tapi isu dia ialah ada perjanjian RFP yang telah dimasukkan dimasukkan dengan Zubicon. Oleh yang demikian, mereka perlu teruskan perjanjian tersebut supaya kontraktor tak mahu. *That's why we decided to give to PDC this loan of the hundred million. Actually the total will be two hundred and thirty. Your question* tadi berkenaan dengan bayaran balik, *it is the 8 percent interest per annual. The money is park with PDC to be given out to Zubicon. So, Zubicon has to...* (gangguan) *ya, exactly at the point in time, waktu material, I'm telling you..as of 30<sup>th</sup> September before this was issued. That was the understanding.* Tapi *now that APDL is out. We are relived because we don't have to come out with the further RM30 million.* Tapi tentang RM100 juta ini yang ada dalam bajet sepertimana YB. Pulau Betong *rightly pointed out, I just want to announce to Dewan yang mulia ini, ia akan terus di tempatkan dengan PDC untuk contingency, to address any contingency of the light manner yang Zubicon telah alami tadi. Jadi, itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat Pulau Betong. Akan digunakan untuk contingency-contingency yang akan berlaku dan untuk tujuan pembangunan perumahan.*

Jadi Dato' Speaker, saya ingin cuma mengakhiri ucapan saya dengan menyatakan *I'm already finished. To all my friends, my brothers and sister from UMNO, I plead to you, where housing is concern, please speak to your counterparts. To my counterparts in Putrajaya. Please do that for me.* Bawa mai PR1MA, luluskan TP1Malaysia, minta bank longgar syarat pinjaman rumah, luluskan APDL, kita perlu bekerjasama antara satu sama lain. Lihat apa yang saya sedang buat untuk projek-projek JKP dan PERDA. Projek-projek sahabat handai saya di sebelah pembangkang. Jangan kita main politik dalam isu perumahan dan dengan perkataan-perkataan itu saya ingin mohon menyokong, sekian terima kasih.



### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya nak bangkitkan Peraturan 34, Usul-usul Tanpa Pemberitahu (4), usul hendak menghendaki supaya sesuatu rayuan itu dibentangkan atau dicetak dan dirujuk kepada sebuah jawatankuasa atau pun ditolak. Seharusnya tadi saya nak buat peraturan tapi saya tak mahu kacau kerana tadi ada sekeluarga Dewan di sini termasuk Yang Amat Berhormat dan juga Ketua Pembangkang. Jadi mungkin masa sekarang saya nak rujuk ini kepada satu (1) perkara. Peraturan 109E iaitu Jawatankuasa Perlembagaan di mana saya mohon pindaan Perlembagaan supaya menghadkan Ketua Menteri kepada dua (2) penggal sahaja dan juga satu (1) tarikh tetapan untuk pilihan raya umum dikajikan dalam perlembagaan itu supaya kita boleh buat satu (1) keputusan masa depan sedangkan kita sudah banyak bincangkan isu ini dan sampailah tahap kita perlu adakan satu (1) kajian oleh Dewan ini supaya satu (1) *separation of power* boleh diadakan dan *check and balance* betul-betul dijalankan. Jadi terpulanglah kepada Ahli-ahli supaya sokong tak sokong. Ini cuba pun saja hantar ke Jawatankuasa Perlembagaan. Bila dia jalankan perlembagaan itu sudah dua (2), tiga (3) penggal kemudian. Terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Tanjung Bunga, sebelum saya nak urus usul Tanjung Bunga, usul ini kena menepati peraturan yang telah pun dikemukakan di bawah 34, Usul Tanpa Pemberitahu. Jadi, sekali lagilah saya nak minta YB. Tanjung Bunga telah mengemukakan satu (1) usul yang tidak memberitahu. Maka, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ia diperlu untuk dapat sokongan dengan 10 orang Ahli Yang Berhormat yang berdiri di tempatnya. Sila. Ahli-ahli Yang Berhormat ada yang menyokong usul daripada Tanjung Bunga? Sila, YB. Tanjung Bunga, usul ini tidak akan diuruskan.

Saya nak minta sesi penggulungan disambungkan. YB. Sungai Puyu.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Terlebih dahulu izinkan saya menzahirkan rasa syukur kerana masih diberi peluang memberi khidmat bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sebagai EXCO Alam Sekitar, Kebajikan Masyarakat Penyayang. Dato' Speaker, dalam bidang kebajikan, pelbagai program kebajikan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 iaitu selepas 8 Mac 2008. Bagi memastikan rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kesejahteraan serta hal ehwal kebajikan rakyat terjaga, Kerajaan Negeri terlihat melalui beberapa program iaitu Program Ekonomi Saksama (AES) untuk bagi keluarga miskin di seluruh daerah Negeri Pulau Pinang. Di sini saya nak maklumkan bahawa pada tahun 2008 selepas diumumkan, Program Pembasmian Miskin Tegar di 2009 telah menjayakan program ini dan selepas itu ada beberapa program, Program Penghargaan Warga Emas, Program Ibu Tunggal, Program Anak Emas, Program Skim Pelajar Emas, Program Bantu OKU, Program Sumbangan Jenazah kepada waris warga emas, ibu tunggal dan OKU dan juga Program Ibu Emas.

Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian kerana ada banyak soalan yang ditanya tetapi kemungkinannya mereka lapar atau lari diri dari Dewan ini jadi bolehkah kami tangguh supaya mereka makan nasi kenyang, balik mai sini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Sungai Puyu terima kasih. Jangan risau kita ada di sini untuk tanya soalan lah. Mereka takut dengan YB. Sungai Puyulah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kerana saya di sini nak bagitahu, Kerajaan Negeri menjalankan Program Pembasmian Miskin Tegar iaitu kepada masa itu memang dalam data-data yang telah dikutip dan semakan, memang yang termiskin sekali ada di kawasan-kawasan KADUN UMNO dan tengah hari ini mereka tak ada, maklumat ini tak sampai.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ada soalan Yang Berhormat. Terima kasih di atas penjelasan yang diberikan. Mungkin satu (1) lagi pemberian bantuan kebajikan adalah kepada pemandu-pemandu teksi. Mungkin Yang Berhormat tertinggal atau terlepas pandang. Saya ingin tanya sama ada program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi bantuan kepada pemandu-pemandu teksi terutamanya semasa musim perayaan. Adakah Yang Berhormat tahu diamalkan di Kerajaan Persekutuan, kerana kelmarin kita lihat disiarkan secara luas dalam media massa dan juga dalam internet, pemandu-pemandu teksi di Kuala Lumpur telah mengadakan satu (1) demonstrasi di Parlimen dan menuntut supaya Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar meletak jawatan kerana tidak membela nasib mereka. Saya ingin tanya sama ada Yang Berhormat boleh memberikan jumlah pemandu-pemandu teksi yang menerima bantuan daripada Kerajaan Pulau Pinang dan juga penarik beca yang saya juga difahamkan diberi bantuan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada perkara yang sama diamalkan di Kuala Lumpur, sama ada penarik beca atau penunggang beca di Kuala Lumpur juga diberi bantuan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Memang soalan ini saya akan salur pada rakan saya iaitu jikalau di kata beca, beca-beca adalah di bawah Yang Berhormat Batu Lancang, dan jika teksi adalah di bawah Padang Kota. Memang di sini bahawa langkah-langkah Kerajaan Negeri yang telah mula pada tahun 2008 dan bayaran sumbangan isi keluarga semoga pendapatan Garis Panduan Kemiskinan (PGK) Kerajaan Negeri pada tahun 2008 pakai PGK RM500 untuk dilepasi berbanding dengan Kerajaan Pusat yang genapkan RM460 sahaja. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri menggunakan PGK RM600 dan Kerajaan Pusat menggunakan RM520. Itu ada perbandingan di sana. Pada tahun 2013 Kerajaan Negeri telah mula langkah-langkah pembasmian kemiskinan melalui Agenda Ekonomi Saksama (AES). Kerajaan Negeri umum AES pada masa itu, Kerajaan Pusat juga umumkan AES tetapi tak serupa. AES Kerajaan Negeri adalah untuk Agenda Ekonomi Saksama yang nak bagi duit pada orang miskin tetapi AES yang diumumkan oleh Kerajaan Pusat adalah satu (1) cara untuk ambil duit daripada rakyat. Itu perbezaan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat.

Pada tahun 2015, mulai 1 Julai, sumbangan adalah yang dibayar adalah ditukar syaratnya daripada tanpa syarat kepada syarat. Sehingga 30 Jun 2015, untuk AES tidak bersyarat iaitu tidak bersyarat. Selepas itu, selepas 1 Julai ada bersyarat. Bersyarat adalah bahawa kehendak data-data kesihatan, data-data anak-anak di sekolah, itu semua telah di buat setelah dipantau oleh semua pejabat daerah. Di sini juga, dalam program i-Sejahtera, peruntukan data-data Kerajaan Negeri dan program i-Sejahtera di mana selalunya ditanya oleh ahli-ahli daripada parti lawan, di sana mereka dengar kata membahagi kewangan i-Sejahtera seperti dimula dengan Program Penghargaan Warga Emas, dia kata ini memang adalah suatu rasuah. Saya nak kata di sini, perbezaan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat adalah bila program-program kewangan yang bayar kepada program i-Sejahtera datangnya kelebihan pengurusan kewangan dalam negeri. Di mana kami hapuskan rasuah, *open tender* dan lain-lain dan bukan daripada cukai. Berbanding dengan BR1M, telah *copycat* daripada Kerajaan Pulau Pinang. Bila Kerajaan Pulau Pinang telah bagi melalui program *i-Sejahtera*, kita tidak *copyright* itu program tetapi apa yang jadi, adalah Kerajaan Pusat *copycat*. Oleh yang demikian, mereka buat apa? Kewangan datang dari mana? dari pinjaman. Pada hari ini mereka akui, mengakui bahawa tanpa GST, mereka tak mampu untuk bayar BRIM. Tetapi bila kata GST, Dato' Speaker, kita lihat untuk bajet tahun 2016, di mana GST akan naik sehingga...(gangguan), akan kutip sehingga RM39 billion iaitu kata tambahan kepada orang-orang yang tertentu untuk menerima BR1M adalah tambahan RM50, satu (1) tahun atau 14 sen sehari sahaja berbanding dengan apa yang mereka kutip adalah RM19.00 sebulan daripada semua isi keluarga. Itu tak serupa di sana.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan mesyuarat, cuma sekali lagi saya nak nyatakan usul dari YB. Tanjung Bunga itu tidak memenuhi syarat yang telah termaktub dalam peraturan mesyuarat dan Speaker juga berasa tiada kesegeraannya untuk kita menguruskan usul tersebut.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dato' Speaker, untuk makluman juga kami sebulat suara bantah kepada usul tersebut.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Itu tak jadi dalam Dewan ini kot. So, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ingin saya tangguhkan mesyuarat dan kita sambung pada jam 2.30 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.***

#### **Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

## **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan di sambung semula.

## **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Memandangkan bahawa apabila saya diberi peluang untuk menggulung, UMNO hilang. Saya tidak faham mengapa mereka buat macam itu. Bukan hendak cakap salah kerana tadi saya cakap separuh saya hendak *complete the all sentence*. Di sini tadi saya kata bila Kerajaan Negeri menjalankan program-program i-Sejahtera kita telah umumkan bahawa kita tidak buat pakatan *copyright*. Kami merayu Kerajaan Pusat yang hendak tiru, tiru dengan *copy it right*. Mengapa kewangan-kewangan yang diguna dan peruntukan program-program kebajikan i-sejahtera adalah wang lebihan dijimat kerana membanteras rasuah. Selamat datang Pulau Betong. Di sini saya ingin mengatakan bahawa *copy it right* bukan seperti BR1M di mana BR1M datang daripada pinjaman ada hutang-hutang bukan di dalam negeri juga di luar negara. Baru-baru ini memang atas nama BR1M orang yang hendak bantuan atas nama mereka, mereka kutip GST supaya GST boleh tampung BR1M. Jika Kerajaan Pusat tidak tahu macam mana hendak *copy it right* ada dua (2) cara. Satu (1), datang ke Pulau Pinang. Saya rela bagi tahu macam mana hendak buat.

Pejabat saya memang boleh bantu macam mana hendak buat. Kalau tidak ada minta dia pergi jumpa Ahli Yang Berhormat Penaga. Mengapa Penaga? Penaga pandai. Dia *copy it right*. Seperti soalan di sini, soalan yang di tanya oleh Ahli YB. Tanjung Bunga pada 30 April 2015. Huraikan hasrat Majlis Mesyuarat Kerajaan Alam Sekitar untuk mempertahankan alam sekitar ikut sistemnya misalnya middle bank (*sea grass bank*) (bukit-bukit yang digondolkan, Bukit Relau dan lain-lain, sungai-sungai, pantai dan persisiran lautan yang dicemari. Pada 6 November 2015), dia *copy it right* dia tukar sedikit sahaja. Dia tanya apakah langkah-langkah yang diambil oleh MMK Alam Sekitar untuk pertahankan alam sekitar dan ekosistem sebagai contoh *middle bank* "sea grass bank" bukit-bukit yang digondolkan (Bukit Relau) dan lain-lain, sungai-sungai, pantai dan persisiran laut yang dicemari. *This is a copy*.

Di sini saya juga ada mengatakan bahawa sistem persamaan itu penting dan jika lihat data-data yang sedia ada bila kata keluarga yang termiskin kebanyakan datang daripada KADUN-KADUN Barisan Nasional khususnya UMNO Barisan Nasional. Data-data ada di sini. Baik pun miskin tegar di mana kerajaan telah bagi bantuan dan bantu kemiskinan kerajaan juga bagi bantuan. Jika tanpa program Agenda Ekonomi Saksama (AES) oleh Kerajaan Negeri mereka akan lagi susah. Susah kerana UMNO Barisan Nasional, data di sini tidak dapat dinafikan.

Di sini Timbalan Yang di-Pertua Dewan, satu soalan daripada Ahli Yang Berhormat Kebun Bunga berkaitan dengan *agent society* memang Kerajaan Negeri telah ambil perhatian pada tahun 2012 dan 2013 telah ada satu *help and social dramatic profile of holder adult* untuk Negeri Pulau Pinang. Di mana satu (1) kajian untuk *agent society* dalam semua segi khususnya daripada *mental status education level priors and northern mobility resident living arrangement and house hold owner own active in organization help for neighbor social support smocking no smother help varied diabetes emulsion preparation including sleeping pattern* tanya lagi telah siap sedia. Ini kajian *research* telah digunakan untuk wujudkan dasar-dasar di Negeri Pulau Pinang. Negeri Pulau

Pinang juga ambil perhatian bahawa masalah-masalah keluarga khususnya isi keluarga mereka yang sedang menghadapi masalah diabetes dan juga *adrenal failures* di mana satu *dialysis center* CAT telah diwujudkan di Balik Pulau. Dasar adalah setiap daerah Kerajaan Negeri akan wujudkan satu *dialysis* CAT dan terkini di SPT dan SPU telah dikenal pasti. Bukan hanya buka *dialysis center* untuk membantu orang yang hendak dibantu Kerajaan Negeri juga ada satu program *adoption policy* di mana pesakit-pesakit *on dialysis treatment* mereka yang datang pada golongan orang miskin keluarga miskin Kerajaan Negeri *have this policy we adopt the* pesakit dan rakyat dan bayar *cost* untuk rawatannya. Kini, ada 12 orang yang sedang dapat bantuan Kerajaan Negeri. Di sini saya merayu kepada semua ADUN daripada Kerajaan baik pun daripada parti lawan iaitu UMNO Barisan Nasional jika di KADUN ada kes-kes tertentu begitu mari panjang kepada pejabat saya supaya bantuan dapat serah kepada mereka. Ketepikan perbezaan politik dan kita mesti bantu orang yang susah.

Untuk Alam sekitar. Saya ingin menjawab satu soalan daripada Paya Terubong berkenaan dengan *invest management*. *Invest management* saya hendak ucapkan dan rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga Negeri Pulau Pinang yang telah bantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam satu projek perintis di mana di sokong dan dibiayai penuh oleh *Japan International Corporation Agency (JICA)*. Di mana diwujudkan satu metologi dan satu cara untuk *recycle house of e-waste* kerana kejayaan ini Kerajaan Pusat telah ambil cara dan sediakan satu dasar dan satu perundangan yang akan dikuatkuasakan pada tahun 2017. Tanpa sokongan daripada warga Pulau Pinang, saya percaya tidak berjaya. Mengapa mereka boleh sokong kerana mereka ada keyakinan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Harapan, Pakatan Harapan. Mengapa Pulau Pinang kerana Pulau Pinang *Penang Lead*.

Satu soalan *Eco Industrial Park*. *Eco Industrial Park* di Batu Kawan ada satu dasar di mana sebelum dasar ini diputuskan semua *stakeholder* telah minta berbincang dan kemukakan cadangan-cadangan daripada kini *Eco Industrial Park* di Batu Kawan adalah satu penarikan untuk pelabur-pelabur untuk datang ke Pulau Pinang khususnya di Batu Kawan. Memang cadangan ini daripada Ahli Yang Berhormat Paya Terubong selaras dengan dasar-dasar kerajaan dan selaras dengan apa yang sedang di buat Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Son Hin):**

YB. Sungai Puyu jadi apakah status sekarang yang *Eco Industrial Park* yang disebutkan tadi di Batu Kawan?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Pelan-pelan ini telah diluluskan dan jadi satu dasar di mana PDC dan MBSP telah menggunakan dasar ini bila mereka menguruskan pemohon pelan rancang di sana dan semua pembangunan di sana harus mengikut prinsip di sana. Memang telah dijalankan. Ada juga satu *Eco Industrial* iaitu datang dari swasta cadangan mereka untuk wujudkan satu di Bukit Teh lebih kurang luas 300 ekar di mana adalah daripada swasta, dia menggunakan satu sistem *zero discharge*. *Zero discharge* bermakna air-air mesti *created* sebelum dilepaskan, ini dalam merancang dan dalam kajian dan pelan permohonan akan diberi kepada Kerajaan Tempatan.

Kerajaan Negeri juga dapat sokongan dari agensi-agensi khasnya kini kita dengar ada banyak kenyataan-kenyataan daripada kawan daripada Barisan Nasional kata hasil tangkapan *insure fisherman*. Kerajaan memang amat perihatin kepada mereka bukan haknya pada *cost of living* tetapi pada keseluruhannya *the holistic*. Kerajaan Negeri telah melalui Pejabat Alam Sekitar telah tegur kepada IWK. Di mana IWK keseluruhannya di Negeri Pulau Pinang halnya ada 2, 3 jawapan tapi rawatan tidak serupa kerana ada air tapisan, *filtration system* selepas masuk parit dan sungai-sungai itu juga satu sumber pencemaran alam sekitar. Dan Kerajaan Negeri memang ambil perhatian di sini dan kita telah ambil tindakan dan merayu melalui UPEN, melalui IWK semoga dapat peruntukan-peruntukan RMKe-11 supaya bertukar daripada tempat tapisan kepada *full treatment*. Malangnya semua tak percaya kerana tidak ada *allocation* untuk Negeri Pulau Pinang, walhalnya *allocation* untuk Pejabat Perdana Menteri tambah RM1billion, untuk Perdana Menteri RM1billion boleh, untuk rakyat Pulau Pinang tak boleh, *this is* Barisan Nasional.

Di sini Kerajaan Negeri dengan sokongan beberapa jabatan di antara negara-negara maju juga mendapat satu peruntukan RM70,000, RM700,000 daripada JICA untuk buat satu kajian di Negeri Pulau Pinang. Macam mana kawal pembuangan *porcelain* dan bateri, juga adalah masalah-masalah *Mercury powder* dan juga *heavy chemical*, cara macam mana kutip, cara macam mana recycle. Ini telah dibuat kerana jika tidak bermacam-macam masalah akan wujud di sana. Ini datang daripada persidangan forum yang Negeri Pulau Pinang hadiri di *mini MATTA convention, mini MATTA Protocol*. Ini penting kerana *water resources* amat penting. Hasil *develop* ini penting, daripada *food security*, memang Kerajaan Negeri ambil perhatian *shipping pattern, culture change*, dan lain-lain. Oleh kerana Kerajaan Negeri pada tahun ini telah mula dengan satu program makan sampai habis. Oleh demikian saya merayu jangan salahkan di Negeri Pulau Pinang ada program di mana 1MDB pada awalnya mereka makan sampai habis....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Sungai Puyu, Sungai Puyu jawab soalan cukuplah, jangan sampai melalut jawab soalan tadi tak payah nak kait-kait benda lain. Sebab itu semua tak ada di sini, sebab meluat dengar tau tak, *you* cerita yang betul, fakta kami dengar, makan sampai habis orang islam memang diharuskan makan sampai habis, satu biji beras pun tak boleh tinggal dalam pinggan sebab diamalkan oleh kami semua, saya minta YB. Sungai Puyu terus kepada jawapan tak payah kaitkan semua yang lain-lain lagilah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih, kerana sokong program sampai habis....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ini tabiat kami, sifat kami orang Melayu, orang Islam, makan sampai habis, satu beras pun jangan tinggal dalam satu pinggan, membazir, tak payah polisi, tak tahulah orang lain, tapi kami macam itu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya tidak buat apa tuduhan, saya tak buat apa-apa kenyataan dia lompat, bila saya bagi bandingan, bila kita kata makan sampai habis ini bukan halnya makan tetapi satu budaya yang harus dibuat, memang saya amat sokong kenyataan orang Melayu, dia tak buang satu beras pun dia makan sampai habis, tetapi apa yang saya kata di sini ada satu *culture change* kerana *no change no local the action*, dan bila sentuh mengapa dia rasa begitu rasa sentuh pada 1MDB. Jangan salah saya kerana 1MDB jangan cari alasan kata Negeri Pulau Pinang kata makan sampai habis di sini kami makan sampai habis. Jangan macam ini, kerana program ini mula pada tahun ini. Jika rasa sensitif kemungkinan tersilap makan bukan cabai tapi cabai burung itu memang pedas.

Di sini Pulau Pinang telah ada orang kata bagi *international reconation* di Negeri Pulau Pinang dipanggil *COE, Centre of Excellent. Center of Excellent* ada banyak program-program pencemaran alam sekitar dan lain-lain, khasnya tadi ada dengar rakan saya dari Padang Kota, memaklum kepada Dewan yang mulia ini, MPSP dalam 3R telah mencapai 39. Walhalnya daripada Kerajaan Pusat di mana pada tahun 2009 Perdana Menteri di Copenhagen, *quotes* 15 telah bagi satu jaminan, Malaysia akan kurangkan *carbon by 40% year 2020*, dan *year 2020 recycling rate* adalah 22%. Di sini di Pulau Pinang baik pun MBPP dan MPSP telah capai lebih daripada 22% dan begitu banyak negara-negara di *Asia Pacific region* nak tahu macam mana Pulau Pinang buat. Iaitu kata *hand on do you job right*. Di sini saya nak bagitahu bahawa di *international* daripada antarabangsa khasnya *United Nation Environment Programme – UNEP* di mana dibuat kawalan *IETC International Environment Technology Centre* Negeri Pulau Pinang telah bagi satu kerusi. Sebagai *resource person director* untuk program ini. Ingin saya ucapkan tahniah kepda Negeri Pulau Pinang semua di mana CCAC juga bagi peruntukan untuk Pulau Pinang rakam apa-apa yang boleh dibuat di Negeri Pulau Pinang supaya boleh buat pakai di lain-lain negara, baikpun IPLA – *International Partnership Local Authority*, baik pun UEA dan lain-lain dan ada peruntukan di luar negara untuk Negeri Pulau Pinang untuk jalankan program ini.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, memang rakan dari Batu Uban, ada tanya satu soalan berkenan *ERT – Emergency Respond Team. Emergency Respond Team* ini memang digalakan oleh semua *high risk building*, kita telah lihat sejak *Highland Tower* pada masa itu, kita lihat tsunami 2004, kita telah lihat tragedi Cameron Highland, kita juga lihat pantai timur masalah *flooding*. Kerajaan Negeri amat proaktif untuk buat kawalan ini kerana daripada Kerajaan Negeri telah hantar pegawai-pegawai untuk forum dan latihan khasnya baru-baru ini di USM seminar untuk *management of disaster under tourism* di mana juga Ahli Yang Berhormat Tanjung Bunga berpeluang hadir kursus ini dan juga MPSP ada hantar pergi Jeju untuk buat *training* semua.

Di sini saya menarik perhatian semua selepas menerima laporan suruhanjaya siasatan mengenai kegagalan dua (2) *structure* awam. Di sini memang laporan sudah ada, dan di sini juga Kerajaan Negeri telah wujudkan satu jawatankuasa khas untuk ambil dan laksanakan cadangan-cadangan yang selepas siasatan ini mencadangkan untuk wujudkan satu jawatankuasa supaya siap sedia, ...(dengan izin) ...(*bertutur bahasa Cina*) iaitu kata *disaster prevention and disaster management*. Di sini adalah beberapa cadangan-cadangan daripada Kerajaan Negeri juga diterima pakai dalam ini, *identify once and database on supply different type* ini semua baru ada dalam laporan. Saya percaya semua orang ada buku di sini, memang Kerajaan Negeri akan buat ini, jawatankuasa yang wujud pengerusi oleh YB. daripada Datok Keramat, YB. Bagan

Jermal dan saya juga dan juga daripada pejabat Dato' SUK, semua ada dijalankan, ini akan diperluaskan di bawah RMK20 di sini juga Kerajaan Negeri telah ambil langkah proaktif dan telah tandatangani beberapa MOU dengan NGO seperti telah dibuat. Dan lain-lain seperti persatuan Bomba Sukarela dan lain-lain lagi.

Akan tetapi untuk menjayakan program ini kita harus ada (BPS) Badan Peronda Sukarela. Bila saya sentuh BPS, ada bagi banyak orang kegiatan daripada parti lawan yang buat kenyataan-kenyataan yang begitu negatif. Saya tak salah mereka kerana mereka tak tahu, mereka lebih penting politik bukan penting keselamatan negeri dan negara, bukan pentingkan rakyat-rakyat jelata. Kerana pernyataan seperti yang dibuat adalah BPS adalah DAP sahaja. Janganlah, jangan kata begitu kami bukan. BPS adalah di bawah JKKK, dalam Dewan JKKK ini memang ada satu biro kebajikan, perpaduan, dan juga perhubungan kaum. Macam mana nak perhubungan kaum kena wujudkan pasukan-pasukan macam mana seperti wakil-wakil dari desa, kampung dan taman akan jadi ahli. Mereka akan jaga tempat mereka saja. Kalau saya kata jaga tempatan terus ini nak rampas kuasa, mereka kata *over take the* Polis nak bagi senarai kita ada PDRM, kita ada askar, kita ada RELA, kita ada macam-macam.

Walhal mereka tak faham, saya rela kongsikannya, kerana mereka akan urus apakah maksud perondaan, perondaan termasuk jika ada orang luar masuk kampung. Kita sudah tahu, ini bukan orang kampung ini orang luar. Kita akan ambil perhatian mengapa dia masuk kampung? Ada apa urusan? Positif atau negatif. Mereka juga akan bagi latihan seperti *first aids*. Mereka juga akan bagi latihan lain-lain pencegahan dan penyelamat. Mereka akan buat profail kampung seperti Dato' Keramat. Profail kampung dia sudah siap, jika ada banjir dia akan telefon saya, "Sini banjir macam mana, ikut SOP". Lebih 24 jam saja, terus dia boleh bagi saya tahu jumlah berapa bungkus nasi kita hendak, di mana tempat, semua sudah siap sedia. Semua sudah siap sedia. Tetapi, jika macam YB. Datok Keramat sekaligus nak hantar 2,000 paket nasi kepada orang-orang kampung siapa nak hantar? Takkan panggil diorang keluar ambil sendiri kerana ada itu BPS baru boleh kenalpasti yang mana masjid, yang mana surau, yang mana *community hall* yang sedia ada. Supaya semua ada di sana. Juga ada orang-orang di sana tolong-menolong bagi. Jika nak pindah, nak panggil siapa? Panggil kontraktor mari atau orang kampung yang ahli supaya mereka boleh bagi bantuan di sana. Kebakaran, apakah harus mereka buat jika tidak wujudkan *Bomba Community* di sana, dengan bagi alatan-alatan asas di sana. Saya akui Kerajaan Negeri tak mampu bagi kenderaan, *fire truck* dan lain-lain. Tetapi sekurang-kurangnya bagi mereka ilmu apa hendak buat bila menghadapi satu kebakaran di kampung. Kerana pada hari ini, bila saya mendengar telefon kata ada kebakaran di kampung satu perkataan sahaja, rumahnya hangus. Adakah kehendak orang-orang kampung menghadapi masalah ini selama-lamanya. Atau kita hendak bagi ilmu, bagi peralatan asas supaya mereka boleh jaga dan menyelamatkan diri sendiri. Kerana peralatan seperti *fire extinguisher*, siren, tunjuk ajar mereka jika ada api macam mana siapa yang akan berhubung, macam mana berhubung, siapa yang kawal keadaan, siapa telah buat profail kampung, di mana ada parit, di mana ada kolam, di mana ada pili bomba, semua sudah siap sedia supaya jika bantuan daripada Persatuan-Persatuan Bomba Sukarela masuk sampai sana, mereka tak akan jadi rusa masuk kampung kerana ada orang yang sambut mereka supaya mempercepatkan dan kurangkan kerugian orang kampung. Silalah lihat dari segi ini. Ribut, pokok jatuh nak tunggu sampai Bomba dan penyelamat mai potong atau mereka dengan alatan-alatan asas dapat bantu diri sendiri.



### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih di atas penjelasan berkenaan dengan Pasukan Peronda Sukarela yang kita umum mengetahui beroperasi untuk lebih kurang tiga empat tahun dan hanya selepas aduan dibuat oleh individu tertentu, daripada satu parti tindakan diambil untuk mengharamkan Pasukan Peronda Sukarela. Saya di sini ingin merakamkan jasa, merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada jasa semua anggota Badan Peronda Sukarela di mana semangat mereka tidak lentur sampai hari ini masih bersedia untuk berkhidmat. Perlu dirakamkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam kejadian-kejadian tertentu di mana keselamatan Y.A.B. Ketua Menteri kita terganggu, terutamanya dalam demonstrasi yang telah datang untuk menghalang, demonstrasi yang berlaku semasa Perhimpunan Lynas di Padang Kota di mana kita lihat anggota-anggota Badan Peronda Sukarela yang telah menghalang Y.A.B. Ketua Menteri kita hampir-hampir diserang pada masa itu. Saya ingin merakamkan di sini perkara itu. Kedua persoalan saya adalah, apakah status tindakan mahkamah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap ROS yang mengharamkan Badan Peronda Sukarela dan adakah kita akan meneruskan dengan tindakan itu dan sama ada adakah kita membuang masa meneruskan dengan tindakan itu. Apakah pilihan lain yang kita ada untuk menubuhkan semula Pasukan Peronda Sukarela ini supaya anggota-anggota sedia ada dapat teruskan perkhidmatan, jasa dan bakti mereka kepada masyarakat. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Pada masa itu BPS bukan untuk Y.A.B. Ketua Menteri sahaja tetapi Y.A.B. Perdana Menteri bila dia datang untuk rasmi di BPO, *Business Process Outsourcing* juga akan bagi bantuan dan lain-lain. Bukan, kerana mereka adalah untuk jaga keselamatan. Pada hari ini, untuk BPS juga akan naik taraf di mana seperti [www.bps.com.help](http://www.bps.com.help) juga akan dibagi pada orang ramai pakai. Ini amat penting kerana apabila ada menggunakan [www.bps.com.help](http://www.bps.com.help) ini akan mempercepatkan kerana mengikut pengalaman saya sendiri, saya dah lihat dalam satu kemalangan *accident*, kita tidak tahu macam mana berhubung ke rumah mereka. Bila kami dah buka ambil dia punya *wallet*, angkat dia punya ic itu saja sensitif seolah-olah orang kena *accident* kami lagi nak curi dia punya *wallet*. Pada kini ambil dia punya *handphone* dan buka saja, tekan saja. Sekurang-kurangnya tiga kawan karib atau ahli keluarga mereka boleh tau bahawanya kawan dia ada masalah. Bila sudah tekan ini ada *alert*, bukan pun *alert* pada dia tetapi dia juga *alert* ahli-ahli BPS yang diperlukan untuk bagi bantuan. Juga kita boleh tau di mana dia punya lokasi kerana kami pakai google di sana. Ini untuk apa, ini untuk buat seperti *emergency*. *Emergency security*, *emergency* kebakaran, *emergency* perubatan, *emergency* dan lain-lain. Juga mereka boleh pakai *apps* ini untuk apa, untuk melapor bahawa dalam biro satu biro dalam JKKK ini adalah kebersihan dan kesihatan. Ini akan memberi faedah. Ini ada untuk semua orang *stay connected*. *Stay connected* ini supaya bantuan segera boleh dapat untuk orang yang hendak itu. Ini akan semua diurus.

### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Saya ada satu soalan. Satu soalan. Saya rakamkan tahniah kepada YB. Sungai Puyu ....(dengan izin) *for setting up committee* yang menghadapi bencana. Tapi apa yang saya bimbang ialah apabila saya buat kajian di tiga, empat *high rise building*, satu sistem yang boleh menghadapi masalah bencana tidak ada atau yang ada lemah.

Macam saya sebut, *fire hose* tak boleh digunakan, sistem keluar dari tempat bencana tiada apa apa sistem macam mana OKU kah, sapa-sapa yang menghadapi masalah macam mana nak keluar, kena keluar. Saya ingat yang mustahak kena ada satu sistem, kena *setup* satu sistem bukan saja dari pihak atas tapi di serata tempat, satu sistem untuk tolong masyarakat menghadapi bencana.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ya, memang ini harus kerana mengikut pengalaman saya ada *chemical* api di Perai di mana Kerajaan Negeri pada masa itu ada bina rumah kos rendah tepi kilang itu sahaja. Di mana kimia itu cukup *toxic* dan harus buat *evacuation*. Bila nak buat *evacuation* semua orang tak tahu macam mana nak buat *evacuation*. *Evacuation* di mana orang tak tau. Siapa yang akan bertanggungjawab untuk sekuriti tak tahu. Semua tak tau pada masa itu. Memang pada masa itu saya adalah Ketua Pembangkang, kini saya ada peluang untuk menggunakan pengalaman saya yang saya menghadapi, untuk wujudkan satu sistem. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah mula selepas dengar, bukan teguran tetapi nasihat daripada Timbalan Perdana Menteri yang telah dipecat supaya semakan semua MKN Arahan 20. Di sini Kerajaan Negeri telah mula minta kilang-kilang di seluruh Pulau Pinang untuk mengemukakan pelan-pelan kontingensi mereka untuk ERT dan juga apakah kontingensi pelan? Macam mana mahu buat laporan pada Kerajaan Negeri jika ada apa-apa yang terjadi di kilang itu. Ada banyak kilang-kilang di Perai yang menggunakan kimia-kimia dan itu *toxic* seperti *synet* dan lain-lain. Memang ada satu kilang di sana dia pakai VCM, kalau saya dengar VCM telah menarik saya pada sejarah di India. Ini telah digunakan sebagai satu rujukan. Kerajaan Negeri telah mula bukan hari selepas dengar di Dewan ini, kita dalam pentadbiran ini amat proaktif bukan reaktif. Saya memang akui bahawa cadangan-cadangan yang dicadangkan oleh YB. Batu Uban mestilah dijalankan khususnya bila kita ada begitu banyak rumah-rumah pangsa yang bertingkat tinggi. *There must be a contingency plan*. *So, I will working together with them*. Macam mana wujudkan *contingency plan* ini. Ini akan dijalankan. Saya ucapkan ribuan terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Penjelasan. Pasal BPS. Adakah Menteri Dalam Negeri dan juga pihak PDRM telah memberi jaminan yang BPS tidak akan mengalami nasib yang sama seperti BPS. Maksudnya ahli-ahli tidak akan dikacau ganggu dan sebagainya. Saya ada lagi satu soalan yang sepatutnya saya tanya tadi tapi saya belum masuk ke Dewan. Saya nak tanya untuk khairat kematian, bolehkah pihak YB. Sungai Puyu meletakkan khairat kematian kepada pihak ADUN, sebab selalu bila hari berlaku kematian waris-waris perlukan duit pada hari itu *especially* kalau orang Islam, dia mesti menyegerakan pengebumian siapa yang meninggal. Macam masyarakat Cina pula, di kawasan saya mereka tidak mahu ambil wang kalau dah selepas masa. Jadi, saya nak tanya sebab selalunya Pejabat ADUN bila berlaku kematian kita akan pergi ke rumah-rumah untuk membantu bagi sedikit wang saja. Tak adalah sampai RM1,000. Jadi, ramai penduduk kampung tanya boleh tak mereka dapat khairat kematian dengan segera pada hari yang orang meninggal. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, sedikit YB. Sungai Puyu. Terima kasih. Saya bangun semula untuk tanya soalan yang belum lagi, Yang Berhormat mungkin akan jawab iaitu sama ada tindakan guaman akan diteruskan. Sebabnya ini, saya ingin merakamkan di Dewan peristiwa pahit yang berlaku tahun lalu selepas perarakan Hari Kebangsaan masih lagi bermain di minda saya iaitu selepas perarakan di hadapan Tuan Yang Terutama, memberi penghormatan kepada Tuan Yang Terutama yang pada masa itu berada di pentas. Kita semua berarak daripada tempat tersebut iaitu berdekatan dengan Padang Kota, bila hampir sahaja dekat bulatan di Lebuh Pantai, Yang Berhormat sendiri dan saya telah dibawa, ditahan di Balai Polis Beach Street. Kita mengetahui pengalaman pahit dan bermalam di lokap. Yang Berhormat sendiri dan saya sendiri dan Yang Berhormat pun, semuanya ditahan untuk tidak ada apa-apa kesalahan yang dilakukan. Kesalahan kita adalah berbakti dan berjasa kepada masyarakat dan kita ditahan. Sehingga kini kita tertanya-tanya, maklumlah pengalaman perit yang dialami oleh kita sendiri dan ahli-ahli keluarga kita yang tunggu di luar balai. Bermalam di situ, masih belum terjawab lagi. Mengapakah perkara ini, nasib ini menimpa kita di Pulau Pinang terutamanya semua anggota-anggota daripada Pasukan Peronda Sukarela yang hanya ingin melakukan yang terbaik untuk masyarakat. Jadi, apakah keadilan yang akan dituntut oleh Kerajaan Negeri. Sama ada tindakan guaman itu akan diteruskan terhadap pihak ROS. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kerajaan Negeri telah *submit judicial review* dan selepas itu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi di Negeri Pulau Pinang. Pada kini Kerajaan Negeri juga telah buat *appeal to Appeals Court* dan pendengaran adalah awal tahun depan. Memang akan di sana. Memang pada hari itu, adalah dalam hari yang sejarah... (gangguan) di sana memang kepada hari itu bila BPS tunjuk hormat di pentas tetapi saya juga turut ambil bahagian *marching* itu. Kita ada peguam-peguam dan Tuhan yang maha kuasa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sini saya ingin juga memberi penghargaan kepada YB. Sungai Puyu sendiri yang bila melihat saya berada di situ, ketika itulah saya ditahan satu hari selepas itu. Yang Berhormat, saya kena rakamkan di sini memang berani mengatakan kepada anggota bertugas tidak mahu ditinggalkan kalau anggota-anggota PPS ditahan Yang Berhormat telah menawarkan diri sendiri juga untuk mengikut bermalam dengan mereka di lokap. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Saya hanya menjalankan tugas. Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Penanti, cadangan ini tidak ikut tajuk tetapi kerana rakan, saya balik kerana program ini ada di bawah i-Sejahtera, dengan pentadbiran kewangan. Memang ada surat-surat pekeliling. Surat-surat pekeliling ada cara-cara untuk kawalan kewangan dan lain-lain. Saya amat suka jika boleh bayar dalam masa 24 jam. Semakan untuk dibayar dalam 24 jam akan dibuat dalam masa beberapa jam akan dibuat. Tetapi juga hendak daftar-daftar dan maklumat-maklumat segera. Bila seseorang meninggal dunia khususnya seperti orang beragama Islam, kalau mati tengah hari, petang dia nak simpan mayat tetapi tidak sempat untuk nak proses dia punya *documentation*. Kalau boleh proses dia punya

*documentation* boleh. Selain daripada ADUN boleh beri pinjaman sendiri untuk mereka dan tuntutan kemudian, jika tidak ikut dia punya prosuder tak dapat tuntutan kembali. *That is one option out*. Boleh tak?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Bila kita nak kebumikan memang pihak masjid dan kubur memang memerlukan *police report* semua yang orang itu sudah meninggal.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

laitu dalam borang tuntutan ada dokumen-dokumen yang dikehendaki. Khasnya kita kena semak sama ada ada waris yang tuntutan itu betul atau tidak. Kewangan kena buat dari Pejabat Daerah baru boleh keluarkan wang itu. Ini dikawal oleh Surat Pekeliling Kewangan. Saya akan cuba. Jangan susah hati, saya akan cuba untuk seboleh-boleh pendekkan masa untuk tuntutan. Prosedur ini amat penting, jadi saya minta semua beri sokongan sepenuhnya. Dengan struktur-struktur yang telah diwujudkan perkhidmatan akan sampai ke akar umbi. Itulah satu dasar demikian. Bekas Perdana Menteri Pak Lah untuk kata *public delivery system*. Kita sokong tetapi kita tidak mendapat sokongan daripada kawan-kawan sebelah sana. Untuk perpaduan saya mintalah ahli YB. Sungai Aceh, dia nampaknya orang baik. Nampaknya hati baik tetapi putih saya tak tau. Saya nak kata satu peribahasa dalam Cina izinkan saja ....(bertutur bahasa Cina). Kita boleh nampak dia punya wajah dan semua tapi hati didalam. Dia boleh senyum nampak baik tetapi hati dia macam mana saya tak tau. Saya tak berani buat satu kenyataan. Tetapi bila saya semak satu soalan daripada Ahli Yang Berhormat, berkenaan jerebu. Dia telah soal kebudayaan orang Cina, dia ada tanya satu soalan jerebu, adakah Kerajaan Negeri atau Alam Sekitar mengambil tindakan terhadap mereka kerana musim Bulan Hantu Lapar. Ni bukan dia kata *open burning*. Janganlah, tak patutlah kerana bila soal keagamaan, kebudayaan lain bangsa itu amat sensitif. Itu tidak akan sokong kepada perpaduan. Bersetuju tak? Atau nak beri apa-apa penjelasan. Nak beri penjelasan. Saya jemput.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan daripada Sungai Puyu. Adakah soalan yang dituju oleh YB. Sungai Aceh itu pada masa *open burning* itu, musim itu adakah musim yang jerebu yang kuat ke? YB. Sungai Puyu boleh terangkan. Ataupun ada niat disebaliknya oleh soalan Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Memang saya percaya ada.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih daripada YB. Sungai Puyu dan dibantu oleh YB. Jawi pula. Okey, YB. Timbalan Yang di-Pertua. Memang soalan itu saya yang buat. Soalan bertulis dan telah pun dan saya berpuas hati akan jawapan. Saya kalau boleh rakan baik YB. Jawi, jangan ada sebarang niat lain tak elok.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Memang, jikanya dia ikhlas di hati, suci dalam hati soalan ini dia tidak akan tanya. Dia bukan orang yang tidak berpendidikan. Dia ada, dia juga seorang yang ada banyak sumber kerana Pejabat Alam Sekitar juga *federal level*. Lihatlah di sini. API semasa bulan hantu lapar di sini, dia mula daripada mula, dia mula daripada 13 Ogos, 14 Ogos sehingga September 12. Ada banyak masa untuk buat semakan dan lain-lain. Jika ada ruang mengapa tidak pakai ruang itu dan tanya satu soalan seperti nak memperkecilkan saya, memperkecilkan kebudayaannya kerana dalam musim itu hanya dua (2) hari yang melepasi 100 selain daripada itu begitu tinggi. Nak bagi penjelasan. Sila.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Mungkin rakan-rakan tak tahu. Memang ada soalan saya mengenai jerebu. Jadi saya menggunakan perkataan...(gangguan) bukan burung hantu, hantu lapar. Betullah. *Hungry ghost*, kalau sebut dalam istilah Inggeris dia tak ada masalah sangatkan. Bila sebut Melayu, saya tidak maksud begitu. Dan bila Sungai Puyu menjelaskan, menggambarkan yang seolah-olah soalan saya mempunyai tujuan lain, sebenarnya tidak ada. Dan kalau saya tak tahu, memang saya tidak tahu dan sebab itu saya bertanya Sungai Puyu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kalau rela tarik balik surat soalan bertulis *you* kata, *you* tak tahu sudah buat satu kerana bukan satu kali dia tanya, dia tanya dua kali: Walau pun dengan jerubu yang teruk dilihat ada perayaan yang dikenali dengan hantu lapar masih berlaku kebakaran terbuka yang menambah keadaan jerebu teruk. Apakah Kerajaan Negeri tidak memandang serius dalam menangani isu ini? Jika Kerajaan Negeri memandang serius isu pembakaran terbuka semasa perayaan hantu lapar ini berapa jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh PBT kepada pertubuhan-pertubuhan merayakan. Ini bukan tak tau, tidak mahu tau. Ini kerana apa. Yang sudah, sudah.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya sudah tanya. Kalau saya tau, saya tidak buat soalan. Soalan saya telah dijawab. Habislah. Kenapa YB. Sungai Puyu nak ini lagi. ...(gangguan). Saya telah buat soalan dan telah dijawab secara bertulis, bukan lisan. Saya minta jawapan, telah dijawab. Kalau saya tahu, saya tak buat soalan, dan saya sudah puas hati dengan jawapan. Tak payah cerita lainlah. Terima kasih. Saya ingat beri ruang yang lainlah. YB. Sungai Puyu dari dulu, dulu masa kita pembangkang sambung lagi bercakap punya lama. Sekarang di kerajaan pun cakap apa lain. Cukuplah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kerana soalan ini bukan tak tahu. Tahu.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya beritahu tak tahu. Saya tak tahu, sabab itu saya buat soalan. Sekarang telah dijawab saya telah faham soalan dan jawapan. Jawapan betul telah ada. Ini bukan soalan lisan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Walau pun bukan soalan lisan, tetapi saya sentuh pada perpaduan, ini tidak akan sokong pada perpaduan, tetapi nak pecah belah perpaduan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ini saya buat soalan, salahkah?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta penjelasan daripada YB. Sungai Puyu. Adakah soalan ini, saya nak tanya adakah soalan ini mempunyai isu dari segi perkauman dan keagamaan kerana dia sentuh ini salah satu budaya Cina semasa bulan tujuh, memang ada sembahyang *hungry ghost*. Kawasan saya juga banyak. So soalan kedua, kalau kata tak tahu, YB. Sungai Aceh boleh tanya pengundi Cina di kawasan dia, ataupun YB. Sungai Aceh boleh ambil pembantu dia satu kaum Cina, satu kaum India dan satu kaum Melayu supaya ketiga-tiga kaum untuk membantu ADUN. Macam saya mungkin tidak akan faham, lebih banyak daripada agama lain, saya akan bertanya pembantu saya, pembantu saya terdiri dari pelbagai kaum mungkin cara untuk YB. Sungai Aceh belajar akan menjadi satu contoh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Tuan Speaker, kalaulah soalan ini betul-betul sensitif, bercanggah sudah pasti jawatankuasa yang menapis soalan-soalan ini menolak. Tolaklah. Jangan dok bahas di sini.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Sariful Azhar Bin Othman):**

Penjelasan. Saya hairan juga sebenarnya. Bila diadakan soalan bertulis juga mendapat jawapan bertulis. Jawapan ini juga tidak akan dibahaskan. Tidak dibawa dalam perbahasan YB. Dato' Mahmud, YB. Sungai Aceh di dalam Dewan. Soalan ini juga bermula dalam Dewan, adakah ini satu soalan jawablah. Kalau kenapa ayat-ayat provokasi, kenapa tidak ambil tindakan, kenapa tak dibiarkan, kenapa itu mungkin ada sedikit provokasi. Kalau kenapa, adakah. Jawapannya ya atau tidak. Saya rasa janganlah untuk perpaduan tidak perlu perkara yang sepatutnya menjadi antara soalan bertulis yang sulit dibawa dalam Dewan dan didedahkan dan membuat andaian yang negatif dan telah pun dinafikan oleh pihak yang membuat soalan tetapi terus dijadikan sebagai satu andaian supaya bagi saya mungkin ada tujuan juga. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya jawab dulu memang apabila Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Aceh kata dia tidak tahu saya nak tanya soalan di sini, apa yang dia tidak tahu? Tidak tahu bahawa dalam masyarakat, hormat dihormati untuk semua kaum mesti dan sentiasa dalam hati atau dia tidak tahu membaca API.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Saya pun dah dengar banyak tentang perbahasan tentang isu itu bagi saya tak ada isu pun, bagi saya soalan yang ditanya telah pun diterima oleh jawatankuasa soalan dan diterima dan tidak menolak dan maka bagi saya soalan itu adalah satu soalan yang sah yang boleh dijawab oleh pihak Kerajaan apabila ditanya Sungai Aceh, Sungai Aceh pun telah memberi penjelasan bahawa beliau tidak mempunyai niat yang tak baik dia hanya bertanya secara jujur dan bagi saya tidak ada apa-apa isu pun *non issue* untuk dibahaskan selanjutnya. Maka saya berpendapat dan ingin saya katakan di sini mungkin sudah sampai masanya Timbalan Yang di-Pertua membuat keputusan supaya teruskan dengan perbahasan ini. Sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Jika dia katanya tidak tahu API itu saya terima. Jikanya dia kata tidak tahu bahawa soal kebudayaan keagamaan lain-lain bangsa kalau dia tak tahu, dia tidak layak untuk jadi seorang pemimpin, seorang pemimpin harus faham kebudayaan ini Malaysia.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dato' Speaker, menyakit hati Dato' Speaker, 46 berapa Seri Delima, yang tak sokong.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya jangan masuk campur dalam hal ini.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ini menyakit hati.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Seri Delima cakap pun kena, tak cakap pun kena. Janganlah masuk campur, hampa gaduhlah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Jikanya macam seperti Ahli Yang Berhormat daripada Penaga, kata ini tidak kena mengena tetapi soalan ini bersoalkan kepada kebudayaan dan keagamaan. Jikanya seorang pemimpin khususnya dia ada bagi pengalaman di mana mereka risau berusaha dalam Pejabat Daerah, Pejabat Daerah ada untuk orang ramai semua kaum, mesti ada

ini *basic* asal jika tak ada pada hari ini dia mengaku dia tidak tahu ini satu cara sensitif dalam mempersoalkan kebudayaan dan keagamaan lain mengenai bangsa dia tak tahu tak apalah saya terimalah. Kerana dia tidak kata apa dia tidak tahu, tidak tahu kerana ini API, atau kerana soal kebudayaan dan agama lain orang saya nak tahu saya kata langsung semua tak tahu, tak apalah tetapi saya tak akan kata di sini dia orang bodoh tak boleh, tak bersopan jika saya panggil dia bodoh, tak boleh tak sopan, saya tak boleh kalau saya cakap dia bodoh, sat lagi Dato' Speaker pun panggil dia tarik balik itu perkataan bodoh betul tak? Tak boleh. Tadi kata dia tak berapa pandai sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sungai Acheh Peraturan 46(13) (a) menuduh seseorang ahli yang lain mempunyai niat yang tidak baik. Untuk rujukan Sungai Acheh...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan Sungai Puyu, ubah topik yang lain.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Okeylah dia kata perpaduan ada penting. Perpaduan amat penting kalau you kata tak penting kalau kata tak penting sudah ada niatlah. Perpaduan penting janganlah buat soalan-soalan macam ni.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Dato' Speaker, boleh tak beri laluan sikit, saya ingat penting mengenai perkara ini. Saya rasa isu ini pandangan adil kena diberi di Dewan yang mulia ini bagi saya *open burning* ...(dengan izin) adalah satu perkara legal maksudnya di dalam sesi undang-undang di Negara kita jikalau pembakaran terbuka menjejaskan kesihatan rakyat alam sekitar siapa pun apa agama atau pun kebudayaan jikalau silap jikalau salah tindakan kena ambil ini perkara pertama. Perkara kedua kita memang sebagai kerajaan kita kena mengimbangkan *balance* kan keadaan yang sensitif ataupun apa kita imbangkan kemudiannya ambil tindakan langkah demi langkah untuk selesaikan perkara, ini kedua. Dan mengambil kira ke semua ini keadaan kita pada peringkat ini pada hari ini adalah kita ada praktis kebudayaan kita ada *open burning* pembakaran terbuka ini dan juga jerebu yang memang ...(dengan izin) *in reality* ...(dengan izin) menjejaskan kesihatan orang mati kerana sakit paru-paru kerana tidak kesihatan memang kita boleh mempertikaikan ataupun *argue* ...(dengan izin) mengenai kebudayaan apa pun tetapi di dalam sesi undang-undang salah adalah salah tetapi walaupun saya menyatakan sebegitu saya memang masih nak menyatakan bagaimana cara praktikal kita menyelesaikan perkara seperti *open burning* di mana apabila musim perayaan misalnya musim perayaan *hungry ghost*, hantu lapar saya jelaskan ini dengan sebagai seorang Buddhist, senang sikit, jikalau saya seorang muslim cakap banyak mengenai nak menyekatkan *open burning* melalui kebudayaan *tourism* mungkin orang kata saya *buyers*, tapi saya bukan Buddhist jadi pandangan saya sekiranya jikalau ada *open burning* ataupun pembakaran terbuka yang menjejaskan kesihatan sesiapa pun di Pulau Pinang, Malaysia ataupun di dunia ini alam sekitar, di bawah ....(dengan izin) *rule of law* yang kita amal ini di Negeri dan Negara ini kita kena ambil tindakan cadangan adalah dengan cara praktikal pada peringkat ini kita tak boleh dengan terusnyanya masuk dan ambil



tindakan dengan 100% nya. Cadangan saya adalah mungkin kerajaan boleh bermula dengan pendidikan penerangan kepada masyarakat jelata. Kemudiannya *gradually* .... (dengan izin) memberi amaran dengan notis kemudian pada peringkat yang selepas itu ambil tindakan. Inilah cara kita selesaikan perkara yang diberikan. Ini cadangan saya, terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Jawapan yang sepatutnya yang keluar daripada EXCO, tahniah Kebun Bunga jawapan yang amat tepat. Cucuk tapi saya rasa jawapan ini yang amat tepat.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Nanti, memang dalam garis panduan seperti padi di *paddy field* selepas dia potong padi, adakah benar dibakar? Ia ada telah dibagi pengecualian. Apakah tarafan *open burning*? *Open burning* adalah *commercial value* keagamaan, kebudayaan dan juga bentuk pertanian telah diberi pengecualian dan memang pun pendidikan telah sedang dijalankan kesedaran juga dijalankan khasnya macam di sawah padi ini telah mencari langkah-langkah untuk macam mana mereka boleh *recycle* untuk jadi baja dan lain-lain buat kertas pun boleh itu telah dijalankan. Oleh yang demikian saya percayalah bahawanya jikanya Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Aceh mengaku kata dia tak tahu, saya terimalah.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat dah panjang dah, satu (1) jam lebih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dato' Speaker, Dato' Timbalan Speaker. Saya cuma nak perbetul ini. Dah perderas banyak suruh saya sudahlah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kalau nak Ahli Yang Berhormat kata tak tau.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Itu baru satu soalan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tak apa saya cuma nak perbetul sebab ahli Mesyuarat tak baca jawapan di sini, saya kena buta ini. Saya memang buat pertanyaan sebagai seorang wakil rakyat dan jawatankuasa soalan telah menapis diwujudkan soalan ini, *confirm*, kalau ianya sensitif, tentu awal-awal kena tolak dan jawapan telah diberi lengkap dan saya telah berpuas hati dengan jawapan, tak perlu dok cerita di sini lagi. Atau mahu saya baca balik soalan ini dan jawab di sini supaya ahli mesyuarat tau.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah Sungai Aceh, tak perlu kita nak ubat tajuk lain pula. Panjang lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Jadi saya minta jangan sebut saya tak tau, saya habaq saya tak tahu sebab itu saya buat soalan. Kalau saya tahu saya tak payah buat soalan. Sungai Puyu dok tang ini saya ganti tempat Sungai Puyu untuk menjawab balik. Itu baru saya pandai. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya tak, *you* tak tahu, kerana saya tahu, *you* tak tahu. Saya di sini mengaku bahawa saya tak tahu, *you* tak tahu. Sekarang saya tau, *you* tak tahu, tak apalah *you* tak tahu tak apalah. Baiklah sekarang tahu sama tak tahu, sekarang tahu sama tahu.... (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Sungai Puyu. Ubah tajuk lain.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

*"Fak si bo chow."* Tahu tak?

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Gunakan perkataan apa?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya tak lari.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya tak berapa *clear*.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kalau dulu saya satu orang, itu 30 orang saya tak takut, sekarang *you* sorang, *"sap sap soii laa."* Faham tak?

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dengan izin dia bercakap itu bahasa apa? Dia tak hormat Dewan Dato' Speaker. Menunjukkan dia lebih tak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah Sungai Puyu pendekkan kata.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Pendek kata.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tadi dia menggunakan bahasa apa Dato' Speaker? Boleh tak? Hokien, minta izin tak? Dia pun tak faham.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya nak tanya boleh tak saya nak tanya soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila. Yang lain duduk. Tak apa yang lain.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Sila buka Hansard, kita nak dengar bahasa apa yang dia guna? Hokkein, so minta izin tak?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya nak tanya Yang di-Pertua, bolehkah guna bahasa Hokien dalam Dewan ini? Itu soalan saya.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dia minta izin tak kat Timbalan Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk-duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Makna tak menghormati Timbalan Speaker di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk dulu. Sudah Sungai Puyu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Jangan, satni kena *heart attack*, saya pun susah di sini.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Sekarang ini Sungai Puyu jom kita keluar pi *check* siapa yang paling tinggi?

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Padam lampu. Duduk dulu, sila teruskan jangan panjang sangat. Satu saja *round* sampai seluruh Malaysia.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dato' Speaker Peraturan 51, jika seseorang itu tidak mengendahkan kuasa Speaker atau mencabul Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan dengan berdegil-degil dengan sengaja menghalang urusan Dewan atau dengan perbuatan yang lain. Maka Speaker hendaklah menarik perhatian Dewan kepada perbuatan itu serta menarik nama ahli yang berkenaan itu kemudian diusul dengan menyebut bahawa ahli itu digantungkan jawatannya sebagai ahli Dewan bolehlah dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa, saya faham dah yang itu, sila duduk. Sila duduk.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Itu sesuai pada YB. Seri Delima.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan Sungai Puyu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Baik terima kasih Dato' Speaker, di sini saya ada satu lagi tajuk di mana saya mintalah bahawanya semua ADUN-ADUN KADUN sini jikanya ADUN-ADUN daripada parti lawan minat, saya minta mereka kalau mahu boleh berjumpa kerana kami ada satu program yang amat penting kerana keadaan daripada segi bencana dan lain-lain kerana ini haruslah semua ADUN-ADUN siap sedia sendiri punya satu *emergency respond team* di sini Kerajaan Negeri akan bantu untuk semua untuk wujudkan pasukan-pasukan ini. Ini adalah penting kerana cabaran bukan daripada orang *natural disaster* adalah datang daripada *terrorism* adalah satu perkara yang amat penting supaya JKKK dalam semua KADUN juga kena jaga keselamatan. Khasnya ada orang-orang tertentu, khasnya jika ada orang luar masuk kampung biasa atau taman supaya ambil perhatian kerana kena bersatu hati untuk menjaga keselamatan negeri dan negara. Dengan ini saya menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, seterusnya.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan bagi menjawab soalan-soalan tambahan berkaitan isu-isu pembangunan pelancongan yang dibangkitkan semasa perbahasan Bajet 2016.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, berkuatkuasa pada 1 Jun 2014 yang lepas Fi Kerajaan Tempatan telah dikenakan kepada penginap hotel dengan kadar RM3.00 sebilik semalam bagi hotel empat (4) dan lima (5) bintang. Mana kala RM2.00 satu bilik satu (1) malam bagi hotel tiga (3) dan ke bawah termasuklah dometeri hotel bajet, hostel, motel dan sebagainya. Dari Julai 2014 sehingga September 2015 sejumlah RM9,462,192 telah berjaya dikutip di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Manakala di kawasan pentadbiran MPSP RM1,223,263 telah berjaya dikutip menjadikan jumlah keseluruhannya kutipan bagi fi Kerajaan Tempatan ini adalah sebanyak RM10,685,455. Butiran kutipan kepada kedua-dua pihak.

Untuk menjawab pertanyaan YB. Pengkalan Kota, YB. Penaga dan YB. Pulau Betong, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa fi Kerajaan Tempatan telah mempersetujui beberapa program dan insentif akan dilaksanakan dengan menggunakan fi yang telah dikutip. Program-program dan insentif ini adalah berkaitan dengan aktiviti promosi pelancongan sahaja pada masa kini dengan objektif untuk meningkatkan lagi kadar kemasukkan pelancongan ke Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2016 dan seterusnya.

Berikut adalah program-program yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Fi Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dengan ahli-ahlinya termasuk sebelas wakil dari hotel, ada yang dari Batu Feringghi dan wakil dari bandar dan juga wakil dari Seberang Perai. Pameran yang pertama ialah Pameran Pelancongan di ITB Asia di Singapura pada bulan Oktober lalu. Ini adalah kali pertama di mana wang fi telah digunakan sebanyak RM35,000 untuk menyertai pameran pelancongan dan melaksanakan satu majlis jamuan khas untuk pembeli-pembeli antarabangsa di ITB Asia. Yang kedua, Pameran Pelancongan Asean Tourism Forum di Manila pada Januari 2016. Acara Asian Tourism Forum ....(dengan izin) atau ATF ini akan berlangsung pada 18 hingga 20 Januari 2016 di Manila. Ia merupakan acara tahunan yang dinantikan oleh industri-industri pelancongan Pulau Pinang. Ini turut melibatkan semua sektor pelancongan dari 10 buah negara ASEAN serta pembeli-pembeli dari serata dunia. Kos yang dianggarkan untuk menyertai pameran ini sebanyak RM200,000 di mana Kerajaan Negeri telah pun menggunakan sebanyak RM130,000 peruntukan tersebut untuk pembayaran kos sewaan booth pameran. Kos lain adalah termasuk hiasan booth pameran dan barangan promosi.

Yang ketiga, jenama World Travel Mart -WTM ....(dengan izin) adalah jenama yang terkenal di serata dunia lebih lagi dari WTM London yang menjadi tumpuan semua ahli-ahli industri pelancongan seluruh dunia. Ini WTM adalah yang terbesar sekali pameran pelancongan di dalam dunia. Jadi saya amat berbangga kerana Pulau Pinang

telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran World Travel Mart Connect Asia iaitu cabangnya yang pertama sekali di rantau Asia. Program ini akan melibatkan pembeli dan penyedia perkhidmatan pelancongan dari dan dalam luar negara dan akan diadakan di Straits Quay Convention Centre. Kos yang peruntukan untuk projek yang diadakan pada 18 hingga 20 Mei 2016 adalah sebanyak RM400,000. Tadi saya ada silap sedikit untuk pameran di ATF iaitu tarikhnya adalah 20 hingga 25 Januari. Itu tarikh tak berapa pentinglah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Batu Lancang, tarikh itu penting sebenarnya. Kalau tarikh tak penting tak usah buat kerjalah. *Very important* tarikh.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Saya tukar. Jadi adalah kalau YB. Pulau Betong nak tumpang untuk sekali pun boleh 20 hingga 25 Januari....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bagi saya tiket saya pergi sekali, tak apa. Yang Berhormat saya nak tahu yang belanja di Manila sebanyak RM130,000 itu adalah untuk *booking*?

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Untuk *booth, booth*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Adakah itu untuk milik Pulau Pinang sahaja atau diberikan kepada industri *player*?

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Ya, ada. Ada enam (6) buah hotel akan turut bersama.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Adakah *sponsor* mereka?

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Dengan kos RM3,000 sahaja. Yang keempat, Insentif kepada Penerbangan Terus, *direct flight* ....(dengan izin). Insentif sebanyak USD10 bagi setiap pelancong asing yang menaiki penerbangan terus ke Pulau Pinang akan diberikan kepada syarikat penerbangan yang terlibat. Pada masa ini, syarikat penerbangan Air Asia dan Malindo Air dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah menyatakan persetujuan untuk mengadakan penerbangan terus dari tiga (3) destinasi iaitu Yangon ke Pulau Pinang, Yangon itu Myanmar dengan menggunakan Air Asia, yang kedua Seoul, Korea juga Air Asia ke Pulau Pinang dan yang ketiga Bandung, Indonesia dengan menggunakan Malindo ke Pulau Pinang. Ini tengah perbincangan dan saya rasa penerbangan Pulau Pinang ke

Yangon dijangka mula pada awal tahun depan dan apabila penerbangan terus dilaksanakan sekiranya 80% yang penerbangan yang akan datang kita akan gunakan untuk membayar ini untuk tahun lebih kurang RM1.5 juta untuk satu *direct flight* ... (dengan izin) dari Yangon sahaja untuk satu tahun. So ini memang banyaklah..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Boleh saya tahu, kenapa perlu bagi? Kenapa perlu ada insentif macam tu? Adakah ini kita yang minta mereka datang atau ini *part of* dia punya jaringan laluan antarabangsa yang diberikan oleh Air Asia.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):**

Ini *part of the* perbincangan di mana kita akan buka di rantau Indo China iaitu di Myanmar kita dapati banyak potensi kerana di Yangon sahaja mempunyai 6 juta penduduk di sana dan mereka biasa dengan kebudayaan dan perniagaan di Pulau Pinang. Kita di Pulau Pinang memang ada, tengok Jalan Burma, Jalan Rangoon ada Irrawaddy Road, Burma Temple. Semua ini adalah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Jangan bagi EXCO *confuse* lah. Adakah ini dalam satu tahun atau pun jangka masa panjang.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):**

Untuk satu tahun saja. So dan itu hanya kos untuk penerbangan terus hanya tak lebih 15% sahaja kerana kos yang banyak adalah minyak dan juga bertempat lapangan terbang Yangon atau di Pulau Pinang. Kosnya mahal.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan, Batu Lintang. Setelah kita melabur RM1.5 juta lebih itu apakah pulangan atau pun kesan pada industri di Pulau Pinang ini? Adakah dibuat pengukuran atau anggaran sebegitu?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih. Sebenarnya saya nak tanya soalan yang sama. Kalau kita nak belanja RM1.5 juta untuk menarik pelancong daripada Myanmar, berapakah pulangan yang akan kita terima? Sama juga soalan yang ditanya oleh YB. Pulau Betong. Selain daripada itu saya juga ingin tahu di maklumkan bahawa masih lagi dalam proses perbincangan dan dengan menetapkan jumlah RM1.5 juta saya rasa mungkin pihak Yang Berhormat telah pun mengambil kira jumlah pelancong yang boleh datang daripada Myanmar. Saya nak tahu berapa orang pelancong dianggarkan atau pun dijangka dapat datang ke Pulau Pinang dengan pelaburan tersebut? Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Batu Lintang, saya ingin mengalu-alukan usaha Batu Lintang yang bersungguh-sungguh untuk membawa masuk pelancong-pelancong asing. Cuma saya nak tahu lebih lanjut lagi apa kesulitan dan masalahnya dalam membawa, menarik pelancong-pelancong untuk datang ke Pulau Pinang ini. Memandangkan Pulau Pinang sekarang telah menjadi destinasi pelancongan dan kita tahu lapangan kapal terbang kita masih tidak ada banyak *international flight* lagi. Tak ada penerbangan secara terus ke Pulau Pinang ini. Macam penerbangan terus dari yang *budget flight* dari Hong Kong sudah ditamatkan. Apakah sebab punca-punca itu kenapa penerbangan terus itu begitu susah dan apa lagi usaha atau cadangan masa depan? Adakah Negara Jepun atau selain daripada Korea tempat mana lagi untuk kita menarik perhatian lagi. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):**

Timbalan Yang di-Pertua, memang kita mempunyai masalah. Masalah yang terutama adalah Kerajaan Pusat mengalu-alu semua kapal terbang diwajibkan untuk mendarat di KLIA. Ini adalah yang penting sebab itulah kita terpaksa menggunakan insentif untuk menarik kapal terbang ke Pulau Pinang terus. Kalau kita minta tolong, banyak kali MAS kah, kapal terbang yang lain dari pusat memang susah. Kerana polisinya semua hendak tumpukan di KLIA kerana KLIA masih kosong lagilah. Tak penuh lagi itulah masalah. Kita tidak boleh tunggu sampai mereka penuh sampai sini tidak boleh kerana kita ada banyak yang hendak datang ke sini. Tetapi juga banyak masalah juga kerana kos kalau nak terbang untuk awal bulan beberapa bulan akan merugikan banyak jadi macam dulu Air Asia pernah pergi ke MACAU tidak sanggup menanggung perbelanjaan yang banyak mereka terpaksa *cancel* dan juga di Chennai pun *cancel* kalau tidak ada promosi yang cukup tidak ada persahabatan di antara dua bandaraya memang tidak akan berjaya.

Untuk soalan Hong Kong Air, Hong Kong Express kita tidak tahu apa masalah yang dihadapi tetapi kerana mereka tidak dimaklumkan kepada kita. Kita tahu dan saya rasa dari masa yang diberikan kepada mereka dahulu yang tiga (3) bulan pertama mereka diberikan kebenaran terbang dari Hong Kong ke Pulau Pinang dalam pukul 3 petang. Itu sesuai kerana apabila mereka datang mereka boleh mendiami di hotel. Kemudian ditukar waktu malam pukul 12.00 pun menghadapi kesulitan sedikit. Kemudian akhir-akhirnya tukar kepada pukul 3.00 pagi yang boleh terbang ke Pulau Pinang siapa nak naik Hong Kong Express? Saya rasa itu keadaan di Hong Kong kita tidak tahu betul-betul sebabnya.

Dan untuk kos kenapa tidak memberikan insentif ini memang tadi saya kata hanya merupakan kos yang sedikit sahaja untuk perbelanjaan untuk meneruskan kapal terbang terus itu sedikit sahaja dan apabila saya kira RM1.5 adalah lebih kurang 80% penumpang. Mungkin tak sampai awal dua (2), tiga (3) bulan tak sampai 10% hingga 20% mereka akan menanggung kerugian yang besar. Kalau kita harap mereka dapat penumpang 80% mungkin tidak akan sampai 100% kerana untuk tahun yang pertama. So jadi kita anggarkan perbelanjaan ini mungkin tak sampai. Kalau sampai kira nasib kerana untuk Pulau Pinang kerana satu penumpang mereka bukan sahaja menginap di hotel, bas, teksi perbelanjaan makanan semua akan lebih daripada mungkin sampai tiga (3), empat (4) ganda daripada kos yang kita belanjakan itu.



Itulah sebab kita hanya berikan USD10 kepada mereka memang terlalu rendah mereka minta lebih banyak tetapi kita tidak sanggup beri kerana peruntukan kita sedikit dan jikalau semua kapal terbang terus bukan sahaja ke Myanmar ke Seoul, ke Indonesia ini jadi dengan cepatnya fi kerajaan ini akan digunakan dengan banyak. So jadi memang kalau ada *direct flight* ...(dengan izin) memang kita akan untung bukan sahaja kepada hotel tetapi kepada semua pengusaha akan dapat keuntungan mungkin tidak akan jadi pun. Kita haraplah kerana kenapa kita pilih Yangon, Air Asia pada awal pun sudah berbincang dan akan terbang ke Vietnam untuk berbincang terbang ke Vietnam, Ho Chin Minh dapat keputusan akan mula dengan *flight* penerbangan pertama pada 25 Januari tahun depan. Jadi itu adalah untuk empat (4) hari dan kita bincang tiga (3) hari itu yang tidak terbang kita harap mereka boleh terbang Yangon kerana dalam penerbangan dalam dua (2), tiga (3) jam sahaja mereka mampu terbang.

So inilah kita beri insentif kita tidak beri insentif Ho Chin Minh, Vietnam kerana kerana hospital dari dua (2) tahun telah pergi ke Myanmar sendiri dengan kos perbelanjaan mereka untuk menarik pelanggan dari Myanmar. Seperti saya kata Myanmar memang tahu Pulau Pinang dan kita tidak mahu belanja ke negara yang mereka tidak tahu Pulau Pinang inilah tempat yang pertama. Yang kedua di Seoul memang 10 tahun dahulu 2004 ada Korean Air terbang ke Pulau Pinang selepas tsunami mereka telah berhenti sebab itulah kita pilih Seoul sekali lagi supaya dapat menarik pelancong-pelancong dari Seoul semula dan Bandung, saya tak payah cerita semua tahu.

Ada lagi empat (4). Aktiviti promosi dan strategi pemasaran bersama Air Asia ini adalah yang keempat. Kita juga bagi peruntukan kepada Air Asia supaya ada buat promosi sebelum penerbangan. Ini adalah khasnya untuk ke Seoul. Dengan adanya penerbangan terus dan beberapa destinasi oleh Air Asia maka kita perlu promosikan Pulau Pinang di destinasi tersebut. Aktiviti promosi dan pemasaran ini merangkumi beberapa platform seperti cetakan digital aktiviti Air Asia media anggaran kos ini adalah lebih kurang RM300,000. Dan ini perlu dipersetujui oleh kami lah...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya ada soalan juga berkaitan dengan promosi. Adakah EXCO pelancongan bercadang untuk membuat promosi di situ menarik pelancong daripada negara-negara di kawasan *middle east* atau pun timur tengah untuk datang ke Pulau Pinang, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Seperti saya berucap sebelum ini kita tiap-tiap tahun akan pergi ke Dubai untuk Arab Travel Mart tiap-tiap tahun dalam dua (2) tahun dahulu kita bersama dengan Exco Batu Maung pergi untuk mempromosikan buku kita iaitu *Muslim Travel Guide* kita sudah cetak dua (2) tahun dahulu. Bukan sahaja hanya di Dubai kita juga pergi ke Oman dan sekeliling Negara Arab dan untuk makluman semua apabila *Arab Travel Mart* semua hotel di sepanjang Batu Feringghi mereka juga akan pergi kerana mereka tahu ada banyak *tourist* dari Arab akan suka kepada Pulau Pinang di pinggir laut.

Mereka memang suka dan sekarang bukan sahaja dalam musim *summer time* ...

(dengan izin) cuti untuk orang Arab sahaja tetapi sekarang sepanjang tahun mereka datang dengan *couple*, yang keluarga datang ke sini dan sekarang tujuannya bukan di tepi pantai sahaja mereka datang untuk *shopping* juga. Kita banyak mempromosikan lebih banyak barang lebih banyak destinasi lebih ramai orang Arab akan datang. Memang saya kata kelmarin di semua Batu Feringghi *beach* tiga (3) tahun dahulu pelancong asing yang pertama adalah orang Eropah. Sekarang adalah yang pertama ialah orang Arab di semua hotel akan pergi. Satu lagi memang dengan usaha kerja keras oleh Exco Batu Maung kita telah berbincang dengan *Emirate* dan *Etihad flight* dengan supaya boleh terbang terus ke Pulau Pinang lepas ini selepas kita sempurnakan *direct flight* tadi saya kata tiga (3) tempat ini dalam usaha dalam *future*, kita juga akan beri insentif kepada bahagian dari Arab ke Pulau Pinang. Untuk masa ini mereka ada terbang terus ke Kuala Lumpur melalui Kuala Lumpur mereka sampai ke sini adakah Air Asia atau dari MAS tetapi kita harap satu hari kita akan dapat terus ke Pulau Pinang dari Negara Arab.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Berkaitan dengan apa yang dikaitkan dengan YB. Bertam berkaitan dengan kemudahan ada di dalam bilik hotel. Memang saya amat setuju sekali dengan YB. Bertam. YB. Bertam bangkitkan isu bilik air. Di mana tidak ada paip air untuk digunakan ketika membuang air besar untuk basuh. Sebenarnya memang betul tadi pun saya ada pergi ke sebuah hotel dalam bilik tersebut tidak ada. Gambar pun ada saya ambil gambar dalam *handphone* saya kalau Yang Berhormat nak tengok.

Itu baru satu (1), memang saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat katakan tadi ramai pelancong daripada Negara Arab datang ke sini saya pernah tengok di kawasan Batu Feringghi saya rasa diberi perhatian oleh EXCO Pelancongan mengenai paip ini mesti ada *hose* dia supaya senang digunakan ketika basuh panjang ka apa. Perkara itu perlu diberi perhatian.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Tambahan, memandangkan perkara ini ditimbulkan semula semasa dalam ucapan perbahasan ada juga dikalangan rakan-rakan yang mengatakan bahawa kebanyakan hotel di Pulau Pinang ada mungkin satu (1), kalau ada 10 tandas satu tu ada paip ini pengalaman yang dikongsi dengan YB. Penaga hotel di George Town dekat Komtar tak perlu sebut. Di lobi saya masuk tidak ada satu pun yang ada paip air kecuali satu iaitu pekerja itu kata kepada saya encik kena masuk ke dalam tandas OKU kami sediakan cuma di dalam tandas OKU. Mahu tidak saya terpaksa masuk, saya nak keluar saya dengar ramai orang dekat luar. Tidak malukah pakai *coat* elok-elok tandas OKU jadi mahu tak mahu sebab nak masuk Dewan saya buka Dewan saya jalan senget-senget sikit supaya nampak saya OKU.

Tetapi saya nampak benda ini bukan lucu perkara ini adalah perkara benar dan kepada EXCO Pelancongan apa yang saya bawa ke dalam Dewan serius dan minta ini dapat dilaksanakan minta kepada kekanda saya Ahli Kawasan Batu Maung supaya sama-sama membantu merealisasikan Pulau Pinang mungkin yangn pertama mengadakan satu peraturan supaya semua tandas mesra kepada pengguna dan pelancong Islam.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Memang saya setuju dengan pandangan ini saya telah sebut dan saya akan cuba untuk memujuk mereka supaya tukar kepada paip air di dalam tandas untuk hotel yang baru perlulah diwajibkan untuk letakkan paip air ini.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Boleh beri laluan? *Actually* kalau setakat tandas 2009 - 2010 ada E&O ada buat pertukaran dah tetapi banyak lagi hotel belum ya. Saya akan meminta tanya Exco Batu Lancang mengenai pengikhtirafan *Lonely Planet* Pulau Pinang oialah bandar tempatan yang keempat. Pelancongan yang di minat oleh pelancong dan apakah YB. Batu Lancang tu mengambil kesempatan ini untuk memeriahkan lagi atau menambahkan lagi tarikan kepada pelancong yang tahu kan *news* ini untuk datang ke Pulau Pinang dan bersatu. Nombor 2, adakah Batu Lancang mengambil kesempatan *Asia Pacific Tourism Promotion Organisation* yang ada lebih daripada 60 lebih *city* yang mengambil tempat dalam *Asia Pacific TPO* ini sebagai pentas untuk menambahkan lagi pelanggan kita datang ke Pulau Pinang iaitu banyak *facility* yang kita tubuhkan di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Kita ini semua sentiasa buat ini adalah usaha-usaha kita, bukan sahaja dalam pameran sini sana tapi mungkin untuk makluman YB. Berapit perkara ada bersentuh dengan ini kita akan menaja wang RM180,000 kepada Expedia untuk UK dan Japan dan ini mempunyai website sana di Expedia ini mempunyai *93.6 million unit visitor, 93.6 millions of unit visitors*. So, ini adalah satu contohlah ....(dengan izin). So jadi seterusnya saya nak sentuh fi ini lagi untuk *point* yang terakhir. Insentif bagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit Yang Berhormat, bukan tandas. Promosi, promosi.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

*Let I finish the point first then I go to the new topic, later.* Ini untuk fi Kerajaan Tempatan *point* yang kelima, keempat, keenam kita akan benarkan insentif bagi sektor *Mice - Meeting Incentive Convention and Exhibition*, ....(dengan izin). Visi pelancongan negeri untuk masa hadapan menumpukan kepada sektor MICE. Dengan pemberian bantuan dan insentif yang menarik lebih-lebih lagi untuk kumpulan-kumpulan yang besar dengan kedatangan lebih 2,000 orang dengan persiapan, penyiapan bangunan SPICE dan juga *The Light Water Convention Centre*. Dalam masa SPICE akan siap dalam 2017, *the Light Water Convention Centre* dalam 2019. Saya yakin Pulau Pinang akan dapat lebih ramai lagi pelancong dan program MICE untuk pelan ini. Unutk *convention* di sini. Kita juga akan pergi insentif-insentif melalui e-Kerajaan Tempatan ini.

**Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Berkenaaan dengan promosi Yang Berhormat, saya ingin tanya. Salah satu tarikan di Pulau Pinang adalah semasa perayaan Thaipusam dan kita lihat banyak orang pada Eropah dan Australia dan New Zealand datang untuk melihat perayaan itu yang kaan berlangsung tiga (3) ke empat (4) hari. Persoalan saya adalah, adakah apa-apa promosi yang dibuat Kerajaan Negeri di luar negara bersama-sama dengan mana-mana syarikat, sama ada syarikat penerbangan dan soalan kedua saya adakah apa-apa majalah yang disediakan secara khusus untuk mempromosikan majlis perayaan Thaipusam ini yang kita lihat mempunyai daya tarikan. Untuk makluman Yang Berhormat kononnya dikatakan bahawa perayaan Thaipusam ini paling menarik di Pulau Pinang berbanding dengan India juga. Untuk makluman Yang Berhormat. Terima Kasih.

### **Ahli Kawasan Batu Lancang ( YB. Law Heng Kiang):**

Untuk makluman Seri Delima memang saya terima, memang dari dahulu 2009, .... (dengan izin) kita telah mencetak video Thaipusam sejak dalam tahun itu. Sebab itulah kita memang masuk bukan sahaja perayaan Thaipusam, perayaan bangsa-bangsa lain juga sama. Dalam satu video dan di mana kita pergi ke *World Travelmark* di London atau ITP di Berlin atau Arab atau Jepun, mana-mana kita bawa *video* ini dengan kos yang rendah tetapi dapat kejayaan yang besar melalui video. Jadi untuk terus untuk mengulas soalan yang dibangkitkan YB. Telok Bahang., sektor pelancongan *cruise* memang menjadikan sektor yang penting. Walau pun *Cruise Super Star Libra* telah meninggalkan pelabuhan Pulau Pinang akan tapi masih banyak lagi *cruise* antarabangsa yang berlabuh di Pulau Pinang sepanjang tahun. Untuk makluman Dewan, pada hari Sabtu ini, kapal *cruise Costa Victoria* dari Itali bersaiz 75,000 tan dengan 12 *deck* tingginya. *Cruise* ini memuatkan 1,900 orang penumpang datang ke Pulau Pinang dari November hingga Januari tahun depan. Dengan tarikh yang tertentu sebanyak 11 kali dan membawa jumlah sebanyak 20,900 penumpang kapal ini juga dalam proses mendapat sijil halal. Saya rasa EXCO Batu Maung telah menjemput bagi jemputan untuk melawati pada hari ni.

Selain daripada itu, *cruise* lain pula iaitu San Princess dengan muatan 2,00 orang penumpang dan akan berlabuh dari November 2015 hingga Julai 2016 dengan jumlah penumpang sebanyak 10,000 orang. *Marina of the Sea*, dengan muatan 3,000 orang penumpang dan akan berlabuh dari November 2015 hingga Februari 2016 ...(dengan izin). Dengan jumlah besar penumpang sebanyak 27,000 orang, *aidabella, aidabella cruise* dengan muatan 2,500 orang dan akan berlabuh dari Disember tahun ini hingga Mac tahun depan dengan jumlah besar penumpang sebanyak 20,000 orang. Jadi jumlah kekerapan *cruise* berlabuh dari November tahun ini hingga September tahun depan ialah 52 kali dengan jumlah besar penumpang 136,850 penumpang. 100 lebih so jadi ada 52 kali. Memang banyak. Untuk sektor pelancongan perubatan pula, pada tahun 2014, jumlah pendapatan sektor pelancongan perubatan ialah 419 juta berbanding dengan 371 juta pada tahun 2000 dengan kadar kenaikan sebanyak 13%.

YB. Dato' yang Timbalan Yang di-Pertua. Program homestay dari Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia terdapat 11 *homestay* di Negeri Pulau Pinang. Saya tak perlu sebua semua kerana ada cetakkan risalah dari Kementerian Pelancongan juga. Jadi namun begitu Kerajaan Negeri juga tidak meminggirkan bakal-bakal dan pengusaha *homestay* dengan memberikan inisiatif-inisiatif dalam membantu dan mempromosi produk-produk *homestay* seperti mengadakan bengkel penggunaan *homestay*, mengadakan bengkel pelan tindakan pembangunan *homestay*, mengadakan

pertandingan *homestay* dengan kerjasama kementerian pelancongan dan kebudayaan dan juga kita mengadakan karnival pada bulan 1 November ini di Lahar Yooi.

Untuk YB. Penanti, memang soalan yang di tanya sudah di jawab dan juga kita ada rancangan untuk buat *homestay* karnival di Penanti tetapi ADUN YB. Penanti ada hal-hal yang penting kita tangguh ke tahun depan untuk dalam bulan Mac kan? Boleh ya?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan saya ialah Kampung Terus itu dia tak *ready*. Kita cuba membangunkan. Sekarang kita ada *homestay* di Mengkuang Titi. Masalahnya *homestay* di Mengkuang Titi itu terlampau popular dan mereka pun sendiri tak benarkan kita buat karnival di situ sebab dia dah terlampau macam *pack* jadual dia. Itu isunya, apa yang saya cuba buat dalam membangunkan tempat *homestay* yang baru. Mungkin saya nampak ada *potential* macam buat *floating homestay*, buat *boat stay* dekat kampung terus tapi memerlukan prasarana yang sesuai untuk *tourism* sebab sekarang ini dia ada *float*. Kita baru buat *floating jetty*, tapi *floating jetty* yang kos RM60,000, lampu pun saya kena pasang. Dia tak ada tempat makan dan kalau boleh saya nak nelayan-nelayan itu sendiri memanfaatkan. Maknanya ia Jabatan Hutan suruh nelayan tukar guna enjin yang senyap supaya sebab ada kelip-kelip *and then* ada hutan rimba, Air Itam yang dia boleh singgah dan kita pun nak buat jeti di situ dan kita juga nak bagi singgah di *skate park* di Ampang Jajar dan *fishing* dan sebagainya. Situ tak ada tempat, tak ada bangunan apa-apa untuk orang makan. Tak ada apa-apa yang prasarana itu yang saya minta dan saya telah tulis surat kepada semua orang, Ketua Menteri, EXCO Pelancongan, PKN, UPEN, Pejabat Daerah merayu tiap-taip hari *camping* dekat KOMTAR untuk dapat sedikit, untuk lampu tandas benda-benda isu infrastruktur asal. Itu sahaja.

**Ahli Kawasan Batu Lancang ( YB. Law Heng Kiang):**

Memang saya sudah terima surat dari YB. Penanti untuk buat Kampung Terus sebagai tempat pelancongan tapi apabila kami sudah melawat tempat itu saya rasa kalau nak buat *homestay* tak ada kampung di sana. Saya rasa tidak berapa sesuai, kalau nak buat jeti saya sudah cadang. Mungkin di sepanjang sungai itu iaitu buat jeti di Air Itam Dalam lebih sesuai kerana Air Itam Dalam masuk bukan sahaja ada *canopy* di sana tetapi menarik ramai peminat-peminat *bird watching* ...(dengan izin), tangkap gambar burung. Memang di sana memang ada banyak burung spesis tetapi Kampung Terus ini ada jauh sikit daripada tempat Air Itam Dalam so kalau nak buat yang tak ada orang berminat jadikan tempat pelancong, memang mengambil masa atau membelanjakan banyak wang dan mungkin tak akan berjaya. Kita pun tak tahu. So, kalau YB. Penanti nak baut *homestay* cuba di sana saya rasa tak ada halangan, tapi saya rasa pelancong atau peminat *homestay* tak akan pergi ke sana. Itu saya rasa. Saya rasa itu dan kalau meminta peruntukkan beli enjin kepada nelayan saya rasa bukan bidang saya. Saya cuma pelancongan, jeti mungkin boleh. Kita saya rasa kita bincang lepas itu.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya bukan minta kepada Batu Lancang, saya minta kepada Kerajaan Negeri. Saya tak tahu portfolio siapa mungkin Seberang Jaya? Tapi Seberang Jaya bila saya tanya dia kata itu Batu Lancang tapi....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang ( YB. Law Heng Kiang):**

Batu Lancang untuk jeti boleh tapi bot enjin untuk nelayan memang susah sikit. Walau bagaimanapun kalau nak gunakan fi Kerajaan Tempatan ini kita terpaksa bincang di dalam jawatankuasa di mana di pengurusan oleh Ketua Menteri dan juga wakil-wakil dari penghotelan. Adakah mereka setuju, itupun terpulang kepada mereka tetapi saya boleh cuba kalau nak buat jeti lebih sesuai di Air Itam Dalam di tepi Air Itam Dalam sepanjang jalan sungai, sungai itu sungai apa?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sungai Terus itu, jeti itu sekarang dah ada jeti baru. *Floating Jetty* itu RM60,000 sahaja *just very basic* dan tak ada apa-apa prasarana. Saya nak cakap begini. Seperti macam saya katakan saya dah *present* dalam MMK pelancongan seperti yang kita pergi di Kraralaitu pun dia macam Kampung Terus juga tepi semua itu ada bendang, ada kampung dan kita nak *try* bangun kan macam pelancongan sungai..(tidak jelas).. (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang ( YB. Law Heng Kiang):**

Okey, kita cuba bantu sedaya upaya kita apa yang boleh kita cuba tahun depan untuk buat homestay dulu kemudian kita tengok apa tempat penarikkan yang boleh ditarik untk Kampung Terus di sana.

Saya terus kepada YB. Seri Delima, Kerajaan Negeri sejak tahun 2011 telah memberi insentif kepada pengayuh beca di Pulau Pinang sebanyak RM20.00 setiap minggu. Sekiranya pengayuh beca tersebut hadir empat (4) minggu berturut-turut dalam satu (1) minggu bukan sahaja mereka dapat RM20.00 setiap minggu tapi dapat bonus untuk minggu yang terakhir jadi sebanyak RM100.00. Sejak 2011 dan sampai sekarang lebih kurang empat (4) tahun sebanyak RM576,000 telah pun digunakan untuk membayar insentif kepada pengayuh beca.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Sikit nak tanya. Saya ada bertanya soalan berkaitan hotel tanpa lesen dan jumlah yang diberikan kepada saya banyaklah setakat November RM186.00 itu pada tahun 2015 dan setakat April 2014 tahun sudah RM135.00 ada pertambahan 51. soalan saya adakah fi Kerajaan Tempatan juga dibayar sebab ada soalan seterusnya sebab saya nak tanya saya tak tahu nak tanya EXCO Pelancongan atau EXCO Kerajaan Tempatan berkaitan tindakan dengannya.

**Ahli Kawasan Batu Lancang ( YB. Law Heng Kiang):**

Sebenarnya lesen, berkenaan dengan lesen adalah Kerajaan Tempatan tetapi kalau fi adalah untuk Pelancongan. Jadi saya juga tahu maklumat sedikit semua hotel tidal berlesen telah diberi lesen sementara sejak tahun lepas sehingga September tahun ini dan telah dipanjangkan setahun lagi untuk sampai tahun depan. Semua hotel yang ada lesen sementara bukan tak ada lesen ada lesen sementara memang ada bayar. Kalau tak bayar memang ada, tak bayar tanpa lesen kerana mereka mungkin tak mampu membelanjakan perbelanjaan yang besar untuk buat renovasi atau dapat arkitek untuk buat pengubahsuaian untuk mendapat lesen mungkin mereka tak mahu bayar mungkin mereka akan tutup kedai. Jadi tidak untuk semua, saya rasa semua yang ada lesen mereka minat untuk membayar fi Kerajaan Tempatan. Tidak ada tunggakan kerana mereka tak mempunyai masalah kutip fi dari pelanggan-pelanggan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Penjelasan. Ada satu pertanyaan di mana adakah bilangan hotel-hotel yang ada di Pulau Pinang dapat menampung keperluan pelancong-pelancong buat masa ini dan apa rancangan Kerajaan Negeri dalam menangani rumah-rumah sendiri yang telah ditawarkan ke *website* seperti ABNB untuk disewakan kepada *back backer* dan pelancong-pelancong dengan harga yang lebih murah daripada hotel-hotel yang besar itu. Adakah Kerajaan juga akan menimbangakan mengenakan caj yang sama atas rumah-rumah hak milik sendiri itu juga dikenakan membayar bayaran fi itu?

**Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):**

YB. Machang Bubuk memang untuk tahun lepas 2014 memang tak cukup hotel kerana adalah dikatakan tahun lepas adalah top untuk pelancongan dari luar negara atau tempatan datang ke Pulau Pinang. Semua untung sebab itulah kita nampak banyak rumah-rumah tumpangan telah didirikan di sini sana dan termasuk hotel-hotel juga didirikan di Seberang Perai, *five star* macam The Light dan Exora semua juga dibangunkan. Tetapi tahun ini memang merosot sikit kerana ada MH370 dan MH17 dan sebagainya telah dan juga kemerosotan ekonomi di negara barat. Bukan sahaja Malaysia mendapat kejatuhan dari pelanggan pelancong tetapi di Singapura, khususnya di Thailand, Puket banyak mempunyai masalah kedatangan pelancongan dari Rusia kerana Rusia ekonomi teruk, mereka tak pergi. Jadi Pulau Pinang untuk tahun ini memang menghadapi sedikit keturunan tetapi nasib baik kita ada kerana kejatuhan mata wang ada banyak pelancong-pelancong dari tempatan datang ke Pulau Pinang telah menampung sedikit di hotel.

Buat masa sekarang ini memang hotel di Pulau Pinang memang cukup tetapi visi hadapan adalah kita memupuk MICE di mana kedatangan dengan group-group, kumpulan-kumpulan yang besar 1,000, 2,000, 5,000, 10,000. So ada tahun ini ada *recon* datang dengan 15,000 orang dalam bulan Mei dan mereka akan datang lagi sekali untuk tahun depan, *recon* seminar. Ada kumpulan yang lain akan datang tahun depan sekarang tengah bincang di mana mereka menarik 10,000 orang datang. Untuk kumpulan-kumpulan ini kita bagi sedikit insentif supaya mereka dapat mengurangkan kos ini. Apabila kita telah berjaya dalam MICE, hotel-hotel perlu lagi banyak didirikan dan memang ada banyak hotel yang *five star* seperti *The Double Tree by Hilton* akan mula bisnes mereka dalam akhir tahun ini dan juga ada Spice hotel juga akan didirikan dan

ada di Telok Bahang, di Angsana juga akan didirikan. Memang ada potensi untuk Pulau Pinang sebagai destinasi MICE.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya nak tanya sedikit berkaitan dengan Kuala Muda sama ada sesuai atau tidak pada masa ini sebab saya ada timbulkan. Seperti dalam ucapan saya, saya menyentuh tentang ucapan T.Y.T. semasa perasmian 2013 dan beliau ada menyebut selain bahawa daripada George Town perhatian juga perlu diberi kepada kawasan-kawasan di luar di Seberang Perai termasuklah Kuala Muda, Sanglang dan sebagainya. Jadi setakat hari ini saya belum nampak apa-apa lagi. Saya ingin nak tahu sama ada YB. EXCO Pelancongan ada apa-apa rancangan atau tidak untuk membangunkan Kuala Muda sebagai destinasi pelancongan sebab saya tidak nampak apa-apa peruntukan di dalam Bajet 2016.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Kita boleh nampak dari fi Kerajaan Tempatan yang kita kutip di mana RM1.2 juta adalah dari Seberang Perai. RM9.4 adalah dari Pulau. Jadi kebanyakan pelancong datang ke Pulau dan bukan di Seberang Perai. Walau bagaimanapun untuk masa hadapan, tahun depan kita ada prima *outlet* iaitu *design village* akan membina di Batu Kawan di mana *premium outlet* akan menarik pelancong asing khususnya untuk membeli belah dan juga ada *ecoworld* akan membina satu *golf course* di Batu Kawan dan juga ada KDU Universiti akan didirikan di sana. Columbia Asia juga akan dibina di sana dan juga satu hospital juga akan dibina di sana. Mungkin dengan adanya semua di sana kemudahan-kemudahan dan menarik pelancongan destinasi ini mungkin boleh menarik lebih ramai pelancong ke Seberang Perai dan menikmati tempat-tempat yang sedia ada seperti kelip-kelip, *auto city* atau *bird park* ....(dengan izin) atau di Kuala Muda. Kalau sekarang kita nak bawa pelancong atau agen pelancong mereka nak pergi saya rasa mereka pun segan kerana jauh sangat dan kemudahan di sana belum ada lagi.

Saya nampak sendiri walau pun ada kedai-kedai di sana tetapi mereka tidak berniaga. Saya cuba untuk membincang bagaimana suruh mereka usahakan bisnes di tepi Kuala Muda kerana di Jepun, di Australia, di Taiwan ada pelancong pergi jauh satu jam, dua jam pergi ke tepi pantai untuk membeli, memakan menikmati makanan laut di mana sana makanan lebih segar. Tetapi kita nak bawa pelancong di Pantai Bisik-Bisik, kedai tak ada, nak makan pun tak boleh. Tak kan nak suruh mereka beli dan bawa balik ke hotel itu mungkin bukan buat masa sekarang. Kita kena buat usaha-usaha satu tahun demi satu tahun baru boleh dapat pelancong ke tempat itu. Memang saya setuju tempat itu boleh jadi potensi sebab itu saya letak satu papan tanda. Ini satu cara dan kita juga cetak risalah *map* Seberang Perai supaya orang tahu dan agen-agen pelancongan yang penting adakah mereka sanggup bawa pelancong ke sana. Itu satu halangan lagi.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya nak tanya sama ada Kerajaan Negeri boleh memberi peruntukan untuk membangunkan infra di situ sebagai contoh mungkin *chalet* dan sebagainya. Memang lah kalau kita tak buat sesuatu tempat itu akan begitu selama-lamanya. Menarik pelancong, pelancong nak tengok mesti ada produk dan sebagainya. Tapi kalau kita tak usaha untuk membangunkan tempat itu maka akan kekal perkara yang sama dan ia



tidak akan bantu menjadi satu produk mempromosikan kawasan tersebut. Itulah sebab saya tanya sama ada Kerajaan Negeri boleh memberi peruntukan atau tidak untuk membangunkan contohnya *chalet* dan lain-lain di situ.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Boleh YB. Timbalan Yang di-Pertua, kita dari pejabat saya memang boleh memberi peruntukan untuk membuat program-program pelancongan di sana. Tetapi mungkin susah sikit kalau kita nak bagi wang untuk peruntukan untuk membina chalet-chalet kerana kita tak mahu bagi wang peruntukan membina chalet tetapi tak berjaya. Kita perlu ada swasta yang berminat dan kita bersama-sama kerja untuk menjadikan tempat pelancongan dan menarik. Kita tak boleh terus bagi seperti saya kata, tempat-tempat di sana ada gerai-gerai mengapa pengusaha mereka tidak buka kedai mereka mungkin kita boleh buat sesuatu menjadikan tempat itu program-program mungkin tak semestinya setiap minggu, mungkin setiap bulan macam kita bagi insentif kepada penarik beca. Kita boleh sedikit peruntukan untuk membantu tempat itu sebagai menarik pelancong.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Bt. Ariffin):**

Saya rasa dalam perbahasan saya telah membuang masa dekat sejam, sebab saya ingatkan sebagai dalam keadaan ekonomi yang gawat dan keadaan yang meruncing untuk orang-orang kampung saya ingat tanggungjawab kerajaan untuk membantu mereka yang tak ada pihak swasta yang akan bantu membina infrastruktur yang asas seperti tandas, lampu, elektrik sebab infrastruktur yang asas itu yang saya harapkan. Kalau kita nak suruh pihak swasta, maknanya nanti tempat itu akan menjadi tempat komersial yang dibangunkan oleh pihak lain, bukan untuk orang-orang lain dan nelayan. Seperti yang saya sebutkan tadi YB. Seberang Jaya sendiri mengaku nelayan tidak boleh masuk ke laut sebab tak ada jambatan. Maknanya penduduk kampung tu terperangkap dalam situasi dia nak ke laut tak boleh. Jambatan JPS yang sedia ada pun bila pasang tak boleh nak lalu. Dia nak cari pendapatan lain Kerajaan Negeri tak mahu mendengar dan saya bawa suara daripada Penanti, dari orang-orang kampung. Penanti ini semuanya kampung, 28 tempat di Penanti itu semuanya kampung sebab itu saya katakan saya tak ada kemudahan *transport*, saya tak ada ATM mesin. Saya tak ada apa-apa. Saya bercakap hampir sejam dan setiap kali ada Sidang DUN saya bawa usul. *So far* yang mendengar sikit membantu Penanti untuk menyelesaikan masalah banjir di sembilan (9) kawasan hanya YB. Padang Kota sahaja.....(mengangis).

So saya sedih sangat sebab kerajaan ini sepatutnya DAP adalah satu parti yang sosial demokrat, sepatutnya....(mengangis), *I* sebut *for one hour* dengan keadaan yang sepatutnya saya *go further*, jadi saya *goes surgery for sleep days and* letak *painkiller all the time until* di perbahasan ini, bila saya tunggu setiap hari sampai penggulungan ini jawapan yang saya terima. Ini adalah satu apa saya nak balik cakap kepada orang-orang kampung. *I'm seriously*, apa yang saya nak balik cakap kat dia orang. Setakat saya buat parit-parit kampung itu aja lah.

Tapi masalah banjir yang besar seperti saya tanya YB. Padang Kota, *high impact project* sampai bila kita nak nampak. *Collector drain* semua ni sebelah sana di Tanah Liat bila kita nak nampak. Kilang-kilang haram yang menyebabkan banjir di Sungai Lembu, kilang-kilang haram yang tadi YB. Sungai Puyu pun jawab nyatalah menyebabkan

Pejabat Kesihatan pergi *check* tiga belas (13) orang kena sakit kanser *all that*, bila nak jawab. Adakah kerajaan tak kisah kepada masyarakat kampung di Permatang Pauh? Di mana Anwar Ibrahim adalah *his spend his whole life* untuk membela nasib orang-orang kampung and *you don't listen I been bagging for three years*. Saya tak faham mengapa Kerajaan Negeri tidak faham dan tidak mahu mendengar. Saya mengharapkan dalam bajet ini ada *some things* dan saya tunggu sampai hari penggulangan untuk mendengar sesuatu tapi tak ada...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti YB. Penanti saya harap EXCO semua akan dengar, sila teruskan.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Saya rasa untuk homestay di Penanti saya sudah setuju untuk membuat program-program di sana, tapi kalau nak dapat jawapan untuk hari ini untuk infrastruktur memang tak boleh janji. Tetapi kita akan bincanglah untuk buat jeti di sana. Saya pun sudah sebut kalau ini sudah bagi jawapan tetapi apa kita di Penanti memang kita kena berbincang dalam MMK atau dalam Pejabat Daerah. Bukan tak nak bagi jawapan sudah bagi jawapan dan bukan kita tidak menjaga kawasan Penanti. Memang kita akan buat untuk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Minta laluan, saya rasa kalau saya tak lupa YB. Penanti minta penjelasan. Dalam belanjawan Ketua Menteri tidak ada satu (1) Parlimen yang disebut, tidak ada satu (1) DUN yang disebut selain daripada Permatang Pauh. Kalau kita masih ingat so janganlah, saya minta penjelasan daripada YB. Batu Lancang. Ketua Menteri Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara spesifik sebut Permatang Pauh. Tidak ada Parlimen lain yang disebut kalau itu pun lagi hendak dibangkitkan, saya rasa ini perkara yang tidak adil. So saya minta penjelasan daripada YB. Batu Lancang.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta laluan, saya bangkit dulu ni. Saya dulu YB. Pantai Jerejak. Terima kasih. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Saya amat bersimpati dengan YB. Penanti, saya amat bersempati YB. Penanti dengan apa yang diluahkan hari seluruh Dewan yang mulia dapat melihat itulah yang kami di sebelah sini suarakan dah tiga (3) tahun lebih. Ini yang kami luahkan segala pendapat, pandangan dan buah fikiran kami selama ini. Hari ini di pihak Kerajaan Negeri sendiri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dato' Speaker saya minta maaf, saya bangkitkan Peraturan, saya minta Pinang Tunggal jangan teruskan...(gangguan). Kita akan selesaikan masalah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Dapat lihat bagaimana perasaan rakyat di luar sana, hari ini wakil daripada ... (gangguan), yang diluahkan oleh Penanti....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kita akan selesaikan masalah, *please*...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila sambung, YB. Batu Lancang.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon penjelasan sikit. Saya nak merujuk kepada apa yang disebut oleh YB. Batu Maung dalam perenggan 84 apa yang disebutkan itu bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh peruntukan RM9.43 juta dan seterusnya telah disebutkan apa yang telah dinyatakan tadi maknanya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Dato' Timbalan Speaker, saya nak luahkan rasa sempati dengan YB. Penanti... (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk, satu orang cakap. Pada satu masa satu orang cakap. Sila duduk... (gangguan). Sila duduk, duduk. Satu masa satu orang cakap. Tak perlu...(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Ini adalah pandangan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah):**

Jangan bising-bising, bagi Dato' Roslan...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Satu masa satu orang bercakap. Sila duduk. Tak perlu, tak perlu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Pinang Tunggal duduk. Duduk lah sudahlah. Pinang Tunggal duduk lah.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Pinang Tunggal kita akan sama-sama bantu kerana ini adalah dalam Negeri Pulau Pinang, setuju?...(gangguan)

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta Timbalan Speaker guna peraturan...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Semua duduk, tak mahu dengar dah ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Duduk, duduk. Semua duduk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta Timbalan Speaker guna peraturan.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Semua duduk, duduk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Seri Delima jadi Speakerkah?... (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk semua.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Hormat Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk semua. Satu orang satu masa lah cakap, apa ni. Seterusnya Pantai Jerejak..(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Dato' Speaker, macam mana nak perintah negeri sedangkan pendapat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Pinang Tunggal duduklah, duduk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Apa yang dibangkitkan....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pinang Tunggal duduk, *Astaghfirullahaladzim*....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Bayangkan...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tak sepatutnya berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pagi tadi aman...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Inikah kepercayaan....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Patutnya rakyat bagi.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Duduk Pinang Tunggal, duduk Pinang Tunggal.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cuma nama Pinang Tunggal disebut berdiri saja. Ucapan lepas dah. Silakan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

YB. Dato' Speaker, saya minta tarik balik, YB. Dato' Speaker....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tak payah tarik balik....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta hormat Speaker, minta hormat Speaker...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kalau tidak saya bawa dalam ...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, *Astaghfirullahaladzim*....(gangguan). Duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Dato' Speaker minta tarikh balik....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk semua.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Peraturan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Bagaimana Kerajaan Pakatan Harapan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta hormat Speaker....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Ini semua yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Semua orang tahu dah sekarang.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Betul tak?.....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Betul atau tidak ada apa yang saya sebut kelmarin...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Jadi Yang Berhormat Timbalan Speaker, tolong ambil perhatian balik...(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya minta Dewan ditangguhkan sepuluh minit supaya untuk menyejukkan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Pantai Jerejak nak cerita apa?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Baik. Terima kasih YB. Timbalan Speaker. Saya nak beri penelitian tentang apa yang disebutkan oleh Batu Maung tadi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Betul, dia menangis tadi itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Saya bagi jalan kepada YB. Pantai Jerejak. Tadi pun saya bagi YB. Penaga, Pinang Tunggal sekarang....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, duduk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta Timbalan Speaker guna peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk, sila duduk....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Shah Bin Ayoob Hussain Shah):**

Dato' Timbalan Speaker *bias*....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk, sila duduk....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kalau...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kalau Speaker tak boleh....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*Astaghfirullahaladzim.*

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Dato' Speaker guna peraturan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Saya guna topik yang lain....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Timbalan Yang di-Pertua, usaha-usaha Pulau Pinang akan kekal sebagai destinasi pelancongan di rantau ini...(gangguan). Ya saya setuju....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Tadi jawapan dah diberi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**



Jadi cukuplah kita akan cari jalan usaha untuk membangkitkan Pantai Bisik-Bisik, selain daripada pengusaha di sana mesti bekerjasama supaya bisnes-bisnes kena diteruskan kalau tidak hanya orang yang pergi ke Pantai Bisik beli ikan dan bawa balik, tetapi tempat itu tak akan jadi tempat pelancongan, itu saja.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Boleh saya cakap sikit. Minta laluan. Berkaitan dengan Kuala Muda. Sebenarnya soalan saya tadi sama ada, ada peruntukan atau tidak untuk membangun infra di Kuala Muda. Jawapan yang diberikan oleh EXCO Pelancongan ini dari segi peruntukan untuk membangunkan infra memang tiada. Hanya yang ada mungkin untuk membuat program-program disebabkan soalan itu maka YB. Penanti terasa dan daripada jawapan yang diberi itu nampaknya mungkin tidak ada peruntukan langsung yang diberi. Itulah sebabnya penjelasan dan saya amat sempati dengan Penanti dan saya pun ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Dari pelancongan, Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Saya rasa simpatilah pada Penanti.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Pelancongan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Saya rasa pihak EXCO Pelancongan patutnya mencarilah bekalan untuk membantu Kuala Muda sama dalam membangunkan infra di situ.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Tadi saya dah kata, kalau buat jeti, mungkin, mungkin Pejabat Pelancongan boleh membantu dan program-programnya dan kalau nak buat infrastruktur bukan EXCO Pelancongan kerana infrastruktur jalan raya atau pembangunan atau *chalet* tadi yang sebutkan kita tak boleh kerana *chalet* kita tak biasa membantu untuk membuat *chalet* buat hotel buat motel atau buat *homestay*, kita tidak boleh. Mungkin program selepas siapnya kita cuba di mana mereka akan buat chalet, kita boleh mempercepatkan atau melonggarkan di mana kita boleh bantu. Itu kita boleh bantu. Kalau kita nak bagi peruntukan buat bisnes buat bina chalet mungkin tak boleh kerana kalau nak buat chalet di sini seluruh pulau pun ada *chalet*. Macam mana nak dapat *balance* .....(dengan izin) untuk semua. So itu lah sebab saya kata infrastuktur dan *chalet* tak mungkin kita boleh bantu. Tetapi program jeti dan sebagainya untuk pelancongan mungkin kita boleh bantu.

Jangan kata semua yang kerajaan tidak boleh bantu. Daripada pejabat saya

mungkin tak boleh bantu tetapi dari pejabat lain mungkin boleh bantu. So jangan kata Kerajaan Negeri tak bersempati, ada, tapi jangan pusing ke tempat lain. Walau bagaimanapun, Kuala Muda adalah satu potensi kita dalam rancangan untuk masa hadapan kita akan cuba untuk menjadikan tempat itu tarikan. Kalau tiada ada apa-apa soalan lagi, saya memohon untuk menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya, Bagan Jermal.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

YB. Timbalan Yang di-Pertua, dikesempatan ini saya ingin merakamkan kesyukuran kerana masih berpeluang untuk menyampaikan ucapan penggulungan di Dewan yang mulia ini bagi Jawatankuasa MMK Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi ke atas Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 khususnya berkaitan dengan isu-isu portfolio kerja raya, utiliti dan pengangkutan untuk dibawa perhatian Kerajaan Negeri. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di atas penyediaan peruntukan sejumlah RM26.11 juta ringgit bagi meneruskan dengan pelaksanaan 6 projek pembinaan dan menaik taraf jalan yang telah diperincikan dalam bajet 2015 dan sejumlah RM17.45 juta lagi untuk pembiayaan kerja-kerja penyenggaraan jalan-jalan Negeri. Bagi meningkatkan akses dan menaik taraf jalan-jalan kampung pula Kerajaan Negeri memperuntukan sejumlah RM2.0 juta di samping itu RM5.0 juta lagi boleh dibiayai untuk tujuan tersebut daripada pemberian Kerajaan Persekutuan di bawah peruntukan MARRIS. Ini memperlihatkan peningkatan dalam jumlah peruntukan yang disalurkan kerana dalam tahun semasa iaitu 2015, Kerajaan Negeri telah pun mengagihkan peruntukan sejumlah RM1.0 juta untuk membiayai kerja-kerja menaik taraf jalan kampung dan sebanyak RM3.0 juta untuk membiayai kerja-kerja penyenggaraan jalan kampung. menjawab soalan YB. Bukit Tengah dan beliau menanya sama ada tahun depan angka yang diberi untuk menyelenggara jalan kampung adakah lebih rendah dari kalau dibanding dengan tahun ini? Tapi nampak di sini dia lebih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Soalan saya. Soalan saya ialah peruntukan oleh Kerajaan Negeri sahaja. Maksudnya tidak termasuk apa yang diperuntukkan di bawah MARRIS. Kalau seperti yang disebut oleh Bagan Jermal untuk tahun semasa tahun ini, akan Kerajaan Negeri telah mengeluarkan RM4.0 juta dan untuk tahun depan Kerajaan cuba cuma memperuntukan RM2.0 juta. Itu maksud saya. Saya ingin mendapatkan penjelasan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Yang Berhormat ada sedikit kekeliruan. Tadi saya baca untuk tahun depan, Kerajaan akan menyalurkan dana Kerajaan Negeri RM2.0 juta dan tambahan pula RM5.0 juta dari MARRIS iaitu RM7.0 juta. Tahun depan okey. Tahun ini kita Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.0 juta dana Kerajaan Negeri dan RM3.0 juta dari MARRIS. *RM4.0 million, so next year RM7.0 million this year RM4.0 million only. So which is higher.*

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Apa yang disebut oleh Bagan Jermal adalah sedikit berbeza dari ucapan bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat sebab dalam ucapan Yang Amat Berhormat berkenaan RM1.0 juta dan RM3.0 juta itu adalah RM1.0 juta untuk penyelenggaraan dan RM3.0 juta menaik taraf dan tidak menyebut tentang dia adalah daripada Kerajaan Negeri atau pun daripada MARRIS. Itu lah yang saya maksudkan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Ya. Dia campur aduk penyelenggaraan dan naik taraf. Dia ada sedikit berkaitan juga. Kalau penyelenggaraan makna kita *repair*. Kalau naik taraf mungkin dia sudah rosak. Kita *resurface*. Atau kita lebar lagi sedikit itu menaik taraf. Jadi apa yang saya maksudkan tahun depan peruntukan adalah lebih tinggi dari tahun ini. Tadi saya ingin... (gangguan). Yang Berhormat Penanti tadi Yang Berhormat kata DUN Penanti diabaikan. Tidak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Tapi dalam konteks pelancongan *homestay*. Pembangunan. Pembangunan *infrastructure*. *Basic infrastructure*. Sekarang saya hanya mahu tanya pasal jalan. Jalan kampung. Saya nak jelaskan di sini tadi soalan saya dan perbahasan adalah pasal pembangunan *homestay*, *infrastructure*, ya. Tapi yang ini saya nak tanya jalan-jalan kampung sebab kalau kita bahagikan *the* matematik. Peruntukan MARRIS hanya boleh digunakan untuk penyelenggaraan. Jadi jalan-jalan kampung dan jalan tanah itu kita tidak boleh gunakan MARRIS untuk tarkan, buatkan jalan baru. Dan selalunya macam di kawasan saya kita hanya dapat peruntukan buat jalan kampung maknanya jalan tanah, tarkan hanya tiga (3) jalan setahun sahaja. Dan kawasan saya ada 28 kampung. Jadi maknanya di kampung-kampung selalu kalau banjir saya ceritakan, bila orang nak keluar, dia selut, orang jatuh nak keluar pun tak boleh sebab jalan itu selut. Dan saya ada sembilan (9) kawasan banjir itu. Untuk parit-parit tanah yang kita *upgrade* jadi konkrit, itu satu hal. Tapi jalan-jalan kampung peruntutannya seperti saya kata hanya tiga (3) setahun untuk 28 kampung. Mungkin kawasan lain dia punya kampung dia tak banyak. Tapi di kawasan saya ya banyak.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

YB. Penanti. Sekiranya ada permohonan untuk membina jalan-jalan kampung Yang Berhormat kena buat permohonan kepada Pejabat Daerah. Dan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Kita buat permohonan banyak tapi hanya tiga (3) diberi.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Baik, baik. Nanti kita akan semak lagi sebab Yang Berhormat tidak menyebut dengan secara spesifik dalam ucapan itu jadi jawapan tidak boleh disediakan buat masa ini dan saya akan menyemak dengan Pejabat Daerah sama ada apa Yang Berhormat minta itu boleh dilaksanakan. Apa yang saya ingat nak beritahu kepada YB. Penanti

adalah pada tahun yang lepas, hujung tahun yang lepas. Semasa Yang Berhormat meminta peruntukan tambahan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Ketua Menteri telah mengarahkan supaya membina dan menaik taraf jalan menuju ke Sekolah Aur Nandur, itu ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Aur Nandur itu bukan di kawasan saya. Itu Permatang Pasir. Dan banyak benda lagi...(gangguan). Batu maung sebut memang banyak dia sebab Permatang Pauh tapi itu bukan kawasan Penanti. *All the swimming pool* yang nak dibuat ,dewan serbaguna, *all the* itu semua Seberang Jaya. Lepas itu yang masjid tu semua CheroK To'kun di Parlimen BM. Lepas itu nak buat dewan serbaguna itu lain-lain tu adalah di Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih ya. Walau bagaimanapun Yang Berhormat bolehlah kita bincang sama-sama...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*I'm talking about* Penanti. Kampung. Dato' Seri Anwar memperjuangkan orang-orang kampung. *Yes I'm talking about* Penanti. *Because I'm from* Penanti.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Biar dengan EXCO...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

YB. Penanti, saya berjanji lepas ini kita berbincang dan kita dari segi infrastrukturnya kalau berkenaan dengan pelancongan, Yang Berhormat berbincang dengan YB. dari Batu Lancang. Dan berkenaan dengan infrastruktur Yang Berhormat bincang dengan saya. Saya cuba dapat peruntukan daripada Yang Amat Berhormat sebab Yang Amat Berhormat beliau sendiri ada peruntukan khas. Jadi kita bolehlah membantu seberapa yang boleh mengikut kemampuan kita. Baik. Yang di-Pertua... (gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Cuma saya menerima baik penjelasan daripada Bagan Jermal tentang peruntukan tadi cuma saya sebenarnya adalah kalau saya diizinkan saya baca terus teks. "Adalah dalam tahun semasa 2015 Kerajaan Negeri telah pun mengagihkan peruntukan sejumlah RM1.0juta untuk membiayai kerja-kerja menaik taraf jalan-jalan kampung dan RM3.0 juta untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan jalan kampung". Itulah di mana salah faham atau pun timbullah pertanyaan saya tersebut. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih. Apa yang mustahak adalah wang itu atau dana itu ada di sana samada dia *repair* ka dia naik taraf ke apa-apa itu tujuan yang sama juga. Apa yang kita maksudkan, Yang Berhormat mempertikaikan tahun ini lebih ke tahun depan lebih ke, saya bawa di sini tahun depan RM7.0juta tahun ini hanya RM4.0 juta jadi ada tambahan RM3.0 juta ya. Okey terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Puas hati. Puas hati. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih. Yang di-Pertua ini merupakan bukti bahawa Kerajaan Negeri amat peka terhadap keperluan menaik taraf infrastruktur jalan raya demi kesejahteraan rakyat. Dalam usaha mencapai status Negeri bertaraf antarabangsa Kerajaan Negeri sentiasa memastikan pembangunan infrastruktur yang mampan di Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, setiap projek-projek infrastruktur dirangka dengan teliti berdasarkan kepada keperluan semasa dan peruntukan yang sedia ada. Ini bertujuan untuk memastikan setiap projek yang disiapkan memberi impak positif kepada rakyat.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Penjelasan. YB. Bagan Jermal cakap Kerajaan Negeri peka terhadap semua permintaan KADUN ya untuk menolong rakyat jelata Negeri Pulau Pinang untuk mendapat jalan yang bagus tetapi dari 2008 sampai hari ini Jalan Kampung Besar belum dinaik taraf atau dibuat dengan bagus. Ini memang saya cakap banyak kali di Dewan ini dan satunya ialah bila tahun lepas bulan 12 itu saya dapat surat daripada YB. Bagan Dalam beritahu saya akan dapat peruntukan, tetapi sampai hari ini pun saya tak nampak lagi jalan itu diperbaiki dan soalan nombor dua (2) yang bertulis itu saya pernah cakap dengan YB. dari Padang Kota, dia kata menyuruh YB. Bagan Dalam menjawab sayalah. Tapi tak tahu *pass* kepada YB. Bagan Jermal.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Yang Berhormat daripada Berapit memang prihatin kepada masalah jalan lalu lintas di Bukit Mertajam. Tetapi biarlah saya jawab. Jangan tidak sabar-sabar. Saya akan sampai sini. Jadi apa yang baca dalam jawapan saya ini, izinkan saya menjawab soalan tambahan yang dibangkitkan oleh YB. Berapit mengenai cadangan projek jalan baru atau jalan alternatif di Bukit Mertajam bagi mengurangkan kesesakan jalan dan lalu lintas di bandar tersebut. Ni saya sampai kat sini. Tapi sebelum sampai Yang Berhormat sudah tidak sabar-sabar...(gangguan). Yang Berhormat, Jalan Kampung Besar, memang ada dalam perhatian saya sendiri. Ya. Dan buat masa sekarang, JKR telah memutamakan uji tanah atau ukur tanah terperinci. Sebelum kita menaik taraf sesuatu jalan, kita kenal pasti siapa tuan tanah itu. Kita tak boleh terburu-buru masuk dengan jentolak tolak bina jalan. Nanti pemilik tanah itu dia akan saman sama kita. Kerja-kerja ukur tanah terperinci telah disiapkan dan langkah kemudiannya kita akan menggaji satu (1) firma perunding kejuruteraan untuk membuat reka bentuk bagaimana hendak bina saluran parit, bagaimana hendak tetapkan *level* jalan itu, semua akan diambil kira supaya kita boleh

membuat satu (1) reka bentuk mengikut spesifikasi yang ditentukan. Sekiranya reka bentuk telah siap barulah kita boleh membuat anggaran berapa peruntukan perlu untuk membina jalan mengikut reka bentuk ini dan sama ada terlibat dengan pengambilan tanah atau tidak.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Saya faham....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Nanti, nanti dulu. Maksud saya kita sedang dalam tindakan, cuma kita mahu Yang Berhormat memahami satu perkara, Kerajaan tidak buat satu kerja dan kata okey, hari ini cagak dan esok kita ambil duit dari poket kita dan buat, tidak boleh macam itu.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Soalnya saya kena minta penjelasan dari YB. Bagan Jermal sebab soalan bertulis No. 2 itu, saya bertanya "Berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk kerja pengorekan longkang tanah di sepanjang Jalan Kampong Besar, Bukit Mertajam. Sila huraikan dengan teliti mengikut kos dan skop kerja yang dijalankan. (a) Bilakah Jalan Kampong Besar akan dinaik taraf sebagai satu jalan spesifikasi JKR dan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf Jalan Kampong Besar". Sebab saya tanya soalan ini berkali-kali, saya tidak tahu langsung siapa yang masuk dan membuat kerja di Jalan Kampong Besar itu. Saya ada emel ke Pejabat Tanah dan Pejabat DO, Pejabat Penghulu, Pejabat JKR SPT, mereka suruh saya tanya kepada YB. Bagan Jermal. Jawapan yang diberi kepada saya, yang jawab kepada saya bukan YB. Bagan Jermal tetapi YB. Padang Kota dan jawapannya menyebut "Kerja ini menyalurkan peruntukan sebanyak RM43,000.00 kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Berapit". Saya tidak faham sebab Ketua JKKK saya pun tidak tahu bahawa kerja ini adalah di bawah mereka, so saya kena *clear* jawapan dari YB. Padang Kota, YB. Chow Kon Yeow, saya tidak mahu sebab kerja ini bukan di bawah JKKK mengapa beritahu begitu. Saya kena *clear the air because* kerja-kerja yang dijalankan di kampung itu tidak memuaskan dan banyak pertanyaan dituju kepada saya. Saya tidak tahu siapa kontraktor dan saya kena tanya kepada DO SPT dan JKR. Sekarang jawapan seperti ini diberi kepada saya dan kalau saya terima *that means* JKKK saya yang buat tetapi sebenarnya tidak. Saya perlu kepada penjelasan daripada YB. Bagan Jermal. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, tadi saya kata saya akan datang kepada perkara parit dan tanah itu. Konsultan dan *engineer* akan membuat reka bentuk dan selepas itu kita akan membuat anggaran, selepas anggaran, dengan mengambil kira pampasan yang perlu diberi kepada pemilik tanah yang kita hendak ambil tanah itu, kita akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Negeri merasa ada kemampuan untuk membiayainya maka projek ini akan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Kalau Kerajaan merasa tidak mampu atau kurang mampu, maka projek ini mungkin akan lambat sedikit, itulah tujuan saya.

Yang Berhormat, Jalan Kampong Besar ini adalah sebatang jalan kampung yang diselenggara atau dibiayai oleh Pejabat Tanah atau Pejabat Daerah SPT. YB. Berapit, saya tahu beliau sangat perihatin kepada kedudukan jalan kampung ini dan beliau telah membelanjakan banyak wang dari peruntukan beliau sendiri untuk menampung lopak-lopak di atas jalan ini. Selepas beliau membangkitkan perkara ini dalam Dewan Undangan Negeri yang lepas, saya pun sentiasa ada melalui jalan kampung itu. Punca menyebabkan lopak-lopak di atas jalan kampung tar ini adalah kerana air dari lereng bukit, selalu berkumpul atau *stagnant water* di atas jalan ini. Saya telah kata kita ada rancangan untuk menaik taraf jalan kampung ini kepada jalan JKR *standard*. Sekiranya kita membuat longkang, parit di sepanjang jalan ini dan kemudiannya satu (1) atau dua (2) tahun kemudiannya kita buat penaiktarafan dan kita kena mengorek semula semua apa yang kita belanja itu. Tidakkah itu satu pembaziran kepada Kerajaan Negeri. Justeru itu, untuk mengatasi air yang mengalir daripada bukit, saya mencadangkan supaya satu (1) jalan, satu (1) parit tanah dikorek di sepanjang jalan kampung ini supaya air dari bukit tidak *stagnant* atau berkumpul di atas jalan yang akan merosakkan jalan itu. Kalau punca kerosakan itu tidak diatasi, berapa kali *you* tampung jalan tar itu pun tidak guna. Sebab itu saya panggil, masa Pejabat Daerah dan Tanah membuat satu anggaran, RM120,000.00 untuk membuat kerja tampung dan juga mengorek parit tanah. JKR membuat satu anggaran juga lebih kurang RM120,000.00 untuk membuat cadangan tersebut, tetapi saya kata mungkin semua anggaran ini mahal sangat. Saya mencadangkan supaya Y.A.B. Ketua Menteri mengeluarkan peruntukan tambahan beliau, RM43,000.00 diberi kepada JKKK Kampung Berapit. Pergi kepada JKKK dan JKKK melantik seorang kontraktor untuk menjalankan kerja itu dan membuat kerja ini bukan senang. Yang Berhormat kerja ini bukan senang sebab di sepanjang jalan ini, apabila hendak korek satu parit tanah ia ada paip air masuk ke kampung, ada kabel bawah tanah di sana dan bukan sahaja mengorek, rumah-rumah ditepi jalan itu kita kena pasang *kavat* supaya parit tanah yang dikorek boleh masuk kerumahnya. Dengan hati murni dan jasa kita untuk membantu membuat penyelenggaraan jangka pendek ini tidak dihargai oleh YB. Berapit. Berkali-kali beliau kata mengapa korek sahaja parit tanah tapi tidak membuat parit konkrit.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Penjelasan, YB. Bagan Jermal.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Nanti dulu, biar saya habiskan dulu. Sebab itu, mulai pada masa itu, saya pun emel balik kepada YB. Berapit dan kata segala-gala jalan-jalan kampung perlu diselenggara oleh Pejabat Tanah dan Daerah dengan peruntukan yang diberi oleh ADUN masing-masing. Di kawasan saya, jalan kampung, kalau perlu diselenggara saya panggil Pejabat Daerah untuk buat dengan peruntukan saya. Kita menyalurkan peruntukan sejumlah RM43,000.00 kepada beliau untuk mengatasi masalah ini dan sekarang menyalahkan kita sekadar korek, sekadar tampung sekarang jalan lagi rosak. Saya pun tidak mahu mempertikai jadi mulai sekarang Yang Berhormat tolong jaga sendiri, Yang Berhormat tolong jaga sendiri.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Saya minta penjelasan dari YB. Bagan Jermal jangan tolak tanggungjawab kepada orang lain sebagai seorang profesional, sebagai seorang Exco yang menjaga JKR. Saya sebagai ADUN perlu jawab semua persoalan dari rakyat yang tinggal di Kampung Besar. Memang saya bersyukur dan gembira kalau JKR atau Pejabat Tanah datang dan memperbaiki Jalan Kampung Besar tetapi dengan jelas beritahu kita. Tetapi jawapan di sini saya terkejut bila baca, JKKK Berapit tidak mengambil apa-apa projek seperti percakapan YB. Bagan Jermal. Saya tidak terima jawapan ini sebab Ketua JKKK Berapit pun sudah takut sebab dia dan komuniti langsung tidak tahu projek ini dibuat oleh siapa. Saya menyeru di sini kalau boleh biar satu jawapan yang betul dan bukan menyatakan JKKK Berapit yang buat. Ini ialah permintaan saya, saya boleh balik dan beritahu JKKK Berapit bahawa jangan khuatir ini bukan kerja JKKK Berapit tetapi orang lain tetapi jawapan ini memang tidak betul. Saya memang suka kalau Kerajaan Negeri ingin menggunakan peruntukan seperti Yang Berhormat cakap tadi, ada RM4 juta pada tahun hadapan untuk menaik taraf Jalan Kampung Besar, saya memang suka tetapi dengan C.A.T. Biar ADUN Berapit itu tahu apa yang sedang berlaku, saya sudah tanya dan emel kepada DO SPT, JKR SPT tidak ada jawapan, sebab itu saya tanya di sini. Saya memang gembira kalau YB. Bagan Jermal ingin bekerjasama dan tolong kita untuk menaik taraf jalan tetapi dengan cara yang betul. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Izinkan saya menjawab soalan tambahan daripada YB. Penanti mengenai status cadangan jalan dari Kubang Ulu ke Sekolah Menengah Convent di Bukit Mertajam serta pertanyaan sama ada peruntukan tahun 2016 sebanyak RM17.45 juta yang telah dibajetkan ini akan diguna untuk melaksanakan projek ini. YB. Penanti, sebagai makluman, cadangan projek tersebut belum dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri buat masa ini berikutan Kerajaan Negeri memiliki perancangan projek lain yang lebih kritikal seperti Jalan Kampung Besar untuk dilaksanakan dengan kadar segera. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri amat sedar mengenai kepentingan projek ini dan justeru itu Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya pihak JKR SPT membuat perancangan mengenai pelaksanaan projek ini termasuk permohonan peruntukan pada tahun-tahun hadapan. Itu biasalah kalau kita hendak buat sesuatu jalan dan jalan itu perlu dibina maka kita akan membuat satu kajian, selepas kajian itu kita minta peruntukan, dapat peruntukan dengan segera kita boleh buat tender terbuka dan untuk melaksanakan. Tetapi, memandangkan begitu banyak projek-projek yang perlu kita laksanakan, tiap-tiap Wakil Rakyat ada permintaan mereka masing-masing. Jadi kita kena tengok mana satu yang lebih kritikal, mana satu yang perlu diberi keutamaan, kita akan membuatnya. Saya pun sangat suka kalau semua projek di atas KADUN saya sendiri. Tapi tak boleh kita kena tengok semua, mana-mana satu yang lebih mustahak, kita buat dahulu.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sebab saya tanya soalan ini, sebab usaha ini saya yang diberitahu oleh JKKK dibuat semasa penggal lepas oleh Dato' Mansor, jadi disebabkan mereka sudah pergi lawatan tapak bersama dengan Dato' Mansor, mereka tanya apakah status dan pasar malam, yang berdekatan dengan ROB Kubang Ulu. Jadi penduduk semua tanya, JKKK pun tanya. Sebab itu saya tanya dalam soalan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**



Bukan setakat tahun lepas, dua (2) tahun lepas, tiga (3) tahun lepas. Penggal lepas pun tak sampai, mungkin dua (2) tahun setengah, tiga (3) tahun. Kami ada rancangan untuk membuat projek-projek sejak RMKe-9. RMKe-9 sudah lepas lima (5) tahun, 10 sudah lepas sekarang masuk 11 (RMKe-11). Sudah lima belas tahun, kita ada rancangan untuk melaksanakan projek-projek jalan. Khususnya jalan-jalan pintas atau lingkaran luar untuk mengelak masuk ke pekan, untuk mengelak jalan sedia ada yang begitu sempit tidak boleh dinaik taraf, tidak dapat dilebarkan maka kita kena cari jalan singkat untuk mengelak tetapi sampai juga destinasi itu. Tetapi sampai sekarang kita tak boleh laksanakan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Since Bagan Jermal, YB. Bagan Jermal akan bercakap dengan JKR, saya nak mohon lagi satu (1) jalan yang terlampau *jem* ialah Jalan Kubang Semang. Itulah satu-satunya sebab nak lalu ke BM pun jalan itu tak boleh lalu, nak lalu ke Kubang Semang ikut ke *Highway* BKE pun *jem* jadi terperangkap penduduk tak boleh pergi ke mana, tengah-tengah.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih. Sebab itu saya kata ada banyak desakan, ada banyak permintaan. Sini mahu, sana mahu, jadi kita kena pilih mana-mana. Jalan Kubang Semang kita pun sedar. Jalan Kubang Semang dahulu punya *two way traffic*, Pekan Jalan Kubang Semang dahulunya *two way traffic*. Lepas berbincang dengan Dato' Mansor sebagai bekas ADUN Penanti kita buat jalan itu *one way straight*, jadi rakyat terpaksa jalan dengan jajaran yang lebih jauh kerana *one way traffic*..

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya bukan maksudkan jalan yang di Pekan Penanti itu, saya maksudkan *the main road*. Jalan Tanah Liat ke Kubang Semang untuk keluar ke *Highway* BKE sebab jalan ke, ia macam ini. Ia *the main link road* nak keluar ke BM pun tak boleh keluar, nak keluar, nak keluar ke Kubang Semang pun tak boleh nak keluar. Penduduk terperangkap, tak boleh nak keluar. Itu yang saya maksudkan agensi.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Bagan Jermal, saya rasa kalau isu tumpuan satu tempat, dia rasa boleh bincang lain kali. Saya rasa ada banyak lagi masa kita dengarlah tolong beri tumpuan kepada yang lain.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya pun cuba melayan, saya pun cuba nanti kalau saya tak beri peluang kepada Penanti nanti lagi suasana serupa demikian akan berlaku. Saya pun tak mahu, jadi saya tadi pun bercakap dengan YB. Penanti kita berbincang semua sekali. Juga berkaitan dengan soalan tambahan yang dibangkitkan oleh YB. Penanti mengenai cadangan agar Kerajaan Negeri melaksanakan beberapa perkara untuk mengurangkan kelajuan kenderaan di Jalan Sungai Lembu, Bukit Mertajam jadi tengok masalah banyak di

kawasan Penanti, tapi kita cuba. Untuk makluman Yang Berhormat, bidang kuasa Kerajaan Negeri adalah menyediakan infrastruktur jalan raya yang selesa termasuk penyediaan perabut-perabut jalan yang sewajarnya mengikut spesifikasi sesuatu kategori jalan dan mengikut keperluan *road safety audit*. Setakat ini JKR Seberang Perai Tengah telah memasang lampu isyarat amaran, *amber light* di Jalan Sungai lembu. Nanti, saya habiskan dulu. Dan *transverse bar* untuk memberi peringatan kepada pemandu memperlambatkan kelajuan kenderaan di Jalan Sungai Lembu. Walau bagaimanapun tindakan penguatkuasa ke atas pemandu-pemandu kenderaan yang tidak mengikut peraturan-peraturan jalan raya termasuk memandu lebih had laju yang ditetapkan adalah di luar bidang kuasa pihak JKR dan Kerajaan Negeri. Sila.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya bukan minta JKR untuk jaga lalu lintas, bukan. Saya just nak beritahu dari segi *road design* itu, *design* itu sebab itulah satu-satunya laluan untuk masuk ke kampung Sungai Lembu. Sebab itu saya mohon dekat JKR kalau boleh buat trafik. Tetapi mereka tak benarkan untuk buat *traffic light*.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya faham YB. Penanti, daripada Mengkuang, Jalan Mengkuang bila kita nak pergi menuju ke Jalan Sungai Lembu, ia sebelah kanan bukit, ia sebelah kiri *valley*. Jadi apa yang ada itu cuma itu begitu sahaja, apa yang ada itu macam Tanjung Bunga. Sebelah sini bukit, sebelah sini laut masuk curam ke laut jadi tak ada tempat untuk melebarkan. Kalau...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Letak *traffic light* saja..

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Nanti-nanti jadi ada satu masa cerun itu runtuh, cerun runtuh dan JKR pun dengan segera membuat itu tembok penahan, *retaining wall* sepanjang Jalan Sungai Lembu itu. Jadi kita buatlah apa yang boleh. Tapi kalau nak buat itu *traffic light* kat mana, kena beritahu kita. Sebab apa yang saya tau dari Mengkuang pergi ke Sungai Lembu selain daripada masuk ke perkampungan Sungai Lembu itu semua tiada apa-apa cuma ladang-ladang ada, reban-reban ayam ada jadi kenalah spesifik di mana kita nak pasang itu *traffic light*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya dah bangkitkan perkara ini dah banyak kali tapi dari segi polisinya, saya memang berterima kasih pada JKR, saya bukan *complaint* pasal JKR saya hanya nak cakap yang polisi JKR sekarang ini Jalan Negeri tak boleh letak *traffic light*. Tapi itulah satu-satu jalan untuk orang pergi ke sekolah dan masuk ke kampung memang tak ada *choice*. Saya hanya minta *traffic light* tapi, dari segi polisi memang JKR kata dia tak boleh letak *traffic light*. Saya hanya sebut boleh tak Jawatankuasa Keselamatan di bawah Bagan Jermal dan Padang Kota memikirkan, sebab ini satu benda polisi jadi bagai polisi saya harap boleh dilonggarkan sedikit untuk kes ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato Speaker, peraturan, peraturan, peraturan. YB. Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian YB. Dato' Speaker dan mohon Timbalan Dato' Speaker membuat satu *rolling* seperti yang telah disarankan oleh Pulau Betong. Kalau masalah Kawasan Penanti dan Machang Bubuk sahaja dibincangkan, kita boleh duduk di sini. Berapit dibincangkan kita boleh berada di sini sampai larut malam pun tak boleh selesai. Jadi perkara ini, kita sepatutnya bincang hal-hal ini di bersama-sama dengan EXCO pergi ke pejabat beliau dan boleh menyelesaikan banyak masalah saya telah selesaikan. YB. telah bantu saya, jadi kalau kita teruskan membincang tiap-tiap kawasan, banyak jalan berlubang di kawasan saya. Kalau saya bermula sekarang, memang tak boleh selesai jadi saya minta YB. Dato' Speaker buat *rolling*, saya sokong permintaan Pulau Betong supaya kita teruskan dengan isu-isu lain dan berikan EXCO-EXCO lain untuk mula penggulangan. Saya rasa YB. Hock Seng pun YB. Bagan Jermal telah bersabar untuk memberi penjelasan tentang hal ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Bagan Jermal, okey memang saya..(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jawi nak cakap sama seperti....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Oh *no* saya nak ceritakan sedikit untuk mengenai jalan memang di kawasan KADUN Jawi banyak kampung yang ada masalah. Tapi, kita setiap tahun kita dapat selesaikan sedikit sebanyak daripada peruntukan daripada D.O. sama ADUN sama ada daripada D.O. ataupun peruntukan daripada Kerajaan Negeri ataupun JKR. Seperti kawasan Bayram, Kai Dunia, Victoria, Perkampungan Jawi, Changkat banyak memang kampung. Tapi yang penting saya nak sebagai ADUN kita kena melakukan bahawa tanggungjawab kita melaporkan apa yang kita kena jalankan tugas seperti ada sebarang aduan ataupun jalan yang rosak yang kena baiki, kita kena laporkan kepada pihak tertentu sama ada ini jalan dijaga ataupun diselenggara. Okey, Pejabat Daerah sama ada di segera, JKR ataupun MPSP so, di sini saya mintalah kita semua ADUN saya percaya di sini semua ada masalah-masalah tempatan, so kalau boleh kita terus rujuk kepada jabatan-jabatan berkenaan ataupun EXCO-EXCO berkenaan ataupun Pejabat Daerah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan Bagan Jermal.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, jadi YB. Penanti nanti kita jumpa satu hari selepas Dewan bersidang. Selepas ini satu hari kita berbincang dengan panjang lebar apa-apa permintaan. Dato' Yang di-Pertua, hal yang berkaitan dengan soalan tambahan Berapit lagi iaitu melalui JKR untuk turun padang melihat keadaan jalan raya di kawasan Berapit yang banyak menyebabkan kemalangan maut. Sebagai makluman Yang

Berhormat, pihak JKR sememangnya telah melaksanakan projek-projek penyenggaraan jalan secara berkala berdasarkan kepada peruntukan yang sedia ada di kawasan Berapit. Namun berdasarkan kajian, penyebab utama berlakunya kemalangan jalan raya ialah sikap pemandu itu sendiri yang tidak mematuhi peraturan jalan raya yang ditetapkan. Selain itu, keadaan kenderaan yang tidak disenggara dengan baik turut menjadi penyebab utama kemalangan selain daripada faktor cuaca.

Walau bagaimanapun, lawatan tapak oleh kerana YB. Berapit ada minta kami turun padang untuk menyaksi dengan mata sendiri keadaan jalan yang dikatakan seringkali berlaku kemalangan maut di peringkat jalan itu, maka pada 11 haribulan November tahun ini satu lawatan bersama-sama dengan YB. Berapit dan juga pemimpin-pemimpin tempatan dan juga JKR, MBPP dan juga satu *team* yang mengkaji lalu lintas daripada USM turut kami pergi ke tapak itu untuk tengok tempat-tempat itu. Kita selepas meninjau tempat itu telah dipersetujui supaya pihak JKR mengecat garisan, *transverse bar* sedia ada kepada ketebalan 10 mm sepanjang seperti di Tol Jelapang buat masa ini *transverse bar* ada, beliau kata *transverse bar* ini sangat nipis, orang tak perhati. Jadi kita buat lagi tebal kasi dia *bop, bop, bop, bop*, boleh jalan macam itu. Tapi pengalaman saya kalau kita bawa satu kereta di atas *transverse bar*, kalau dia bunyi *bop, bop, bop, bop*. Kita tak rasa apa. Kita lagi bawa lagi laju sikit dia lagi elok didengar, *bop, bop, bop, bop* jadi *transverse bar* ini sama ada dia boleh mengurangkan laju kereta itu saya tak pastilah. Okey itu nombor satu, kita yang minta kita bersetuju, baik *you* kata itu nipis sangat nak yang tebal sikit punya, baik kita bagi yang tebal sikit. Cadangan penurunan had laju jalan tersebut dan diwartakan bagi tujuan penguatkuasaan sedang dikaji dengan kesesuaiannya. Beliau berkata jalan itu 45kmj sudah cukup, jalan raya, jalan utama kalau jalan semua orang jalan 45, 50 saya ingat akan *que* panjanglah. *That's why* JKR kata kita kena kajilah. Bukan kata *you* kata 45 *means* kita bagi 45, selalunya Jalan Negeri had lajunya adalah 70.

Dan ketiga mengkaji kesesuaian membina bonggol pada persimpangan yang diperlukan. Mula-mula beliau meminta kita membuat bonggol di atas jalan raya. *Main road*, Jalan Utama buat bonggol, okeylah kepada orang tempatan. Tak apa sebab beliau sudah hari-hari jalan itu berapa kali, dia tahu sana ada bonggol dia boleh *slow*. Kalau orang luar, masuk-masuk sana dia nampak bonggol atau tengah malam dia tak nampak, keretanya akan lompat. Kalau tak lompat, dia tekan *brake*. Bila dia tekan *brake*, belakang punya akan hentam dia. Jadi ini bukan satu langkah yang baiklah, kalau nak bina bonggol di atas jalan raya utama.

Cadangan memasang perabut jalan seperti papan tanda, halangan pusing U dan laluan pusing U pada ROB mengikut kesesuaian kawasan, kita sudah tengok apa yang boleh buat kita buat. Apa yang kita perlu kaji, kita kaji dulu. Itu apa yang kita buatlah. Hal yang sama dibangkitkan Pulau Betong. Pulau Betong juga tanya berkenaan tentang lubang jalan. Beliau mengatakan kaedah *patching* menyebabkan jalan tidak sama rata, menimbul runggaran di kalangan pengguna motosikal. Kaedah penyelenggaraan jalan secara *patching* digunakan dengan luas di negara kita oleh JKR bagi tujuan menampung jalan-jalan yang berlubang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pejabat JKR Daerah Barat Daya sentiasa memastikan supaya jalan-jalan yang di *patching* itu adalah mengikut spesifikasi dan piawaian yang ketat. Penyelenggaraan lubang jalan tersebut ada di sepanjang jalan Pekan Balik Pulau ke persimpangan Taman Air Putih. Ianya merupakan kerja korekan daripada TNB. TNB yang korek jalan itu, selalu masalahnya PBA korek, TNB korek, Telekom korek, IWK korek, bagi menanam kabel. Kerja

penampalan lubang tersebut akan terus dilaksanakan oleh pihak kontraktor dilantik TNB, pihak JKR telah mensyaratkan supaya jalan tersebut perlu diperbaharu muka sepenuhnya setelah kerja-kerja penamatan kabel elektrik tersebut selesai. Pemantauan oleh pihak JKR akan diteruskan untuk memastikan korekan ditampal dengan sempurna dan diikuti dengan kerja membaharu muka kelak. Okey.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Bagan Jermal, apa yang saya mahukan apabila ada tampalan ia jangan jadikan *a very small diameter, small area*, sebab itu bahaya, tapi kalau dia lebar tidak apa. Yang keduanya, kalau tampal ini seharusnya ada *signboard, warning*. Ini yang saya minta supaya diberi *warning* sebab ramai yang *excident*.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih Yang Berhormat daripada Pulau Betong, memang saya bersetuju. Kadang-kadang pihak khasnya PBA, ini Mr. Chong ada di sini, mereka korek, kalau ada *submit* bocor meter, mereka korek-korek pasang balik lepas itu dia pakai *ready made*, punya bukan bawah, panas-panas dari tilam punya, dalam beg punya simen. Dia tampal-tampal, dia pakai cangkul itu macam sahaja, selalu saya tegur kepada PBA jangan buat macam ini, apa alasan mereka, mereka kata sekarang geng kita cuma datang sambungkan meter buat *patching* sementara sahaja dan kemudiannya kita akan panggil kontraktor jalan untuk datang untuk buat lebih besar dan ditampung dengan lebih elok tetapi memang kalau nak berlaku *excident*, malam itu juga kena *excident*, jadi tidak boleh tunggu Mr. Chong, tidak boleh tunggu ya. Arahan perlu diberi, bukan sahaja kepada PBA, TNB, Telekom, IWK, semua perlu ikut syarat yang ditentukan oleh MBPP, MPSP atau JKR, jangan melengahkan penyelenggaraan jalan itu.

YB. Dato Speaker, izinkan saya menjawab soalan tambahan YB. Pulau Tikus mengenai jenis usaha mengenai had laju di Mount Erskine. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, projek pelebaran jalan Mount Erskine daripada 2 lorong kepada 4 lorong sedang dirancang oleh MBPP dan saya ingin memaklumkan kepada YB. Pulau Tikus di mana Jalan Mount Erskine di depan Sekolah Min Hua hendak masuk ke Jalan Burma, itu bukan jalan, ia akan *under pass* ya, ia akan macam Udini, sekarang reka bentuk sedang diperincikan dan tender terbuka untuk menaiktaraf Jalan Mount Erskine dari 2 lorong ke 4 lorong termasuk *under pass* untuk masuk ke Jalan Burma akan dibina pada awal tahun depan, ya, *early next year*.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih Yang Berhormat, namun pelebaran jalan saya rasa akan meningkatkan lagi risiko kemalangan bagi motosikal, bagi pejalan kaki. So, apa yang saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah keselamatan kepada pejalan kaki melintas jalan di hadapan pasar dan juga motosikal yang kena berhenti di tengah jalan untuk pusing ke kanan. So, saya harap keselamatan dan reka bentuk akan diambil kira. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Secara butirannya saya tidak mahu bincang sebab YB. Pulau Betong mengatakan kalau ada apa-apa kita bincang tetapi dengan adanya 4 lorong, segala-gala perabot-perabot jalan seperti midein iaitu *divider* orang kata *divider* la tetapi sepatutnya *technical term* dari JKR adalah midein di jalan mesti ada, pejalan kaki pasti ada. Kalau jalan itu sudah jadi 4 lorong, kalau masih ada perlu untuk melintas jalan oleh pejalan kaki, maka kita akan pasang lampu isyarat pejalan kaki. *All this will be taken into account, dont worry okay.*

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Pada pengetahuan saya yang *under pass* itu adalah berdekatan dengan persimpangan di Jalan Bangkok Lane, namun risiko keselamatan bermula daripada kawasan puncak Erskine, so kerana saya rekabentuk yang baru ini tidak merangkumi kawasan *pepper* Erskine dan puncak Erskine. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Mungkin kita teliti balikkah ya, sampai mana, dari mana, sampai mana, kita detail balik ya. Untuk jangka masa pendek, had laju kenderaan di tempat ini adalah 65 kilometer satu jam, *65 minutes we make it to 65*, untuk mengurangkan kadar kelajuan kenderaan tersebut, MBPP telah memasang papan tanda had laju kenderaan di beberapa lokasi di kedua-dua belah jalan di dalam kawasan ini dan tindakan juga telah diambil untuk mengadakan jejalur lintang kuning iaitu *transverse bar*. Waktu ini tadi saya cakap had laju lah, *transfer pass* lah, di simpang-simpang tertentu sepanjang jalan Jalan Mount Erskine untuk memberi amaran kepada pemandu untuk mengurangkan kelajuan kenderaan.

YB. di-Pertua Dewan Undangan Negeri, memandangkan ada ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat membangkitkan nahas jalan, kemalangan atas jalan, mungkin saya perlu meminta izin daripada Yang Berhormat untuk saya menghuraikan sedikit sebanyak mengenai kemalangan jalan raya. YB. Yang di-Petua Dewan Undangan Negeri, memang kemalangan jalan raya yang mengorbankan nyawa atau kecederaan kepada pengguna jalan raya adalah satu perkara yang sangat menyedihkan dan perlu diberi perhatian yang serius. Mengikut laporan di peringkat global, di peringkat global setiap tahun dianggarkan seramai 1.24 juta orang kehilangan nyawa, *1.24 million life lost every year*, 20 hingga 50 juta orang lagi mengalami kecederaan pelbagai tahap akibat kemalangan jalan raya. Di Malaysia dalam 10 tahun ini, iaitu dari 2005 hingga 2014, seramai 66,286 orang telah terkorban akibat kemalangan jalan raya. Jumlah kerugian kepada negara akibat kematian ini dianggarkan sebanyak RM79 billion, Yang Berhormat. Daripada angka 66,286 nyawa terkorban, 339,754 orang adalah penunggang dan pembonceng motosikal iaitu 59 peratus kematian adalah penunggang dan pembonceng motosikal. Punca kematian bagi golongan ini adalah kecederaan serius, di bahagian kepala. Jadi *motorcycle is a very high risk, traffic on the road* lah.

Pada tahun 2014 sahaja, bilangan kematian nahas jalan raya di Malaysia, ini adalah di Malaysia ya, adalah seramai 6,915 orang, *in one year*, satu tahun, 6,915 ya telah terkorban. Anggaran kos kepada negara adalah RM8.3 billion. Ini bermakna secara purata setiap hari dianggarkan seramai 18 hingga 19 orang terkorban akibat kemalangan

di jalan raya, satu hari Malaysia 18 hingga 19 orang mati di atas jalan. Golongan remaja berumur 16 sehingga 29 tahun mencatatkan kadar kematian akibat kemalangan yang paling tinggi, ini di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang statistik kemalangan jalan raya bagi tahun 2014 adalah sebanyak 38,747 kes, 38,747 case, dengan jumlah kematian sebanyak 378. 378 kematian di atas jalan raya. Pada tahun 2013, jumlah kes kemalangan adalah 39,361, 39,361 ya dan kematian 381, ini menunjukkan ada penurunan bilangan kes kemalangan dan kematian pada tahun 2014 berbanding dengan 2013. Untuk tahun ini 2015, setakat 15 November 2015 ini bilangan kematian di atas jalan raya adalah 274. Kita berharaplah jangan lagi ada apa-apa kemalangan maut di atas jalan untuk tahun ini, kita harap kita doa supaya kita ada satu penurunan kadar kematian yang begitu ketara untuk tahun ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta penjelasan Yang Berhormat, sikit. Terima kasih Yang Berhormat di atas statistik yang diberikan. Saya ingin tanya berkenaan dengan kejadian atau pun kemalangan di kawasan saya iaitu di Jalan Udini. Saya berterima kasih kerana jalan itu telah dilebarkan dan juga simpang-simpang lampu lintas juga telah pun dialihkan di mana ia membenarkan kenderaan berjalan dengan lancar. Tadi harus dibawa kepada perhatian Yang Berhormat bahawa kemalangan di Jalan Udini iaitu di Terowong menghala ke Jambatan Pulau Pinang makin hari makin meningkat terutamanya ia digunakan secara tidak sah oleh penunggang-penunggang motosikal. Memang terdapat larangan terhadap penunggang-penunggang motosikal menggunakan terowong itu di mana mereka menurut kaedah dan arahan yang diberikan sepatutnya menggunakan pusingan Udini dan menghala ke Jambatan Pulau Pinang tetapi semakin hari kita lihat bila datang dari Jambatan Pulau Pinang menuju ke George Town atau pun daripada Jalan Masjid Negeri menuju ke Green Lane menuju ke Jambatan Pulau Pinang, mereka seringkali masuk di bawah terowong dan di situlah kebanyakan kemalangan banyak berlaku. Persoalan saya, adakah apa-apa kaedah yang akan diamalkan atau pun papan tanda yang akan diletakkan supaya menjadikannya ia lebih jelas lagi bahawa terowong itu sepatutnya tidak boleh digunakan oleh penunggang motosikal kerana daripada statistik yang diberikan tadi, banyak mangsa kemalangan adalah penunggang motosikal dan pembonceng. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

YB. Seri Delima, perkara ini memang di dalam perhatian MBPP, jalan ini dikawal selia oleh MBPP dan saya nampak ini salah bukan setakat satu (1) papan tanda sahaja di mana motosikal tidak boleh memasuki, banyak dari mula-mula sebelum dia masuk ke terowong atau *under pass* itu sudah ada berapa banyak tetapi ini sikap penunggang motosikal yang tadi saya kata *59% out of the road victim* adalah golongan yang tidak mahu mematuhi peraturan jalan raya. Kalau mereka sendiri tidak mahu jaga, apa kita boleh buat, kita cuma asuh mereka, bagi pendidikan kepada mereka tetapi cara mereka memandu di atas jalan raya lagi menakutkan. Namun begitu Kerajaan Negeri tidak akan leka dalam usaha mendidik dan mengasuh pengguna-pengguna jalan raya supaya berhati-hati dan berhemah apabila berada di atas jalan raya.

Pada 15 november baru-baru ini iaitu pada hari Ahad yang lepas, seluruh dunia telah mengadakan hari memperingati mangsa kemalangan jalan raya sedunia, *the world day of remembrance for road traffic victim*, tengok sehingga Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengadakan 1 hari untuk memperingati nyawa-nyawa yang terkorban di atas jalan raya ini. Di Pulau Pinang kita pun turut mengadakan acara ini secara serentak di semua negeri-negeri di Malaysia. Tahun ini temanya ialah "Say No To Road Crime" atau dalam bahasa kita, dalam sepanduk kita, dalam acara itu kita ada kata "Katakan Tidak Kepada Salah Laku Di Jalan Raya". Jadi ini kita mementingkan bukan kerana keadaan jalan atau jalan yang penyebab utama atau punca utama kepada kemalangan tetapi adalah sikap pemandu itu sendiri ya. Tema ini merupakan satu (1) mesej jelas kepada kita semua yang menggunakan jalan raya, sikap dan pemikiran yang tidak stabil, gelojoh, tidak bertimbang rasa kepada sesama pengguna jalan raya yang lain dan terburu-buru tanpa mematuhi had laju boleh membawa musibah dan kecelakaan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, selain daripada itu Kerajaan Negeri turut melancarkan pelan strategik keselamatan jalan raya Negeri Pulau Pinang 2014 sehingga 2020 pada 5 Jun 2015 ini dan Pulau Pinang telah menjadi negeri pertama di Malaysia yang mempunyai pelan strategik keselamatan jalan raya. Dengan terhasilnya pelan strategik tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mensasarkan penurunan kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya sebanyak 10% bagi setiap tahun. Sasaran penurunan sebanyak 10% ini akan tercapai sekira setiap warga Pulau Pinang membudayakan cara pemanduan dan penggunaan yang selamat selain sentiasa mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat, terima kasih. Cuma saya cuba mencari maklumat pengangkutan *transport* ini melalui laman Penang Council tetapi saya rasa ia tidak update, *and it was December 2014*, lama dah. Jadi kalau perkara ini mustahak kenapa tidak *diupdate* dengan selalu, *Facebook Penang*.

#### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya akan memberi pesanan ini kepada sahabat saya dari Padang Kota sebab beliau mungkin ada orang yang bertanggungjawab untuk perkara ini dan apa yang saya pentingkan daripada JKJR Jawatankuasa Keselamatan jalan raya dan MKJR Majlis Keselamatan Jalan Raya, di bawah pimpinan saya, izinkan saya menjawab soalan tambahan YB. Pulau Tikus iaitu sudah siap ...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta laluan satu perkara pasal yang motosikal dan sebagainya. Saya ada mengemukakan usul dalam tetapi telah ditolak, jadi saya ingin menukarnya usul ini menjadi satu cadangan. Disebabkan orang yang membawa motosikal kebanyakannya adalah anak-anak muda dan di kawasan yang tidak ada pengangkutan awam di kampung-kampung seperti di Penanti memang tidak ada pengangkutan awam tetapi mereka pergi ke sekolah dan anak-anak muda dan apabila saya bertemu dengan mereka, untuk bajet dialog ini saya ada buat pengiraan pengundian apa anak muda kita mahu. Dua (2) perkara yang mereka minta, satu (1) ialah bolehkan dicadangkan agar Kerajaan Negeri membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk memberi kupon



bayaran lesen motosikal supaya mereka dapat memiliki lesen motosikal yang sah sebab dianggarkan dari pelan keselamatan jalan raya yang 43% penunggang motosikal berusia 25 tahun di kawasan pendalaman tidak memiliki lesen. Harga lesen sekarang ini *around* RM300.00 lebih, jadi bagi anak-anak muda di kampung ini terlampau, agak mahal dan tidak mampu. Lagi satu, bila saya buat program bersama dengan 1000 mat-mat motor baru ini saya dapati yang sebelum saya bawa, tiga (3) jaguh-jaguh motor...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya rasa Yang Berhormat telah cakap dalam...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Tidak, saya nak cakap satu (1) benda sahaja ialah *helmet* yang dia pakai itu, *helmet* yang dia pakai itu tidak mengikut standard, dia juga tidak mampu untuk beli *helmet*. So, saya nak mencadangkan JKJR atau pun Kerajaan Negeri membantu golongan yang kurang kemampuan, anak-anak muda supaya mereka mampu memakai *helmet* yang selamat.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingat yang mengenai fee untuk peperiksaan untuk mendapat lesen RM300.00 itu di bawah bidang kuasa JPJ atau Kerajaan Pusat. Saya seringkali baca dalam surat khabar bahawa pada satu-satu masa yang tertentu, satu-satu masa yang tertentu Kerajaan Pusat melalui JPJ ada memberi keistimewaan kepada anak muda ini untuk mendapat lesen motosikal, jadi tolong perhatikan kepada tempoh atau masa yang diberi mengguna peluang ini dengan baik untuk memohon lesen motosikal ya dan mengenai itu *helmet* memang kita tidak menggalakkan *helmet* yang *half shet*, kita menggalakkan mereka-mereka yang memakai *helmet* yang piawai SIRIM untuk melindungi nyawa mereka.

YB. Yang di-Pertua, YB. Sungai Acheh ada membangkitkan mengenai status proses pengambilan balik tanah di Tanjung Berembang dan mendakwa tiada bajet untuk projek tersebut dalam tahun ini atau tahun hadapan. Dalam menunaikan komitmen Kerajaan Negeri untuk memantapkan dan meningkatkan lagi pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas di bandar dan juga di luar bandar sebanyak RM32.7 juta telah disediakan pada tahun ini khususnya untuk enam (6) projek pembinaan dan menaiktaraf jalan dengan anggaran keseluruhan berjumlah RM86.3 juta sebagai sumbangan, sambungan pelaksanaan projek-projek ini Kerajaan Negeri menyediakan pula peruntukan RM26.11 juta pada tahun hadapan bagi meneruskan pelaksanaan enam (6) buah projek tersebut yang mana salah satunya adalah projek membina jambatan baru merentasi sungai di Tanjung Berembang, Daerah Seberang Perai Selatan. Dalam erti kata lain, Kerajaan Negeri masih menyediakan peruntukan untuk melaksanakan projek tersebut.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta agar sidang ditangguhkan kerana ada kebocoran dalam saya minta supaya, lepas itu YB. Bagan Jermal atau pun Yang Berhormat berkenaan mungkin ia boleh tangguhkan dan beri perhatian segera kerana saya berasa tidak selamat kerana air mula menitik.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Kalau boleh saya mengambil masa 15 minit lagi, sebelum pukul 6.30 petang, sekejap saja saya habiskan ya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tapi sungguh merisaukan lah dalam keadaan elektrik dan sebagainya. Kerisauan saya adalah kerana semua pembangkang duduk di sana, jadi saya pun prihatin.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini lagi lambat, 15 minit sudah jadi 16 minit. Sila teruskan Yang Berhormat Bagan Jermal

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

YB. Sungai Aceh, saya tidak mahu baca lah, saya boleh bercakap. Pengambilan tanah sedang dalam pewartaan daripada LA, *Legal Advisor*. *Landcomm* dan EXCO telah lulus pengambilan tanah dan PDC telah serah kepada PDC untuk bina jambatan ini. PDC sedang dalam peringkat melantik kontraktor sebab jajaran di atas sungai itu atas milik kerajaan, tidak perlu melalui tanah persendirian. Kita buat sahaja dahulu tetapi warta untuk pengambilan tanah di Victoria, Jalan Victoria, itu kita kena tunggu sedikit masa kerana pewartaan perlu dibuat dengan elok dan sempurna, kalau tiada nanti pemilik tanah seperti tadi saya kata *you* masuk tanahnya, akan sabit dengan .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tidak apa, beri laluan saya bercakap, peraturan..(gangguan)

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti jadi lambat, kita nak rehat.

Saya cuma nak mendapat maklumat berapa keluasan tanah terlibat untuk pengambil untuk tujuan tersebut dan berapa pemilik tanah yang terlibat

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Tiada butiran seperti ini tetapi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ada satu lagi saya nak tanya .

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Kalau Yang Berhormat mahu butiran pengambilan tanah itu, saya sedia membekalkan tiada masalah ya, ini *open*.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya minta sahaja, apa yang payah sangat.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Boleh, boleh, nanti saya cuba dapatkan butiran itu bagi Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Satu lagi YB. Timbalan Speaker, laluannya sebelah kawasan saya juga, adakah melalui jalan ban Sungai Udang menyambung jalan yang mahu dibuat itu atau pun masih melalui kawasan Tanjung Berembang.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Jalan untuk pergi ke jambatan ini, satu daripada yang titi besi basikal atau motosikal, itu kan, apa itu, yang selalu kita makan kari udang tau, dari sana satu (1) jalan masuk. Dari Sungai Udang yang kita buat skala itu boleh masuk, dua-dua tempat datang pergi ke depan Victoria, Jalan Victoria.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tidak terlibat pondok polis yang sedia ada di situ.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Pondok polis memang ada di tepi kedai makanan kari mee udang itu, dia ada di tepi itu, sama ada terlibat atau tidak saya belum pasti lagi

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Berapa buah rumah yang terlibat?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Kalau tidak salah saya di sebelah sini sahaja yang ada rumah, sebelah sana semua ladang, tanah kelapa sawit.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tanah sebelah saya.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Ya, ya, ya, saya ingat 6 ke 7 rumah sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Boleh tak Yang Berhormat saya dapat sikit maklumat.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Boleh, boleh, saya sudah janji nak bagi, boleh, nama pun ada, tuan tanah siapa-siapa ada, keluasan semua ada.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Okey. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya bagi, saya bagi, cuma perlu dipercepatkan. Balik Pulau, apa ni Pulau Betong lagi, untuk penyelenggaraan jalan persekutuan FP006 di DUN Pulau Betong dan seterusnya pihak Melati Wangsa menjalankan kerja-kerja mencuci parit sebanyak dua (2) kali satu (1) tahun untuk menjaga penyelenggaraan sistem perparitan, untuk jalan-jalan negeri pula JKR telah melaksanakan sebanyak lapan (8) kali kerja mencuci pada tahun 2014 dengan kos sebanyak RM242,893.00 dan tujuh (7) kerja pada tahun 2015 dengan kos sebanyak RM503,152.00. Justeru itu kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan sememangnya telah dijalankan oleh pihak JKR pada setiap tahun. Berkemungkinan kerja-kerja yang telah dilaksanakan setakat ini masih belum mencukupi. Sehubungan itu, pihak JKR akan merancang kerja-kerja pembersihan dan penyenggaraan parit dengan lebih menyeluruh supaya penyenggaraan dapat dibuat mengikut keutamaan.

Yang Berhormat dari Seri Delima telah membangkitkan soalan mengenai sistem *cashless* tol di Jambatan Pulau Pinang yang dikatakan tidak diterima baik oleh pengguna. Sebagai makluman, pelaksanaan kutipan tol secara *elektronik teckiting colection* – ETC beroperasi sepenuhnya di Jambatan Pulau Pinang dan juga di BKE telah pun bermula pada 9 September 2015 ini. Ini bermakna pengguna perlu menggunakan kad *touch n go* atau *smart tag* sahaja, objektif utama pelaksanaan sistem ETC ini adalah untuk mengurangkan kesesakan di plaza tol, mengurangkan masalah kekangan tanah untuk pembesaran plaza tol akibat daripada penambahan bilangan kenderaan dan juga menjimat bahan bakar kenderaan dengan mengurangkan tempoh menunggu untuk membuat bayaran secara tunai. Buat masa ini, jumlah purata kenderaan yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang adalah 81,789 buah kenderaan satu (1) hari. Sebelum pelaksanaan EPC secara menyeluruh sebanyak 70%, 70.1% daripada jumlah kenderaan telah pun mengguna EPC, manakala di BKE purata sebanyak 74,127 buah kenderaan sehari dengan menggunakan *touch n go* 65.35%. Untuk memudahkan pengguna, lorong tambah nilai telah dibuka dan beroperasi selama 24 jam bermula pada 9 September tahun ini, manakala lorong penjualan kad juga telah

beroperasi selama 24 jam mulai 1 Ogos 2015. Selain itu, kaunter khidmat pelanggan juga beroperasi bermula 7.00 pagi sehingga 10.00 malam di Jambatan Pulau Pinang dan juga di tol Kubang Semang. Sepanjang pelaksanaan sistem ETC ini Kerajaan Negeri mendapati bahawa kesesakan di plaza tol dan waktu-waktu puncak telah dapat dikurangkan. Ini adalah satu kebaikan, ianya bukan sahaja di BKE atau Jambatan Pulau Pinang, di seluruh negara Malaysia ada 12 tol telah melaksanakan ETC ini, dan ini bukan kita yang pertama kali menggunakannya. Tempat-tempat yang lain yang mula dengan ETC ini.

Mengenai soalan tambahan daripada YB. Pulau Tikus pula pula, Yang Berhormat dan juga Tanjong Bunga mengenai impak sosial projek jalan utama iaitu dan juga terowong, pihak Consortium BUCG, Zenith Sdn. Bhd. telah pun melaksanakan kajian kebolehsanaan iaitu *feasibility study* ke atas tiga (3) buah projek jalan-jalan utama dan terowong *link* ketiga Pulau Pinang yang merangkumi kajian pendapat orang awam secara individu, penduduk tempatan dan juga impak sosial. Objektif utama penilaian ini adalah untuk mengkaji ipmak ke atas penduduk yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pelaksanaan projek dan seterusnya menjalankan mekanisme kawalan untuk meminimumkan impak tersebut. Penilaian ini telah dijalankan pada bulan Januari 2014 hingga Februari 2014 dan bulan Jun 2015 sehingga September 2015 bagi projek terowong. Seramai 741 individu telah ditemuramah di kawasan Air Itam, Taman Tun Sardon, Taman Island Glades, Taman Kastam, Taman Green Lane, Persiaran Gurney, Jalan Perak, Bandaraya, Tanjung Bunga, Batu Feringghi dan Telok Bahang. Daripada temuramah tersebut, disimpulkan bahawa 63% dari responden bersetuju dengan pelaksanaan projek-projek tersebut. *63% agreeable to that project*. Selain itu, tumpuan dengan orang ramai juga telah diadakan..(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soon Huey):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Nanti saya habiskan ini dulu ya. Satu dewan orang ramai Kampung Melayu pada 23 Februari 2014, dua (2) dewan JKKK Taman Tun Sardon, 12 Januari 2014, tiga (3) dewan JKKK Telok Bahang 13 Januari 2014, dewan JKKK Kampung Melayu pada 11 Januari 2014, George Town City Hotel bersama JKKK Batu Feringghi pada 23 Februari 2014, Restoran Khaleel Persiaran Gurney pada 11 Ogos 2015, Bilik Mesyuarat Persatuan Pengguna Pulau Pinang iaitu CAP pada 28 Ogos 2015 dan juga balai raya Bagan Ajam pada 5 Ogos 2015. Sesi bertemuramah individu dan juga perjumpaan orang ramai ini telah pun disemak dan diperakukan oleh perunding bebas yang dilantik oleh Kerajaan Negeri sendiri dan diperakukan mengikut amalan profesional dan kehendak Jabatan Alam Sekitar iaitu JAS. Sila.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soon Huey):**

Maaf Yang Berhormat kata berapa orang telah pun ditemu duga, kerana macam tak padan dengan jawapan bertulis yang telah saya terima, tapi saya tak pasti saya dengar betul atau tidak, kena buat pengesahan. Saya juga memohon butiran yang digunakan oleh perunding bebas tersebut untuk *review*, untuk sama ada kajian ini adalah mencukupi. Apakah garis panduan, apakah *measurement* yang digunakan kerana seperti

yang telah saya jelaskan, saya rasa yang ditemu duga bukan adalah komuniti-komuniti tempatan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Yang Berhormat, itulah laporan yang kita dapat sebab pada masa itu kami sendiri pun tak ada di sana, kita dapat laporan oleh perunding bebas, yang digaji oleh Kerajaan sendiri, *not consultant from Zenith. Our own looking after our benefit.*

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soon Huey):**

Saya faham Yang Berhormat, dan memang saya rasa Kerajaan Negeri telah berusaha dan tetapi, mungkin oleh sebab itu saya nak tahu garis panduan yang telah digunakan oleh perunding bebas tersebut walau pun kami ada bayar perunding bebas, tapi apa yang digunakan oleh perunding tersebut untuk mengesahkan sama ada mencukupi. Di Dewan yang mulia ini saya ingin bangkitkan bahawa menurut data yang saya terima, saya rasa adalah tidak mencukupi dan saya telah membuat beberapa pertanyaan. Berkenaan dengan impak sosial, biasanya adalah *client* yang meletakkan *measurement* sama ada betapa teliti kajian impak sosial yang akan dibuat. Jadi saya nak tahu impak sosial itu apakah *brief*, apakah *job* yang telah diberi oleh pihak Kerajaan Negeri untuk perunding tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, lima (5) minit lagi.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya akan pendekkan, Yang Berhormat adalah antara seorang di bawah *Public Accounts Committee* (PAC) dan segala-segala perkara ini berkenaan dengan reka bentuk, berkenaan dengan laporan, berkenaan dengan bayaran, segala-galanya boleh dibincang di dalam PAC di mana Yang Berhormat adalah seorang ahlinya. Dan jadi saya meminta supaya Yang Berhormat kalau ada peluang nanti kita bincang balik berkenaan dengan perkara ini dan bagaimana *Standard Operating Procedure* (SOP) atau apa garis panduan mereka memandangkan desakan daripada Yang Berhormat pengerusi, saya mungkin tak ada masa untuk menjawab lebih lanjut lagi.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soon Huey):**

Yang Berhormat faham bahawa memang ada sedikit salah faham dengan PAC dengan laporan yang dibentangkan kepada Dewan ini tadi saya rasa telah pun dibangkit semalam.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Kepada soalan Bukit Tengah beliau menanya sama ada pembelian milik tanah kepada Zenith Consortium Sdn. Bhd boleh dilakukan. Ini memang ada termaktub dalam perjanjian di antara *Zenith* dengan kerajaan di mana boleh *the company can nominate*, boleh. Itu tidak ada pertikaikan, boleh dilakukan. Dan mengenai prunding bebas untuk *Environmental Impact Assessment* (EIA) tiga (3) projek ini tadi yang saya sudah kata,

dan cuma tiga (3) projek itu memerlukan EIA bukan *Detailed Enviromental Impact Assesment* (DEIA). Tapi terowong perlu ada DEIA. Jadi kita telah mengenal pasti lima (5) syarikat yang kerajaan hendak membuat tender kepada lima (5) syarikat yang terpilih ini untuk dilantik menjadi perunding bebas mengkaji EIA dan DEIA untuk projek ini dan kita telah mengenalpasti lima (5) syarikat dan tender akan dibuka dalam masa singkat untuk melantik antara satu (1) mereka itu untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan kiraan RM305 juta dan RM308 juta itu nanti saya bincang dengan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat ada mengikuti PAC *report* ini, dia ada di muka belakang dan semua ada tersenarai, ini secara terbuka untuk Yang Berhormat menyemaknya. YB. Penanti lagi ada 22 keluarga yang tak ada bekalan air, saya telah bincang dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA), mereka kata akan pegi ke tapak untuk meninjau apa masalah sebenarnya, sama ada tak ada *main pipe* atau *main pipe* ada di tepi jalan, tapi tak boleh masuk ke rumah-rumah. Sama ada tak boleh masuk ke rumah-rumah atas bantahan pemilk tanah atau ada apa-apa. Tapi walau bagaimanapun Mr. Chong ada di sini, dia adalah wakil *operation manager* dari PBA, beliau memang sedar berkenaan keadaan ini kita akan pergi meninjau tempat itu dan mencari penyelesaian untuk membekal air kepada 22 keluarga ini. YB.Pematang Berangan, beliau menanya mengenai sumbe air mentah. Esok pagi soalan ke-63, soalan lisan 63, soalan sama ditanya jadi saya bercadang untuk menjawab Permatang Berangan esok pagi soalan lisan 63 untuk mendapatkan jawapan seperti, bukan saya tak ada jawapan, saya ada di sini tapi jawapannya adalah serupa dengan apa yang esok pagi saya hendak jawab. Kalau saya jawab di isni, kerana kesuntukan masa, jadi esok saya jawab. Boleh, setuju? Ya, baik.

YB. Seri Delima menyoal berkenaan dengan *road tax* feri iaitu bukan *road tax*, lesen penumpang, *don't worry*, ada. YB. Seri delima membangkit mengenai *passenger certificate by the ferry* Pulau Angsa yang telah tamat pada tahun 2014, tapi ini tak betul. Seri delima sebagai makluman sebanyak enam (6) buah feri yang beroperasi ketika ini dan tairkh tamat bagi *passenger certificate* bagi feri tersebut adalah Pulau Payar 01 Disember 2015, Pulau Pinang 07 Julai 2016, Pulau Kapas 09 Ogos 2016, Pulau Angsa 10 Disember 2015, Pulau Talang-Talang 10 Mac 2016, dan feri Pulau Undan 05 Mac 2016. Untuk tujuan mendapatkan *passenger certificate* yang baru, feri Pulau Angsa akan masuk ke lembongan Bagan dalam untuk *annual checking* pada penghujung November ini untuk tujuan pemeriksaan. Jadi dia macam kereta juga, kalau kita nak membaharui *road tax*, *I mean commercial vehicle* perlu pergi ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) untuk periksa dan dah dapat *certificate* pergi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk membaharui lesen jalan, *road tax*. Feri juga, semua teratur. Dan itu *audit company* yang datang untuk *check* dan periksa ini feri adalah daripada Syarikat *Lloyd, something like that*. Jadi ini kita telah mendapat makuman yang sah daripada ini.

YB. Kebun Bunga, RM600 juta untuk rancangan Penang Airport. Memang Kerajaan Negeri telah memohon supaya Penang Airport di perbesarkan dengan jumlah RM600 juta. Tetapi buat masa ini belum ada apa-apa kelulusan dan mengenai ura-ura di mana kerajaan bercadang untuk membina *Northern Airport*, perkara ini masih dalam tinjauan *Economic Planning Unit* (EPU) dari Pejabat Perdana Menteri dan di mana buat masa ini EPU pun belum ada apa-apa ulasan lagi tetapi memandangkan *Penang Airport* ini telah mencapai kemampuan satu (1) sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Tak ada, habis ini, tajuk ini.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Minta laluan sikit, laluan. Ada nak tanya sikit soalan. Ini bukan ....(dengan izin) *ferry service* di Pulau Pinang. Saya ingin bertanya kepada Ahli Bagan Jermal, kenapa sistem feri ini yang melanda masalah kewangan, saya ingat hampur RM21 juta satu tahun tapi tidak ada satu formula untuk memperbaiki sistem feri atau pun untuk menilaikan sistem feri kepada Kerajaan Negeri yang entah. Tapi saya rasa masalah ini bukan syarikat yang menguruskan feri ini, tapi adalah mungkin Kerajaan Pusat, di bawah kawalan Kerajaan Pusat, so saya tanya kepada Ahli Bagan Jermal, apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk supaya kita mendapatkan perkhidmatan feri atas di mana kita boleh menguruskan sistem feri ini mungkin lebih efisien dan mungkin lebih efektif.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terpaksa menangguhkan Dewan ini pada petang ini dan kita akan sambung semula malam ini jam 7:45 malam.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.***

***Dewan disambung semula pada jam 7.45 malam.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan bersidang semula dalam sesi penggulungan, ingin saya memaklum kepada Dewan ini tentang satu kejadian kebocoran bumbung yang semasa persidangan petang tadi. Ingin saya maklumkan melalui siasatan awal Jabatan Kerja Raya (JKR), ini adalah disebabkan oleh angin kencang yang membawa hujan memasuki *ridge capping* dan mengalir ke lubang lampu dan seterusnya menitis turun. So saya minta maaf pada YB. Penaga dan Sungai Dua kerana kebetulan di tengah-tengah tempat itu, pihak JKR akan meneliti seterusnya mengambil tindakan mengatasi masalah ini. Dan saya ingin minta.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**



Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, terima kasih di atas penerangan yang diberikan. Memandangkan YB. Bagan Jermal masih sedang menggulung, untuk rekod saya yang nak bawa kepada perhatian Dewan ini tentang kebocoran tadi, pertamanya saya sedar bahawa bangunan ini adalah bangunan yang lama dibina masa Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Tapi masa Kerajaan British dan selepas itu diselenggara dan diselia oleh Barisan Nasional. Saya belum habis lagi...(gangguan), baru-baru ini saya percaya kita telah membelanjakan wang untuk mengubah suai bangunan ini, jadi amatlah sangat memalukan apabila persidangan sedang berlangsung untuk kebocoran ini berlaku, jadi saya minta YB. Bagan Jermal yang sungguh bekerja kuat yang sungguh prihatin kalau boleh memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku, kita tidak mahu .... (dengan izin) Dewan Undangan Negeri menjadi *laughing stock*. Jadi saya mintalah kalau perkara ini... (gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Bangunan baru.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ya, terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam, kalau boleh bangunan baru disiapkan dengan seberapa cepat yang boleh dan pada masa yang sama memastikan kebocoran ini tidak berlaku lagi. Itu adalah permintaan saya walaupun kita mengetahui, dimaklumkan bahawa semua ini mungkin disebabkan bangunan lama yang diselenggara oleh Barisan Nasional. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagan Jermal, boleh sambung.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, sebentar tadi sebelum Dewan ditangguh untuk makan malam, Yang Berhormat daripada Perai ada membangkitkan satu soalan tambahan iaitu sama ada Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengambil alih perkhidmatan feri demi untuk kepentingan penumpang-penumpang yang menggunakan feri ini.

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, sebenarnya perkhidmatan feri dalam menandatangani satu kerugian operasi sebanyak RM20 hingga RM22 juta setiap tahun tetapi operasi yang lain oleh *Penang Port Sdn. Bhd.* (PPSB) ada keuntungan seperti *piloting*, seperti kontena, seperti dermaga-dermaga yang lain-lain operasi ada keuntungan. Jadi puratanya masih ada keuntungan oleh PPSB. Kerajaan Negeri telah bercadang bukan kepada Kementerian Pengangkutan untuk mengambil alih perkhidmatan feri kerana feri adalah satu *icon* Pulau Pinang ini dan kita tak mahu perkhidmatan feri ini dimansuhkan dan bahkan kita ada keyakinan untuk membuat operasi perkhidmatan feri ini dan setakat ini Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan PPSB bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membekal akaun-akaun dan semua *list of* harta benda dan sebagainya untuk diteliti oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri masih dalam pertimbangan dan menganalisa akaun PPSB bekalkan iaitu belum ada satu keputusan

muktamad dan belum ada satu perundingan di antara kedua-dua pihak ini. Ini adalah satu jawapan kepada satu persoalan daripada YB. Perai ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan YB. Bagan Jermal. Saya nak menekankan di sini bahawa feri adalah *icon* Pulau Pinang dan ianya bukan milik Kerajaan Negeri, bukan milik Kerajaan Pusat. Ianya milik rakyat Pulau Pinang yang harus diselenggara dan di *maintain* dengan sebaik mungkin dan kita mahu ianya beroperasi. Jadi fikirkanlah antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang terbaik untuk rakyat Pulau Pinang kerana ini merupakan *icon* yang telah lama dan dekat di hati kita.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya bersetuju dan saya ada sebut bahawa feri adalah satu *icon* di Pulau Pinang ini dan kita tak boleh kehilangannya. Dan kita kedua-dua pihak akan berbincang dan meneruskan perkhidmatan feri bahkan terus menambah mutu perkhidmatan yang lebih tinggi dan lebih baik. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, cuma satu persoalan yang belum saya jawab iaitu mengenai *sky cab*. Projek kereta kabel atau *sky cab* ini adalah inisiatif pihak swasta iaitu *Malaysian Resources Corporation Berhad* (MRCB) Sdn. Bhd. dan ianya mendapat sokongan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek-projek ini, MRCB Sdn. Bhd. sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan iaitu *feasibility study* ke atas kajian ini. Dan setakat ini kajian ini telah siap 85% di samping itu pihak MRCB terpaksa menjalankan beberapa skop kajian tambahan termasuk simulasi, navigasi pergerakan dan perelokkan kapal untuk menentukan lokasi tiang *pylon* bagi jajaran *sky cab* ini. Sekiranya kajian kebolehlaksanaan berjalan lancar dan projek ini mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar bagi projek alam sekitar terperinci, iaitu *Detailed Enviromental Impact Assesment* (DEIA), dijangka bahawa projek ini dapat dimulakan pada bulan Disember 2016 iaitu akhir tahun depan dan siap dalam bulan Ogos 2018. Itu adalah *work schedule* atau maklumat kita. Maka dengan kata-kata begitu ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang prihatin.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Kalau *sky cab* juga dibinakan, feri juga dikekalkan, adakah mana satu yang menghadapi kerugian memandangkan pengangkutan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Kedua-dua *mode of transport* iaitu feri dan kita kena mempertahankan kewujudannya feri ni dan *sky cab* ini adalah inisiatif pihak swasta dan mereka masih menjalankan *feasibility study* tetapi kemungkinan besar ada keyakinan bahawa *sky cab* ini akan diteruskan dan masing-masing ada pelanggan yang berbeza. Katalah *sky cab* mungkin ia kelebihan kepada pelancongan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Buat masa ini segala kajian akan diambil kira untuk membuat satu keputusan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih. Saya cukup tertariklah dengan *sky cab* ini kerana melibatkan kawasan yang dekat dengan kawasan saya juga. Kita masih dalam keadaan tertanya-tanya tentang pembangunan terowong dan kemudian datang pula rancangan untuk membina *sky cab*. Saya nak tanya sebab saya masuk lambat tadi, saya terdengar di luar. Akan dilaksanakan oleh MRCB, berpangkalan di Penang Central, adakah ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri atau pun *proposal* daripada MRCB itu sendiri. Kerana yang sedang melaksanakan pembangunan ialah MRCB untuk *Penang Sentral* lepas tu datang pulak *proposal sky cab*. Bagaimana *proposal* ini dapat direalisasikan dengan pengkalan feri dan sebagainya di sini. Adakah ia akan lama kelamaan akan *face out ferry service* kerana sekarang pun dah kita melihat keadaan perkhidmatan feri dah makin berkurangan kalau belah malam lepas pukul 12 dah tak ada dan ini juga menghadkan pengangkutan antara Pulau dan Seberang dan dahulunya sudah ada rancangan untuk membuat *water taxi*, teksi air tapi tidak dilaksanakan. Adakah perancangan ini masih dalam *planning stage* atau pun dah dibatalkan? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Negeri seperti yang dikatakan oleh Pulau Betong, memang ini satu *icon* yang tidak boleh kita hilangkan. Dan Kerajaan Negeri bermati-mati akan mempertahankan perkhidmatan feri, justeru itu kami kata walaupun feri ini buat masa sekarang mengalami kerugian operasi, Kerajaan Negeri masih berhasrat untuk bertemu dengan PPSB di bawah Kementerian Pengangkutan untuk mengambil alih *ferry service* ini. Berkenaan dengan *sky cab*, *proposal* nya pada mulanya adalah daripada Kerajaan Negeri. Jadi kita meminta MRCB supaya datang berbincang, kalau sentral adalah satu hub pengangkutan, maka dengan *sky cab* ini, dia akan membawa satu reputasi yang lebih besar, lebih baik, lebih satu untuk Penang Central dan Penang Central ini adalah satu projek yang raksasa, bukan setakat *phase one*, *phase two*, *phase three* sahaja, mereka masih ada perancangan untuk menambahkan projek ini lagi. Jadi kalau *sky cab* boleh *in cooperate* untuk Penang Central, itu membawa satu matlamat di mana satu pengangkutan hub mengandungi kereta api, mengandungi bas ekspres, bas berhenti-berhenti, ada *railways*, ada *double track*, ada sampai sana, teksi, kenderaan persendirian dan juga sama-sama dengan *sky cab*. Dan di sebelah Pulau ini dia akan melintasi lautan ini dan sampai ke Pulau. Dan Pulau di sini buat masa sekarang kajian awalan adalah di Jelutong *site*. Jadi ini semua telah diambil kira dan kita boleh memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan mempertahankan kewujudan *ferry service* ini.

Mengenai *water taxi*, ini adalah antara satu syarat di mana Kerajaan Negeri menawar kepada, meminta kepada PPSB supaya serah perkhidmatan kepada kita dengan syarat beri kita 20 permit untuk operasi *water taxi* dan *water taxi* ini akan dibuat kajian di mana pengkalannya, mungkin daripada Bagan Ajam pergi ke Tanjung Bunga atau pergi ke Batu Ferringhi atau daripada sentral sini pergi ke Pulau Jerejak dan lepas itu Bayan Baru dan semua jajaran akan diambil kira. Bermakna *water taxi* adalah satu-satu kandungan dalam operasi feri di Pulau Pinang ini. Saya dengan itu menyokong bajet atau ucapan bajet oleh Yang Amat Berhormat dan sekiranya ada apa-apa soalan

yang saya tak sempat menjawab soalan dalam Dewan ini, pegawai saya sentiasa mengambil berat perkara-perkara yang telah dibangkit dan akan mengambil tindakan susulan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Sekian sahaja.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Bagan Jermal. Silakan Padang lalang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih kerana sempat untuk menggulung perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2016. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan komited dalam perbahasan ke atas ucapan Bajet Tahun 2016, khasnya mereka yang berkaitan dengan portfolio saya iaitu MMK Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti.

YB. Dato' Speaker, izinkan saya untuk mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pemain badminton perseorangan lelaki negara kita iaitu Dato' Lee Chong Wei dan pemain badminton perseorangan wanita negara kita Goh Jin Wei yang telah baru-baru ini memenangi Kejohanan Badminton Terbuka China dan Kejohanan Badminton Yonex BWF Remaja Dunia di LIMA baru-baru ini dan kedua-dua atlet ini adalah dari Pulau Pinang. Mereka berdua ini datang dari Berapit dan mereka, pelatih pertamanya adalah guru yang sama, sifu yang sama. Kita nak ucapkan terima kasih kepada sifu mereka juga kerana sudah melahirkan dua juara dunia badminton. Ini Goh Jin Wei sekarang umur 15 tahun. Dia ada potensi yang banyak sangat. Sebenarnya beliau telah dilihat bakatnya apabila beliau berada di darjah dua (2) dan selepas UPSR, beliau nak pergi ke Singapura kerana Singapura tawarkan. Tapi pada waktu itu, YB. Berapit sudah tahu. Jadi Yang Berhormat Berapit telah pergi jumpa ibu bapanya dan meyakinkan mereka jangan hantar anak ke Singapura dan barulah beliau sekarang mewakili Malaysia. Kita ada dua (2) orang pemain kita Pulau Pinang, tetapi mereka mewakili Singapura.

Majlis Sukan Pulau Pinang (MSN) menawarkan elaun bulanan kepada Goh Jin Wei RM1,000 bermula dari Januari 2013. Selain daripada kejayaan pemain badminton, satu (1) lagi kejayaan turut dicatatkan oleh anak jati Pulau Pinang pada November juga di Kejohanan Wushu Dunia ke-13 yang berlangsung di Jakarta, Indonesia. Ratu Wushu Pulau Pinang iaitu atlet Chan Lu Yi telah berjaya memenangi pingat emas di dalam acara Tai Chi Chuan menewaskan 904 peserta dari lebih 70 buah negara yang mengambil bahagian. Kejayaan ini menambah lagi merit kegemilangan kepada Negeri Pulau Pinang atas kejayaan dua (2) atlet. Kita ada dua atlet lagi yang memenangi juara dunia acara Snooker berpasangan antarabangsa pada Ogos di Karachi. Kedua ini ialah Encik Moh Keen Ho dan Encik Lim Kok Leong. Satu lagi berita baik ialah atlet terjun kita, iaitu dari Pulau Pinang juga, Yang Zhi Liang beliau berkecayaan ke Olimpik tahun hadapan. Jadi tahniah kepada mereka. Kerajaan Negeri Pulau Pinang merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada keenam-enam atlet Pulau Pinang ini yang telah berjaya mengibarkan bendera Jalur Gemilang di pentas sukan antarabangsa.

Yang di-Pertua, saya nak ucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khasnya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana pada ucapan bajet, ada beberapa projek untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan iaitu kompleks sukan moden bertaraf antarabangsa di persisiran pantai Queensbay. Ia akan mengadakan 1 *velodrome semi cover* kerana kita Pulau Pinang, *we still don't have*. Tak ada tempat nak latihan. Jadi, saya rasa ini masa yang tepat untuk membina *velodrome semi cover* dan bertaraf antarabangsa.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tentang *velodrome* YB. Padang Lalang, sebenarnya satu (1) Malaysia hanya ada 1 saja *velodrome* di Ipoh, dan di Ipoh tu pun tak digunakan pun sepenuhnya. Macam Stadium Batu Kawan kita. Jadi, kita perlu berhati-hati di dalam usaha ini memang kita perlu kemudahan sukan ini tetapi *velodrome* ini memakan belanja yang begitu besar dan untuk membina serta selepas itu pula akan memerlukan perbelanjaan yang besar untuk menyelenggara. Kita harap, sekurang-kurangnya Stadium Batu Kawan itu dapat di manfaatkan sepenuhnya sebelum *velodrome* pula naik. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Memang itu kita mesti berhati-hati juga, jangan ia jadi satu (1) *white elephant* lagi. Tapi saya rasa ada perlunya kerana Persatuan Berbasikal mereka memang latih sangat bersungguh-sungguh dan mereka minta sudah banyak tahun untuk mendapatkan *velodrome*. Saya harap kita semua akan cuba menggunakan dengan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang kita ada ini. Di dalam pusat yang sama, ada kolam renang bertaraf antarabangsa beserta *diving pool* kerana sekarang kita pun tak ada kemudahan *diving pool*, walaupun kita ada seorang *diver* yang berkelayakan beliau ke Olimpik. Jadi, ini juga menunjukkan bahawa sekiranya ibu bapa dan atlet bersungguh-sungguh dia nak mencapai taraf itu, dia boleh walau pun banyak kekurangan dari segi kemudahan.

Sebuah padang bola sepak di Persiaran Bayan Indah. Ini ialah kompleks sukan di Persisiran Pantai Queensbay. Kerajaan juga merancang membina kolam renang antarabangsa di Ampang Jajar dan di Seberang Perai Tengah, akan ada dua (2) kolam renang dan projek pembinaan laluan berbasikal *Green Road Sharing Concept* di bahagian pulau oleh MBPP sejumlah anggaran kosnya RM3.06 juta.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, bercakap tentang satu (1) lagi padang bola. Kita mengalu-alukan, kita berterima kasih dan seronok kerana FAP kita dah dapat ke Liga Super. Kita berharap pembangunan sukan remaja ini akan dapat dibangunkan dengan lebih teratur untuk menjana lebih banyak atlet untuk sukan bola sepak. Tetapi kita mendapat rungutan dan daripada *Match Commissioner*, Pesuruhjaya Pertandingan yang turun ke Pulau Pinang untuk mengauditkan padang-padang. Ini kita nak tambah satu (1) lagi tapi padang yang sedia ada tidak menepati spesifikasi dan piawaian. Contohnya, Padang MPSP, Padang Jalan Betik. Beberapa padang ini tidak sesuai untuk diadakan pertandingan peringkat nasional. Tak boleh nak dijalankan misalnya Piala Presiden, Piala Belia dan kalau kita lihat di negeri-negeri lain, piala-piala ini dijalankan di daerah-daerah untuk menjanakan minat dan pembangunan sukan di daerah-daerah itu tapi ini tidak

dapat dijalankan di Pulau Pinang kerana padang-padang kita ini tidak standard. Jadi, nak tambah lagi padang, okey. Tapi sekurang-kurangnya kena ambil berat tentang penyeliaan padang-padang yang sedia ada ini terutama di daerah-daerah untuk membolehkan ia membangunkan sukan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih. Saya pun hairan mengapa begitu banyak gelanggang dan padang yang tidak mengikut spesifikasi yang dibuat dulu la. Itulah saya pun hairan dan memang kami pun turun padang untuk membuat semakan untuk tahu yang mana satu (1) tidak mematuhi *compliance, not international standard compliance*. Umpamanya, kolam renang di Stadium Desa Damai itu, Jalan Betik itu pun tak boleh adakan pertandingan kerana ia tak *compliance*. Bukan sahaja *international*, tapi buat *competition* tak boleh buat. Jadi, kalau kita nak ubah suai sekali lagi, ia makan belanja yang banyak. Jadi, semasa kita fikir macam mana nak menaik taraf atau membaiki semua kemudahan-kemudahan ini, di tempat-tempat yang memerlukan, kita pun nak buat yang baru juga kerana umpamanya di Pantai Queensbay sana, ia memerlukan kemudahan seperti ini. Kita tak boleh tunggu untuk menaik taraf kemudahan di tempat lain barulah nak buat baru di tempat-tempat di mana dia tak ada.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sebenarnya kalau cerita tentang padang ini, kalau gelanggang tak cukup saiz memang susah lah untuk diperbaiki. Tapi padang yang sedia ada ini sudah cukup saiz. Tetapi kemudahan-kemudahan lain seperti ciri-ciri keselamatan, bilik persalinan, lampu limpahan, ini semua benda-benda yang boleh ditambah dan di *upgrade* tidak perlu tanah dan keluasan yang luas sebab dan sedia ada. Ini sedikit sahaja lagi untuk menambah baik dan menjadikan ia standard.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Padang Lalang, dalam Mesyuarat PAC, kita telah pun membuat beberapa audit teguran dan sebagainya. Laporan itu ada. Jadi kita berharap kepada pihak yang menyelenggara padang terutamanya memenuhi, mematuhi, dan melaksanakan dengan baik kerana bagi saya itu adalah nombor satu (1) kerugian kepada kita kerana tak jaga dengan elok. Saya minta teguran yang di buat, diambil perhatian oleh pihak yang berkaitan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih. Saya pun berpandangan begitu. Kalau tak boleh mengadakan pertandingan antarabangsa, itu kerugian. Tetapi untuk menaik taraf padang-padang kalau ia di bawah *local government*, jadi *local government* minta tolong ambil maklum. Sekiranya boleh, buat rancangan untuk menaik taraf.

Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat mereka minat dengan bola sepak. Ada beberapa yang tanya umpamanya Pengkalan Kota. Dia minta tahu sama ada kita ada berapa buah dan saya pagi ini beritahu ada 15. Saya tahu Pengkalan Kota memang kaki bola. Dia main bola juga. Saya alu-alukan beliau juga *watch*, dia memainkan peranan untuk memantau supaya sukan bola sepak ini lebih meningkat lagi

bukan sekarang sahaja. Jadi, saya beritahu bahawa di Pulau Pinang, di Peringkat Negeri Pulau Pinang, ada 15 iaitu Penang Kickers Football Academy, Akademi Bolasepak Bintang Biru ini sangat *famous*. Mutiara United Football Academy, Akademi Bolasepak Pauh Jaya, Tanjung Kids PAC Soccer Kids, Pantas Basic Touch Academy, Mutiara Junior Football Club, Akademi Bolasepak KR1M, CRC Football Akademi, Akademi Bolasepak Penang Panther, PKKRRPS Kampung Makam, Young Muslims Sport Club dan Kickers Football. Selain itu, sebanyak dua (2) buah Akademi Bolasepak Negeri Pulau Pinang turut dilaksanakan Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian. Sebagai sekolah sukan di Simpang Empat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Perahu manakala pemain di bawah umur 12 tahun Pusat Latihan Program Pembangunan Bolasepak Negara di Pulau Pinang adalah di Sekolah Kebangsaan Francis Light di Jalan Perak di Sekolah Kebangsaan Stowell di Bukit Mertajam. Jadi di antaranya Akademi Bolasepak Bintang Biru ini telah menghasikan banyak pemain yang handal.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan baru-baru ini saya diminta untuk merasmikan satu (1) Liga Bolasepak anjuran Panthers Club di Penang Free School. Saya tahu mereka tidak mendapat sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan saya tahu ini program baik di peringkat anak-anak lagi ada bawah 12 tahun ada yang lebih 15 tahun mungkin Padang Lalang boleh mendekati mereka dan memberi peruntukan-peruntukan dan memberi semangat kepada mereka.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Ya, memang saya rasa di peringkat kelab tak banyak boleh kita salurkan. Tetapi sekiranya boleh mereka mesti melalui Persatuan Bolasepak Negeri dan juga MSN. Ini ada sistemnya. Kalau melalui saya pun boleh.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Maksud saya Ahli Kawasan Padang Lalang boleh menamakan 15 pasukan ini, *you* tahu mereka bantulah mereka bukan sekadar mengumumkan tetapi tidak bantu saya dah tahu 15 pasukan dan bantulah mereka sedikit.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Mengikut kemampuan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Minta penjelasan. Terima kasih atas jawapan dan pengumuman yang telah dibuat YB. Padang Lalang. Dalam 15 akademi tersebut adakah Kerajaan Negeri tersebut adakah FAP membuat pemantauan berapa yang masih aktif dan adakah Kerajaan Negeri atau PBA atau PDC yang menjadi penaja utama bagi FAP ada terima sebarang laporan dari FAP macam mana mereka gunakan dana mereka. *Accounts, that means accounts* from FAP sebagai satu (1) penaja terutama untuk FAP dan ini merupakan duit rakyat juga so, adakah agensi-agensi tertentu dapat akaun daripada FAP macam mana FAP menggunakan duit tersebut? Adakah mereka salur kepada akademi berkenaan untuk menjayakan program MOU.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Setahu saya mereka pun memberikan melalui kalau ada permohonan untuk pertandingan sahaja. Dan bagaimana Penang Football Association mengendalikan akaunnya saya rasa dia ada ROS yang patut pantau. Ia memang tidak ada saya pun tahu. Hanya sekiranya dia memohon dan *case by case crisis*.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Beri laluan sedikit, terima kasih saya ada dua benda dengan disebutkan tentang bolasepak ada Persatuan Bolasepak Melayu Pulau Pinang baru direvise ROS dia dan sebenarnya dua, tiga tahun tidak *participate* ...(dengan izin) pertandingan di peringkat Malaysia, tadi pagi saya menghantar mereka melepaskan mereka Persatuan Bolasepak Melayu Pulau Pinang, Piala Emas Raja-Raja. Selama ini mungkin kita tidak dengar dan ini satu galakkan kepada sokongan bola sepak. Yang keduanya ialah saya juga dipanggil untuk merasmikan *under 8* dan *under 10* dan *under 12* di Padang Polo dan di sana mungkin ada sistem yang boleh melihat rakyat mereka hendak ada sistem *scouting them* memilih mereka menjadi empat (4) hingga lima (5) tahun akan datang menjadi pemain yang boleh dipilih kerana *is only their interests* minat mereka yang mereka boleh pupuk untuk menjayakan bola sepak ini. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Nanti saya jawab dulu. Saya mengambil kesempatan untuk menerangkan macam mana kita buat *scouting* kerana seharusnya di dalam sekolah mereka bermain dan MSSM yang sepatutnya menjadi tempat di mana mereka dikenal pasti. *All the young athletes* yang dikenal pasti. Sehingga mereka naik ke peringkat negeri dan untuk ke SUKMA baru MSN akan mengambil alih untuk latihan dan selepas mereka menjadi wakil negara jadi negara di pusat akan mengambil alih mereka untuk latihan. Jadi memang ada satu sistem mungkin kadang kala sistem ini tidak sempurna dan setiap sukan dia juga melalui sistem yang sama jadi MSN ataupun Kerajaan Negeri MSN tidak terlibat langsung dalam peringkat itu. Peringkat yang sangat di *primary* dan *secondary school*.

### **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Bolehkah saya meminta YB. Padang Lalang supaya mengarahkan FAP supaya membuat *review again on this 15 academy* kerana mana satu (1) masih aktif dan hidup jangan hanya tinggalkan nama sahaja langsung tidak aktif tadi senarai tersebut ada beberapa nama tidak begitu aktif. Lagi satu (1) ialah tadi YB. Padang Lalang ada menjelaskan bahawa *scouting is from MSSM* lepas itu naik ke FAP yang mereka buat dan lalui melalui FAP pilihan menghadiri semua hantar ke SUKMA. Bagi saya dapat *info* daripada sekolah-sekolah difahamkan bahawa tahun ini sudah lagi satu (1), dua (2) bulan sudah nak habis. MSPP masih tidak ada sebarang pertandingan bolasepak di antara sekolah diadakan. Masih belum menganjur sepatutnya dalam *beginning of the year*. Hari ini sudah *end of the year* masih belum ada so saya amat risau jika ada kita nak menghadapi SUKMA so macam mana pemain-pemain tersebut bakal boleh mewakili Pulau Pinang macam mana nak pilihan daripada *scouting* dari mana. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**



Saya akan ambil maklum dia memang ada satu sistem tetapi kadang-kadang sistem tak jalan. Kalau sistem tak jalan kita pun tak boleh buat apa pun kerana ini memang merupakan hal ehwal dalaman persatuan dan MSN dia hanya dia bagi bantuan kepada persatuan-persatuan dari segi pelatih. Dari segi *coach* dari segi elaun kepada atlet, kita bukan dia punya penaja susah kita nak beritahu atau nak arahkan apa nak buat. Ada aduan juga dalam pertandingan pilihan ada ibu bapa yang mengadu tak adil anaknya tidak dipilih semua ini ialah di peringkat persatuan.

Saya pun akan berbincang saya jumpa dengan Persatuan Bolasepak dan mungkin kita boleh *check* tengok mana kelab yang masih aktif yang mana tak aktif.

#### **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

*That is why* saya minta kerana Kerajaan Negeri atau PBA atau PDC agensi Kerajaan Negeri merupakan penaja terutama bagi FAP *so that is why I ask state government* boleh mengarah FAP untuk membuat siasatan mereka memang tak boleh kontrol persatuan yang lain. Persatuan FAP ini penaja yang datang dari Kerajaan Negeri. So kita boleh membuat permintaan sebegini kerana kita nak tahu itu penaja dana macam mana mereka guna. Saya berharap dana yang Kerajaan Negeri *sponsor* itu bukan hanya untuk buat pembayaran pemain-pemain yang *super league* sahaja *or premier league* sahaja akademi juga kena jaga. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya rasa PBA dan PDC ada di sini. Pegawainya saya harap boleh beri satu (1) laporan tengok macam mana kita boleh menambahbaik. YB. Telok Ayer Tawar menanyakan dengan ada pemain bola sepak ada yang diambil oleh negeri lain. Ini memang menjadi satu isu yang besar bukan Pulau Pinang sahaja tetapi negeri-negeri lain. Pemain-pemain ini adalah seperti satu komoditi yang siapa kaya siapa boleh beli. Ini memang saya pun rasa satu masalah yang besar. Ini tidak sama dengan *sports*, semangat *sports tapi* apa nak buat kerana ada pemimpin-pemimpin khasnya mereka yang *politician* mereka ada duit dan nak beli pemain. Tetapi ada juga yang kerana mereka dipilih di dalam negeri sendiri mereka cari peluang di dalam negeri yang lain.

Dalam keadaan ini saya rasa kita boleh *agree* kita boleh benarkan. Tetapi saya rasa kita perlu adakan satu persetujuan dengan Kementerian Belia dan Sukan supaya kita melantik dan melatih atlet diri sendiri jangan orang sudah latih atlet dan dia nak ambil. Saya harap kita boleh adakan satu polisi.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih YB. Padang Lalang dari segi bola sepak Pulau Pinang kita dah naik ke *Super* tahniah. Cuma masalahnya kita kehilangan pemain kita tinggal enam (6) *players* yang utama. Jadi kita kena lihat dan kaji balik punca pemain mungkin tawaran lebih tinggi, kita kena mungkin kena ada satu kaedah untuk kita kawal pemain kalau kata bayarannya tinggi kita boleh bincang dengan *players* kita kehilangan *players* setahun dah main. Takut pemain baru kita akan jatuh balik. Kita kena ada satu kaedah untuk pegang pemain kita macam Kelab Everton *create* orang sahaja. Kelab dia tak naik.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Kalau boleh saya rasa FAP dia pun mahu kekalkan semua dia punya Penang Football Association mahu kekalkan dia punya *player* tetapi sekarang harga sangat mahal. Kalau orang nak tawar yang lebih tinggi apa nak buat kita tak mampu bayar. Jadi ini saya rasa sistem mesti kaji di Pusat supaya saya tidak tahu sama ada ini sistem sekarang adakah sistem yang paling baik kita makan belanja yang begitu besar *football*. Saya rasa lebih besar daripada semua sukan yang lain campur *together*.

### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Kepada YB. Padang Lalang saya memang amat gembira dalam bajet Y.A.B Ketua Menteri kita dapat 2 buah kolam renang antarabangsa yang baru dan *basketball court* dan bola tampar dan di sini soalan saya ialah kita mahu tunggu berapa lama untuk mendapat kolam renang antarabangsa ini tiga (3) tahun lepas atau dua (2) tahun jadi sekarang persatuan berenang kita dan *synchronize* kita masih berlatih di tempat *swimming club* atau di tempat kelab-kelab yang lain macam *synchronize* pada waktu saya ada di EXCO itu memang tiada *indoor, swimming pool* mereka berlatih di bawah matahari yang kuat itu. Adakah MSN dan YB. Padang Lalang itu boleh meminta Yang Amat Berhormat untuk bercadang kepada SPICE yang saya ingat *swimming pool* mereka akan guna dengan masa yang terdekat daripada kita tunggu kolam renang antarabangsa itu dibinakan dalam dua (2) hingga tiga (3) tahun ini. Dan minta mereka boleh berlatih di sana sebab mereka masih *maintain Olympic requirement* di *swimming pool* di SPICE.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih YB. Berapit. Ini cadangan yang baik yang boleh ditimbang dan saya harap Yang Berhormat, boleh dengan di dalam Kerajaan berunding dengan pihak SPICE. YB. Telok Ayer Tawar juga bertanya mahu tahu sumber peruntukan kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang atau PYDC. Dimaklumkan bahawa peruntukan adalah daripada Jabatan Kewangan Negeri dan sebanyak RM520,000 telah diperuntukkan kepada PYDC pada tahun sehinggalah tahun ini 2015. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan pembangunan belia di Negeri Pulau Pinang. Ini kerana golongan belia merupakan tunjang kepada pembangunan kepada sesebuah negara. Sebagai Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab dalam pembangunan belia, pihak PYDC telah menganjurkan kursus pengenalan *Esteem* atau *Engaging Learning in Science Technology Engineering, English and Mathematic* kepada pelajar sekolah menengah dan rendah. Kursus tersebut telah dilancarkan pada Januari pada 2015 dan beroperasi di pusat perbelanjaan Karpal Singh Pulau Pinang atau pun Karpal Singh Learning Centre. PYDC telah bekerjasama dengan Classes Science Pulau Pinang atau Penang Science Classes untuk melaksanakan tiga sesi kursus yang mengandungi modul pengajaran robotik, perekodan, *coding, Programming Science* asas dan *English*. Kursus-kursus ini telah memberi manfaat kepada 120 pelajar yang telah menghadiri kursus ini. Pada tahun depan PYDC akan meneruskan Kursus *Esteem* dan menambah pengambilan pelajar. PYDC juga menyediakan sesi-sesi rawatan, dialog, soal selidik, forum dan lain-lain di kalangan belia dan mahasiswa untuk memberi peluang kepada golongan belia mengenai keadaan dan situasi terkini dalam Negeri. Aktiviti-aktiviti yang berunsur komunikasi dua (2) hala ini juga membekalkan peluang kepada peserta-peserta belia dapat

menyumbangkan idea dan tenaga kepada pembangunan Negeri. PYDC telah memulakan kajian belia dan pelan tindakan pembangunan belia Pulau Pinang dengan kerjasama Penang Institute. Memandangkan dasar belia Malaysia yang akan dilaksanakan mulai 2018 bagi menggantikan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997. Negeri Pulau Pinang berhasrat mengadakan dasar dan polisi yang sesuai kepada golongan belia dalam Negeri supaya merangkumi semua sektor termasuk ekonomi, sosial aktiviti, pendidikan, sukan, alam sekitar dan kebudayaan.

Oleh itu, kajian belia dan pelan tindakan pembangunan belia Pulau Pinang merupakan satu inisiatif yang akan menumpukan kepada keperluan dan usaha untuk membangun dan memperkasakan kepentingan dan peranan belia dalam masyarakat.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Minta penjelasan YB. Padang Lalang mengenai PYDC. Pengetahuan saya iaitu seperti kalau di wanita kita tiada jabatan kita menubuhkan PWDC untuk menolong pembangunan wanita di Negeri Pulau Pinang dan dengan polisinya dan dengan kerjasama dengan...(tak jelas) kita mengadakan general...(tak jelas) ya. PYDC ini ditubuhkan di masa saya juga semasa EXCO tetapi *chair person* dia YAB. Dan Exco Belia itu Naib Timbalan, *chair person of* PYDC. PYDC ini sekarang bukan dijalankan di bawah MMK kan, dia *like* GLC *company like* PWDC. Berapakah peruntukan setahun kepada dia, sebab tadi soalan, masa soalan lisan YB. Padang Lalang pernah cakap peruntukan belia sudah turun RM860,000 kan. Sebab kalau dulu ingatkan saya RM600,000 lebih untuk belia dan sukan, MMK. Kalau MSN berlainan ya. Tetapi macam sebut itu ada turun sikit ya. So kalau PYDC itu peruntukan dari mana. Dan sekarang yang buat dasar itu Penang Institute dan tidak menjemput semua persatuan-persatuan belia untuk memberi pandangan sebab waktu saya jadi EXCO itu memang ada *feedback* daripada saya ini kalau menyakit hati kawan-kawan sana saya minta maaf ya. Sebab itu saya suara pada pemuda-pemudi persatuan kata dulu mereka meminta peruntukan daripada Kerajaan Negeri bukan senang. Kena ada macam *background* sikit dengan parti-parti berkenaan tetapi kali ini kita tukar Kerajaan. Apakah pandangan sebagai EXCO Belia Sukan YB. Berapit itu memandang pembangunan Belia dan Sukan. Saya kata *above* politik. Saya mahu orang kerjasama untuk pembangunan belia. So saya bagi peruntukan kepada semua. Dengan ini barulah pemuda pemudi ada *confident* dengan Kerajaan baru ini dan boleh bekerja dengan kita dan bagi pandangan.

Tetapi sekarang jadi masalah sikit pada pandangan yang berlainan sebab YB. dari Seri Delima pun ada cakap disebabkan MBMPP ada sedikit warna politik tetapi pada waktu saya jadi EXCO itu memang kurang sebab saya pernah diminta pergi program mereka dan pernah berjumpa Menteri Belia dan Sukan dan mereka memberi sama tempat kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Sebab itulah saya minta kalau boleh di Negeri Pulau Pinang kita perlu bekerjasama dengan semua persatuan-persatuan yang berada di Pulau Pinang dan jangan biar pemuda-pemudi rasa mereka macam tak tahu mahu pergi mana. Ini lah satu pesanan daripada saya sebab kita ini kerajaan rakyat. Kerajaan Pakatan Rakyat. Kita tak perlu mengikut cara lama ya. So pertanyaan saya PYDC ini siapakah yang membuat polisi dan adakah mengambil semua pandangan belia di Pulau Pinang dan apakah statistik atau polisi yang akan dijalankan untuk menolong belia sebab setahu saya ialah banyak mereka kata mereka tak dapat apa pun daripada Kerajaan Negeri. Kalau belia yang ingin mengusahakan dalam perniagaan itu, tak tau macam mana mahu pergi ambil peruntukan daripada Kerajaan

Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Padang Lalang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Tadi saya baru kata bahawa peruntukan untuk PYDC ialah RM520,000... (gangguan) Kerajaan Negeri dan *different-different this* PYDC ya. Dan peruntukan untuk MMK Belia dan Sukan dia kekal. Yang saya kata ialah RM300,000 untuk MBM tapi untuk saya sebagai EXCO RM460,000. Yang saya boleh tentukan dan saya ada satu konsep mesti dijelaskan ya. Apakah itu politik dan parti politik. Parti politik ialah berlainan dari politik. Kerajaan, *Governing*, dasar-dasar kerajaan iaitu politik. Tapi dia bukan parti politik. Kalau saya pergi satu (1) jamuan, satu (1) tegur dasar kerajaan. Itu bukan politik. Itu sebagai seorang wakil rakyat ke, atau sebagai seorang rakyat memang berhak untuk menegur kalau polisi itu saya rasa tak baik. Tapi saya tak boleh pergi ke satu (1) jamuan NGO dan katakan bahawa ini Parti DAP banyak baik. Ini parti politik. Adalah tidak sama dan saya nak katakan bahawa belia yang terbitan Majlis Belia Negeri. Ini April 2013. Tiap-tiap tahun dia gunakan perbelanjaan RM1,000.00 hingga RM2,000.00 untuk buat terbitan ini. Dan terbitan ini tak dapat langsung mana-mana satu pemimpin Kerajaan Negeri tetapi ada Sungai Acheh ada. Itu bekas YB. Seberang Jaya ada. Dan ramai lagi. Dan juga ada sekarang jadi Menteri, Menteri apa ya. Raslan. Bukan Roslan ini ya... (gangguan). Ya Maslan. YB. Dato' Haji Ahmad Haji Maslan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Semua di sini. Jadi macam mana kita nak berikan peruntukan kepada satu badan yang hanya tayangkan Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana. Macam mana? Ini depan saja ya. Ini telah memandangkan kita bodoh ini. Ambilkan duit tapi buatkan kerja dia untuk pihak yang lain, ini bodohlah. Kalau bagi bodoh. Dan juga ini adalah *abuse*. *Abuse* peruntukan. Menyalahgunakan peruntukan. Ini tak *honest*. Tak jujur. Tidak buat kerja belia. Buat kerja politik untuk Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Penjelasan Yang Berhormat...(gangguan). Saya rasa Padang Lalang, kita tengok balik program apa yang laksanakan. Kalau *Youth Sport Challenge*, saya rasa itu peruntukan daripada ICU. Mungkin tidak melibatkan pihak Kerajaan Negeri. Cuma kita bangkitkan tadi kaitan dengan isu-isu PYDC ini. Kalau boleh ambil kira, saya setuju dengan Berapit ambil kira pertubuhan belia untuk bersama-sama panggil, *meeting* semua dan sebagainya untuk memberi pandangan dan cadangan. Tengok balik program itu.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Memang program ada itu senarai juga. Dia ada jamuan makan. Dia perayaan Chinese New Year. Perayaan, banyaklah. Saya boleh tunjukkan nanti. Saya rasa ini YB. Telok Ayer Tawar ada satu salinan. Saya bukan sakit hati kerana ini. Saya sakit hati kerana belia adalah pemimpin masa depan. Sekiranya mereka tidak jujur, macam mana mereka boleh menjadi pemimpin. Kalau mereka tidak dapat membuat program sendiri, bukan selalunya datang minta, macam mana nak jadi pemimpin. Itu yang saya kecewa. Saya bukan kecewa atau pun sakit hati kerana duit itu diguna untuk perkara yang lain.

Tapi macam mana nak memupuk, melatih pemimpin yang boleh dipercayai. Pemimpin yang berkaliber. Jadi saya rasa sudah cukuplah sampai sini.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tadi Padang Lalang ada sebut politik dan parti politik. Dua-dua itu politik. Jadi kalau ICU bagi peruntukan, Kerajaan Pusat untuk bagi belia anjurkan program, dia jemputlah pemimpin-pemimpin yang *focus group* di sini, kita ada *focus group* yang memberi peruntukan untuk dia orang buat program untuk kumpulan-kumpulan tertentu, tempat-tempat yang tertentu. Jadi itu dipanggilkan politik. Tapi kalau diberi peruntukan jadi yang tak bagi pun, kalau bagi peruntukan panggil pemimpin DAP, itu tak politik? Macam mana ni? Apa yang bezakan tadi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Jadi saya, terangkan, tadi mungkin kurang jelas ya. Kalau umpamanya pihak sana bagi satu NGO A, bukan semuanya RM5.000 bagi menganjurkan satu program tetapi tidak jemput pihak di sini, tapi jemput pihak di sini, bukankah ini politik parti. Jadi saya rasa YB. Telok Ayer Tawar pun lama dalam politik, kita tahu dan semua tahu. Di sini saya tunjukkan pada tahun 2013, dia ada menggunakan duit Kerajaan Negeri adakan 48 program MPNPP dia ada bengkel festival, Belia Malaysia menggunakan RM14,000, Konvensyen Pelajar Negeri RM8,000 tapi saya hanya nak tunjukkan mesti jujur. Kalau saya meluluskan peruntukan, saya tak pergi pun, kalau tak jemput pun saya hantar orang pergi tengok sama ada betul-betul jalankan aktiviti atau tidak, kita ini untuk mencegah penyalahgunaan kewangan, bukan wang, nilai wang, tetapi kita jangan ada peluang untuk belia-belia ini mengambil langkah yang tidak betul, itu saja itu tujuannya.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

Minta penjelasan, sebenarnya saya masih tak faham contoh dan penerangan yang Yang Berhormat bagi, Yang Berhormat baca beberapa program kemudian Yang Berhormat bagi contoh, kalau Yang Berhormat bagi duit, kalau Yang Berhormat tak boleh sampai ke majlis tersebut Yang Berhormat akan hantar wakil untuk pastikan program itu berjalan. Adakah program yang Yang Berhormat sebutkan tadi itu tidak berjalan atau tidak dilaksanakan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya bagi satu (1) contoh saja, tahun ini dia mahu pohon untuk menganjurkan satu (1) forum untuk 200 orang 3 jam, lebih kurang tiga (3) jam dia pohon RM25,000, saya buat satu program untuk wanita punya dengan NGO-NGO yang lain untuk 280 orang RM15,000 saja.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

Program yang Yang Berhormat maksudkan tadi permohonan untuk menganjurkan program bagi 200 orang sebanyak RM25,000, jadi program ini tak jalan, saya ingat Yang Berhormat bagi contoh program, yang mohon Yang Berhormat bagi duit program itu tak jalan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Jadi *working paper* macam ini, macam mana nak luluskan, bolehkah pihak sana nak luluskan?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sebagai Ahli MMK yang jaga Pembangunan Belia Negeri Pulau Pinang, kalau ada kertas-kertas kerja begini perlu mereka dinasihati, perlu diberi bimbingan apa bentuk kertas kerja dan program yang boleh diterima pihak kerajaan, bukan tolak terus.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya rasa mereka sudah biasa, *paper work* seperti ini lah. (gangguan)

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ini satu tuduhan liar.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya pun kembali kepada mereka buat yang *you think you* boleh tapi tak ada kembalilah. Saya rasa cukuplah kita pergi topik yang lain...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sg. Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Sikit saja.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Sungai Aceh ada gambar di dalam ini.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ada gambar pula, tadi tangkap dengan Rayer tak ada gambar. Saya nak cadangkan tadi bila kertas kerja disediakan dan dikemukakan sebagai seorang EXCO yang berpengalaman, jadi boleh teliti kertas kerja itu, kalau ada yang patut dipinda, nasihat mereka, kalau kata agak tinggi bagi jumlah yang sesuai itu yang terbaik, bukan tolak terus, kata CAT, Terima kasih

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Memang CAT lah. Kalau dia tengok dia terlalu beza jadi MPN ini bukan satu NGO yang baru ia sebuah NGO yang 60 tahun, ia bukan yang baru. Pemimpin-pemimpin bukan yang baru, mereka ada pemimpin diperingkat kebangsaan juga, jadi tak ada *excuse* tak ada. Untuk isu, jadi saya rasa PYDC sudah habis, dan YB. Telok Ayer Tawar tanya dengan isu penjagaan kanak-kanak ialah peluang kerja penyertaan wanita dalam pekerjaan. Untuk mengalakkan wanita bekerja, ia memerlukan satu sistem sokongan. Mesti ada kemudahan jagaan kanak-kanak, dia mesti ada *flexi hour*, dia mungkin boleh adakah pekerja kongsi dua (2) orang kongsi satu kerja. Ramai sudah di tulis dalam Rancangan Malaysia Ke-6, tetapi sampai hari ini tak dapat dilaksanakan, saya rasa ini

adalah kerana pembuat keputusan wanita tidak cukup bilangannya di dalam semua peringkat. Jadi kita perlukan lebih ramai wanita yang memegang jawatan pemimpin dan pembuat keputusan. Saya ingin menekankan penglibatan wanita dalam politik untuk membawa perubahan kepada isu-isu ini.

Menurut ahli akademik Kazuki Iwanaga pada tahun 2008 wanita dan lelaki mempunyai pengalaman serta keutamaan yang berbeza maka penerapan perseptif wanita ke dalam dasar kerajaan adalah sangat penting contohnya sudah ada kajian kata, wakil wanita mereka lebih mementingkan isu-isu gender, wanita, kanak-kanak, keluarga dan kesihatan dan pendidikan tetapi wakil lelaki mereka lebih tekan kepada projek ekonomi *hard issue*, jadi sekiranya ada cukup bilangan wanita, wakil wanita jadi dia akan lebih *balance* semua program dan juga dasar akan lebih *balance*. Tetapi saya nak katakan ini *gender* bukan hanya wanita yang faham, ada wanita pun tak faham tapi ada lelaki yang faham juga. Jadi pemimpin lelaki yang peka gender juga memainkan peranan yang besar dalam mencetuskan perubahan minda. Ini termasuk idea kesaksamaan dalam idea dimana suami dan isteri bersama-sama berkongsi memikul tanggungjawab rumah tangga dan jagaan anak, dengan ini beban tidak terletak di atas bahu ibu semata-mata. Kajian menunjukkan bahawa penyertaan wanita yang mencapai minimum 30% hingga 35%, ataupun dipanggil kritikal *must*, atau membawa impak yang sebenar, atau *real impact* ke atas gaya keputusan politik, atau pun di mana-mana *company*. Untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam kepimpinan politik kaedah *quota gender* yang berlandaskan prinsip kritikal *must* ini amat berkesan. T

Tahun lepas DAP telah memasukkkan kuota 30% bagi wanita bagi proses pengundian Ahli CEC. Sememangnya DAP komited untuk menggalakkan lebih ramai wanita menyertai parti dan menambah bilangan pemimpin wanita di Malaysia, jadi saya menyeru parti-parti lain contohnya UMNO untuk menaruh komitmen terhadap pendekatan meningkat penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan tertinggi tugas, menambah perwakilan wanita dalam parti di samping memperjuangkan isu *gender* adalah tanggungjawab kita bersama dan saya harap pihak di sana Yang Berhormat, Yang Berhormat 90 % adalah lelaki...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Padang Lalang, ketua kami adalah seorang wanita, penghormatan diberikan kepada beliau.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya nak kata bahawa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Setiausaha Dewan juga wanita.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Ini dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bila dia layak dia dilantik....(gangguan)

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Dia layak, dan kalau bukan dia telah, *she is the most seniors, you are not giving her the post because she is wanita, because she is most seniors in that side.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tak, tak, tak, diberikan kerana dia berpengalaman bukan seorang wanita.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Yalah, kebetulan saja, bukan kerana dia wanita....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sebab itulah sepatutnya Penanti tak jadi Speaker, sebab dia tak berpengalaman, bagi kepada yang berpengalaman.... (gangguan), contoh-contoh.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya tidak,

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Contoh-contoh.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

*I'm not quarrying you on this, I'm saying you are not giving her as position leader because she is wanita because she is most senior at your side.*

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sedikit saja, yang paling penting, yang kami sayangi, yang kami sanjung tinggi YB. Penanti pun wanita juga, terima kasih ....(ketawa).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya rasa, yang sayang itu bukan benar, ini YB. Pinang Tunggal lebih bermainkan peranan batu api saja....(ketawa).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**



Saya minta YB. Padang Lalang tarik balik....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya nak ucapkan terima kasih kerana kalau....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

YB. Padang Lalang dah berjanji dengan saya kelmarinkan? Saya dah bantu YB. Padang Lalang kan? Jumlah yang begitu banyak tahu, untuk baiki kompleks sukan,... (gangguan)

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Itu saya ucapkan terima kasih.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Hari ini cakap apa dengan saya.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Tapi bukan....(gangguan), ya, saya nak berterima kasih kerana sudah menyakinkan Menteri Belia dan Sukan untuk membaiki, menaik taraf padang hoki itu, tapi saya harap dia ada satu (1)tempoh yang boleh ditunaikan kerana ia pernah dikatakan dalam jangkaan bulan Februari...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya nak tanya YB. Padang Lalang, penggunaan stadium itu, agaknya bila yang nak diperlukan, mungkin ada temasya yang besar bila agak-agaknya.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat Pinang Tunggal bahawa pasukan hoki kita tak ada tempat untuk buat latihan, mereka pergi ke Sungai Petani untuk buat latihan, mereka mesti sewa USM 1 jam RM300.00, adakah ini *urgent*?

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kesian sangat kepada Kerajaan Pakatan Harapan, saya kesian sungguh, nasib baik boleh tumpang yang dulunya Kerajaan Barisan Nasional buat di Bertam, di Kepala Batas, saya berjanji kelmarin kita akan baiki segera supaya Kerajaan Pakatan Harapan boleh tumpang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih, kami tak rasa apa-apa nak tumpang kerana memang Barisan Nasional menjadi Kerajaan Pusat dan rakyat kita semua bayar cukai kepada Kerajaan Pusat, apakah kita bukan tumpang, ini pun tanggungjawab Kerajaan Pusat kepada rakyat yang membayar cukai, okey, terima kasih.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Masih dalam Pembangunan Wanita, Yang Berhormat Padang Lalang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya akan masuk. Tadi kerana selalunya mula dengan Pembangunan Wanita, saya kali ini mula dengan Belia dan Sukan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Semasa perbahasan saya ada tanya pasal untuk membuat litar motor cub di Kampong Tun Sardon, apa jawapannya saya tak ingat. Ada jawapan atau ada berita baik semasa penggulungan?

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Berita baik, YB. Penanti mencadang agar tindakan diambil bagi melahirkan golongan celik IT terutamanya di kalangan wanita dan khususnya Briged Wanita. Memang benar bahawa wanita zaman ini perlu celik IT lebih-lebih lagi wanita yang miskin atau tinggal di luar bandar seperti mungkin di Penanti. Ini kerana dengan adanya kemahiran IT wanita dapat mencari maklumat secara *online* yang membantu taraf hidup mereka, misalnya kursus kemahiran diri *online* peluang pekerjaan dan perniagaan, perkhidmatan kerajaan, bantuan NGO dan lain-lain. Malahan rakyat yang celik IT tidak lagi bergantung kepada maklumat dari mediamassa seperti TV dan surat khabar yang kebanyakannya dikuasai satu pihak saja dan sering memberi pandangan yang tidak tepat terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dengan itu Kerajaan Negeri menerima baik cadangan YB. Penanti dan meminta supaya ia dibawa ke Jawatankuasa Briged Wanita untuk perbincangan lanjut kerana Yang Berhormat pun berada di dalam Jawatankuasa Briged Wanita. Dipohon juga agar YB. Penanti membantu memikirkan cara untuk menjayakan, *together we make it happen*.

Untuk Briged Wanita juga, Kerajaan Negeri mengambil maklum akan cadangan YB. Penanti supaya Briged Wanita diberi elaun untuk menampung perbelanjaan program dan perbelanjaan mereka. Saya hendak maklumkan di sini bahawa ada beberapa Ahli Yang Berhormat juga meminta supaya Briged Wanita ini diberi peruntukan untuk mengadakan program-program. Saya rasa kita tunggu, kita sabar sedikit lagi, mungkin akan ada berita baik.

Saya mengucapkan terima kasih atas seruan YB. Berapit supaya PWDC mengadakan kerjasama dengan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) iaitu skim pinjaman mikro kredit di bawah PDC supaya PWDC lebih kerap turun padang untuk membantu wanita. Sebenarnya PWDC memang sedang bekerjasama dengan PTSR terutamanya melalui Briged Wanita Pulau Pinang. Setiap ahli Briged Wanita ditugaskan

untuk mendaftar wanita setempat yang layak untuk mendapat bantuan PTSR. Kursus-kursus induk Briged Wanita yang telah dianjurkan oleh PWDC mengandungi taklimat terperinci tentang proses permohonan PTSR. Selain dari kursus induksi Briged Wanita, PWDC juga menganjurkan beberapa dialog bersama wanita dan juga kita adakan program tampil untuk wanita di akar umbi. Wakil PTSR juga akan memaklumkan kepada PWDC tentang program-program awam untuk membantu rakyat. PWDC selaku urus setia Jawatankuasa Kerja Briged Wanita akan menyebarkan maklumat ini kepada KADUN-KADUN supaya disalurkan kepada wanita setempat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2014, seramai 229 orang wanita telah didaftarkan untuk menerima bantuan PTSR. Daripada sejumlah 407 penerima bantuan iaitu 56% daripada keseluruhan penerima bantuan ialah wanita. Ini menunjukkan status aktif wanita Pulau Pinang dari segi penglibatan dalam PTSR dan perniagaan kecil-kecilan.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini, PWDC sentiasa turun padang untuk melaksanakan hampir kesemua program wanita termasuk bengkel dan dialog yang dijalankan di komuniti-komuniti setempat termasuk di dewan-dewan JKKK dan sebagainya untuk memastikan bahawa wanita setempat dapat hadir dengan mudah. Umpamanya program *Budget Responsive Gender* dan *Participatory* PWDC melibatkan 14 buah projek dengan komuniti-komuniti yang berbeza di Pulau Pinang. Ada satu di Kampung Chenaam, tetapi tidak berapa berjaya kerana *the presence of UMNO is very strong* dan mereka suruh orang-orang kampung jangan datang walaupun itu untuk program-program yang baik.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ini satu tuduhan yang cukup hebat. Mula dia puji Kampung Chenaam tetapi selepas itu tidak berapa menarik sebab orang-orang UMNO pergi kempen tidak bagi pergi, saya minta tarik balik, jangan sebut ayat itu, saya hendak minta buktikan siapa dia Ahli UMNO yang beritahu jangan pergi. Minta buktikan, kalau tidak jangan sebut di sini, kalau tidak saya akan cerita kepada orang kampung ini semua. Tidak seronoklah macam ini.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

YB. Sungai Aceh, saya cakap macam ini, Kampung Chenaam adalah *stronghold of UMNO and is not very successful our project because they are told not to come*.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Minta izin hendak cakap, tadi YB. Sungai Puyu bercakap pun tak minta izin, kita menggunakan Bahasa Kebangsaan, ....(dengan izin) Timbalan Speaker.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Dua orang berdiri, kalau hendak ikut peraturan, ini *floor* saya.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya ambil contoh Seri Delima. Dato' Speaker suruh duduk dia tidak duduk.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Yang baik awak ikut, yang tidak baik jangan ikut. Kita orang dewasa...(ketawa).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ini serius, Dato' Yang di-Pertua dia telah menuduh UMNO Chenaam seolah-olah macam sabotaj, saya minta tarik balik.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kita dengar penjelasan dulu.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Yang Berhormat yang cakap, saya tidak cakap.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tadi cakap, sila buka hansard.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Boleh, boleh, esok kita tengok *handsard*.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Bukan esok, sekaranglah. Sekarang. Sekarang orang Kampong Chenaam melihat Yang Berhormat cakap tahu, dia tidak tahu wakil rakyat dia menentang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Kalau hendak *check* hansard, selalunya ialah esok kerana hansard tidak disediakan sekarang.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Sebab dia sebut tadi, saya rasa semua ahli-ahli mesyuarat pun dengar tadi, *confirm* dia sebut orang-orang UMNO.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Okey kita *check* hansard esok.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ya, dengar...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Ya, kita *check* hansard.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya tidak berpuas hati Dato'.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Padang Lalang, jelaskan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Ya, saya kata Kampong Chenaam is a *UMNO stronghold*, kalau saya tidak pergi sana saya pun tidak tahu, kalau program PWDC tidak pergi sana saya pun tidak tahu. *It is UMNO's stronghold.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kubu kuat UMNO.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya faham, tapi dia ada sebut tadi orang UMNO yang menghalang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Ya, saya rasa kita.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tidak, jangan tipu di dalam Dewan. Kita hari itu sudah bersumpah di Dewan ini, ingat, di mana kita bersumpah. Saya serius ini. Saya minta tarik balik itu.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya minta Dato' Speaker buat satu keputusan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dato' Speaker.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Ini kerana sama ada cakap atau tidak cakap, kita *check* hansard. *Check* hansard tomorrow, what is the problem.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tolong tarik balik yang itu...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nantilah Sungai Aceh, YB. Padang Lalang dan YB. Sungai Aceh, sila duduk dulu.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dia sebut UMNO.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

UMNO pun tidak boleh sebut kah?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduklah. YB. Padang Lalang telah pun sebut *check* hansard, kalau esok ada dia akan tarik balik.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

*What is the hurry*, esok masih ada....(ketawa).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Padang Lalang, walaupun esok masih ada, tetapi saya tidak sabar menunggunya.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Kita mesti sabar dan tabah, kita adalah seorang wakil Yang Berhormat. Ini pun *normal practice* ini pun di mana-mana Dewan atau Parlimen, kalau tidak ada persetujuan atau *complain*, hendak *check hansard, tomorrow*, bukan sekarang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, sikit sahaja. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan kalau tidak silap dengar, program itu tidak dapat dijalankan dengan jayanya, tidak mendapat sambutan kerana UMNO tidak bagi orang kampung keluar, menghalang, *that is what you said*.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya rasa kita sudah selesai. Speaker sudah buat keputusan. Kalau ada masalah kita boleh *check* hansard esok saja.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sikit saja. Pandangan saya ialah YB. Padang Lalang silap anggapan, bukan UMNO yang tidak bagi orang kampung keluar, sebenarnya orang kampung yang tak mahu jumpa Padang Lalang, itu saja.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Itu pun anggapan sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta YB. Telok Ayer Tawar tarik balik, sila ikut peraturan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Tak payah, tak payahlah. Seri Delima, tak payah.....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau hormat saya, sila duduk, kalau tidak hormat saya pun tidak mahu hormat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dia tidak boleh cakap macam itu dengan EXCO, saya ahli *backbenchers*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima pun duduk. *Backbenchers* pun sama *opposition* pun sama. Kalau tidak hormat Speaker, Speaker pun tidak akan hormat Yang Berhormat, itu sahaja. Setuju? Sambung.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Kita balik kepada ucapan saya. PWDC melibatkan 14 buah projek dengan komuniti-komuniti berbeza di Pulau Pinang dan mempunyai potensi baik untuk pemberdayaan ekonomi masyarakat dan wanita setempat. Pasukan pengarah dan staf PWDC juga pernah menganjurkan bengkel dan dialog di kawasan-kawasan estet di Seberang Perai Selatan termasuk Padang Lalang Caledonia Jadi adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa PWDC tidak turun padang atau pun tidak begitu *frequent*. Memang masih ada ruang untuk penambahbaikan tetapi secara keseluruhan para Lembaga Pengarah berpuas hati dengan program dan usaha pemberbudayaan komuniti yang dilaksanakan oleh PWDC.

**Ahli Kawasan Berapit (YB Ong Kok Fooi):**

Penjelasan YB. Padang Lalang. Semenjak PWDC ditubuhkan pada tahun 2011 sehingga hari ini dua projek yang terunggul iaitu Gender Responsive Budget kita bekerjasama dengan MBPP sekarang, dulu MPPP, di PPR Sungai Pinang dan MPSP di PPR Ampang Jajar. Program ini memang disambut baik oleh penduduk di sana sejak

mereka dapat buat *decision* mereka untuk menggunakan dana daripada kerajaan, dari kedua-dua PBT itu menaik taraf mereka. Tetapi sejak itu hingga hari ini adakah projek yang baru dilaksanakan sebab saya pernah menyeru semasa Exco dulu meminta Dato' SUK dan Dato' PKN membuat satu projek di bawah flat Kerajaan Negeri, di tempat kawasan Padang Lalang juga, iaitu di kawasan Sungai Rambai. Tetapi saya nampak sehingga hari ini tidak dijalankan. Ini kerana dua projek ini kita dapat sambutan yang bagus, ini memang mendapat kepujian daripada rakyat dan saya harap ini *general policy budget* bukan hanya di dua tempat tetapi disemua tempat yang ada flat yang perlu kita masuk untuk membantu mereka. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Tadi saya baru kata ada empat belas projek GRPB sekarang, termasuk di *estate* dan juga di kampung-kampung baru. Kita tidak mau kata kita tidak masuklah kampung Melayu, jadi kita masuk juga. Kita nak tengok, apakah kita boleh buat disitu. Kita sekarang diminta oleh MBPP dan MPSP untuk menambahkan projek mengenai pasar dan banyak lagi. Sekarang ada 14, dan memang pihak kerajaan telah menambah potensi GRPB di rumah pangsa-rumah pangsa dan ada memang EXCO Perumahan pun merancang untuk mengadakan lebih banyak projek di semua bukan semualah tak boleh laksanakan semua, mendambakan projek di rumah pangsa-rumah pangsa. Khususnya projek kebersihan dan juga macam mana supaya komuniti disitu boleh *manage* sendiri. Jadi ada ya Berapit jangan risau.....(gangguan).

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Berapa lama lagi?

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

So, di sini saya minta YB Padang Lalang turun padang kepada tempat saya itu Taman Permata, saya ingin bekerjasama. Kita buat lokasi *team* bersama-sama di Taman Permata bersama saya.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB Padang Lalang, saya nak minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat akan menyentuh tentang program keganasan terhadap wanita. Saya nak tanya satu penjelasan, ini saya mendapat satu (1) risalah di letakkan di atas meja. Satu program yang telah dilancarkan semalam. Dengan izin Dato' Speaker, saya mohon baca "Maklumat adalah untuk menghentikan keganasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil berat akan insiden keganasan terhadap wanita malah kempen membanteras keganasan terhadap wanita adalah salah satu (1) daripada agenda Kerajaan Negeri Pulau Pinang dibawah MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Pulau Pinang".



Soalan saya, dengan macam mana keganasan terhadap lelaki, kerana saya belum habis lagi. Kerana terdapat kejadian-kejadian yang dilaporkan, setuju dengan saya YB. Sungai Dua. Banyak kejadian yang dilaporkan dalam surat khabar kadang kala tidak dilaporkan, ada juga keganasan rumah tangga terhadap lelaki. Banyak lelaki yang kena hentam dirumah ini. So, rupa-rupanya Kerajaan Negeri hanya memfokuskan terhadap keganasan, saya sendiri belum lagilah...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jangan nanti, Telok Bahang kata *you* tuduh kerajaan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini bukan lawak jenaka. Ini betul ini. Saya serius....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya faham Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Adakah, Apakah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Selalunya ini ada respon daripada lelakilah. Juga ada lelaki yang diganaskan memang ada tetapi, itu *percentage* adalah *much less*. Kalau 100 orang bangsa mungkin sembilan puluhnya ialah wanita dan sepuluhnya adalah lelaki. Walau bagaimanapun, kita bela juga.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, saya nak kumpul sikit nak tanya. Betulkah ada pakar kata lelaki yang selalu dibuli oleh isteri ini, adalah mereka yang berani di luar.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Adakah YB. Telok Bahang dari pengalaman sendiri....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Tanya sahaja..

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Telok Bahang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Dari pengalaman sendiri. Itu pengalaman sendiri kot....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini Dewan susah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Jangan gurau-gurau....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang buat lawak pun riuh rendah. Yang berkelahi pun riuh rendah. Macam mana saya nak urus. Sila Padang Lalang sambung dengan apa yang sepatutnya dibawa ke dalam Dewan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Okay satu lagi, ini dari Machang Bubuk kalau katakan *general party separator budgeting* saya nak puji Machang Bubuk dan juga Ahli Parlimen di situ iaitu YB. Steven Singh. Mereka bergabung dan mengeluarkan duit RM100,000 untuk menjalankan satu (1) projek di komuniti yang melibatkan semua JKKK. Itulah saya rasa satu (1) inisiatif yang sangat baik. Projek dia dipanggil duit kita, hak kita. JKKK akan mengeluarkan menghasilkan *design* program, apakah projek yang mahu buat dan mereka akan memasukkan pertandingan. Siapa yang dapat terpilih jadi, RM100,000 itu mereka punya untuk jalankan projek itu bukan untuk bawa balik ya. Jadi saya rasa, kita kalau ahli-ahli Yang Berhormat di mana yang minat untuk menjalankan program GRTB di kawasannya, saya rasa mesti sama-sama kita berusaha. Dan untuk rumah pangsa, ia akan dilaksanakan di Rumah Pangsa Kerajaan punya dulu ataupun Kerajaan Tempatan punya dulu. Kalau ia adalah swasta punya, akan jalan juga tapi mungkin peringkat yang lebih belakang.

Yang Berhormat Machang Bubuk telah meminta Kerajaan Negeri untuk terus menyokong dan mengeratkan hubungan dengan NGO-NGO yang memberi perkhidmatan sosial di Negeri Pulau Pinang. YB. Machang Bubuk juga telah mencadangkan agar Pusat Perkhidmatan Wanita atau PPW di Seberang Perai diperbanyakkan. Ini PPW ialah kerjasama di antara NGO iaitu WCC dengan Kerajaan Negeri. WCC mengendalikannya, *operate* nya dan Kerajaan Negeri memberi RM150,000 setiap tahun untuk mengadakan pusat ini. Ini supaya lebih ramai wanita dan kanak-kanak dapat *access* kepada kaunseling dan bantuan. Kerajaan Negeri maklum bahawa NGO-NGO memainkan peranan kritikal dalam masyarakat melalui khidmat kaunseling, kesedaran dan bantuan kepada orang yang memerlukan. Antara isu yang diperjuangkan oleh NGO-NGO, termasuk isu pembelaan hak wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU.

Pencegahan Keganasan Terhadap Wanita atau (WOW,) penderaan dan pengabaian serta penjagaan kesihatan fizikal, emosi dan mental, oleh itu Kerajaan Negeri berterima kasih kepada NGO-NGO di Negeri Pulau Pinang atas usaha mereka tanpa mengenal penat lelah antaranya adalah mereka ini saya *salute* lah kepada NGO-NGO yang sudah banyak berkhidmat. Antaranya ialah di *The d'Home, Mental Health Association, Penang Association Of Counseling & Psychology, Penang Mental Health Association, Befrienders Penang, Than Hsiang Mitra Welfare Association* dan Pusat-pusat Kaunseling yang lain dan juga *Child Raising, Creative Aadhar And Center For Creative Arts Therapy* yang membawa pendidikan aktiviti tentang kesihatan mental kanak-kanak. Persatuan Kebajikan Wanita MAWAR Pulau Pinang yang menjalankan bengkel untuk memperdayaan Wanita Komuniti. *Family Health Development Association* yang menawarkan nasihat tentang kesihatan *reproductive* dan hubungan kekeluargaan. *Mother To Mother Peer Support And World Alliance For Breastfeeding Action (WABA)* yang menyebarkan maklumat tentang penyusuan anak. *Community Ace Service Penang, National Cancer Society Of Malaysia* dan *Penang Hospity Society* yang membantu pesakit dan keluarga mereka. *Asia Community Service, Bow Association For Children Which Patients Needs and Eden Handicap Center* yang membantu kanak-kanak yang kurang upaya. *Women's Welfare Council* yang menyediakan pusat perlindungan bagi ibu tunggal dan ibu mengandung yang tidak berkahwin. *Women's Rights Awareness Association* ataupun WRAA yang memberi kaunseling kepada wanita yang mengalami krisis dan *Women Centers For Changed* atau WCC yang menasihati, melindungi dan menyokong mangsa keganasan WOW serta memberi pendidikan kepada wanita, belia dan kanak-kanak tentang pencegahan keganasan seksual.

Di samping itu, WCC menguruskan Pusat Perkhidmatan Wanita PPW di Seberang Perai yang menerima dana tahunan sebanyak RM150,000 dari Kerajaan Negeri. Dan untuk makluman Dewan ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan tambahan dana RM60,000 setahun mulai tahun ini untuk pusat perkhidmatan wanita baru-baru ini agar PPW dapat memperkembangkan perkhidmatannya kepada wanita dan kanak-kanak di Seberang Perai. Kerajaan Negeri menerima baik cadangan YB. Machang Bubuk, untuk memperbanyakkan pusat PPW dan akan mempertimbangkannya berdasarkan keperluan tempatan dan ketersediaan dana. Namun selain daripada dana, kebanyakan NGO-NGO memerlukan tenaga profesional dan sukarelawan untuk terus beroperasi dan meluaskan perkhidmatan mereka. Jadi pada waktu sekarang, kita tak membanyakkan pusat-pusat ini kerana kita tak dapat orang yang sesuai, yang dilatih untuk memoperasikan, menguruskan pusat-pusat seperti ini. Sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat kenal sesiapa yang sesuai untuk menguruskan pusat-pusat seperti ini, sila beritahu. Mungkin kita boleh memperbanyakkan.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Padang Lalang, yang telah menyambut baik tentang cadangan tersebut dan saya nak tanya kepada YB. Padang Lalang, setujukah memang bilangan profesional atau kaunselor-kaunselor yang bertauliah ini memang sangat-sangat kurang. Tambahan dengan kekurangan kemahiran dalam bahasa dia telah menyebabkan segolongan kaum juga tidak dapat *access* kepada kaunseling-kaunseling tersebut. So, saya rasa adakah Kerajaan Negeri juga akan mengkaji macam mana memperbanyakkan kaunselor-kaunselor tersebut.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Saya ingin menjelaskan penyelesaian pada masalah seperti ini bukan senang dan *simple* yang boleh diatasi esok atau lusa. Kerana untuk melatih seorang kaunselor, ia mengambil masa dan bukan ramai yang ingin mengambil kerja seperti ini kerana ia *very stressful*, dia mesti ada *good IQ and good EQ*. Dia tak boleh bawa masalah orang lain balik rumah dan menjadi masalah sendiri. Ini memang kami tahu, kerana kami cari pun susah nak dapat, jadi saya nak cadangkan supaya Kementerian Pendidikan kerana setiap sekolah ia ada guru kaunseling. Tapi guru kaunseling pun sudah adu, banyak kerja, jadi tak bolehlah. Kalau boleh pun, guru kaunseling boleh memberi perkhidmatan kepada komuniti. Tapi, guru kaunseling pun kata banyak kerja. Jadi, sekiranya kita betul-betul mementingkan masalah seperti ini, universiti-universiti patut ada kursus, ada *course*, ada kursus untuk kaunseling dan *social work*. Kerana sekarang kita mahu ubah pun, dah tak dapat yang *qualified* punya. Itulah masalah kita Jadi saya harap, saya rasa YB. Machang Bubuk dia agak sensitif dengan isu gender kerana di pusat dia, dia juga ada anjurkan beberapa kursus *parenting* dan lain-lain lagi, keganasan terhadap wanita pun ada kan? Saya rasa kita boleh buat macam YB. Machang Bubuk, kita mula dengan mungkin wanita, dengan wanita-wanita tempatan supaya kita latihkan mereka tidak boleh jadi pakar tetapi para pakar, para kaunselor, kalau boleh.

Saya rasa banyak perkara, Ahli-ahli Yang Berhormat tanya, jadi Kerajaan Negeri apa boleh buat? Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham banyak bidang dia bukan di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Ia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian. Saya harap sekiranya Kementerian tidak mengambil usaha, susahlah semua orang. Bukan di Penang sahaja, di satu Malaysia sama. Jadi saya haraplah.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Penjelasan. Kalau kita tidak dapat buat apa pun, tetapi yang NGO yang sudah sedia ada seperti WCC, dia ada kaunseling, *Befrienders* dia ada kaunseling, kerajaan sepatutnya bekerjasama dengan NGO ini menyalurkan peruntukan kepada mereka bagi mereka *training* lagi banyak kaunseling sebab kalau macam di KADUN saya, saya sendiri menjadi kaunseling kepada rakyat yang datang untuk meminta pertolongan dan kita perlu menambahbaikkan pekerja-pekerja sosial di tempat kita dan ini cadangan saya kepada Padang Lalang, kalau boleh kerjasama dengan NGO-NGO menambahkan *training* kepada orang ramai. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

YB. daripada Berapit ada dengar saya sebutkan nama NGO-NGO ini. Semua NGO ini, kita bekerjasama dengan mereka. WCC kita bagi tahun ini RM50,000, RM30,000 dari Ketua Menteri, RM20,000 daripada saya untuk WCC sahaja. Jadi dan banyak semua NGO yang saya sebut ini, kita bekerjasama dengan mereka, kita mungkin tidak dapat memberi dana semuanya tetapi kita membantu mereka mengutip dana, umpamanya, *D'home* kita tahun ini, kita Kerajaan Negeri telah membantu *D'home* menganjurkan satu program dan mereka mengutip RM250,000 untuk dana mereka. Tahun lepas untuk *Eden Handicap Service Centre*, Kerajaan Negeri telah membantu mereka mengutip RM1,000,000 untuk projek itu. Jadi memang kita selalunya, saya hendak *salute* kepada semua NGO kerana tanpa NGO-NGO ini kita tidak dapat, Kerajaan tidak menampung semua keperluan. Jadi saya hendak, akhirnya saya hendak

ucapkan banyak terima kasih kepada semua pihak, NGO dan juga agensi-agensi Kerajaan yang telah banyak membantu untuk menguruskan program-program di bawah MMK saya. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya dipersilakan Batu Maung.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat-Yang Berhormat, terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih ke atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk penggulungan perbahasan sempena Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Ketiga Belas dan yang telah menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah portfolio saya. Terima kasih juga saya ingin rakamkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan menyambut baik tentang pembentangan Bajet 2016 oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada 6 November. Ketua Menteri Pulau Pinang ialah pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pemimpin Kerajaan Pakatan, dahulunya Pakatan Rakyat, sekarang Pakatan Harapan. Bajet 2016 berjumlah RM1.1 billion yang telah dengan peningkatan 11.36% berbanding dengan 2015. Bajet ini telah akan menjadi pemacu pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang ke tahap optima dan bajet ini termasuk pembangunan luar bandar, kampung-kampung dengan tidak mengira kaum. Diharapkan bajet yang bertemakan pertumbuhan inklusif dan pembangunan mampan ini dapat merealisasikan matlamat menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Bersih, Hijau, Selamat.

YB. Dato' Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan terima kasih atas keperhatian Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang terus menyokong usaha untuk memartabatkan Islam dengan meneruskan dasar program yang sedia ada di negeri ini. Kesungguhan ini diterjemahkan melalui pembentangan bajet 2016 oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang telah memperuntukkan RM55.85 juta untuk hal-ehwal Agama Islam yang membabitkan Peruntukan Mengurus Dan Pembangunan. Berbanding dengan bajet 2015, sungguh pun ia berjumlah RM58.41 juta tetapi hal ini kerana Bajet 2016 tidak termasuk kos pengambilan balik tanah sepertimana 2015 yang termasuk kosnya RM5.26 juta. Jika hal ini diambil kira, bajet 2016 adalah kenaikan sebanyak 5.64% berbanding 2015. Pecahannya sebagaimana yang kita tahu dan jumlahnya ialah RM55.84 juta.

Dato' Yang di-Pertua. Ini dapat dilihat bagaimanakah Kerajaan Negeri memperkasakan Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Bermula 2008 dengan hanya RM25.49 juta, naik seterusnya ke RM37.25 juta, naik ke RM39.6 juta. 2011 meningkat kepada RM65.27 juta, 2012 ke RM66.38 juta, 2013 RM55.13 juta, 2014 RM52.21 juta, 2015 RM58.13 juta dan *Alhamdulillah* 2016, RM55.85 juta. Pembinaan masjid dan surau, Kerajaan Negeri tidak mengabaikan pembinaan masjid sebanyak RM15 juta lebih telah dibelanjakan untuk membina 13 buah masjid sejak 2008. Dalam pembinaan, usaha pembinaan ini, peruntukan digunakan 30:70 dengan Persekutuan dan hanya sebuah masjid yang dibina dengan sumbangan Negeri dan sumbangan kariah. Manakala Kerajaan Negeri dan MAIPP telah membelanjakan RM4.3 juta lebih untuk membina 8 buah surau sejak 2008. Penggunaan tanah wakaf demi memanfaatkan umat Islam.

Penggunaan tanah wakaf akan diteruskan walaupun terdapat beberapa halangan dan kekangan. Projek pembangunan melalui sokongan dan bantuan Kerajaan Negeri dan juga JAUHAR akan diteruskan. Pihak Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang juga tidak ketinggalan memberi sumbangannya untuk pembangunan Islam di Negeri Pulau Pinang. Sekolah Islam Antarabangsa akan dibina di Sungai Ara dalam sedang giat, dalam pembangunannya, perancangannya dan Hospital Islam yang dirancang untuk dibina di Bayan Baru.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Yang Berhormat. Bila YB. Batu Maung sebut tentang tanah wakaf tadi, saya cuma hendak dapat penjelasan daripada Dato' Speaker, Batu Maung, setakat ini terdapat berapa banyak dah tanah wakaf yang tidak didaftarkan khususnya tapak-tapak masjid dan surau? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Menjawab soalan tambahan dari YB. Sungai Aceh. Memang terdapat proses pendaftaran masjid-masjid, tanah-tanah di mana masjid, surau dan juga kubur-kubur dan proses ini memakan masa dan dia juga bersangkutan juga dengan pihak-pihak waris yang telah membawa kes-kes ini ke mahkamah. Di sini saya tidak mempunyai butir-butir lengkap tetapi saya boleh memberi butir-butirnya nanti kerana saya dalam ucapan bertulis, maaf, jawapan bertulis kepada Permatang Berangan, saya telah menyenaraikan projek-projek dalam pembangunan, projek-projek dalam perancangan, projek siap dan juga saya telah menyenaraikan harta-harta yang telah diwakafkan sejak tahun 2007-2008 dan juga pemberi milik tanah Kerajaan dan sebagainya. Jadi untuk dan juga serahan pemaju untuk pendaftaran tanah-tanah wakaf yang belum lagi selesai pendaftarannya kita masih dalam proses tetapi juga terdapat dari masa ke semasa di mana timbulnya tanah-tanah ataupun bangunan-bangunan yang telah dikatakan sebagai wakaf dan ini kita terpaksa terus untuk memasukkan kes-kes ini ke mahkamah dan juga untuk membuat *land search* supaya dapat didaftarkan sebagai tanah wakaf.

Tadi saya sedang, saya ingin meneruskan dengan usaha Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang. Selain daripada Sekolah Islam Antarabangsa yang sedang dalam perancangan, juga terdapat Hospital Islam di Bayan Baru. Selain daripada itu pihak Yayasan Islam sedang giat berusaha untuk membangunkan Muslim Enklaf seperti projek-projek Galeri Khat, juga Galeri Haji. Selain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MMK Agama dan Majlis Agama Islam akan terus berusaha untuk memperkasakan para huffaz di Negeri Pulau Pinang. Program ini dimulakan pada tahun 2008 dan kita dapati bilangan para huffaz telah meningkat daripada 103, tahun 2008 hinggalah pada tahun ini kita dapat 520 huffaz pada tahun 2015 dengan usaha kita untuk kita melahirkan satu keluarga, satu Hafiz. Selain daripada itu, kita telah menjalankan pelbagai program seperti program-program untuk menangani masalah-masalah moral, masalah-masalah sosial seperti masalah-masalah murtad. Usaha untuk menurunkan kadar penceraian. Usaha untuk kita lahirkan hospital-hospital yang mesra ibadah. Kita juga usaha untuk kita mempertingkatkan fasiliti-fasiliti tempat-tempat beribadah di tempat-tempat awam di mana pada tahun yang lepas kita telah memulakan penarafan bintang kepada surau-surau awam dan pada tahun ini kita telah memulakan proses yang kedua iaitu penarafan bintang kepada masjid-masjid di Negeri Pulau Pinang. Kita telah memulakan proses sejak 4, 5 tahun lepas untuk membentuk

modul masjid sebagai pusat mengenal ummah, di mana modul-modul masjid kita gelarkan sebagai Masjid Madani. Baru-baru ini kita telah mulakan satu lagi proses untuk berdialog dan bermuzakarah dengan pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa masjid dalam Program Muzakarah Masjid sebagai pusat pembangunan ummah dan syiar Islam sebagai sebahagian daripada program Konvensyen Islam Rahmatul Alammin.

Konvensyen yang kita jalankan baru-baru ini adalah berlandaskan tema Islam Rahmatul Alamin Maal Hijrah pada tahun ini, tahun lepas tema Maal Hijrah kita ialah Ahli Sunnah Wal Jamiah dan pada tahun ini adalah Islam Rahmatul Alamin dan sepanjang tahun ini, setiap program-program kita akan berlandaskan atas tema itu.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Penjelasan. Saya cuma hendak tambah sedikit, bila kita sebut tema Maal Hijrah, adakah temanya juga berbeza dengan Pusat sebagaimana berlaku pada sambutan Hari Kebangsaan?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang mempunyai tema yang berbeza sejak tahun 2009 dan 2010. Kita melihat tema ini sebagai satu usaha kita untuk menerap dan menaikkan imej Islam di Negeri Pulau Pinang. *Alhamdulillah* pelbagai tema kita adakan termasuk *Wassotiah Al-Islamiah* pada tahun 2010 sebelum pihak Pusat mengenakan tema *Wasotiah*. *Alhamdulillah* setiap tahun kita mengadakan tema-tema ini agar kita dapat membina atau mempertingkatkan Syiar Islam di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Atas alasan apakah tema ini berbeza dengan Pusat?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Bagi saya, Yang Berhormat Sungai Aceh, jangan sangat kita suka pusing semua benda kepada politik, setiap benda kita anak pusing kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Apa yang kita lakukan adalah atas keperluan sebab apa yang *Islam Rahmatul Alamin* pada tahun ini, kita lihat bagaimanakah imej dan juga persepsi Islam yang sedang ada sekarang, sebab itu kita terpanggil untuk kita mengadakan tema pada tahun ini Islam Rahmatul Alamin supaya kita dapat mencerminkan *the compassionate Islam, the true image of Islam, ...*(dengan izin). Nanti depa marah pula saya cakap orang putih. *The true image of Islam* dan inilah yang kita usahakan secara kecil-kecilan agar orang Islam dan bukan Islam dapat mencerminkan keindahan Islam pada diri kita, Inshaallah.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Soal Islam. Saya bertanya apa alasannya, sebelum nak jawab Batu Maung dah nampak emosional sikit kemudian Air Putih perati dekat saya, saya tak tahu pasal apa? Betul tak Air Putih perati, gambar saya ambil tadi. Saya tanya apa alasannya? Sedangkan kita ini 1Malaysia, Pulau Pinang dalam Malaysia, kemudian yang jaga Agama Islam adalah Yang di-Pertua Agong, jaga seluruh Malaysia. Itu yang saya minta, alasan itu biarlah konkrit. *Cool*, Agama Islam suruh bersabar.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya hendak tanya mengapa perkara ini perlu dipusing-pusing macam ini. Kalau saya kata tema Pakatan Harapan pada tahun ini, barulah boleh kita kata tapi tema Islam Rahmatul Alamin apa salahnya.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tidak, saya bertanya, saya tidak pusing langsung, saya tanya secara ikhlas.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya pun jawab secara ikhlas.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Nak ikhlas macam mana, pusing kot lain.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau saya gunakan tema yang berdasarkan Pakatan Harapan, barulah, okey. Saya ingin teruskan Dato' Yang di-Pertua. Selain daripada itu, kita akan teruskan dengan program-program lain seperti Bulan-bulan Al-Quran yang telah berjaya dengan izin Allah sejak beberapa tahun lepas. *Alhamdulillah* usaha kita telah berjaya untuk menerapkan Al-Quran sebagai sunah kepada umat-umat Islam di Negeri Pulau Pinang, *Alhamdulillah*.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada perdagangan dalam negeri, sebelum saya hendak jawab kepada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perdagangan dalam negeri, *Alhamdulillah* seperti biasa, kita akan teruskan usaha kita dengan *trade event*. *Trade event* ini adalah satunya usaha kita untuk kita mempertingkatkan Pulau Pinang sebagai pusat *trade event*, *conference* dan juga ekspo. Pada tahun ini pelancaran *trade event* akan diadakan, kita bermula pada tahun 2009 dengan hanya 15 *event* yang didaftarkan dan *Alhamdulillah* pada tahun 2015 telah meningkat kepada 146 *event* dan *insya-Allah* kita akan lancarkan pada 5 Disember dan kita akan mengatasi daripada tahun 2015.

Selain daripada itu juga, kita juga cuba mengadakan aktiviti dalam bulan Ramadan yang berbentuk perdagangan dan ibadah. Kita telah sejak beberapa tahun lepas, sejak 2011, telah melancarkan Penang Souq Ramadan dan Penang Souq Ramadan ini juga telah berjaya dengan pelbagai aktiviti iaitu dari tahun 2011 dengan hanya 27 penyertaan, *event*, dan *Alhamdulillah* pada 2015 ini telah meningkat kepada 108 *event* dan kita berharap kita dapat terus mempertingkatkan.

Dalam proses usaha IMT-GT, sungguhpun IMT-GT telah banyak diperkatakan tetapi kejayaannya boleh dipersoalkan. Sekarang ini kita sedang menjelang 2016 apabila ASEAN Economic Community akan dilancarkan dan AEC ini adalah satu *event* atau satu tarikh yang paling mustahak bagi Pulau Pinang. Dengan AEC ini Pulau Pinang mesti maju ke hadapan untuk mengambil peluang sepenuhnya. Juga sebelum kita pergi ke pertanyaan-pertanyaan lain, saya ingin menyentuh tentang pertanyaan Pulau Betong



mengenai Medan Fair. Kita akan membuat keputusan pada setiap tahun dan *insya-Allah* saya rasa mungkin pada bulan hadapan kita akan membuat keputusan mengenai penyertaan kita di Medan Fair. Tentang Hub Halal Antarabangsa di Pulau Pinang... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan. Jika keputusan itu memutuskan tidak hendak sertai, saya minta Batu Maung serahkan kepada pihak Persekutuan untuk membuat program ini.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya mintalah apabila kita membuat keputusan untuk tidak menyertainya, maka kita akan buat pengumuman supaya mungkin kita boleh buka kepada agensi-agensi lain untuk membuat permohonan, *insya-Allah*. Hub Halal Antarabangsa, *Alhamdulillah* dalam usaha kita, kita telah berjaya pergi kepada fasa kedua dalam taman perindustrian halal di Pulau Pinang. Fasa pertama telah berjaya mendapat lebih kurang RM480 juta pelaburan dalam 52 ekar daripada 100 ekar. Baki 48 ekar lagi adalah dalam proses persiapan tanah.

Fasa kedua yang telah sedang kita jayakan adalah bersama dengan Invest Penang iaitu satu kawasan lebih kurang 100 ekar juga. Setakat ini kita telah berjaya menjual kepada 17 pemohon yang berjumlah RM174.98 juta dan ini dinamakan *food zone* di mana hanya pengusaha-pengusaha, pengeluar-pengeluar makanan akan ditempatkan. Dari segi pensijilan, kita juga ingin mencatatkan satu pertubuhan yang begitu baik iaitu kita bermula daripada 55 buah syarikat pada tahun 2008 sehingga sekarang telah mencecah lebih 800 syarikat. Selain daripada itu, bersama dengan Halal Penang dan juga beberapa agensi-agensi lain di UK, kita telah dalam usaha untuk menubuhkan satu taman perindustrian di UK, seperti mana usaha terdahulu di mana kita tidak dapat teruskan. Kali ini di daerah Hambergh dan pihak kita hanya akan memberi *expert advice* dan juga mencari pelaburan daripada negara-negara Eropah untuk ditempatkan di situ. Tidak ketinggalan juga usaha kita untuk membawa industri-industri halal kita ke sana.

Selain daripada itu juga kita akan bekerjasama dengan sebuah agensi iaitu Greensbigh Skill Institute untuk kita membawa kepakaran halal kita sebagai *trainers* untuk kita latih, kerana bila kita hendak menubuhkan industri halal di sana maka mereka memerlukan *technology workers* iaitu pekerja-pekerja yang berteknologi dari segi halal. *insya-Allah* kita akan mengadakan latihan bersama mereka.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih. Saya nampak Batu Maung begitu bersemangat hendak membuat pelaburan halal di negara UK padahal di Pulau Pinang kita sendiri masih terkial-kial lagi. Laporan Audit menyatakan bahawasanya walau pun lawatan dibuat di banyak negara dan lebih RM600,000.00 dibelanjakan tetapi tidak ada susulan dan projek-projek di Penang tidak berjalan. Sekarang tiba-tiba Yang Berhormat nak masuk UK pula, kenapa tidak beri penumpuan di Pulau Pinang dulu sebab...(gangguan). Bagi saya cakap dulu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kerana saya akan sampai kepada perkara itu, saya belum sampai lagi.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Belum? Okey, saya akan beri peluang dulu, nanti saya akan tanya lagi.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Soalan-soalan daripada Telok Ayer Tawar, dari Pulau Betong dan sebagainya. Saya akan sampai pada masa itu dan akan jawab pertanyaan-pertanyaan yang bersangkutan dengan Audit. Selain daripada itu kita juga sedang giat dengan Jepun kerana pihak Jepun sangat berminat dengan industri halal dan mereka serius kerana mereka akan hadapi Sukan Olimpik 2020 di Jepun. Baru-baru ini kita telah berjaya membawa masuk satu lagi *event* iaitu World Curry Festival pada 2015 dan inilah di antara kejayaan kita di mana apabila kita pergi ke luar negara, kita dapat menarik pelabur-pelabur luar masuk. Selain daripada itu juga kita dapat menarik *events* yang dapat mendatangkan *tourist attraction* dan juga *investments* kepada Pulau Pinang.

Pada tahun 2014 apabila kita mengadakan lawatan ke sana, kita telah dapat mengadakan satu World Curry Festival yang dijalankan di UK, *Alhamdulillah* kita dapat membawa masuk World Curry Festival buat pertama kali luar daripada UK ke Pulau Pinang. Pada tahun 2016 akan diadakan buat kali kedua iaitu di Pulau Pinang. Hasil daripada perkara ini negara-negara lain di dunia sedang membawa World Curry Festival ke negara mereka. *Alhamdulillah* pihak Hab Halal Penang dan juga Bahagian Pengurusan Halal telah sedikit sebanyak membantu untuk kita membawa masuk pelancong-pelancong asing. Itu adalah usaha-usaha kita di samping itu kita membuat *inspection* dan memberikan pensijilan halal kepada *Star Cruise* dan *insya-Allah* pada hari Sabtu ini kita akan menyampaikan sijil halal kepada *Costa Victoria* iaitu satu lagi usaha untuk kita. Saya ingin memberi sedikit apa pencerahan tentang *Costa Victoria* ini adalah sebuah apa *cruise*, *cruise tourist cruise* ini apa seperti mana yang kita semua faham, Islamic tour ini sedang sudah banyak diadakan di Malaysia. *Islamic tour* ini adalah di mana pelayaran *Islamic* ini telah banyak diadakan oleh apa pendakwah-pendakwah besar kita seperti Fadzilah Kamsah, seperti Ustaz Don Daniyal, apa ini satu Ustaz Kazim Elias dan sebagainya. Dan baru-baru ini kita buat *inspection* atas *Costa Victoria* ini saya terkejut melihat sebahagian dia punya *passenger*, seramai 2,300 *passenger* dia dan 1,200 adalah orang-orang Islam daripada Indonesia yang menaiki *cruise* ini dan ini adalah usaha kita juga untuk membawa pelancong-pelancong luar daripada benua ini iaitu luar daripada apa Asia ini seperti daripada *Europe*, seperti daripada Timur Tengah yang mula berminat untuk *cruise* ini. *Insyah-Allah*.

Dalam segi apa pengguna, kita terus berusaha untuk kita mempergiatkan usaha kita untuk memastikan yang harga-harga barangan di lihat tidak meningkat dan juga dikawal dengan apa dengan baik melalui pasukan-pasukan pemantau pengguna dan kita juga telah mengadakan karnival-karnival pengguna di sebelah seberang dan sebelah pulau untuk kita menarik perhatian para-para pengguna untuk menjadi pengguna yang cermat dan pengguna yang baik. Selain daripada itu juga, kita telah berjaya untuk kita mengadakan beberapa program. Kesedaran pengguna bersama-sama dengan kementerian, dan bersama-sama dengan Persatuan-persatuan Pengguna.

Menjawab persoalan ADUN Sungai Aceh berhubung dengan Sekolah Agama Rakyat. Pemberian sebelum itu saya ingin betulkan *statement-statement* yang soalan-soalan bertulis saya kepada YB. Pulau Betong. YB Pulau Betong yang mana *statement* itu, sekejap. Okey. Soalan bertulis Ahli Kawasan Pulau Betong. *Statement* dia cuma terlepas beberapa perkataan. Dia patut berbunyi seperti ini:

“Tambahan pula kedua-dua sekolah ini telah menerima bantuan sejak program bantuan Kerajaan Negeri bermula pada 2008 dan pada keseluruhannya mendapat RM276,500.” Perkataan sejak Program Bantuan Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2008 bukan daripada 2008. begitu juga yang di tulis yang apa ini *table* yang dikeluarkan. Jumlah bantuan yang telah diberikan sejak program bantuan Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2008. So, perkataan itu terlepas.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kedua tahun 2008 tersebut memang tak adalah.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Memang tak ada. Memang. Ini telah terbukti dia telah tak ada. *Insyah-Allah* pihak urus setia dewan akan beri balik apa jawapan ini. Menjawab persoalan apa Sungai Aceh berhubung dengan sekolah agama rakyat saya ingin menegaskan di sini, pihak kita, pihak Kerajaan Negeri tidak akan pilih kasih. Apa yang kita beri adalah apa yang dalam kemampuan kita iaitu RM1.75 Juta dan dalam satu program RM1.75 juta itu, kita terpaksa agihkan kepada sekolah-sekolah agama rakyat seperti mana DUN Penaga, DUN Penaga yang dapat lima buah Sekolah Agama Rakyat dan satu tadika yang telah mendapat sumbangan daripada RM1.75 juta ini. DUN Sungai Aceh sembilan buah Sekolah Agama Rakyat dan dua buah tadika Islam. Ini adalah di antara sekolah-sekolah yang telah mendapat dan kalau apa ini yang dikatakan oleh surat-surat khabar dan juga di dalam Dewan ini yang pihak Kerajaan Negeri telah menolak dua (2) buah sekolah ini oleh sebab-sebab politik. Itu tidak betul, oleh sebab dalam sekolah-sekolah yang kita telah berikan bantuan ini terdapat banyak sekolah-sekolah yang di kendalikan oleh pihak Parti PAS. So, kalau dikatakan dua buah sekolah ini di tolak oleh sebab PAS, tidak betul kerana kita dapati ada enam (6) buah sekolah pondok yang lebih daif yang memerlukan pada tahun ini. Dan kita telah memilih untuk memberi pada enam (6) buah sekolah pondok ini termasuk dua (2), tiga (3) buah sekolah dalam enam (6) ini yang dijalankan oleh beberapa pemimpin Parti PAS.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Batu Maung. Sikit saja. Boleh saya tahu berapakah jumlah keseluruhannya sekolah-sekolah agama rakyat dalam kawasan Batu Maung? Mula saya mendapat idea seolah-olah nak bagi semua, tak bagi.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tak bagi semua.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tak bagi semua? Ada berapa jumlah semuanya? Bukan-bukan semua duit. Jumlah bagi semua sekolah.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ya itu. Itu memanglah kita cuba agihkan seberapa banyak yang mungkin.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Boleh saya tahu berapakah jumlah sebenarnya sekolah yang ada?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya boleh bagi secara bertulis esok. Sungguhpun kita cuba bagi sepenuhnya kerana runggutannya macam ini, kalau kita nak bagi semua okey, mungkin ada yang keperluan yang tidak dapat. Katalah kalau sebuah sekolah hendakkan membina satu *science lab for example*. Apabila dia memerlukan itu kita mesti bagi. Kalau kita dah luluskan untuk bagi. So sebab itulah apa yang mustahak ialah kita mesti bagi kepada keperluan dan *insya-Allah* esok saya akan bagi sekolah-sekolah ini adalah sekolah-sekolah yang berdaftar. Sekolah-sekolah yang tak berdaftar mungkin kita tidak dapat apa ini mengenal pasti sekolah-sekolah ini. Maka kita akan cuba sedaya upaya untuk kita memberi sebaik mungkin kepada sekolah-sekolah ini.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Mohd Zain Bin Ahmad):**

Ikutkan ada lima (5) hak di kawasan Penaga yang menerima bantuan daripada Majlis Agama Islam. Saya mohonlah kalau boleh berikan senarai nama sekolah, jumlah peruntukkan dan tujuan diberikan keada sekolah-sekolah tersebut.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Boleh *In sha Allah*. Saya teruskan kepada.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sikit. Tambahan sedikit sahaja. Saya lihat di kawasan Sungai Dua kebanyakan bangunannya telah sedia ada dan telah dilaksanakan cuma saya nak masukkan dalam hansard ini, permohonan daripada Sekolah Agama Rakyat Permatang Buloh, dah agak lama di pohon untuk membangunkan lagi satu bangunan kalau terlampau ramai pelajar di situ. Kalau boleh di masukkan lah.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ya, dalam peruntukkan RM1.75 juta ini adalah bantuan kewangan dan untk penambahan bangunan penambahan ini semua saya minta lah selain daripada kita mengenal pastinya, saya minta kepada pengurusannya untuk memohon dan kita akan melihat *priority* dan bajet yang ada untuk kita laksanakan dan *insya-Allah* dan kita hanya akan beri tumpuan yang kita bagi adalah satu pendidikan. Dua untk masjid ini, kita

hanya akan bagi *concentration* macam seperti mana apa ini Sungai Aceh *complaint* kata ada dua surau. Saya terus kata kita akan bagi kan dia, masalah dia masalah bocor. Kalau *carpet* itu kita minta jemaah sendiri kutip duit, kariah sendiri kutip duit, kalau air-cod macam tu juga tapi kita bagi penumpuan kepada kalau bocor, kalau bilik air rosak, kalau tempat wuduk tidak elok, kalau nak besarkan tempat sembahyang dan satu lagi adalah kita akan memberi tumpuan mulai tahun lepas kepada tempat untuk menjadi mesra kepada wanita kerana banyak kita dapati masjid-masjid terutama sekali yang baru hendak di bina tidak menitikberatkan mesra wanita ini.

So, oleh yang demikian seperti mana apa ni Telok Ayer Tawar, *immediately* Telok Ayer Tawar bangkitkan kata surau wanita, surau muslimah mesra wanita di Dewan Undangan Negeri tak selesa dengan persetujuan Datuk Yang di-Pertua terus kita buat. So itu adalah satu perkara dan baru-baru ini saya telah memberhentikan proses untuk *planning* dua buah masjid sebab kita kena *go out it our connection*, ...(dengan izin) iaitu kita kena lihat mesra OKU, mesra wanita, kita tak mahu tempat wuduk, tempat apa ini bilik air jauh daripada ruang sembahyang. Kita nak jadi samakan. So *that* orang wanita ambil wuduk terus boleh masuk ke ruang sembahyang. Kita nak sediakan bilik untuk penyusuan bayi dan sebagainya. *Insyah-Allah*.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Batu Maung bagi pihak semualah atas usaha Batu Maung untuk menjadikan masjid-masjid kita mesra wanita, mesra OKU. Saya nak tambah satu (1) saja lagi. Minta mesra warga emas kerana apa, bila saya bermusafir banyak tempat dalam masjid kita pergi masalah tandas yang mencangkung, tandas cangkung tidak sesuai kepada warga emas. Jadi kalau nak ada satu (1) tandas cangkung buatlah sekurang-kurangnya satu untuk warga emas duduk. Tandas duduk. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Mesra wanita, mesra warga emas dan mesra OKU ini adalah berlandaskan kita panggil apa *universal design* ini yang mana saya telah bagi arahan kepada semua masjid-masjid baru untuk pembinaan masjid-masjid baru terutama sekali atau pun pembesaran masjid-masjid seperti Masjid Sungai Tiram. Sungguh pun bukan Kerajaan Negeri punya wang, Koperasi Tunas Muda yang nak bagi tambahan masjid itu. Saya kata berhenti. Biar kita lambat sikit tak apa asal *this universal design* ini *universal accepted design* ini masuk. Iaitu mesra OKU, mesra wanita, mesra apa ini warga emas. Betul saya tengok banyak masjid-masjid yang tidak mempunyai mesra pelanggan. Mesra pelanggan. *Accessibility* apa pencahayaan tempat koridor dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ada satu masjid yang saya pergi itu, di Pulau Pinang dekat sini yang mana tempat sembahyang wanita itu duduk dekat bawah tangga dan mengambil wuduknya sembahyang tepi tandas. Jadi ini memang tak mesra pelanggan dan khas sekali tak mesra wanita langsung.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Untuk masjid-masjid yang sedia ada itu mungkin kita perlu masa untuk kita betulkan. Tapi kalau masjid-masjid baru itu apa tidak, *no reason, no reason*, sebab apa nak ini, macam Masjid Bukit Bendera ada orang yang nak belanjakan buat. Saya kata berhenti sat tak apa. *Delay* satu (1), dua (2) bulan nak buat. Biar kita lihat secara detail apa yang mungkin kita dapat tambah sebagainya. *Insyaa-Allah*.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan. Terima kasih kepada YB. Batu Maung. Saya cuma tertarik dengan apa yang cuba dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi. Dia kata masjid, tandas-tandas di masjid juga perlu mesra warga emas. Saya nak tanya kepada Ketua Pembangkang dan juga bagi YB. Batu Maung. Sedarkah bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim Ketua Pembangkang kita, mantan Ketua Pembangkang kita ada dalam penjara yang juga tandas cangkung. So, saya rasa keadaan dalam penjara juga perlu diambil perhatian kerana ini hak kemanusiaan beliau seorang sudah 68 tahun. Warga emas tapi tidak di layan langsung. So saya rasa ini juga perlu dititikberatkan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya juga dimaklumkan. Saya rasa ini adalah perkara yang mustahak untuk pihak Kerajaan Pusat untuk melihat perkara-perkara seperti ini. Menjawab persoalan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan. Saya ada dalam perbahasan saya ada sebut pasal pasar-pasar malam dan pasar-pasar malam di kampung kebanyakannya adalah orang Melayu, orang-orang Islam. Saya minta supaya surau, tandas dan untuk wanita dan mesra gender. Saya faham di pasar-pasar malam memang tidak boleh buat bangunan sebab dia di tepi jalan tapi bila saya berjumpa berdialog dengan peniaga-peniaga pasar malam. Mereka membuat cadangan ada rumah-rumah di situ yang boleh disewa jadi saya harap Batu Maung selaku Kapasiti untuk Portfolio Agama dapat membantu supaya fasilitate surau, tandas dan untuk wanita dapat dibantu sewa kerajaan, sewa macam mana salah satu idea. Lagi satu (1) apa yang dibuat oleh Batu Maung adalah sangat-sangat bagus dan saya juga telah menyarankan kepada PWDC dan juga diharapkan PDC dan mungkin YB. Padang Kota juga boleh meletakkan *guideline* ataupun garis panduan mesra *gender* untuk kebenaran kelulusan OSC dan Pelan Merancang. Saya harap yang kalau di kira agama pun untuk masjid dan MMK Agama yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Syariah dan Mufti boleh mempersetujui supaya masjid-masjid dan surau adalah mesra gender saya fikir di sektor-sektor lain juga garis panduan ini boleh diguna pakai.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Okey terima kasih. Dalam usaha pasar-pasar malam ini kita juga sedang *design* surau bergerak, kita sudah ada beberapa *design* surau bergerak dan kita ingin juga mula menggunakan semasa ramadan souq, pasar ramadan tapi hanya pasar ramadan yang jauh daripada surau kerana kita faham yang surau-sarau kosong bila mai waktu maghrib lain daripada waktu ramadan orang sibuk beli-belah tidak pergi sembahyang, tapi untuk

pasar-pasar malam ataupun kita akan mula *insya-Allah* untuk pasar-pasar ramadan ini yang jauh daripada surau kita akan cuba *design* terhadap kita sedang memikirkan Majlis Agama, dan juga Jabatan Agama sudah biasa melihat *design* ini kita akan cuba adakan surau-sarau bergerak dan tandas-tandas bergerak ini telah sikit susah sikit oleh sebab kos dia tinggi so banyak pengusaha-pengusaha pasar malam ini depa kurang ini dengan perkara-perkara seperti ini tapi *insya-Allah* cadangan Penanti untuk kita lihat perkara-perkara seperti ini bergerak melalui Padang Kota selaku EXCO PBT dan juga Pantai Jerejak selaku EXCO yang *in charge* dengan JKKK yang banyak mengendalikan pasar-pasar malam ini kita boleh bincang bagaimanakah kita hendak menaikkan taraf pasar-pasar malam ini kepada satu taraf yang *friendly* kepada *gender* dan juga mempunyai fasilitate-fasilitate seperti tandas dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih Batu Maung, Dato' Speaker saya berbalik kepada Penanti, tadi saya dengar Penanti kata baik sangat Batu Maung sedangkan tadi Batu Maung angkat buku macam nak marah dengan Penanti. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Dato' Speaker saya minta soalan. Tak ada soalan saya silap bagi tadi. Menjawab persoalan Sungai Dua.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Minta laluan sikit. Terima kasih. Memang ada JKKK yang ada inisiatif sendiri iaitu kerana permintaan daripada peniaga pengeraian-pengeraian yang minta buat *temporary* surau mingguan jadi ini mungkin boleh dipanjangkan dalam ruang-ruang lingkup yang diperbolehkan di mana mereka mengadakan tempat-tempat pasar malam mana yang dekat dengan surau yang itu mudahlah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Batu Maung saya baru teringat, penggal yang sudah ada tentang surau Titi Height di Jalan Chai, Balik Pulau sama adakah diperbaiki dipasang dia punya *toilet* dan sebagainya? Isu ini saya bangkitkan dalam sidang yang lepas.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Seperti mana tadi saya kata yang mustahak selain daripada yang dibangkitkan di dalam DUN seperti permintaan untuk sekolah tambahan, mengguna sekolah agama rakyat penambahbaikan ataupun repair pada surau dan sebagainya, kita terpaksa melalui proses dia, proses dia di situ yang mustahak adalah permohonan saya pun Sungai Acheh saya tak dapat semua pun saya kata, mesti ada surat dan surat itu masuk dan proses dan borang sebagainya ini adalah peraturan kewangan dan sebagainya so saya mintalah kepada Pulau Betong untuk *check* balik kalau belum lagi depa hantar permohonan cepat-cepat hantar pada saya dan *insya-Allah* saya akan proses kalau dia punya perbelanjaannya tak banyak kita boleh buat tahun ini. Kalau perbelanjaannya lebih kita akan pelan untuk buat pada tahun depan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Peruntukkan banyak tu, banyak mana? Boleh saya tahu, RM10,000? RM20,000?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Sekarang ini dah bulan November so bila kalau datang. Saya pun tak tahu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kena beritahulah bajet sikit macam mana?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Macam mana lagi saya nak ingat berapa banyak lagi bajet yang ada ataupun.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tak, ini untuk tahun depan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Oh, tahun depan, tahun depan tak ada masalah, kalau tahun depan buat permohonan sikit banyak kita akan buat. Tak ada masalah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Oh, sikit banyak akan buat.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tapi jangan minta *carpet*, kalau benda yang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kita minta toilet.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Memang boleh. Tak ada masalah. Kita akan bagi untuk supaya persidangan DUN akan datang Pulau Betong tak payah bangkit dah isu itu. *Insyallah*.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Minta penjelasan isu tadi. Terima kasihlah. Sebut Sungai Acheh dah lulus automatik dalam DUN hebat sekarang ini sebut surat pulak, jadi surat itu dari siapa?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**



Daripada surau itulah.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dari saya tak boleh?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tak sah, surau, dia kena dari surau.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya ingat dari saya, saya nak sebut rujuk kepada kelulusan hari ini, lagi kuat, surau *direct* kepada siapa itu? Bagi tau betul-betul.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Surau kepada pegawai Pejabat Agama Daerah pun boleh *direct* kepada saya pun boleh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya ingat minta hantar terus, s.k. kepada Pegawai Tadbir Agama, s.k. kepada saya samalah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Menjawab kepada soalan DUN Permatang Berangan tentang pemilihan jawatankuasa masjid ini adalah satu proses yang mana kita terpaksa melaluinya, kita telah berusaha untuk memulakan proses pemilihan ini awal 2010, 2011 tapi kita diminta untuk menyediakan satu kaedah pemilihan dan apabila kita selesai mengadakan dan menyediakan kaedah pemilihan kita telah adakan proses pemilihannya dan proses pemilihannya seperti mana saya laporkan beberapa kali kejayaannya lebih kurang 80% ke atas. *Alhamdulillah* hanya terdapat beberapa masjid sahaja yang enggan mengadakan Mesyuarat Agung, satu (1). Dua (2) yang gagal dalam proses Mesyuarat Agung dan yang ketiga Penaga duk tengok saya dah ialah apabila ada yang telah dipilih tetapi ada masalah. Ini tiga kategori ini beberapa peratusan yang kecil sahaja, maka *insya-Allah* kita berharap supaya pada kali ini kita dapat orang kata *the teaming problem*...(dengan izin) pemilihan yang pertama itu selesaikan macam katalah pendaftaran anak khariah dan juga peraturan yang kita nampak hari itu longgar kita boleh perketakan dan *insya-Allah* kita berharap dengan izin Allah kita rasa peratusan kejayaan kali ini akan lebih baik daripada peratusan kejayaan pada yang lepas. *insya-Allah*.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Berkaitan dengan pemilihan masjid, sekarang ini memang urusan untuk mengadakan pemilihan ini adalah terletak kepada jawatankuasa sekarang. Mengikut tatacara dan arahan yang dikeluarkan kalau ikut tata cara daftar pemilih yang sedia ada

boleh digunakan tetapi kebanyakan didapati tidak ada daftar pemilih maka proses untuk membuat pemilihan semula pendaftaran semula maksud saya sekarang ini dibuat.

Saya ingin penjelasan sedikitlah berkaitan tentang proses pemilihan ini sama ada apa yang diadakan kepada saya iaitu yang dibuat oleh jawatankuasa pergi ke rumah setiap rumah hanya memberi satu borang sahaja padahal mungkin dalam rumah itu ada lebih daripada sorang dan saya dapati di kawasan saya itulah amalan dia sehinggalah cuba diperbetulkan oleh orang yang tahu jadi saya pun hairan juga sebab perkara ini taklimat telah diberi pada pengerusi-pengerusi masjid dan sebagainya. Apa cuba diberi satu (1) borang satu (1) rumah padahal dalam rumah itu mungkin ada lima (5) orang yang layak maksud saya yang layak 18 tahun ke atas boleh diundi pemilih. Jadi saya harap mungkin pihak EXCO Agama boleh memperbetulkan perkara ini supaya proses pemilihan dijalankan dengan lancar dan sempurna. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ini memanglah kelemahan yang ada setakat ini iaitu dah daftar pemilih kepada khairiah-khairiah dan perkara ini kita cuba betulkan iaitu kita akan fikirkan cara yang terbaik agar daftar pemilih yang ada boleh diperkemaskan dari masa ke semasa. Tidak hanya tunggu semasa pemilihan. Ini teknologi ini kita perlu ataupun metodologi ini kita perlu perkemaskan supaya dia akan jadi *transparent* dan seperti mana kata Penaga tadi kita kena betulkan perkara ini iaitu kalau semua ahli rumah itu boleh menjadi anak khairiah maka mesti didaftarkan sebab itu kita sedang dalam proses untuk mengenal pasti metodologi untuk kita selesaikan. *This is no rocket sains* dan ini terlangsung *simple* tapi kita kena lakukan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya begitulah banyak aduan yang datang kepada saya berkaitan dengan edaran borang itulah. Seperti yang saya katakan tadi taklimat pun telah diberi dan perkara ini memang sepatutnya difahami oleh pihak jawatankuasa dan itulah sebab kadang-kadang ada presepsi dikalangan masyarakat, perkara itu sengaja dibuat ini yang kita tak mahu berlaku di kawasan kita.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Jawapan ini....(gangguan), saya ingat sampai 11.00.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ringkas.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ini juga untuk jawapan kepada ADUN selain daripada Permatang Berangan, Pinang Tunggul, Penaga. Penaga memangkitkan isu spesifik Bakar Kapor, saya masih ingat lagi saya minta Pulau Betong jangan kata saya buat tak tahu ada pula saya rasa Sungai Acheh kah, Pinang Tunggul kata, Islam yang pegang apa pada janji, saya memang tahu, saya bagitahu Penaga persidangan yang lepas saya akan bagi secara terperinci tentang sebab kita adakan perubahan kepada Pengerusi, Setiausaha dan

Bendahari, dan lepas itu lepas, dua (2) tahun, tujuh (7) jawatankuasannya yang enggan menghadiri mesyuarat juga telah diadakan perubahan tapi kita akan bagi secara bertulis, saya akan bagi secara bertulis untuk saya bagi *detail* perkara itu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Untuk rekod, perubahan yang berlaku ialah Pengerusi yang menang digantikan dengan Pengerusi yang kalah, Setiausaha yang tak menang diganti dengan, itulah... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita janganlah untuk *press*, untuk *public gallery* kita cakap begitu dia ini ada sebab-sebabnya sebab itu saya berani nak bagi secara bertulis sebab itu Majlis Agama Islam yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Agong berani buat keputusan oleh sebab nak bagi orang kalah atau menang adalah sebab-sebab fakta-fakta undang-undang yang kita terpaksa buat perubahan so tak apa Penaga saya akan bagi secara bertulis, *insya-Allah*.

ADUN Bayan Lepas memangkitkan tentang fatwa dan apa pewartaan juga ADUN Pulau Betong, YB. Pulau Betong, saya ingin nyatakan di sini iaitu apabila jawatankuasa fatwa membuat fatwa dan lepas itu fatwa itu terpaksa dikaji keputusan itu dikaji dan seterusnya untuk pelaksanaan diwartakan. Ada yang YB. Bayan Lepas yang kata nantilah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*Stop, stop.* Dikaji oleh siapa? Saya takut sebab fatwa dikaji oleh siapa pula?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Dikaji oleh pihak Jabatan Agama. Dikaji seperti mana tadi yang masa, yang masa menggunakan pembesar suara itu. Sebab surat itu dibocor. Surat itu bocor. Sebab itu menjadi polos, menjadi fahaman macam ini. Menjadi macam ini sehingga YB. Bayan Lepas mengatakan yang ia telah dianggap sebagai pencemaran dan juga dikaitkan dengan upacara agama-agama lain. Dikaitkan macam-macam. Sebab, dia belum melalui prosesnya. Bila dah melalui prosesnya telah dikenal pasti dan sebagainya. Jikalau di pihak pentadbiran rasa patut kita *make presentation* itu Jawatankuasa Fatwa sekali lagi, kita akan buat. *Nothing is final, nothing is final.* Jawatankuasa Fatwa itu buka Al-Quran dengan Sunnah, okey.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Betul, dalam *hierarchy* tertinggi menggunakan fatwa adalah Majlis Fatwa. Lepas dari fatwa, lepas itu kena patah balik, itu dikaji semula lagi oleh siapa?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tidak, *you see* yang ni lah kita tak nak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya nak tahu betul-betul prosedur dia?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya ambil kes azan, kes azan tadi itu Jawatankuasa Fatwa dia *very strict, straight* iaitu azan dan selain daripada azan dan iqamah jangan menggunakan pembesar suara. Tapi persoalan seperti khatib membaca khutbah pada Hari Jumaat, program-program seperti program-program rasmi atau itu atau ini. Macam mana perkara itu hendak dilaksanakan. Bukan, ini kena diteliti. Kalau setelah diteliti dan dia punya kaedah-kaedah peraturan yang dibuat selepas itu kalau dianggap boleh kita laksanakan, maka kita akan hantar untuk diwartakan. Jikalau kita melihat ada beberapa perkara yang perlu dibincang semula, kita akan meminta Jawatankuasa Fatwa untuk bincang semula. Adakah itu salah, YB. Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Siapa kita, siapa kita itu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Iaitu Jabatan, iaitu Kerajaan, EXCO berkenaan dan juga MMK iaitu EXCO. Kalau kita lihat, saya nak tanya YB. Pulau Betong ada berapa fatwa yang belum diwartakan. Saya nak tanya YB. Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tak jaga itu, itu saya tanya... (gangguan). Apakah prosedur dia.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Prosedur yang saya dok cakap tadi. Setelah fatwa dibuat, maka fatwa itu... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Takkanlah sebelum fatwa dibuat, tidak dibuat kajian dulu sebelum diangkat.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kajian dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Lepas itu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Bila Jawatankuasa Fatwa dah buat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Buat keputusan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Buat keputusan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Selepas itu?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Lepas itu, dia akan diajukan kepada pihak jabatan untuk melihat dia punya pelaksanaannya dan juga dibentang kepada MMK, EXCO untuk kita meneliti fatwa itu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Selepas itu?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Selepas itu kalau semuanya berjalan lancar kita akan hantar untuk perkenan Tuanku, fatwa itu dan diwartakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau Jawatankuasa ini tak bersetuju, dikaji semula.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita akan minta Jawatankuasa Fatwa untuk melihat beberapa aspek yang mungkin mereka tidak melihat atau pun mereka mungkin...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya telah baca fasal-fasal dan enakmen-enakmen Agama Islam, tidak ada itu pun.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya nak tanya Yang Berhormat. Adakah fasal-fasal enakmen itu Al-Quran. Kalau bukan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Habis mengapa kita buang masa.. (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau bukan, perkara ini tidaklah begitu *rigid*. Tidaklah begitu *rigid*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Habis, kenapa tidak masuk enakmen itu setelah dibuat Jawatankuasa Fatwa mesti dikembalikan kepada jawatankuasa lain untuk dikaji semula dan diangkat balik fatwa sebelum dikemukakan kepada Agong...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tak apa, Kalau yang itu cadangan YB. Pulau Betong nanti kita kajikan untuk kita buat *amendment*. Kita tak perlu, benda ini berjalan lancar. Tidak ada masalah. Tidak ada masalah. Dia cuma lambat, awal atau lambat itu saja. Saya nak tanya kalimah Allah. Kalimah Allah, Kerajaan Negeri tidak setuju tapi dia juga sudah pun diwartakan. Itu apa dia masalah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sefaham saya, dalam kes fatwa, 40 nama dalam kalimah Allah itu selepas jawatankuasa membuat keputusan terus diangkat kepada Tuanku Agong untuk perkenan dan digazetkan, betul?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya hendak tanya di sini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itu yang dilaksanakan mengikut apa dalam enakmen itu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kerajaan Negeri tidak setuju dengan secara prinsipnya tetapi ia juga sudah diwartakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Dengan lain diperkatakan hari ini, kalau dulunya susunan adalah Jawatankuasa Fatwa buat keputusan dan hantar ke Yang Dipertuan Agong dan digazetkan hari ini adalah Jawatankuasa Fatwa membuat keputusan serah kepada Kerajaan Negeri untuk bincang semula.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Bukan bincang semula. Untuk pengetahuan dan kalau ada cadangan-cadangan lain apa salahnya. Adakah 15 orang itu dah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tak kata salah, saya cuma tanya prosedur dia. Hari ini apa yang sebabkan enakmen tidak diguna pakai.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Enakmen itu diguna pakai.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*One by one, one by one.*

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Enakmen itu digunapakai secara terperinci. Hanya secara *administrative* kita perlu lakukan perkara-perkara ini. Secara *administrative*, tidak bercanggah langsung.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ini akan diguna pakai selepas daripada ini.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Yes.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Prosedur ini akan diguna pakai.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Yes, bagi kita, dia tidak bercanggah. Dia tidak bercanggah dengan *the spirit*. *The spirit* ....(dengan izin) adalah untuk apa-apa yang diwartakan. Ini dapat dijalankan apa-apa yang diwartakan, apa-apa yang difatwakan. Ini adalah memang kehendak masyarakat pada masa itu, kehendak masalah pada itu, permasalahan pada masa itu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya terima penerangan YB. Batu Maung dan saya akan melihat perjalanannya. Tetapi setahu saya, sekiranya pada masa itu wujud dalam masyarakat perlu diberi penjelasan dan dibuat keputusan maka diangkat kepada Majlis Fatwa. Dan lepas itu kepada adalah kepada Yang Dipertuan Agong, tapi hari ini tidak dibuat kepada Yang

Dipertuan Agong sampai balik kepada EXCO untuk dipertimbangkan dan dikaji semula

untuk pelaksanaan secara pentadbiran. Lepas itu baru diserahkan balik kepada Majlis Fatwa untuk diangkat kepada Yang Dipertuan Agong.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tidak, bukan kepada fatwa, terus diangkat setelah persetujuan semua pihak kerana bila fatwa telah membuat keputusan, maka kalau selepas inisiatif ini semua *clear*, ia akan terus diangkat untuk perkenan Tuanku.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau tak *clear*?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau tak *clear*, kita akan bincang dengan Jawatankuasa Fatwa. Kalau ada perkara-perkara yang perlu kita bincang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sikit saja. Keputusan kepada semua ini ialah MMK atau Kerajaan Negeri adalah kuasa penentu. Siapa pula fatwa tadi setelah dibuat keputusan dalam Jawatankuasa Fatwa, kena rujuk balik kepada MMK dan dalam kesnya yang disebut oleh Batu Maung tadi, MMK tak setuju maka ianya tidak boleh diwartakan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita akan bawa balik kepada Jawatankuasa Fatwa untuk berbincang dan pendapat-pendapat akan diberi. Pendapat-pendapat akan diberi. Apakah yang kita perlu bincang. Apa salahnya. *What's wrong on* kalau kita beri penjelasan kepada Jawatankuasa Fatwa ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tak salah, Jawatankuasa Fatwa tak salah. Tetapi saya hairan apabila Jawatankuasa Fatwa membuat keputusan bersidang meneliti fakta kes dan sebagainya, kenapa tak dibincang sekali termasuk dengan pentadbirannya. Takkanlah itu *rigid* Jawatankuasa Fatwa tak boleh pertimbang yang lain-lain. Saya pasti dalam itu akan dipanggil semua yang berkaitan untuk melaksanakan dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tidak, tidak jadi macam itu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau tidak jadi macam itu, saya rasa harus mempertimbangkan bagaimana pelaksanaan itu juga.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**



Kita boleh memperbaiki proses fatwa itu dikendalikan, bukan dikendalikan. Maaf, diputuskan. Itu kita boleh melihat proses dia. Sepertimana cadangan YB. Pulau Betong tadi iaitu jikalau kita nak *clear* benda itu awal dalam proses menyediakan fatwa itu, pada masa Jawatankuasa Fatwa itu, Jawatankuasa Fatwa patut melihat secara besar lagi dan memanggil sesiapa yang perlu untuk *presentation*. Itu adalah penambahbaikan yang mungkin kita akan lakukan. Sepertimana pada, tak salah saya 2 Disember yang akan datang ada beberapa perkara yang *for the first time* Jawatankuasa Fatwa menjemput saya untuk bagi pendapat. So, ini adalah penambahbaikan sepertimana yang dicadangkan kalau perkara itu dah dijalankan, besar kemungkinan tidak akan mempunyai masalah untuk tertanggung dan sebagainya. Saya mengambil kes, ada dua (2) kes yang betul-betul *very special*. Satu adalah kes Azan, satu (1) lagi saya tak mahu sebut di sini yang mana dia boleh menimbulkan perpecahan yang besar, permasalahan yang lebih besar daripada *smaller damage* dengan *bigger damage*.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya nak pastikan YB. Pulau Betong, masukkan dalam hansard. Maknanya sekarang, keputusan yang dikeluarkan, diputuskan oleh Majlis Fatwa tentang azan, tentang aktiviti sebelum azan, ceramah masih tertanggung. Masih belum digazetkan dan saya faham macam YB. Pulau Betong. Fatwa adalah keputusan tertinggi selepas itu hantar ke Tuanku Agong untuk diwartakan. Yang saya faham macam itu. Jadi saya nak pastikan memang belum ada apa-apa keputusan yang diputuskan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Pihak Jawatankuasa Fatwa pun apabila lepas bila timbul permasalahan yang sekarang ini, pihak Jawatankuasa Fatwa juga telah memutuskan satu keputusan iaitu sebagai pandangan kukuh umat islam di Negeri Pulau Pinang dan tidak akan diwartakan buat masa ini. Ini daripada Jawatankuasa Fatwa oleh sebab apa yang telah berlaku setelah fatwa itu dibuat. Ini adalah satu jawapan yang saya terima daripada Pejabat Mufti untuk saya bentangkan di sini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya minta keputusan itu diberikan kepada kami.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ini satu penggulungan saya dan benda ini jangan kita...(gangguan). Benda ini adalah untuk kepentingan umum.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sebab itu saya nak tahu apa yang diperkatakan oleh fatwa itu. Saya nak tahu juga.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

So, tak apa. Kalau nak *extract of the fatwa* saya boleh bagi secara *personal*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):**

Jawapan yang diberikan tadi itu Yang Berhormat tunjuk tadi itu. Bila sebut dalam Dewan, serahlah kepada kami.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ini adalah input Jabatan Mufti kepada saya untuk penggulungan saya. So itu adalah atas hansard ada. *That it*. Ini adalah input. Itu yang dia punya keputusan dia bagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Masih dalam perkara yang sama?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Lepas ini ada lagi isu yang lagi *interesting*.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih YB. Batu Maung. Sememangnya dalam hal menangani isu seperti ini antara satu kaedah syarak yang diberikan adalah jika ada dua (2) kemudaran pilih mudarat yang paling kecil daripada yang dua (2) ini. Mungkin antara fatwa yang difikirkan tak boleh meratakan mudarat yang lebih besar.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Baik, so, saya rasa ingin teruskan kepada.. (gangguan)

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Sebelum Yang Berhormat teruskan, saya nak balik kepada Bakar Kapor ini. Sebenarnya saya, minta maaf, sebab janji yang diberi kepada saya, dengar dulu, nak direkodkan sekali ini, tarikh dia juga sebab dijanjikan pada saya pada mesyuarat yang lepas iaitu pada bulan Mei kalau tak salah saya. Sekarang kita dah mesyuarat pula belum sampai lagi orang kata surat atau pun penjelasan kepada saya. Jadi saya nak jawapan itu dan jangan ingat saya nak politikkan benda ini. Tidak.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Menjawab soalan YB. Telok Ayer Tawar berhubung dengan perkahwinan di luar daripada negara. Apa yang dibangkitkan, saya ingin mengatakan di sini kita boleh *rely on* atas fakta pendaftaran. Anggapan YB. Telok Ayer Tawar anggapan saya yang banyak lagi perkahwinan di luar malaysia ialah masih anggapan. *Is not the fact, the statistic* adalah yang berdaftar.

Walau bagaimanapun, pihak JHEAIPP di bawah Bahagian Undang-Undang

Keluarga telah menjalankan program-program penerangan tentang tanggungjawab untuk mendaftar dan juga kesalahan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita akan ambil *safe approach*, terus terang YB. Yang di-Pertua, kita akan kaji cadangan-cadangan pemutihan, cadangan-cadangan itu semua kita akan kaji sebab perkara-perkara ini dia *double A solve*....(dengan izin). Kita juga telah hantar daripada Jabatan Kehakiman pergi ke Selatan Thailand untuk bincang dengan kadi-kadi mereka. Kita juga telah hantar pegawai-pegawai kita untuk bincang untuk kita cuba memperbaiki keadaan. Tapi, cadangan YB. Telok Ayer Tawar *is double A solve* kita akan *study*, kita juga tak mahu melihat, kita memudahkan, kita juga tak mau diperlihatkan kita macam-macam lah persepsi-persepsi. Walau bagaimanapun, kami akan buat *study* cadangan-cadangan yang diutarakan oleh ADUN Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta penjelasan sikit. Terima kasih. Nak *study* okey lah tapi janglan lah lama-lama sangat. Ahli Permatang Pasir sendiri menyatakan bahawa kebanyakan kes beliau pun mengakui banyak. Tapi kita tak tahu berapa banyak. Kebanyakannya tak mahu mendaftar kerana takut isteri pertama tahu. *Satu statement* tapi kita boleh dapat angka sebenar yang berkahwin di luar melalui kedutaan-kedutaan kita kalau kita nak. Kita akui kes-kes ini banyak datang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dengan masalah-masalah yang dihadapi. Memang ada masalah.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita tidak nafikan memang ada masalah tapi cara menangani isu ini adalah isu *very sensitive*. *Double A solve* kita tak mahu melihat kita mempermudah, kita tak mahu juga melihat kita menyusahkan, so dia susah. Ini satu keadaan di mana lelaki perempuan, suami isteri satu benda yang agak rumit. Tapi kita akan *study*, *insya-Allah* tapi *statement* Permatang Pasir itu adalah *statement* peribadi beliau dan saya juga tidak mahu komen *statement* itu. *Is not a policy statement*. Itu ialah *statement* peribadi dia.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Batu Maung, saya nak minta sebab ada banyak kes yang saya hadapi. Saya telah pun berjumpa Konsul Jeneral di Songkhla bertanya macam mana nak menyelesaikan masalah ini sebab adanya tak boleh mendaftar sekolah, ada yang tak boleh buat IC dan sebagainya. Saya minta pandangan Kerajaan Negeri kalau boleh memaklumkan kepada generasi muda akibat jika tidak melalui saluran yang betul. Bagi mereka tahu sebab supaya mereka tak terlanjur. Sebab kalau terlanjur buat masa yang akan timbul bukan hari ini kadang-kadang selepas beberapa tahun. Jadi saya rasa masyarakat mesti dimaklumkan tentang kemungkinan-kemungkinan berlaku jika sekiranya mereka yang memilih ini.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita juga menjalankan program-program tentang perkara ini, jauhi zina dan sebagainya so banyak program-program macam ini kita lakukan, *insya-Allah*. So YB. Penaga ada apa-apa.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Berkaitan dengan kahwin di luar. Hanya baru-baru ini saya terbaca dalam sebuah akhbar. Kalau boleh saya sebut, tak salah saya dalam Sinar. Di mana ada dinyatakan ada pakej-pakejnya, ada pakej 1, 2, 3. Yang ketiga itu boleh *honeymoon* di Siam. Yang pertama tu pakej yang murah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Minta dipendekkan kerana tak cukup masa.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Jadi apa yang nak cuba saya katakan di sini bahawa ada orang yang buat boleh dikatakan perniagaan yang membawa orang-orang Pulau Pinang pergi ke Yala untuk menikah di sana.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Soalannya?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pendekkan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Jadi persoalannya sedarkan Batu Maung bahawa perkara ini sedang berlaku dan ia melibatkan orang Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita akan memantau dan kita akan mengambil tindakan. Kalau ada sindiket-sindiket seperti ini kerana ia merosakkan masyarakat kita. Menjawab persoalan Sungai Aceh tentang Khatib dan juga saya rasa Sungai Dua juga membangkitkan pasal Khatib jemputan ini. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita tidak menghadkan Khatib-Khatib jemputan ini. Kita buka supaya mahu melihat pencambahan pendapat, pencambahan ilmu dan sebagainya. Kita tak mahu hadkan. Sungguhpun, betul kita ada dua (2) Khatib yang digajikan oleh kerajaan tapi kita buka ruangnya. Sungguhpun kita perlu tauliah, kita perlu tauliah. Kita akan memudahkan tauliah selagi dia tidak menyalahi akidah. Ini perkara yang *no compromise*. Kalau dia tidak menyalahi akidah kita membenarkan sungguhpun dia parti mana-mana. So ini adalah polisi kita dan kita berharap Negeri Pulau Pinang akan menjadi Andalusia Timur, *insya-Allah*.

Isu kubur ini yang dibangkitkan oleh Telok Ayer Tawar. Memang ini isu telah dibangkit oleh Telok Ayer Tawar pada Persidangan yang lepas. Kita telah hantar surat, Telok Ayer Tawar pun tahu kita telah hantar pada TUDM dan sebagainya. Tetapi masih lagi terdapat rintangan-rintangan. Macam Penang Airport Batu Maung di bawah DUN saya. Kita telah berjaya buat *double fencing* kepada kubur itu. *The first fencing* itu adalah MAB punya *fencing*. *Fencing* kedua di mana tengah-tengah dia boleh buat *security check* boleh. Tapi di TUDM Mata Kucing dia agak sensitif sikit. So kita masih lagi

berusaha tapi sekarang ini *complicated* sikit. Saya ingat kita semua tahu sebab *complicated* sebab depa nak jual dah tanah lapangan terbang tu. Sebab itu kita masih lagi berusaha untuk kita selesaikan tanah perkuburan itu, okey.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya ingat nak sebut kubur kawasan saya. Soal Khatib baca khutbah saya cuma nak sebut, Khatib jemputan ini mereka ini ada tauliah atau tidak? Tauliah itu dikeluarkan dari Pulau Pinang atau luar negara sebab ada juga khatib-khatib jemputan luar dari Pulau Pinang. Jadi waktu mana yang dia dapat tauliah di Pulau Pinang, satu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Okey habis soalan. Okey, sebab masa, minta pendekan. Sila, sila.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Bab agama jangan terburu-buru. Yang keduanya, lazimnya dululah, Pejabat Mufti atau Pejabat Agama akan hantar khutbah, jadi sepatutnya benda itu berlaku dan kita benarkan kalau khatib jemputan mai pun kena baca teks khutbah yang disediakan oleh jabatan. Jabatan Agama dan Mufti tak kan dia nak, khatib jemputan ini boleh merosakkan qariah. Saya nak bagi contoh kat Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Boleh pendekkan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Pasal apa pasal Agama kena pendek. Itu keputusan tak tepat. Okey, Dato' Speaker, Tok Guru ajar saya, Tok Guru dia kata kalau jadi Imam kan, dia kena fikir makmum, Dato' tahu makmum? Yang dok ikut belakang ini makmum sebab makmum di belakang ini ada penyakit kencing manis, sakit lutut, sakit jantung so dia nasihatkan baca ayat-ayat yang sederhana supaya *neutral* itu, itu maksud saya tadi. Maksud saya khatib tu pun bukan kita nak suruh mana-mana sokong belah ni, tapi biar cakap *neutral*, tak pecah belah lah. Sebab jemaah yang ada macam-macam punya fahaman, faham? Tadi Batu Maung khutbah dekat saya macam itulah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Okey, khatib baca khutbah ini sungguh pun kita ada teks tapi kita sepertimana saya kata tadi Kerajaan Pakatan di Pulau Pinang kita bagi luas supaya makmun dapat dengar yang lain dapat menambah ilmu dan sebagai. Tapi walau bagaimanapun kalau ada masalah-masalah ini sila laporkan dan pihak Jabatan Mufti dia ada satu *committee* yang akan panggil khatib-khatib ini untuk nasihat mereka. Tentang tauliah, tauliah kita *flexible* iaitu katalah kalau sekarang *you* dah ditauliah daripada negeri lain, yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti negeri lain, kita terima. Kita anggap itu tauliah kita sebab kita punya penceramah juga pergi TV3, TV7, TV9 semua. Mereka cuma pegang tauliah kita saja macam Ustaz Daniah dan sebagai. Dia guna tauliah kita. Macam itu juga berita spektif ini kita terima tauliah-tauliah negeri lain....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tadi minta 30 minit, sekarang dah sampai.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Okey, saya minta saya nak perhabis sikit lagi, *Insyah-Allah*. Berhubung dengan khatib dah selesai, kubur berpusat ini kita memang sedang berusaha, untuk kita mengendalikan kubur-kubur berpusat termasuk di SPU dan juga di DBD dan pihak UPEN dan pihak Jabatan JPBD dan sebagainya sudah ada program untuk kita adakan kubur-kubur berpusat. Hanya apa yang sedang kita lakukan sekarang ni untuk kita membentuk kita nak merancang supaya kubur berpusat ini menjadi nyaman, yang baik, yang indah seperti mana ada di Kuala Lumpur, di Sungai Petani pun saya dengar kata baru ada satu kubur yang cantik yang elok, yang pada *further, future*, okey. Dan juga kita hendak merancang supaya kita boleh buat kubur yang mempunyai, yang ada bertingkat, *future* untuk *future*. So that kita, macam Putrajaya. Kita telah menghantar pegawai-pegawai kita ke wilayah dan sebagainya untuk *study* dan *Insyah-Allah* kita akan lancarkan perkara ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Sebut tentang kubur berpusat, saya ingat Batu Maung pernah berjanji dengan saya, lama dah nak buat di selatan. Bila saya timbul soal Sri Ampangan dan dalam pengambilan tanah pun saya nampak ditangguhkan, adakah?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau prosesnya ada sangkut kita tangguh lah tapi kalau tidak kita teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Maknanya ada rancangan nak buat di SPS, di mana tak tahu?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tempat itu saya tak dapat sebutkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Maung kalau nak jawab sila berdiri.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita terus kepada ADUN Bertam yang membangkitkan isu mesra Muslim, *InsyahAllah* memang kita tahu yang tadi saya telah bentangkan Halal Penang, kita berusaha untuk bawa masuk lagi banyak pelancong-pelancong Islam. Sebab itu *Muslim Travel Guide* ini sudah masuk edisi yang kedua, edisi yang pertama 2012 sepertimana yang diberitahu Exco Pelancongan edisi kedua dilancarkan oleh Menteri Pelancongan sendiri di Dubai pada 2014 dan *InsyahAllah* di 2016 akan kita mulakan edisi ketiga. Kita juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan untuk kita *train Travel*

*Guide, Tour Guide. Muslim Tour Guide* kerana bila kita dah *Muslim Travel Guide* kita kena ada *Muslim Tour Guide* dan dengan *Tour Guide Association* dan juga kementerian kita sedang *train*.

Berhubung dengan mesra Muslim ini, pertama kita punya approach ialah tempat-tempat solat dan bila kita telah adakan tempat-tempat solat kita telah star rating di tempat-tempat solat di hotel-hotel dan sebagainya. *Out next move* is kita untuk usaha untuk mendapat *toilet-toilet* dan juga *facility* supaya Muslim friendly. Ini adalah effort kita yang kita telah dapat ke tangga yang ke sembilan, *friendly city, Muslim Friendly City*. Kuala Lumpur tangga keempat dan Pulau Pinang di tangga ke sembilan dan *Insyallah* kita punya hasrat untuk kalau tak beat Kuala Lumpur pun dok tempat ke lima, *In sha Allah*.

Selain daripada itu Telok Ayer Tawar juga bangkitkan tentang dan juga Pulau Betong tentang PIHH. Kita kena faham apa yang pihak Audit, mengauditkan PIHH buat pertama kali dan apabila pengauditan mestilah mendapati beberapa kelemahan dan kita menerima kelemahan ini sebagai satu perkara yang kita kena betulkan. Di antaranya ialah satu adalah tentang kita punya Taman Indah Seri Halal. Taman Indah Seri Halal apabila kita jual tanah, PDC jual tanah, kita mentadbir dan terdapat ada kilang-kilang yang mempunyai masalah. Ada yang mempunyai masalah kewangan, ada yang mempunyai masalah design dan ada tiga buah kita yang mempunyai masalah apabila nak membina sungai, tanah dia dah masuk dalam sungai. Sebab bila pengambilannya sungai dikeliling tu so dia punya sudah masuk tanah. Sebab itu ada sikit delay dan kita telah, *Alhamdulillah* empat bulan sahaja kita punya, dalam *desk-board* boleh *check*, dalam *desk-board Auditor General* kita sudah keluar daripada *desk-board Auditor General*.

Beberapa perkara yang dibangkitkan itu satu adalah Taman Industri Halal, dua ialah tentang *Halal Expo and Conference*. Kita kena faham Halal Penang ini untuk pengetahuan Telok Ayer Tawar dan Pulau Betong ditubuhkan sebagai satu *non profit organization, non profit company it a cost centre* bukan *profit center*. Oleh yang demikian, kita dengan jayanya berjaya untuk kita dapat *profit* tiga tahun, empat tahun tapi malangnya 2015 apabila kita bawa masuk *World Curry Festival*, ini satu *event* yang baru kita bawa masuk dan *sponsorship*nya pun belum lagi begitu baik untuk kita *cover the cost...*(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Batu Maung sikit saja. *Profit* dalam Laporan Audit menyatakan itu adalah wang pemberian daripada kerajaan kepada PIHH bukan untuk perniagaan.

#### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*Let me finish, okay*. Apa yang kita berjaya dapat *profit* ialah daripada Penganjuran *Halal Expo and Conference* yang tak perlu kita dapat *profit*. Kita perlu dengan *Halal Expo and Conference* untuk *cover cost* tetapi *Alhamdulillah* kita berjaya dalam beberapa tahun setiap tahun *Penang Halal Expo and Conference* PIHEC berjaya mendapat keuntungan tetapi mai 2015 apabila kita bawa masuk satu *international event* yang akan bersama-sama dengan Halal Ekspo hanya dua tahun, 2015 dan 2016. 2017 ikut kita punya perjanjian *World Curry Festival* ini akan *stand a alone*, dia akan keluar. Kita hanya ada

satu stall ke apa, dia akan keluar. Dia bercita-cita untuk mengadakan *World Curry Festival* di Esplanade seperti Bon Odori dan sebagainya. So sebab 2015 ini, 2014 kita dapat dia masuk untuk 2015 so dalam masa yang begitu singkat kita dapat menjalankan program ini masalahnya kita kerugian hanya lebih kurang, kurang daripada RM100,000. Satu lagi penemuan audit adalah beberapa syarikat belum. Di antara belum itu adalah beberapa syarikat yang ambil *booth*, sikit saja. Tapi ada yang *sponsor*, ada yang untuk *sponsorship* RM10,000, RM5,000 belum bayar. Itu penemuan pada masa itu sebab kita habis program bulan Januari. So penemuan audit sampai bulan Mei, betul? Lewat tapi *Alhamdulillah*, akhirnya semua akan selesai. Tunggu sat bagi saya habis, saya tak habis lagi. Kita habis saya boleh bagi.

Lepas tentang Pengerusi dan *General Manager* dan sebagainya. Ini dalah perkara-perkara yang bagi saya kelemahan dalam segi dokumentasi. Dokumentasi berapakah tahap yang patut ditandatangani oleh Pengerusi? Berapa yang boleh ditandatangani oleh Pengurus Besar dan sebagainya. So pihak PDC mempunyai *Internal Audit Department* dan *Internal Audit Department* PDC telah betulkan penemuan audit yang mana perkara-perkara ini mesti didokumentasikan secara baik sebab penubuhan PIHH ini adalah 2009, 2008 dan auditnya adalah 2015 untuk 2014. So penemuan ini semua *Alhamdulillah* sudah pun selesai dan saya diberitahu telah pun dikeluarkan daripada *desk-board* Audit Negara.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sikit saja, siapa dia CEO dia sekarang?

#### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Dia punya GM nya adalah Mohamad Firhan Mohamad Ghouse. Bukan baru masuk. Apa yang terjadi adalah selepas GM nya lama keluar Firhan ini menjadi acting GM. Kita telah cuba beberapa orang untuk menjadi GM tetapi tidak berjaya dan *acting* ini telah *diconfirmkan* menjadi GM, that is. So now memang dia ada bukan *acting* lagi is GM. Dia masuk 2010 sebagai Pengurus Pemasaran. Dia daripada *Tourism Malaysia*. Dia masuk daripada 2010 lagi, okey. Itu adalah di antara dan *Alhamdulillah* kita sanjung tinggi penemuan-penemuan audit ini adalah sebab ini adalah untuk penambahbaikkkan dan kita *take it very positive*.

Tentang halal gelitin, saya memang ini perkara yang paling *close* kepada saya oleh sebab gelitin ini adalah satu produk *very-very strategic* di dunia ini hanya kurang daripada 1% halal gelitin dikeluarkan. Tetapi malangnya daripada 2008 2009 kita mula-mula sungguhpun saya tahu pihak Telok Ayer Tawar bangkitkan *the business of the government is not to been business*, betul itu semua betul. Sebab itu mula-mula kita hanya sokong syarikat itu tapi apabila syarikat itu tak boleh *take off* dan kita cuba cari pelabur. So mai 2012 tak juga dapat maka kita tubuh syarikat. Bila kita tubuh syarikat kita 10%, tak juga dapat berjalan oleh sebab *the confident* tak ada, so kita ambil 50%. Lepas kita ambil 50% kita dapat dua *share holder*, satu adalah satu syarikat besar di Pulau Pinang dan satu lagi daripada syarikat Timur Tengah. Kita memang *accede plan* kita seperti mana kata Audit Negara memang kita ada *accede plan right form beginning* iaitu kita sedang cari pelabur untuk kita jual 50% kita itu so that kerajaan *would not be in business*. Seperti mana kita punya, kita tahu ini adalah sebagai *probabilistic move* (dengan izin) sebagai satu *catalystic* untuk kita pergi ke hadapan. Saya pelawa lah YB.



Sungai Dua kah, YB. Pulau Betong kah kalau ada duit lebih, minta maaf YB. Pinang Tunggal, Pinang Tunggal memang boleh...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Bagi peluang kah, bagi peluang?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau boleh, datang lah untuk melabur.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya ingatkan nak bagi peluang, bolehkah bagi peluang bercakap sikit.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Itu adalah *standing*, gelitin projek yang ada sekarang dan pihak PDC dan pihak Board PDC juga telah mengarahkan supaya kita ada *finality that mean* kita mai satu masa kalau tak boleh jalan juga, minta maaf sungguhpun perkara ini perkara yang *very important*, tak boleh juga kita terpaksa *close shop*. Tapi setakat ini memang banyak orang yang minat tapi belum lagi direalisasikan. Okey, saya rasa setakat itu dan juga satu juga lagi ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Ayam bulu balik,  
Makan padi raja,  
Batu Maung bernama Malik,  
Dia chong saja.

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya minta Yang Berhormat, minta dia tarik balik. Perkataan '*chong*' itu menghinakan saya. Saya cakap lebih kurang dua jam dia kata saya....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila, Pinang Tunggal tarik balik

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tak ada masalah. Saya tarik balik.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Perkara yang last yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong ialah tentang masalah kita punya *follow up* atas *mission-mission* kita. Ini juga adalah kita *result* kita banyak... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada lagi.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tapi hanya yang bermasalah adalah *recoding* kita, *the documentation*. Saya ingat Pulau Betong seorang ahli perniagaan yang lama mesti faham yang audit ni dia bukan nak kira lain, dia nak tengok dokumen. Dokumen ni semua kena ada. So bila dokumen-dokumen seperti kita punya *follow up, report* begitu begini tidak *in order* maka itu lah komen yang *follow up mission* kita tidak ada. Tapi kita tengok dia punya *result* dia, *result* atas *follow up mission* dia adalah memang kita dapat pastikan biar apa kita lakukan sekurang-kurangnya mendatangkan hasil.

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Batu Maung. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula esok hari Jumaat 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.10 malam.***